


LAPORAN TAHUNAN

2011





Rasional Kulit Buku

Reka bentuk kulit buku Laporan Tahunan GTP 2011 ini memaparkan lingkaran tenaga dinamik yang mencerminkan sifat transformasi yang diterajui oleh tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Program Transformasi Kerajaan (GTP). Arah menaik yang berkilauan menjelaskan hakikat perubahan transformasi, iaitu perubahan yang menjana keberhasilan positif yang memenuhi keprihatinan rakyat Malaysia menerusi Keberhasilan Besar yang Pantas, sekali gus memacu Malaysia kearah mencapai Wawasan 2020.

Kandungan

Mengorak Kemajuan yang Kukuh ke Hadapan	002
Kemajuan Program Transformasi Kerajaan	
Terus Bersaing Sengit Dalam Perlumbaan	004
Sekilas Tahun 2 Fasa 1 Program Transformasi Kerajaan (GTP)	
Keberhasilan Besar yang Pantas 2011	006
Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan	014
Keputusan Tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)	024
• Menangani Kos Sara Hidup Rakyat	026
• Mengurangkan Jenayah	052
• Membanteras Rasuah	096
• Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar	126
• Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	168
• Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar	200
• Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar	230
Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011	264
Penilaian Prestasi Antarabangsa	278
Seminar Big Fast Results	299
Tweet-tweet di Twitterjaya	302
Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011	304
Melangkah Menuju 2012	313
Peristiwa Penting GTP 2011	318
Glosari	320
Penghargaan	326

Mengorak kemajuan yang kukuh ke hadapan

Kemajuan Program Transformasi Kerajaan



Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

Perdana Menteri, Malaysia

Pada tahun 2011, Program Transformasi Kerajaan (GTP) sekali lagi menepati janjinya untuk menjana perubahan transformasi kepada negara. Kita telah berjaya mengorak kemajuan yang kukuh dalam segenap aspek, bukan sahaja kita berjaya mencapainya, malah dalam sesetengah perkara, kita berjaya mengatasi jangkauan sasaran dan aras pencapaian tinggi GTP yang telah ditetapkan. Secara keseluruhan, tahun 2011 merupakan tahun yang menyaksikan jentera pentadbiran kerajaan meneruskan momentum, berusaha dengan lebih kuat, pantas dan mantap untuk menyampaikan keberhasilan sebenar kepada rakyat Malaysia. Bagi pihak Kerajaan Malaysia, saya berasa bangga untuk berkongsi Laporan Tahunan GTP yang kedua dengan anda semua.

Ketika GTP dilancarkan pada tahun 2010, kerajaan menjanjikan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan dan landskap baharu, keberhasilan yang besar lagi pantas yang mampan untuk warga dan rakyat Malaysia. Kami tegas dengan pandangan bahawa jika Malaysia berhasrat untuk membina asas yang kukuh dan mengejar cita-citanya untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kerajaan mestilah melaksanakan perubahan transformasi terlebih dahulu.

Pada tahun pertama pelaksanaan GTP, kami telah mencapai kejayaan yang luar biasa. Terdapat enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang pertama, iaitu Mengurangkan Jenayah, Membanteras Rasuah, Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar, Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar dan Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar. Kami telah mengatasi cabaran dan rintangan yang besar, menetapkan penanda aras prestasi yang baharu, dan menjana pencapaian yang mencetuskan perubahan yang positif dalam kehidupan rakyat. Sebuah badan panel bebas, yang terdiri daripada pakar-pakar antarabangsa, yang memberikan pandangan luar ke dalam (*outside-in-view*) terhadap kemajuan kita, memandang tinggi GTP sebagai program yang berjaya menyampaikan keberhasilan yang menakjubkan dan memacu transformasi yang sebenar-benarnya kepada sekalian rakyat jelata.

Mengorak kemajuan yang kukuh ke hadapan

Didorong oleh pencapaian tahun 2010, kita berazam untuk meneruskan gerak kerja pada 2011, malah matlamat yang lebih tinggi dan keberhasilan yang tekal dan lebih baik telah kami tetapkan. Justeru, kami memperkenalkan NKRA yang ketujuh bagi menangani isu yang senantiasa menghuni hati rakyat, iaitu NKRA Menangani Kos Sara Hidup.

Dengan rasa rendah hati saya ingin melaporkan bahawa GTP telah sekali lagi membuahkan hasil pencapaian yang benar-benar bermakna pada tahun 2011. Kesannya terhadap negara amat memberangsangkan. Sekali lagi, GTP telah berjaya memberikan makna dan kehidupan yang lebih baik kepada rakyat di segenap pelosok negara menerusi penyampaian keberhasilan yang positif serta mampu mengubah kehidupan. Sama ada di bandar mahupun di luar bandar, kehidupan rakyat telah berubah kepada keadaan yang jauh lebih baik dengan pengertian kestabilan dan pengukuhan yang sebenar. Ketujuh-tujuh NKRA memberikan kesan yang positif terhadap kehidupan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama mahupun status sosio-ekonomi, selaras dengan pegangan teguh kepada semangat dan falsafah 1Malaysia. Pencapaian 2011 juga menunjukkan betapa pencapaian tahun sebelumnya bukanlah semata-mata suatu kebetulan. Sebaliknya, ia merupakan bukti yang nyata kepada perancangan strategik yang kukuh, azam dan kesungguhan kerajaan yang tidak pernah mengenal erti jemu dan lelah dalam merealisasikan sasaran dan menyampaikan keberhasilan yang dihasratkan.

Ketika idea perubahan transformasi dalam masa yang singkat sebelum ini sering dianggap mustahil, GTP sebaliknya berjaya merealisasikan kemustahilan itu. Malah kejayaan dicapai tanpa sebarang peruntukan yang terlalu besar atau penggunaan sumber yang terlalu banyak. Sebaliknya, ia hanya memerlukan jentera perkhidmatan awam yang penuh kesungguhan dan iltizam,

dan disokong pula oleh pelan tindakan yang betul selain matlamat berorientasikan keberhasilan dan fokus bertumpukan rakyat untuk mencetuskan perubahan yang bermakna.

Berasaskan semangat atau ketelusan, akauntabiliti dan pendedahan yang tidak memihak, laporan tahunan ini menyediakan laporan tepat mengenai kejayaan dan ketidaksempurnaan GTP selain iktibar penting yang dipelajari, dan perancangan kami dalam melangkah ke hadapan demi melindungi kepentingan rakyat. Dalam usaha kami memperhalus sasaran untuk mencipta keberhasilan yang lebih bererti pada tahun 2012 dan seterusnya, maklum balas orang ramai, kritikan yang membina, dan cadangan tentang bagaimana kami dapat menambah baik usaha GTP ini amatlah dialu-alukan.

Hari ini, GTP telah menerima pujian daripada pakar bidang yang disegani dan pemimpin dari negara-negara membangun dan maju. Mereka memuji palaksanaan GTP yang menyeluruh, pendekatannya yang tidak bersifat konvensional dan kesan transformasi yang telah dicipta. Mereka juga memuji bagaimana usaha yang dipelopori oleh GTP telah berjaya mempertingkatkan perkhidmatan awam dan menjadikannya kajian kes yang berbaloi untuk diteliti.

Selain memberikan manfaat kepada rakyat, GTP juga telah mengubah cara kerajaan mentadbir dengan menjadikan kami lebih telus, bertanggungjawab, cekap dan berfokuskan perkhidmatan. Apabila saya menyatakan pada tahun 2011, bahawa era “kerajaan mengetahui segala-galanya” telah berakhir, saya benar-benar memaksudkannya. Saya mengharapkan pentadbiran kerajaan mendukung budaya mesra rakyat dan proaktif yang senantiasa mengutamakan kepentingan rakyat. GTP sesungguhnya merupakan bukti kepada hasrat yang murni ini.

Tempoh dua tahun mungkin kelihatan singkat bagi sesetengah pihak, namun bagi kita sebagai sebuah negara, sejauh ini ia merupakan sebuah perjalanan yang penuh dengan peristiwa. Walaupun kita boleh menoleh kembali pencapaian kita dengan rasa puas dan bangga, namun kita juga perlu akur bahawa hakikatnya perjalanan kita baru sahaja bermula. GTP pada keseluruhannya merupakan perancangan sembilan tahun yang dibahagikan kepada tiga fasa yang mencakupi tempoh tiga tahun bagi setiap fasa. Kita masih lagi berada di fasa pertama (2010-2012) dan terlalu banyak lagi tugas yang perlu disempurnakan sebelum tahun 2020.

Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, kami menjangkakan perjalanan di hadapan kita bakal dipenuhi ranjau dan cabaran. Namun, kami tidak sekadar berpuas hati dengan apa yang pernah dicapai sebelum ini, sebaliknya kami akan terus melangkah dengan gigih ke hadapan. Fokus kami jelas. Kami akan mengekalkan momentum keberhasilan besar dan ‘kejayaan pertama’ demi mencapai cita-cita kita untuk menjadi sebuah negara yang maju, harmoni, makmur dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Tatkala kita terus berlari laju dalam perlumbaan ini dan mengorak kemajuan yang besar ke hadapan sebagai 1Malaysia, kami akan memastikan bahawa setiap rakyat Malaysia melintasi garisan penamat dengan segenggam kejayaan.



**Dato' Sri Mohd Najib bin
Tun Abdul Razak**
Perdana Menteri
Malaysia

2 April 2012

Terus bersaing sengit dalam perlumbaan

Sekilas Tahun 2 Fasa 1 Program Transformasi Kerajaan (GTP)



Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin

Timbalan Perdana Menteri, Malaysia

Rentetan penyampaian keberhasilan GTP yang membanggakan pada tahun 2010, iaitu tahun pertama GTP dilaksanakan, Kerajaan Malaysia mencabar dirinya bukan sahaja untuk mengulangi kejayaan yang sama, tetapi juga mencatatkan prestasi yang lebih memberangsangkan. Justeru, kami telah menetapkan matlamat yang lebih besar, sasaran yang lebih tinggi dan jadual penyampaian yang lebih pantas.

Bagi memudahkan kami mencapai sasaran yang diperluas ini dan menjana keberhasilan yang lebih besar pada tahun 2011, kami memanfaatkan momentum mantap yang diraih pada tahun sebelumnya selain memacu jentera pentadbiran kerajaan pada tempo yang paling pantas. Oleh hal yang demikian, tahun 2011 menyaksikan jentera pentadbiran kerajaan mengekalkan tumpuan yang tidak berbelah bahagi terhadap matlamatnya. Pelbagai langkah dan inisiatif baharu diterapkan sementara pemurnian proses yang berterusan telah membolehkan pelbagai pasukan NKRA dan kerajaan secara keseluruhannya meneruskan perjuangan. Hasilnya, pada akhir tahun lalu, aras pencapaian bagi tahun 2011 telah berjaya kita gapai.

Pencapaian ini tentu sekali merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan semua. Namun, kita perlu ingat dan akur bahawa kita bukan bersaing dalam acara pecut, sebaliknya kita berlumba dalam acara maraton. Ada sembilan tahun lagi untuk kita lalui sehingga tahun 2020 sebelum kita melintasi garisan penamat. Tugas kita adalah untuk memastikan momentum ini tidak sekali-kali dipatahkan dan kita akan merealitkan misi penting ini dengan fokus kepemimpinan yang jelas.

Secara keseluruhan, tahun 2011 dalam kajian menyaksikan kami mencipta satu lagi siri kejayaan yang besar. Setiap NKRA mencatatkan kemajuan yang nyata dan menjana keberhasilan ketara dalam bidang-bidang yang terpenting kepada kehidupan rakyat. Pada bulan Julai 2011, NKRA ketujuh, iaitu Menangani Kos Sara Hidup telah diperkenalkan untuk membantu meringankan beban rakyat dan membolehkan mereka menangani dengan lebih baik kos sara hidup yang kian meningkat.

Terus bersaing sengit dalam perlumbaan

Matlamat NKRA yang terbaru ini tidak lain adalah untuk menyediakan bantuan segera kepada rakyat melalui tindakan yang pantas di samping merumuskan strategi jangka panjang bagi menangani peningkatan kos sara hidup rakyat. Hakikatnya, sebelum NKRA ketujuh ini dilancarkan, kerajaan telah pun memainkan peranan yang proaktif dalam menangani kenaikan kos sara hidup. Sejak tahun 2010 hingga bulan Julai 2011 sahaja, kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM36.7 bilion untuk bantuan tunai, subsidi makanan dan petrol, serta bantuan dalam pelbagai bentuk lain kepada rakyat. Inisiatif susulan seperti Produk umum 1Malaysia, program eKasih, mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar dan subsidi hospital kerajaan, serta pelbagai inisiatif yang dilaksanakan melalui NKRA yang lain dan juga beberapa program berasingan, kesemuanya amat membantu dalam meringankan beban rakyat.

Kami tidak berhenti di situ sahaja, sebaliknya perjalanan kami teruskan dengan menggandakan usaha. Inisiatif seperti pendidikan percuma di sekolah kerajaan, Klinik 1Malaysia yang hanya mengenakan bayaran RM1 untuk rawatan, program perumahan mampu milik melalui inisiatif PR1MA dan beberapa bentuk bantuan lain, sesungguhnya telah banyak mengimbangi impak kenaikan kos sara hidup. Jikalau tanpa bantuan subsidi ini, kos sara hidup pastinya akan

menjadi lebih tinggi. Namun usahlah ragu mahupun bimbang, kerajaan pasti akan terus prihatin terhadap keperluan rakyat kerana kami tidak pernah berhenti berinteraksi dengan rakyat pada peringkat akar umbi.

GTP terus mempertingkatkan taraf kehidupan jutaan rakyat di negara kita. Ia merupakan bukti bahawa betapa apabila kita mencabar keupayaan diri kita, kita boleh meraih kejayaan besar yang kita impikan. Mungkin apa yang lebih mengesankan lagi, kejayaan yang telah dicapai menjadi bukti apa yang boleh dilaksanakan oleh Malaysia sebagai sebuah negara dan sebagai rakyat. Bahawa walaupun kita mempunyai latar belakang etnik, budaya dan agama atau pandangan tentang kehidupan yang berbeza-beza, namun kita mampu mengorak kemajuan yang kukuh ke hadapan selagi kita dapat memanfaatkan keupayaan, kekuatan dan potensi kita sebagai 1Malaysia yang fokus dan bersatu.

Tahun 2012 akan menjadi tahun terakhir Fasa 1 (2010 - 2012) GTP. Pada ketika itu, komponen asas yang diperlukan untuk pembinaan Malaysia yang berterusan sudah perlu berada kukuh di tempatnya. Memandangkan situasi ekonomi global semasa, tahun 2012 akan menjadi tahun yang mencabar buat kita semua, namun kami bertekad untuk terus cekal dan ketal dengan membuat pemantauan dan pengesanan yang berterusan terhadap

kemajuan pelaksanaan GTP. Saya yakin bahawa melalui tindakan susulan yang penuh disiplin, kita mampu untuk merakamkan prestasi yang lebih baik daripada tahun 2011.

Sebagai Pengerusi Pasukan Petugas Pelaksanaan (DTF), saya menyeru semua kementerian dan agensi kerajaan untuk meneruskan khidmat cemerlang yang dilaksanakan selama ini untuk memastikan kemampuan pencapaian GTP. Ketika kita berusaha untuk membawa GTP ke tahap kejayaan yang lebih tinggi pada tahun 2012, saya yakin bahawa semua pihak yang berkepentingan, terutamanya rakyat, akan terus memberikan sokongan padu mereka. Apa yang pasti, kerajaan telah pun nekad untuk mengatasi apa jua halangan dan memacu perubahan positif yang lebih besar demi negara dan juga rakyat jelata. Dengan berganding bahu bersama-sama, tiada apa yang dapat menghalang kita mempercepat usaha dan menghampiri cita-cita ekonomi negara yang kita impikan.



Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri

2 April 2012

Keberhasilan Besar yang Pantas 2011

Pada tahun kedua pelaksanaannya, Program Transformasi Kerajaan (GTP) sekali lagi melunaskan janji untuk melangkah dengan lebih jauh, lebih tegap dan lebih pantas dalam melaksanakan perubahan transformasi. Tahun 2011 menyaksikan pentadbiran Dato' Sri Najib menetapkan matlamat yang tinggi dan sasaran diperluas yang benar-benar mencabar jentera kerajaan. Tujuannya adalah untuk melonjakkan keupayaan melewati tahap maksimum dan mencabar penjawat awam untuk memberikan perkhidmatan terbaik yang lebih daripada hanya sekadar memenuhi keperluan. Seperti tahun sebelumnya, usaha GTP 2011 telah membuahkan hasil yang pantas dan besar serta melakar beberapa kejayaan sulung bagi rakyat Malaysia. Sekali lagi, sebuah landskap perubahan yang tidak mampu dipertikaikan, malah suatu perubahan yang hebat telah tercipta lantaran kehidupan jutaan rakyat kini berjaya diperkukuh menjadi lebih utuh. Perkhidmatan awam bukan sahaja berjaya mengatasi jangkaan malah menggapai keputusan yang selama ini difikirkan mustahil oleh kebanyakan orang. Keberhasilan Besar yang Pantas yang berikut mencerminkan gambaran pencapaian tahun 2011.

Keberhasilan Besar yang Pantas 2011

NKRA Mengurangkan Jenayah

Pengurangan

39.7%

dalam Jenayah Jalanan

Pengurangan

11.1%

dalam Jenayah Indeks

Malaysia mencatat pengurangan jenayah berturut-turut pada kadar dua angka di seluruh negara

Bagi tahun yang kedua berturut-turut, kadar Jenayah Jalanan dan Jenayah Indeks masing-masing merosot dengan nyata sebanyak 39.7% dan 11.1%. Ini adalah kali pertama Malaysia mencatat pengurangan jenayah sebanyak dua angka secara berturut-turut, sekali gus membuktikan bahawa program polis yang inovatif kini mencatat kemajuan yang pesat.



Malaysia diisytiharkan
“negara paling aman
 di Asia Tenggara” juga
“negara paling selamat
 antara 19 buah negara”

Buat julung kalinya, Malaysia meraih gelaran “negara paling selamat” dan “paling aman”

Kedudukan Malaysia sebagai negara paling aman di Asia Tenggara dan keempat paling selamat di rantau Asia Pasifik di belakang New Zealand, Jepun dan Australia telah disahkan oleh edisi kelima *Global Peace Index 2011*. Malaysia juga diberi penarafan sebagai negara paling selamat antara 19 buah negara berpendapatan pertengahan oleh Indeks Peraturan Undang-Undang Projek Keadilan Dunia (*the World Justice Project's Rule of Law Index*) 2011. Kedua-dua pengesahan luaran ini menyerlahkan kemajuan cemerlang yang dicapai di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah.

**151**perbandaran tempatan
kini lebih selamat**Pelaksanaan paling meluas Program Bandar Selamat**

Berbanding dengan hanya 12 PBT (Pihak Berkuasa Tempatan atau majlis perbandaran tempatan) pada tahun 2010, Program Bandar Selamat telah diperluas kepada 151 PBT di seluruh negara dengan pemasangan 8,329 lampu jalan yang lebih baik, 1,311 cermin keselamatan, 104.3 km rel penghadang dan bollard (tonggak jalan) untuk keselamatan orang ramai.



Keberhasilan Besar yang Pantas 2011

NKRA Mengurangkan Jenayah (sambungan)

Lebih

27,000

anggota keselamatan
ditempatkan

Pelancaran terbesar kakitangan keselamatan di kawasan *hotspot* jenayah

Dengan perluasan Program Omnipresence (Kehadiran Polis) ke Sabah dan Sarawak, lebih 27,000 anggota keselamatan yang terdiri daripada anggota polis serta RELA (Ikatan Relawan Rakyat Malaysia) dan ahli JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia) telah ditempatkan ke kawasan *hotspot* jenayah di seluruh negara. Pada sebarang masa, kini terdapat 2,500 kakitangan keselamatan yang bersiap siaga di kawasan *hotspot* jenayah untuk meningkatkan keterlihatan polis dan menghalang jenayah.



82 balai polis
Selangor kini lebih
berorientasikan
pelanggan

Buat pertama kalinya, orang ramai boleh membuat penilaian terhadap perkhidmatan polis

Melalui Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan (STKP) yang diperkenalkan di semua 82 balai polis di Selangor, orang ramai boleh memberi penilaian secara serta-merta terhadap perkhidmatan yang diterima di balai polis dan menyuarakan maklum balas mereka.



NKRA Membanteras Rasuah

64 syarikat
menandatangani CIP
pada tahun 2011

Pelancaran Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang melakar sejarah

Usha murni untuk melibatkan sektor korporat secara langsung dalam usaha membanteras rasuah ini merupakan yang pertama dalam sejarah negara. Inisiatif CIP memupuk kerjasama melalui kaedah baharu antara kerajaan dengan sektor swasta setelah 64 syarikat termasuk beberapa syarikat awam terbesar di Malaysia berikrar memberikan sokongan mereka pada tahun 2011.



Keberhasilan Besar yang Pantas 2011

NKRA Membanteras Rasuah (sambungan)

Yang

pertama

seumpamanya bagi
perkhidmatan awam

Pewujudan garis panduan ganjaran dan pengiktirafan baharu untuk kakitangan awam

Buat pertama kalinya dalam sejarah perkhidmatan awam, garis panduan ganjaran dan pengiktirafan telah diperkenalkan untuk menghargai kakitangan awam yang melaporkan kejadian rasuah dan sogokan.



5

agensi utama bersatu
memerangi rasuah

Kerjasama yang tiada bandingan antara agensi penguatkuasaan utama

Kempen Anti Rasuah, lengkap dengan maskot baharu iaitu seekor helang yang dikenali sebagai Ejen Lang dihasilkan dengan sokongan lima agensi penguatkuasaan utama. Hal yang demikian memupuk kerjasama yang tiada bandingannya dan belum pernah disaksikan sebelum ini antara Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

3,089

kelas prasekolah
dilancarkan - meningkat
sekali ganda berbanding
jumlah dicatat pada
tahun 2010

Peningkatan terbesar kelas prasekolah baharu

Sejumlah 3,089 kelas prasekolah yang baharu telah dibina pada tahun 2011 oleh agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta. Peningkatan kelas prasekolah baharu terbesar ini adalah lebih sekali ganda jumlah yang dicatat pada tahun 2010 dan mencakupi 45 kelas yang dibina di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.



Keberhasilan Besar yang Pantas 2011

NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar (sambungan)

Bahan sumber pendidikan baharu

memperkasa usaha prasekolah, analisis peperiksaan dan masalah pembelajaran

Pelancaran beberapa sarana pendidikan berinovatif yang pertama di Malaysia

Beberapa sistem dan alatan yang inovatif telah diperkenalkan pada 2011 untuk meningkatkan sistem pendidikan secara keseluruhan. Ini termasuk Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan atau SMPK yang membolehkan pemantauan data dan penilaian pusat pra-sekolah dan pelajar; sebuah sistem data peringkat kebangsaan berasaskan laman sesawang, iaitu Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah untuk semua sekolah awam; dan instrumen untuk mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai symptom masalah pembelajaran.



Hampir

900,000

pelajar meraih manfaat daripada LINUS

Pelaksanaan terbesar saringan literasi dan numerasi

Sejumlah 891,327 pelajar Darjah 1 dan Darjah 2 menjalani ujian saringan program literasi dan numerasi (LINUS) pada tahun 2011. Pelajar Kohort 1 (Darjah 2) mencapai kadar literasi sebanyak 97.5% dan numerasi sebanyak 98.6% pada tahun 2011, manakala pelajar Kohort 2 (Darjah 1) mencapai kadar literasi sebanyak 91.0% dan numerasi sebanyak 95.4%.



40.25%

pengurangan dalam jumlah sekolah berprestasi rendah di seluruh negara

Penurunan tertinggi bilangan sekolah berprestasi rendah

Pada tahun 2011, lebih 40.25% sekolah telah terkeluar daripada klasifikasi sekolah rendah dan menengah yang berprestasi rendah (Band 6 dan 7) dan memperoleh band yang lebih tinggi. Bilangan sekolah yang berprestasi rendah menurun daripada 636 buah sekolah pada tahun 2010 kepada 380 buah sekolah pada tahun 2011.



Keberhasilan Besar yang Pantas 2011

NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Kehidupan

63,147

isi rumah miskin bertambah baik

Bilangan terbesar meraih manfaat daripada pembasmian kemiskinan

Tahun 2011 menyaksikan lebih 63,147 isi rumah miskin (termasuk 12,510 dari Sabah dan 11,401 dari Sarawak) mengambil bahagian dalam program 1AZAM. Program 1AZAM memberikan tumpuan terhadap usaha menyediakan peluang ekonomi yang meningkatkan keupayaan produktif isi rumah berpendapatan rendah supaya mereka dapat membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan dan akhirnya mampu berdikari sendiri (*self-sustaining*).



Hingga kini,

110%

daripada 1,000 usahawan wanita telah dilatih

Lebih 3,000 usahawan wanita dilahirkan dengan peningkatan pendapatan yang ketara

Sebanyak 1,100 usahawan wanita lagi telah berjaya dilatih pada tahun 2011 dan pendapatan yang diperoleh mereka telah meningkat daripada purata RM750 kepada RM3,500 sebulan atau lebih, lantas menjadikan jumlah keseluruhan sepanjang dua tahun yang lalu kepada 3,100. Matlamatnya adalah untuk membangunkan 4,000 usahawan wanita pada tahun 2012.



12,578 orang
miskin diberi peluang untuk hidup berdikari

Kehidupan lebih 12,000 peserta bertambah baik melalui pinjaman kredit mikro

Kira-kira 12,578 peserta berjaya memperoleh pinjaman kredit mikro dan latihan untuk perniagaan kecil atau perkhidmatan berasaskan bekerja-sendiri daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Inisiatif ini telah banyak meningkatkan kehidupan golongan miskin.



Keberhasilan Besar yang Pantas 2011

NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar

Kehidupan

3.2 juta

penduduk luar bandar
dipertingkatkan
menerusi NKRA RBI

Pembangunan luar bandar berskala besar yang paling pesat dicatat selama dua tahun berturut-turut

Pada tahun 2011, kehidupan kira-kira 998,357 rakyat tambah bermakna dengan impak positif yang terhasil melalui penyediaan perumahan, bekalan air, elektrik, dan jalan raya.

- Jarak terkumpul jalan raya tambahan yang dibina sehingga kini mencecah 1796.1 km - iaitu lebih panjang daripada keluasan Semenanjung Malaysia.
- Sejumlah 109,500 rumah luar bandar telah dibekalkan dengan bekalan air bersih.
- Secara kumulatif, 54,270 unit rumah telah menerima bekalan elektrik.
- Kira-kira 31,327 rumah luar bandar telah dibina atau dibaik pulih lebih awal daripada masa yang dijadualkan.

Secara keseluruhan, dalam tempoh dua tahun yang lepas, inisiatif ini telah memberi makna kepada lebih 3.2 juta penduduk di kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia dan juga Malaysia Timur.



NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Terminal Puduraya
ditransformasikan
menjadi Pudu
Sentral yang

bertaraf dunia

Pengubahsuaian pertama terhadap ikon Malaysia dalam tempoh 35 tahun

Pembaikpulihan dan pelancaran semula Terminal Puduraya sebagai stesen pengangkutan Pudu Sentral yang moden, selesa dan mesra pengguna telah benar-benar mengubah ikon Malaysia ini dan menawarkan kemudahan bertaraf dunia kepada pelancong.



Keberhasilan Besar yang Pantas 2011

NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (sambungan)

468 perhentian bas di Lembah Klang dibaik pulih

Pelaksanaan pembaikpulihan terbesar terhadap perhentian bas

Tahun 2011 menyaksikan 468 perhentian bas di Lembah Klang dibaik pulih manakala 306 perhentian bas baharu masih berada dalam perancangan dan direka bentuk. Memandangkan perhentian bas ialah titik perhubungan pertama bagi penumpang bas, keadaan perhentian bas yang selesa adalah penting untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.



Tambahan
470 buah bas di Lembah Klang

Pelancaran jumlah bas terbesar di Lembah Klang

470 bas RapidKL telah diperkenalkan untuk meningkatkan kekerapan bas di seluruh Lembah Klang dan juga penggunaan pengangkutan awam.



Sistem tiket perjalanan lancar Malaysia yang
pertama diperkenalkan

Buat pertama kalinya, pengguna pengangkutan awam bakal menikmati perjalanan yang lancar

Buat pertama kalinya dalam sejarah Malaysia, penumpang bas boleh menikmati pengalaman membeli tiket yang lancar melalui sistem tiket bas merentas semua bas RapidKL. Dengan sistem ini, pelanggan hanya perlu menggunakan kad transit untuk pembayaran tambang.



Selepas menempa beberapa kejayaan yang hebat pada tahun pertama, Program Transformasi Kerajaan (GTP) kini memasuki tahun kedua dengan fokus yang diperbaharui terhadap keputusan yang membawa perubahan yang lebih menyeluruh bagi tahun 2011. GTP bersifat merentas seluruh negara, memberikan kesan terhadap kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak dan juga landskap perbandaran di Semenanjung. Taraf kehidupan jutaan rakyat Malaysia telah ditingkatkan menjadi lebih baik, tanpa mengira siapa, apa dan di mana jua mereka berada.



Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan (GTP)

GTP Malaysia – pemangkin transformasi negara

Apabila Program Transformasi Kerajaan (GTP) dilancarkan pada 2010, ia bertujuan menangani bidang-bidang utama yang menjadi keprihatinan rakyat Malaysia di samping menjadi pemangkin kepada transformasi Malaysia untuk menjadi negara yang membangun dan berpendapatan tinggi. GTP memberikan tumpuan terhadap aspek penglibatan kakitangan awam yang lebih mendalam dalam perancangan awal Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA. Di bawah program ini, sasaran yang boleh diukur telah ditetapkan, rangkaian penyampaian yang khusus telah diwujudkan dan rangka kerja pelaporan yang jelas dan tidak terganggu telah diwujudkan. Langkah-langkah ini dan banyak lagi akan berfungsi sebagai pemangkin yang memupuk budaya kerjasama yang lebih subur dalam kalangan kakitangan awam dan memacu penyampaian perkhidmatan yang lebih baik untuk rakyat.

Pada tahun yang pertama, GTP melangkaui semua jangkaan dalam membawa era baharu dalam perubahan transformasi bagi Malaysia dan kakitangan awam melalui pelbagai Keberhasilan Besar yang Pantas (Big Fast Results) yang kukuh, tahan lasak dan benar-benar memperkayakan. Sejak inisiatif GTP berkuat kuasa, kehidupan berjuta-juta rakyat Malaysia, sama ada di kawasan bandar mahu pun di pedalaman, telah berubah ke arah lebih baik, dengan pengertian kemampunan dan juga pengukuhan yang sebenar. Tahun kedua pelaksanaan GTP juga menampakkan keputusan yang mecatuskan perubahan dan menjadikan Malaysia bertambah hampir untuk mencapai cita-cita ekonominya.

Sesungguhnya GTP telah terbukti berupaya menjadi pemangkin kepada transformasi negara dan akan terus memacu perubahan yang positif. Bergerak seiringan dengan pemangkin transformasi negara yang lain - Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Ekonomi Baharu (NEM) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (10MP) – GTP melengkapkan usaha bersepadu untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara yang membangun dan berpendapatan tinggi, selaras dengan Wawasan 2020.

Bahagian ini bertujuan menyediakan sebuah tinjauan keseluruhan terhadap GTP dan perkembangannya setakat ini.

Memahami GTP

Dua objektif GTP ini merupakan tunggak kepada semua usaha setakat ini:

- Memberikan tumpuan terhadap keutamaan yang paling penting lagi bermakna kepada rakyat, iaitu “Rakyat Didahulukan”.
- Mewujudkan perubahan asas di seluruh negara untuk menghasilkan keberhasilan besar yang pantas, iaitu “Pencapaian Diutamakan”.

Keutamaan yang paling penting bagi rakyat

Membawa perubahan asas ke seluruh negara



Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan

NKRA – tunggak GTP


Bagi mencapai matlamat GTP, tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang memerlukan keberhasilan yang besar dan pantas, telah diwujudkan sebagai tunggak GTP. NKRA disifatkan sebagai bidang keutamaan negara untuk menangani permintaan rakyat. NKRA menggabungkan keutamaan jangka pendek untuk menangani permintaan rakyat yang mendesak selain isu-isu jangka panjang penting yang memberi kesan terhadap rakyat dan memerlukan perhatian segera. NKRA ditentukan berdasarkan maklum balas orang ramai yang dikumpulkan melalui pelbagai saluran yang inovatif.

NKRA setakat ini termasuklah:

- Menangani Kos Sara Hidup (diterajui oleh Timbalan Perdana Menteri dan diperkenalkan pada Julai 2011)
- Mengurangkan Jenayah (diterajui oleh Menteri Dalam Negeri)
- Membanteras Rasuah (diterajui oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bertanggungjawab terhadap undang-undang dan hal ehwal parlimen)
- Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar (diterajui oleh Menteri Pelajaran)
- Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (diterajui oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)
- Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar (diterajui oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah)
- Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar (diterajui oleh Menteri Pengangkutan)

Setiap NKRA mempunyai Penunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI) tersendiri, iaitu sasaran tertentu yang harus dicapai demi kepentingan rakyat.

Tinjauan Keseluruhan GTP, NKRA dan NKPI



Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan

Inisiatif GTP diterajui oleh Perdana Menteri dan Kabinet beliau, serta disokong oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan perkhidmatan awam. Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) di Jabatan Perdana Menteri ditugaskan untuk memacu inisiatif GTP ini. Jemaah Menteri secara kolektifnya menjadi pemilik NKRA, dengan kebertanggungjawaban penyampaian terletak pada seorang Menteri Peneraju, yang dilantik dan dipantau secara rasmi oleh Perdana Menteri.

MKRA – Memastikan kebertanggungjawaban kementerian

Seiringan dengan NKRA adalah Pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian atau MKRA. Ia merupakan bidang yang tidak dicakui oleh NKRA tetapi dianggap penting untuk diberikan perhatian oleh kerajaan di peringkat kementerian. MKRA ini merangkumi sasaran yang akan menunjukkan hasil yang dapat dilihat dan dirasakan oleh rakyat. Justeru, MKRA menuntut pelaksanaan KPI Kementerian (MKPI) atau sasaran khusus yang dicapai demi kepentingan rakyat.

Inisiatif MKRA menunjukkan komitmen Perdana Menteri dalam mewujudkan kepemimpinan berdasarkan prestasi dan kebertanggungjawaban dalam kerajaan, di mana ia harus bermula dengan peringkat Eksekutif, iaitu Jemaah Menteri. Prestasi Menteri dikaji dan dinilai berdasarkan MKRA/MKPI. Perdana Menteri komited untuk melaksanakan Penilaian Prestasi Menteri setiap enam bulan untuk memastikan setiap KPI Menteri mencapai kemajuan sebagaimana yang ditetapkan. Butiran lanjut berkaitan dengan MKRA ini boleh diperoleh di bahagian yang berkenaan dalam Laporan Tahunan ini.



Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan



Rancangan transformasi sembilan tahun Malaysia yang bercita-cita tinggi

Secara keseluruhannya, GTP menyasarkan untuk mencapai kejayaan awal dan pada masa yang sama merintis jalan bagi Malaysia untuk menggapai cita-citanya menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Untuk memastikan usaha GTP adalah terfokus dan mampan, sebuah rancangan sembilan tahun yang bercita-cita tinggi meliputi tiga fasa telah diwujudkan:

Fasa 1 (2010-2012) GTP

Di bawah Fasa 1, GTP berfungsi sebagai jentera perubahan yang baharu dan memberikan limpahan hasil kepada rakyat dengan pantas. Ini termasuklah penetapan dan pencapaian sasaran dalam NKRA dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA), demi keutamaan rakyat.

Dalam fasa ini, langkah keberkesanan sedia ada untuk meningkatkan produktiviti kerajaan dijangka akan diteruskan. Selain itu, kami komited untuk menerbitkan Laporan Tahunan pada suku pertama setiap tahun yang berikutnya (Laporan Tahunan 2010 merupakan laporan sulung kami), yang turut memasukkan maklum balas dan perbincangan orang ramai, di samping menginstitusikan mekanisme pengurusan prestasi untuk memastikan pencapaian sasaran NKRA dan MKRA.

Fasa 2 (2012-2015) GTP

Di bawah Fasa 2, perubahan dalam kerajaan dijangka akan tersebar dengan lebih luas lagi. Aspek penting dalam kehidupan seharian (seperti ditakrifkan di sini sebagai NKRA dan MKRA) seharusnya telah bertambah baik dengan ketaranya. Selaras dengan Model Baru Ekonomi, struktur ekonomi bagi ekonomi juga seharusnya sudah berkembang menjadi sektor bernilai tambah lebih tinggi dan produktiviti kerajaan perlulah lebih dimajukan lagi.

Fasa 3 (2015-2020) GTP

Di bawah Fasa 3, perubahan yang penting terhadap masyarakat Malaysia, sebagaimana yang dihasratkan oleh Wawasan 2020 seharusnya sudah berlaku. Rakyat perlu mengalami perubahan makna menjadi rakyat Malaysia dan merasai kemakmuran yang lebih tinggi tahapnya serta menikmati perkhidmatan awam yang lebih baik. Kerajaan dijangka menjadi lebih “kecil” tetapi tangkas dan bekerjasama dengan lebih giat dalam perkongsian dengan sektor swasta untuk menyampaikan perkhidmatan awam yang cekap. Model penyampaian perkhidmatan awam yang inovatif serta berteraskan rakyat, dan yang menumpukan pada pilihan dan persaingan perlulah sudah diwujudkan pada ketika itu.

Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan

Menyampaikan Keberhasilan Besar yang Pantas

Ciri GTP yang paling menonjol ialah objektif akhirnya: menyampaikan Keberhasilan Besar yang Pantas yang bermakna lagi penting kepada rakyat, selaras dengan konsep yang bersifat menyeluruh, iaitu “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Hal ini bermaksud menghasilkan siri pencapaian “yang pertama” bagi Malaysia – kejayaan yang tidak pernah dicapai sebelum ini hanya akan terhasil melalui sasaran yang hebat dan penambahbaikan besar yang dirasakan dengan pantas oleh rakyat.

Dalam merealisasikan impian ini, berbeza dengan inisiatif-inisiatif lain pada masa lalu, GTP bergantung pada “sasaran yang diperluas” – yang mencabar NKPI di bawah setiap NKRA untuk menjana hasil positif yang dihasratkan. Apabila kerajaan melancarkan GTP, ia menolak kecenderungan untuk menetapkan sasaran yang sederhana dan “kurang agresif atau mencabar”, yang akan mensia-siakan matlamat untuk menghasilkan penambahbaikan yang pantas serta penting selain pewujudan budaya berprestasi tinggi dalam kerajaan. Anda hanya akan terdorong untuk maju dan mencapai kejayaan luar biasa, jika anda sentiasa bersedia untuk mencabar diri sendiri.

Jika dibandingkan dengan inisiatif terdahulu, perbezaan dalam GTP juga dapat dilihat dalam bidang-bidang sasaran dan perumusan strategi, pelaksanaan langkah, tahap penglibatan orang ramai dan penyertaan kerajaan selain juga penilaian terhadap hasil yang dicapai. GTP juga mencetuskan dimensi baharu dari segi penyampaian perkhidmatan kerajaan serta membentuk rangka minda berorientasikan rakyat, dan melahirkan budaya berprestasi tinggi dalam sektor awam.

Barangkali kecemerlangan GTP yang paling mengesankan ialah hasil yang berjaya dicapai sejauh ini. Pada tahun pertama pelaksanaan, banyak kejayaan besar dan pantas yang telah berjaya diraih di bawah semua NKRA. Pada tahun yang kedua, meskipun sasaran semakin diperluas, namun masih banyak kejayaan besar dan pantas berjaya diraih.



Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan



Pendekatan GTP yang tersendiri

Pendekatan GTP yang tersendiri belum pernah lagi dilaksanakan dan ia mempunyai ciri-ciri yang berbeza daripada mana-mana rancangan atau program kerajaan Malaysia. Ini termasuklah:

- Penekanan terhadap KPI dan keputusan dan bukannya perbelanjaan bajet. Di bawah GTP, menghabiskan peruntukan bajet tidak dikira sebagai tanda kejayaan atau kemajuan. Sebaliknya, penjimatan berhemat digalakkan tanpa menggadaikan sasaran. Ini merupakan pengajaran penting yang diharap dapat dijadikan amalan terbaik oleh kerajaan untuk melangkah maju ke hadapan.
- Tahap perancangan terperinci yang belum pernah disaksikan sebelum ini dalam sejarah kerajaan. Rancangan di bawah GTP boleh diperhalus hingga kepada butiran yang paling kecil, iaitu dari tinjauan pemandangan setinggi 30,000 kaki hinggalah hanya kepada tahap tiga kaki. Setiap fasa pelaksanaan, inisiatif taktikal dan pelan tindakan, demikian juga orang perseorangan yang bertanggungjawab dapat dikenal pasti, dikesan dan dipantau. Data, statistik dan angka diaudit untuk mencerminkan sifat keadaan yang sebenar keberhasilan tanpa sebarang tokoh tambah. Pada asasnya, kami mengamalkan kejutuan dan kebertanggungjawaban tahap tinggi dalam pelaksanaan GTP.

Semua ini dan aspek-aspek baharu yang lain membolehkan GTP melampaui penanda aras kejayaan yang biasa. Langkah-langkah ini membolehkan GTP menjadi pelan tindakan yang praktikal dan menyeluruh; dengan tujuan utama untuk menyampaikan keputusan yang disasarkan dan hasil yang positif demi kebajikan segera rakyat.

2010 – Permulaan transformasi Malaysia

2010 menandakan era baharu transformasi perubahan bagi Malaysia apabila GTP menghasilkan siri Keberhasilan Besar yang Pantas untuk negara. Pada tahun pertamanya, semua jangkaan dilampaui dengan keputusan cemerlang yang direkodkan bagi keenam-enam NKRA asal (Mengurangkan Jenayah, Membanteras Rasuah, Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar, Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar dan Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar). Ini termasuk beberapa kejayaan yang pertama buat Malaysia.

Sir Michael Barber, ahli kehormat Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa (IPR) yang ditugasi untuk memberikan penilaian pihak ketiga yang bebas, berkata: “Kejayaan yang dicapai amat mengagumkan.” Ahli panel IPR dan pakar antarabangsa terkenal yang lain juga melontarkan pendapat sedemikian, menyatakan bahawa sesungguhnya GTP telah memberikan rakyat Malaysia kejayaan hebat dan hasil yang mengubah kehidupan selain membawa perubahan ke tahap yang baharu. Begitulah kesan kejayaan GTP sehinggakan banyak pemimpin luar menggunakannya sebagai kajian kes yang boleh diteladani oleh negara mereka.

Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan

Walaupun keputusan 2010 amat menggalakkan, kerajaan sedar dan peka bahawa momentum kejayaan ini harus diteruskan dan diperbaik lagi untuk membuahkan transformasi perubahan seterusnya. Justeru, kerajaan bertekad untuk terus berusaha sedaya upaya menjayakan GTP 2011.

2011 – Tahun untuk menerjah melewati kebiasaan

Berdasarkan penanda aras yang ditetapkan pada tahun 2010, tugas yang terhampar di hadapan amat mencabar. Namun, kerajaan telah pun nekad melaksanakan proses ini dan rakyat pula tidak mengimpikan selain keputusan yang hebat. Justeru, penting bagi kerajaan untuk terus memberikan tumpuan terhadap penyampaian Keberhasilan Besar yang Pantas.

Sehubungan itu, kerajaan sekali lagi menolak untuk meletakkan sasaran yang biasa sahaja sebaliknya menugaskan setiap NKRA menetapkan penanda aras yang lebih tinggi pada tahun 2011. Jalan untuk maju ke hadapan adalah dengan menggunakan sasaran yang lebih diperluas, yang boleh direalisasikan melalui pemikiran di luar lingkaran dan kaedah di luar kebiasaan. Sasaran yang lebih tinggi ini adalah untuk memberikan lebih banyak kejayaan kali pertama, keberhasilan yang lebih positif, dan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih baik.

Tahun kedua menyaksikan beberapa perubahan dilakukan terhadap GTP, terutamanya dalam NKRA. Perubahan ini dibuat berdasarkan pengajaran yang dipelajari daripada Tahun pertama dan juga maklum balas daripada akar umbi. Kesemua ini kemudiannya dimasukkan ke dalam perumusan NKPI, sasaran yang ditetapkan dan pelbagai inisiatif.

Pada Julai 2011, sebagai respons terhadap keprihatinan orang ramai mengenai kos sara hidup yang kian meningkat, NKRA ketujuh telah diwujudkan. NKRA Menangani Kos Sara Hidup bertujuan menangani kos kehidupan yang meningkat dengan memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan dan juga menangani isu-isu yang berkemungkinan dalam rantai bekalan. Penyelesaian yang diberikan termasuklah peruntukan bagi subsidi dan bantuan kewangan, selain inisiatif lain seperti penambahbaikan terhadap proses perolehan pada masa ini dan penyediaan barang keperluan dan perkhidmatan kepada orang ramai.

Menyampaikan keberhasilan yang nyata, memperkukuh kehidupan rakyat jelata

Dengan penambahan satu NKRA baharu dan penghalusan NKRA sedia ada serta NKPI masing-masing, GTP telah dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2011. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di seluruh negara, kesannya telah mencakupi segenap lapisan masyarakat. Merentas seluruh negara, GTP mencakupi kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dan juga landskap perbandaran di Semenanjung. GTP telah memberikan makna dan meningkatkan taraf kehidupan jutaan rakyat Malaysia tanpa mengira siapa, apa dan di mana jua mereka berada.

Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan

Penambahbaikan yang dibawa oleh GTP adalah kukuh, tahan lasak dan benar-benar memperkayakan. Mari kita lihat contoh NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH). Pada tahun 2011 sahaja, 63,147 isi rumah yang miskin telah diberi peluang untuk melibatkan diri dalam program 1AZAM. Diwujudkan untuk memberikan peluang ekonomi yang mempertingkatkan keupayaan produktiviti isi rumah berpendapatan rendah, program 1AZAM telah membantu sebilangan besar masyarakat miskin keluar dari belenggu kemiskinan dan berusaha untuk hidup dengan lebih berdikari.

Di bawah NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) pula, kehidupan 998,357 penduduk di kawasan pedalaman Timur dan Semenanjung Malaysia telah berubah menjadi lebih baik pada tahun 2011 apabila mereka menerima pelbagai kemudahan seperti jalan raya, perumahan serta air bersih dan bekalan elektrik. Secara kumulatifnya, NKRA RBI telah meningkatkan taraf hidup hampir 3.2 juta rakyat Malaysia di kawasan pedalaman dalam tempoh dua tahun.

Pelbagai kisah hasil daripada GTP ini menyerlah pada tahun 2010 dan 2011, membuktikan bahawa semua ini adalah kebiasaan dan bukan satu pengecualian. Rakyat juga semakin percaya akan kejayaan GTP. Dalam tempoh satu tahun, dengan bertambahnya rakyat Malaysia yang menerima hasil yang positif daripada GTP, rakyat telah menyuarakan sokongan mereka dan ini terbukti menerusi maklum balas positif yang diterima. Inisiatif ini telah diterima dengan setulusnya – sebagai satu usaha yang ikhlas dan penuh komitmen oleh kerajaan untuk menambah baik kualiti hidup semua penduduk Malaysia.

Mengukur pencapaian GTP

Bagi memastikan GTP mencapai keberhasilan yang boleh diukur dan dikira; dan memastikan ketelusan awam dan akauntabiliti didukung, kami terus meletakkan penanda aras terhadap program ini. Pada tahun 2010, pemarkahan bagi GTP terus diukur menerusi dua peringkat. Peringkat pertama pada tahap NKPI individu dengan setiap NKPI mempunyai sasaran yang tersendiri. Keputusan setiap NKPI ini kemudiannya dikira untuk mendapatkan skor gabungan bagi NKRA keseluruhan. Bagi memastikan pencapaian di bawah setiap NKRA benar-benar hebat dan berwibawa, tiga kaedah pemarkahan yang berbeza telah digunakan. Butiran lanjut mengenai hal ini telah digariskan pada halaman 304 hingga 312 dalam bahagian bertajuk “Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011”.

Sistem pemarkahan NKRA terus diperhalus untuk memastikan ia kekal telus, terbuka dan setepat yang mungkin. Daripada pengumpulan data NKPI hinggalah kepada penjadualan statistik dan perumusan dapatan, kami mengambil langkah yang berhati-hati bagi memastikan proses pengukuran prestasi kekal tepat dan tidak memihak bagi memelihara integriti dapatan tersebut. Pihak ketiga yang bebas akan dilantik untuk mengumpul data apabila difikirkan bersesuaian. Fokus khusus kerajaan adalah untuk memaparkan data dengan sebenarnya – yang mencerminkan kejayaan dan juga kelemahan bagi mendapatkan gambaran yang tepat mengenai prestasi GTP.

Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan

Pengesahan bebas pihak ketiga

Bagi memelihara ketelusan dan mendukung kesahan GTP, kerajaan sekali lagi menjemput pakar antarabangsa terkemuka untuk menganggotai Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa (IPR). Proses IPR yang dimulakan pada tahun 2010 dengan pemilihan beberapa pakar bidang kali ini kembali lagi dengan penampilan yang mantap dalam pengesahan dan penentusahan keberhasilan GTP bagi tahun 2011. Keputusan penuh Jawatankuasa IPR boleh dibaca pada halaman 278 hingga 298 dalam Laporan Tahunan ini. Tujuan Jawatankuasa ini adalah untuk menilai secara bebas ruang lingkup keseluruhan program GTP dan bagi memberikan pandangan yang tidak memihak di samping berkongsi idea untuk memudahkan penambahbaikan yang seterusnya.

Selain Jawatankuasa IPR, bagi memastikan kesahan dan ketepatan keputusan yang diterima, suatu pihak ketiga yang bebas, PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC) telah dilantik pada awal tahun 2010 dan seterusnya pada tahun 2011 untuk melaksanakan beberapa tatacara yang dipersetujui bersama (*agreed-upon procedures (AUP)*) terhadap GTP. AUP berfungsi untuk mengesahkan maklumat dan input data yang digunakan dalam menentukan beberapa NKPI terpilih yang dilaporkan adalah bertepatan dengan maklumat yang disediakan oleh kementerian, agensi dan jabatan yang berkaitan. Pengiraan NKPI masing-masingnya juga disemak berbanding dengan garis panduan dan rumusan yang diterapkan dan digunakan oleh PEMANDU.

Berdasarkan AUP yang dilaksanakan pada tahun 2010, penting untuk diberikan perhatian bahawa PwC telah menekankan beberapa pengecualian terhadap NKPI yang dilaporkan selain mengenal pasti peluang untuk menambah baik proses dan mutu maklumat keseluruhan GTP. PEMANDU dan kementerian yang berkaitan kemudiannya melaksanakan tindakan yang dinyatakan untuk melaksanakan penambahbaikan ini. Syor-syor yang dilaksanakan sepanjang tahun 2011 telah berjaya memastikan bahawa penambahbaikan yang berterusan dilakukan terhadap usaha-usaha integriti data dan ketepatan NKPI yang dilaporkan bagi tahun 2011. Berdasarkan dapatan tahun 2011, PwC telah melaporkan bahawa keputusan NKPI tahun 2011 yang sebenar telah disahkan mengikut AUP.

Memastikan akauntabiliti terhadap pihak berkepentingan yang sah

2012 menandakan tahun terakhir bagi Fasa 1 GTP dan banyak lagi kerja yang perlu dilaksanakan sementara usaha pula perlu dipertingkatkan. Memandangkan GTP kini melangkah ke tahun ketiga, kerajaan terus beriltizam untuk mengekalkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dengan memaparkan data dalam bentuk dan sifatnya yang sebenar kepada pihak berkepentingan yang sah, iaitu tidak lain dan tidak bukan penduduk dan juga rakyat Malaysia.

Meskipun GTP lahir dan diwujudkan berasaskan kebimbangan rakyat, namun keyakinan, galakan dan sokongan rakyat terhadap keberhasilan GTP sehingga hari ini akan meningkatkan kewibawaan usaha-usaha GTP secara keseluruhan. Melangkah ke hadapan, kerajaan kekal komited untuk berganding bahu dengan setiap rakyat Malaysia, tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan status sosial untuk melonjakkan transformasi Malaysia untuk menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi.



2011

**Keputusan Tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara
(NKRA)**

1. Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

2. Mengurangkan Jenayah

3. Membanteras Rasuah

4. Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

**5. Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi
Rumah Berpendapatan Rendah**

**6. Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar
Bandar**

**7. Mempertingkatkan Pengangkutan Awam
Bandar**

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



Bersama
Menangani kebimbangan
harian

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin

Timbalan Perdana Menteri

“Matlamat NKRA yang terbaru - NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat - adalah untuk menyediakan bantuan segera kepada rakyat melalui tindakan drastik di samping merumuskan strategi jangka panjang bagi menangani kos sara hidup rakyat yang kian meningkat. Ini selaras dengan hasrat kerajaan yang mendukung falsafah “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.” Pada tahun 2011, kerajaan mencari jalan untuk mempertingkatkan rantai bekalan pertanian bagi memastikan kadar kerugian makanan yang minimum dalam proses pengeluaran dan penyaluran bekalan. Kami juga terus memantau dan mengawal harga barangan keperluan untuk rakyat, dan mengurus kos subsidi yang kini mencapai paras antara yang tertinggi di dunia. Pelbagai inisiatif bersifat mesra rakyat termasuklah program bantuan kewangan Bantuan Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, dan Menu Rakyat 1Malaysia telah dilaksanakan. Kami berharap semua usaha ini dapat meringankan beban rakyat dan pada masa yang sama membantu negara bergerak lebih pantas dalam mencapai cita-cita ekonomi yang dihasratkan.”



Meringankan beban hidup rakyat

Genap dua tahun selepas Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan enam NKRA diperkenalkan kepada orang ramai pada 27 Julai 2009, Perdana Menteri mengumumkan NKRA yang ketujuh – Menangani Kos Sara Hidup atau dikenali sebagai NKRA COL. Dalam tempoh dua tahun sejak keenam-enam NKRA pertama diperkenalkan, kos sara hidup di Malaysia telah pun meningkat dan memberi kesan kepada majoriti penduduk negara ini pada tahap yang berbeza-beza. Banyak yang berasa perit tetapi mereka kurang menyedari bahawa fenomena ini sedang dialami di seluruh dunia dan turut menjejaskan banyak negara lain. NKRA COL diperkenalkan bagi menangani kenaikan kos makanan dan barang keperluan asas selain merangka strategi bagi mengurangkan impak kenaikan kos sara hidup terhadap rakyat.

Terdapat begitu banyak faktor global yang mempengaruhi kenaikan kos kehidupan kita pada hari ini. Salah satu punca utama kenaikan harga makanan dunia ialah hasil tanaman yang merosot dan peningkatan kos input. Perubahan cuaca global yang tidak menentu akibat perubahan iklim juga menjejaskan pengeluaran hasil tanaman. Sesetengah negara pengeluar komoditi pula bertindak menyimpan stok lantas menjejaskan lagi bekalan makanan yang terhad. Di samping itu, ketidakpastian harga minyak di pasaran dunia memburukkan lagi keadaan sedia ada.

Faktor-faktor yang dinyatakan di atas dan beberapa faktor lain telah menyebabkan harga barangan pengguna meningkat secara mendadak. Malangnya, negara-negara miskin dan sedang membangun terpaksa menerima kesan yang paling teruk. Namun begitu, kita

perlu menerima hakikat bahawa harga barangan dunia tidak akan kembali ke paras harga lima tahun yang lalu.

Bukan rakyat Malaysia sahaja yang mengalami masalah ini, dan negara kita bukan juga yang paling teruk terjejas. Namun begitu, sudah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melakukan yang terbaik dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat dan mencari jalan penyelesaian untuk mengurangkan kesannya terhadap rakyat. Matlamat NKRA COL adalah untuk menyediakan bantuan segera kepada rakyat melalui tindakan drastik di samping merumuskan strategi jangka panjang bagi menangani kos sara hidup rakyat yang kian meningkat.

Menyampaikan manfaat yang jelas, memenuhi keperluan rakyat yang sebenar

Meskipun belum cukup setahun, NKRA COL telah membuktikan keberkesanannya dengan menyampaikan beberapa siri Keberhasilan Besar jangka pendek untuk rakyat Malaysia, terutama bagi golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Malah, kumpulan masyarakat lain juga meraih manfaat termasuk semua pelajar sekolah rendah dan menengah, serta pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Pelbagai inisiatif NKRA COL yang dilaksanakan seperti program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), program bantuan kewangan Kembali Ke Sekolah, Bantuan Buku 1Malaysia (BB1M), Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), dan Menu Rakyat 1Malaysia telah berjaya memberikan bantuan segera kepada jutaan rakyat Malaysia. Kebimbangan rakyat mengenai kos makanan, pendidikan dan perbelanjaan hidup yang lain juga telah ditangani.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Berikut adalah bagaimana inisiatif NKRA COL telah memberikan manfaat kepada rakyat Malaysia:

KEJAYAAN BESAR

- Melalui inisiatif BR1M, kira-kira 5.2 juta isi rumah di Malaysia yang berpendapatan RM3,000 ke bawah menerima bantuan kewangan *one-off* (bayaran sekali sahaja) sebanyak RM500. Lebih 75% semua isi rumah di negara ini memperoleh manfaat daripada peruntukan RM2.6 bilion yang diperuntukkan untuk program ini
- Kira-kira 5.3 juta pelajar rendah dan menengah menerima bantuan RM100 bagi menampung perbelanjaan “Kembali Ke Sekolah” dan lain-lain, dengan peruntukan sebanyak RM530 juta. Bermula pada sesi persekolahan tahun 2012, yuran sekolah kerajaan dimansuhkan. Buat julung-julung kalinya dalam sejarah negara, pendidikan awam adalah percuma
- Kira-kira 1.3 juta pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan, aliran matrikulasi dan Tingkatan 6 meraih manfaat daripada inisiatif Bantuan Buku 1Malaysia (BB1M). Melalui peruntukan inisiatif ini yang berjumlah RM260 juta, baucar buku bernilai RM200 telah diedarkan di seluruh negara kepada para pelajar ini
- Rawatan perubatan diberikan hampir percuma tanpa membebankan rakyat dengan kewujudan Klinik 1Malaysia yang hanya mengenakan bayaran RM1 untuk rawatan manakala warga emas pula layak mendapat rawatan percuma
- Dengan pelancaran Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), rakyat Malaysia kini mampu membeli barangan runcit pada harga penjimatan sebanyak 30-40% lebih rendah berbanding dengan harga pasaran
- Melalui pelancaran program Menu Rakyat 1Malaysia, rakyat Malaysia kini mempunyai pilihan sarapan dan makan tengah hari dengan harga yang berpatutan melalui pakej sarapan pagi yang ditetapkan pada kadar standard sebanyak RM2 dan RM4 untuk makan tengah hari

Kerajaan tidak pernah membayangkan bahawa NKRA COL akan mampu menghasilkan kejayaan dalam masa yang demikian singkat. Rata-rata rakyat dari segenap lapisan memberikan respons yang positif, dengan setiap inisiatif yang dilaksanakan meraih sokongan yang semakin ketara dan diterima baik oleh rakyat. Kejayaan ini adalah sesuatu yang mengagumkan memandangkan bahawa NKRA COL baru sahaja dilaksanakan dalam tempoh kurang setahun.


Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

TINJAUAN KESELURUHAN

Kenaikan harga makanan global – satu faktor utama

Antara tahun 2007 dan 2008, kenaikan mendadak harga makanan dan minyak telah berlaku di seluruh dunia namun beransur pulih apabila harga minyak mengalami penurunan. Fenomena yang sama berlaku lagi pada pertengahan tahun 2010, dan dijangka pada masa hadapan, fenomena ini merupakan trend global yang akan berulang.

Harga Makanan Global FAO meningkat dengan ketara



Sumber: Bank Dunia / PBB

Beberapa tahun kebelakangan ini, negara pengeluar komoditi utama menghadapi keadaan cuaca tidak menentu yang antaranya disebabkan oleh perubahan iklim. Kemarau dan banjir yang teruk telah menyebabkan hasil tanaman rosak dan menjejaskan produk pertanian seperti gandum dan gula berkurangan. Negara-negara pengeluar utama gandum seperti Rusia, Kanada dan Australia, mempunyai jumlah hasil tanaman untuk eksport yang berkurangan, dan keadaan ini telah mendorong kenaikan harga komoditi sedunia.

Apabila negara-negara pengeksport ini mengumumkan penurunan paras penghasilan dan seterusnya mengurangkan eksport, ia mencetuskan pembelian panik dalam pasaran, lantas mengakibatkan kenaikan harga yang memuncak. Ini adalah antara faktor yang telah menyebabkan harga barangan meningkat. Malangnya, negara-negara miskin dan sedang membangun terpaksa mengalami implikasi yang lebih teruk.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



“Kenaikan harga barangan subsidi seperti gula, diesel, petrol dan tarif elektrik kekal menjadi isu utama rakyat Malaysia.”

Kow Kuan Hua,
Pengarah Urusan Nielsen Malaysia.

Malaysia tidak bersendirian

Malaysia tidak bersendirian dalam menangani masalah kenaikan harga barangan makanan ini dan kita juga bukanlah yang paling teruk terjejas. Berbanding dengan negara lain, kita masih bernasib baik dan langkah proaktif kerajaan dalam menangani situasi ini sedikit sebanyak telah berjaya mengimbangi kesan negatif fenomena global ini. Rakyat bertuah kerana dengan bantuan subsidi kerajaan, kita masih boleh membeli gula pada harga RM2.20 sekilogram sedangkan rakyat di negara jiran seperti Thailand dan Indonesia perlu membayar RM2.90 dan RM3.65 sekilogram masing-masing.

Kenaikan kos sara hidup jelas kelihatan dalam kalangan penduduk bandar. ¹*The Economist Intelligence Unit (EIU)* melaporkan bahawa kos sara hidup di Kuala Lumpur meningkat hampir 25% sejak dua tahun yang lalu. Lantaran gaya hidup telah terjejas, rakyat lalu menyuarakan rasa kebimbangan mereka. Lebih banyak yang melahirkan rasa tidak puas hati disebabkan mereka kini terpaksa membayar harga yang lebih untuk menikmati gaya hidup dan corak penggunaan yang sama dengan keadaan tiga hingga lima tahun yang lalu. Tinjauan Nielsen Global Online Survey 2011 menguatkan lagi kenyataan ini. Tinjauan itu menunjukkan bahawa rakyat Malaysia semakin bimbang terhadap keupayaan memenuhi keperluan sara hidup mereka. Kos sara hidup terus menjadi keutamaan yang paling tinggi manakala harga minyak dan makanan menjadi topik utama perbincangan.

Fakta yang menyokong kenyataan:

- Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 9.3% dalam jualan runcit barangan pengguna laris (*Fast Moving Consumer Goods, FMCG*) biarpun ia berlaku dalam tempoh lonjakan inflasi, yang menyaksikan indeks harga pengguna (IHP) mencecah paras tertinggi 3% dalam tempoh dua tahun pada bulan Mac 2011, dan terus meningkat kepada 3.5% pada bulan Jun 2011.
- 84% rakyat Malaysia memberitahu bahawa mereka telah mengubah corak perbelanjaan bagi menjimatkan perbelanjaan isi rumah.

Kesimpulannya, kos sara hidup yang meningkat merupakan perkembangan yang benar-benar berlaku di Malaysia. Sambil rakyat merasai keperitannya, mereka juga menjadi bertambah bimbang, khususnya golongan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana.

¹ The Economist Intelligence Unit merupakan sayap perkhidmatan peramalan dan penasihat penerbitan the Economist

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Govt addressing cost of living problem

THE government will work hard to ensure that the problem faced by the people with regard to the cost of living could be tackled in the wake of the challenging global conditions, said Datuk Seri Mahd-Nazih Ratah (MCA).

The prime minister said it was the responsibility of the government to do whatever was best in tackling the rising costs and first ways of reducing its effects on the people.

He said the Budget 2012 would pay special attention on managing the people's cost of living and the government would show up the best strategy to reduce the burden faced by the people and at the same time manage the country's economic growth.

Thus, he said, the government had announced the seventh National Key Result Area (NKRA), namely tackling the rising cost of living, this year, after taking into account the increased cost of food and essential items globally.

"In two years since the NKRA was announced, the cost of living in Malaysia has risen to affect a majority of the population, in varying degrees.

"Many are feeling the pinch, but are not quite aware that this phenomenon is occurring worldwide, and hitting many other countries fairly hard.

"The fact is that no major global factors have affected our



cost of living and the poor and developing countries are feeling the most impact," he said in his blog www.mahd-nazih.com, on 14 October 2011.

Nazih said this would be the role played by the seventh and latest NKRA whereby the government would look into ways

to improve the agriculture supply chain to ensure minimal food loss during the production and supply process.

He said the government would continue with the price control system and manage the subsidies, which were already among the highest in the world.

"We will expand Rakyat Bersih (Clean Rakyat) initiatives such as the Malaysia Clean, Kuala Lumpur Clean, and Kuala Lumpur Green, to ensure the financial burden of the people, said Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Tackling rising costs

Govt focuses on easing the people's burden

By Sean Augustine
sean@pennpost.com

PUTRAJAYA: The government has introduced a new National

cabinet decided on this in view of the rising cost of things, including food, globally.

"As this phenomenon has a huge impact on the rakyat, the

which is why we have to listen to the rakyat," he said after chairing the Malaysia round-table meeting here.

Nazih said the various ministries dealing with food items and services would be responsible for the new NKRA.

government agencies and the cabinet committee headed by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin to reduce the people's cost of living.

Pennadu, he said, would be organising several talks with the various ministers.

Govt draws up strategies to overcome rising cost of living

By MARTIN CARVALHO
martin@pennpost.com

PETALING JAYA: The Government is crafting several strategies under the seventh National Key Result Area (NKRA) to help ease the rakyat's burden brought about by the rising

cost of living.

However, Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said the government would also take steps to ensure that the cost of living would not rise to the levels of five years ago.

"We will look into ways to improve the agriculture supply chain to ensure

minimal food loss during the production and supply process," he said, adding that the Government would continue with the price control system and manage the subsidies that were already among the world's highest.

Najib said the Government was also expanding Rakyat Bersih (Clean

initiatives such as the Malaysia Clean and Kuala Lumpur Clean.

"The most recent initiative is the introduction of the Malaysia Bersih (Clean) program, encouraging food vendors to offer a package of services with a clean



Malaysian PM Najib Razak (left) looking at a document with Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin (right) during a meeting in Putrajaya.

Help for earners of less than RM3,000

THE government has directed the Performance Management and Delivery Unit (PMDU) to study ways to assist those earning below RM2,000 to deal with the problem of increasing prices of goods and services.

Second Finance Minister Datuk Seri Ahmad Husein Hashim said the decision was made by the cabinet recently, which left that a committee

to study the problem. He said the committee would submit a report to the PMDU within two weeks for the study to be completed.

"We expect PMDU to complete the report within two weeks for submission to the PMDU," he said.

Bid to fight rise in living costs

Six-point resolution to be presented to government before Budget 2012

PETALING JAYA: Smart consumers education and a call for all Malaysians to conserve to live within our means by looking for cost values - these were among the six points in a resolution adopted at the first "Protect Our Pockets" roundtable discussion.

The resolution, which will be presented to the government on Oct 17, received a overwhelming 90% of the 50 members of the public representing various walks of life including business associations and consumer organisations.

Calls were also made on the Government, among others, to increase fair competition in the food supply chain and decrease efforts to raise the overall income levels in Malaysia to handle with the inflation rate.

While most of the participants considered that national policies played an inevitable role in their financial strains, many were convinced that the government held the key to make the most out of its role.

Eight provisions, discussed various issues ranging from financial management to the importance of air-conditioning during the three-hour discussion moderated by Human Rights lawyer Joseph Chong.

Malaysian Association of Shopping

and Higher Complex Management (PHCM) president H.C. Chong pointed out that in China, all public places are mandated by law to set their air-conditioning temperature at 26°C while in Malaysia, most companies set it between 20°C and 27°C.

"By reducing it by just one degree could mean a reduction of as much as 30% in our electricity bill," Chong said.

Then senior officials from the Performance Management and Delivery Unit (PMDU) - its director of National Key Result Area and National Key Initiative Area Dr. Ramesh Babu and senior manager Philip See - drew the most attention when they gave insight into how they advise the Government to combat the rising cost of living.

See said the unit was set up in August to come up with practical suggestions that the Government could implement to help ease the people's burden.

The other members of the panel were Federation of Malaysian Consumers Association (FOMCA) chief executive officer Datuk Paul Seban, Malaysian Retailers' Association (MRA) secretary-general Valerie Choo, Carrefour marketing communications (Singapore and Malaysia) director Iwan Ng, and the unit's executive officer Datuk

Wong Sui Wen.

At the end of the evening, officials drew up a six-point resolution to be presented to the government to help ease the rakyat's burden.

"Protect Our Pockets" is a slogan by The Star to highlight the rising cost of living.

To express your support, evaluation, reaction can join the campaign by <http://www.star.com.my/sign>.



to support the government and private sector efforts to reduce the cost of living, including setting up a self-sufficient regional food producer and processing companies in the supply chain of essential food.

To support efforts to reduce the cost of transportation, particularly second-hand cars, the public transportation system and to reduce vehicle and usage of private cars.

the "Doctor Village" project by the government to provide free medical services to the elderly and children from Standard Chartered Bank and other citizens from Tugu, who have problems with their vision but could not afford to buy spectacles.

1,000 people from 21 villages.

The Deputy Prime Minister also presented 300 spectacles to Standard Chartered Bank and other citizens from Tugu, who have problems with their vision but could not afford to buy spectacles.

allowances for the poor should be implemented as soon as possible.

He was responding to MCA president Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek's suggestion that the Government consider some form of monthly allowance for the poor to help overcome hardships in their household expenses.

Muhammad Shamsi said long-term measures need to be implemented and ensure better quality of life for the underprivileged.

Hard to make ends meet with high cost of living

PETALING JAYA: Planning which is spending within your means is something lacking among many Malaysians. They don't seem to be able to manage their money well and hence their expenses with their monthly pay cheques.

"This is not unexpected as many people would tend to do things which are beyond their means," said Datuk Seri Mahd-Nazih Ratah (MCA).

However, all people are in

debt today. There was lack of planning without considering income to determine how much to spend to meet their needs to live better than financial constraints to cover their monthly expenses.

The credit card is the worst kind of high interest loan that you can get now and above to maintain their lifestyle.

But really, by living on a monthly income of RM1,000, you can live a decent life.

For a small family living in the

city, it is not hard to live the lifestyle in balance the monthly budget with lower rental, lower utility bills, and lower food and transport expenses.

It does not help either that high inflation rates are paid for by the rakyat, while the government is not doing much to reduce the cost of living.

For the rakyat to live the lifestyle in balance the monthly budget with lower rental, lower utility bills, and lower food and transport expenses.

could easily be kept going with the next pay cheque.

It is a vicious cycle as low pay and high prices of food, transport and other expenses lead people to borrow from bank or credit cards to maintain a decent lifestyle.

Low wages plus high inflation rates lead to a vicious cycle as low pay and high prices of food, transport and other expenses lead people to borrow from bank or credit cards to maintain a decent lifestyle.

he added that existing measures such as price control mechanisms and subsidies, for most essential items would continue.

For said initiatives such as the Malaysia Clean and Malaysia Shop would be expanded.

"Najib explained that when the first six NKRA were announced two years ago, they were based on a careful study of what the rakyat wanted and what the Government should do.

"At that time, there was no global phenomenon of rising food costs that has affected many countries.

"That time, it was important for Malaysia, and the Government felt that we should determine the type of response to help ease the people's burden," he said.

He said that existing measures such as price control mechanisms and subsidies, for most essential items would continue.

For said initiatives such as the Malaysia Clean and Malaysia Shop would be expanded.

"Najib explained that when the first six NKRA were announced two years ago, they were based on a careful study of what the rakyat wanted and what the Government should do.

"At that time, there was no global phenomenon of rising food costs that has affected many countries.

"That time, it was important for Malaysia, and the Government felt that we should determine the type of response to help ease the people's burden," he said.

the rakyat. They must be seen playing the role they are expected to in the economy.

Consumers must get real. We must encourage them to be realistic in their expectations and to be realistic in their expectations.

And it is the duty of the Government to seek ways to assist such people. It is not the duty of the Government to seek ways to assist such people. It is not the duty of the Government to seek ways to assist such people.

income before us. It must be a concerted effort, and the Ministry must act effectively to give consumers the desired results by ensuring there is no inflation in the market place.

The Ministry has some 10,000 consumer protection officers. They must be put to use, to assist consumers, and to ensure that the market place is fair and just.

The Ministry should get the consumer bodies to become the "eyes and ears" of the consumer protection officers.

And it is the duty of the Government to seek ways to assist such people. It is not the duty of the Government to seek ways to assist such people.

Govt looks into rising cost of living

Issue included in list of NKRA

By JUDITH ANAND
judith@pennpost.com

PUTRAJAYA: The Government will look into the rising cost of living, which is one of the issues included in the list of National Key Result Areas (NKRA) for the next two years.

The government will look into the rising cost of living, which is one of the issues included in the list of National Key Result Areas (NKRA) for the next two years.

he added that existing measures such as price control mechanisms and subsidies, for most essential items would continue.

For said initiatives such as the Malaysia Clean and Malaysia Shop would be expanded.

"Najib explained that when the first six NKRA were announced two years ago, they were based on a careful study of what the rakyat wanted and what the Government should do.

"At that time, there was no global phenomenon of rising food costs that has affected many countries.

"That time, it was important for Malaysia, and the Government felt that we should determine the type of response to help ease the people's burden," he said.

he added that existing measures such as price control mechanisms and subsidies, for most essential items would continue.

For said initiatives such as the Malaysia Clean and Malaysia Shop would be expanded.

"Najib explained that when the first six NKRA were announced two years ago, they were based on a careful study of what the rakyat wanted and what the Government should do.

"At that time, there was no global phenomenon of rising food costs that has affected many countries.

"That time, it was important for Malaysia, and the Government felt that we should determine the type of response to help ease the people's burden," he said.

the rakyat. They must be seen playing the role they are expected to in the economy.

Consumers must get real. We must encourage them to be realistic in their expectations and to be realistic in their expectations.

And it is the duty of the Government to seek ways to assist such people. It is not the duty of the Government to seek ways to assist such people.

income before us. It must be a concerted effort, and the Ministry must act effectively to give consumers the desired results by ensuring there is no inflation in the market place.

The Ministry has some 10,000 consumer protection officers. They must be put to use, to assist consumers, and to ensure that the market place is fair and just.

The Ministry should get the consumer bodies to become the "eyes and ears" of the consumer protection officers.

And it is the duty of the Government to seek ways to assist such people. It is not the duty of the Government to seek ways to assist such people.

comprising some 10 people of various backgrounds, including from the Ministry itself, the business community and the consumer movement to advise the Government on consumer affairs, price control, inflation and the like.

It is a crucial task that the government must get together and be a team effort. The responsibility of some of the consumer bodies must be to be shared, not only to the government but to the rakyat.

This can't be done without the support of the rakyat. We need to be united. We need to be united. We need to be united.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Menyediakan lebih banyak khidmat untuk rakyat

Sebelum NKRA ketujuh ini dilancarkan, kerajaan telah pun memainkan peranan yang proaktif dalam menangani kos sara hidup rakyat yang kian meningkat. Dari tahun 2010 hingga Julai 2011 sahaja, kerajaan telah membelanjakan sejumlah kira-kira RM37.6 bilion melalui bantuan wang tunai, subsidi dan pelbagai bentuk bantuan lain kepada rakyat.

RM37.6 bilion disalurkan melalui pelbagai inisiatif

Sejak tahun 2010 hingga Jun 2011, kerajaan membelanjakan kira-kira RM37.6 bilion bagi menyalurkan bantuan dalam pelbagai bentuk. Bantuan tersebut disalurkan melalui inisiatif di bawah NKRA lain atau sebagai inisiatif yang berasingan.

	Inisiatif	Penerangan	Kos
	Perumahan (NKRA)	- Program Bantuan Rumah - membina rumah baharu dan membaik pulih rumah untuk rakyat miskin tegar - Perumahan DBKL (di bawah NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar) - SPNB – Rumah Mesra Rakyat dan Rumah Terbengkalai	1.07 bil
	Jalan raya (NKRA)	- Jalan raya Persekutuan – membina rangkaian jalan raya utama - Jalan penghubung antara/dalam kampung (di bawah NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar)	3.80 bil
	Bantuan tunai untuk rakyat miskin (NKRA)	Bantuan tunai sebelum program 1AZAM membuah hasil dan mengeluarkan rakyat dari kancan kemiskinan (di bawah NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah)	0.02 bil
	Pinjaman dan geran melalui 1AZAM (NKRA)	Kegiatan ekonomi yang disasarkan kepada isi rumah miskin dan miskin tegar yang mendaftar dengan sistem eKasih (di bawah NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah)	0.69 bil
	Baucar yuran prasekolah (NKRA)	Baucar untuk kanak-kanak prasekolah bagi membolehkan mereka memasuki kelas prasekolah swasta pilihan mereka. Baucar yang diberikan cukup untuk menampung yuran prasekolah	0.01 bil
	Rawatan RM1 di hospital kerajaan	Kerajaan memberikan subsidi hampir 97% daripada keseluruhan kos kesihatan di klinik dan hospital kerajaan	13.00 bil
	Bahan api	Petrol, Diesel dan Gas Petroleum Cecair (LPG)	18.99 bil
JUMLAH			37.58 bil

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



Apabila dilihat secara terperinci, ternyata hampir setiap rakyat Malaysia meraih manfaat daripada beberapa bentuk subsidi atau bantuan kerajaan. Dengan subsidi yang diberikan bagi menampung harga petrol (RON 95), gas untuk memasak, gula, minyak masak sawit, bekalan elektrik dan tol, pada hakikatnya hampir setiap rakyat Malaysia telah menikmati faedah yang diraih daripada pelbagai subsidi ini.

Contoh yang berikut menggambarkan bagaimana rakyat Malaysia daripada latar belakang kehidupan yang berbeza menerima bantuan tersebut:

Barangan yang telah disubsidi kerajaan

- Petrol RON95
- Gas untuk memasak
- Gula
- Minyak sawit
- Kesihatan (Klinik Kerajaan)
- Pendidikan (Keluarga)
- Tol
- Bil Elektrik (bujang)

Individu dewasa yang bekerja

Perbelanjaan bulanan bagi barangan yang telah disubsidi kerajaan

Jumlah kos pada
harga pasaran
RM446

—

Jumlah
Perbelanjaan
RM300

=

Subsidi Kerajaan
RM146
32.79%

Isi rumah dengan suami & isteri (1 orang pencari nafkah) dan 1 anak di sekolah bantuan penuh (contoh terdekat bagaimana kerajaan memberikan subsidi hampir sepenuhnya) Perbelanjaan bulanan bagi barang yang disubsidi kerajaan

Jumlah kos pada
harga pasaran
RM783

—

Jumlah
Perbelanjaan
RM360

=

Subsidi Kerajaan
RM424
54.16%

Baru-baru ini, Perdana Menteri mengumumkan beberapa langkah tambahan di bawah Bajet 2012. Ini termasuk pendidikan percuma di semua sekolah kerajaan, Klinik 1Malaysia yang hanya mengenakan bayaran RM1 untuk rawatan, perumahan mampu milik di bawah inisiatif PR1MA dan beberapa lagi langkah lain. Banyak yang masih tidak sedar betapa semua bantuan ini sebenarnya telah banyak mengimbangi kesan kenaikan kos sara hidup. Jikalau ia tidak dilaksanakan, kos sara hidup rakyat pastinya akan menjadi lebih tinggi.

Kerajaan juga bersedia untuk melakukan lebih banyak usaha lagi. Melalui NKRA COL, jentera pentadbiran kerajaan telah ditumpukan untuk menguruskan situasi ini. Pelaksanaan NKRA COL ini bertujuan menerajui usaha yang menyeluruh untuk menyampaikan keberhasilan besar yang pantas yang akan memberikan kesan serta-merta dan ketara kepada rakyat. Pada masa yang sama, kerajaan sedang merangka strategi untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran dan pembahagian rantaian bekalan. Ketidakecekapan dalam sistem akan diatasi supaya barangan boleh dihasilkan dan disediakan dengan lebih cepat, berkualiti, dan dengan kos yang lebih cekap kepada rakyat. Inilah sebenarnya matlamat utama NKRA COL. Ia tidak akan hanya tertumpu kepada pemberian bantuan kepada rakyat untuk menangani kenaikan kos sara hidup, tetapi ia menangani isu ini secara komprehensif dengan setiap aspek diberikan perhatian yang sewajarnya. Melalui pendekatan ini, bantuan yang disalurkan akan meringankan beban rakyat dengan segera manakala mekanisme strukturnya juga akan sentiasa dikaji semula bagi memastikan perubahan yang dilaksanakan sentiasa mampan.


Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

MELIHAT REALITI DARI PERSPEKTIF YANG BETUL

Asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa kos sara hidup telah meningkat, isu itu tidak harus dilihat secara berasingan, sebaliknya, ia perlu dilihat seiring dengan status sosio-ekonomi negara. Sejak tahun 2005, Pariti Kuasa Beli (PPP) Malaysia telah meningkat. Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita (PPP dilaraskan) juga telah berkembang secara konsisten (sejak tahun 1990) dan kini, ia meletakkan negara pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan kebanyakan negara ASEAN.

PNK Malaysia per kapita (PPP dilaraskan) ternyata masih lebih baik berbanding dengan negara lain di Asia dan terus berkembang...




Sumber: Bank Dunia

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Yang lebih penting lagi, gaji secara purata kekal mendahului Indeks Harga Pengguna (CPI).

Pertumbuhan gaji purata di Malaysia mengatasi kenaikan Indeks Harga Pengguna (Inflasi)



Sumber: Kelly's Services, Aon Hewitt, DOSM

Nota:

- Kadar pertumbuhan gaji bagi 2008 - 2009 berdasarkan laporan Kelly's Services, manakala kadar bagi tahun 2010 diunjurkan oleh Aon Hewitt.
- Kadar pertumbuhan gaji bagi 2011 diunjurkan oleh Aon Hewitt
- Indeks Harga Pengguna (CPI) dikemas kini bagi tempoh Januari – Jun 2011 oleh DOSM

Statistik ini menunjukkan bahawa kenaikan kos sara hidup bukanlah disebabkan oleh ekonomi yang semakin lemah. Sebaliknya, ia disebabkan oleh perkembangan global yang dinyatakan sebelum ini.

Pandangan ini turut disokong oleh data berkaitan dengan nisbah pendapatan isi rumah yang diperuntukkan untuk barangan keperluan dan perkhidmatan. Perangkaan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa sepanjang 10 tahun lalu, peratusan pendapatan isi rumah yang disediakan untuk komponen makanan, perumahan dan pengangkutan (tiga perbelanjaan terbesar bagi rakyat Malaysia) tidak menunjukkan kenaikan yang mendadak. Dalam sesetengah kes, nisbah pendapatan isi rumah yang dibelanjakan bagi beberapa kategori barangan dan perkhidmatan sebenarnya telah berkurangan.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



Jadual 1: Penggunaan Isi Rumah Mengikut Tujuan

	2000	2009	2000-09
	% daripada jumlah penggunaan isi rumah		
Makanan dan minuman bukan alkohol	24.1	21.8	23.0
Minuman, alkohol dan tembakau	2.2	2.3	2.1
Pakaian dan kasut	3.5	2.4	2.7
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.7	16.7	18.9
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	5.9	5.2	5.4
Kesihatan	2.1	2.1	2.0
Pengangkutan	12.6	13.1	13.4
Komunikasi	4.9	7.4	6.3
Rekreasi dan kebudayaan	4.3	4.9	4.5
Pendidikan	1.5	1.6	1.5
Restoran dan hotel	5.8	9.7	7.5
Pelbagai barang dan perkhidmatan	11.6	12.7	12.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesimpulannya di sini, paras pendapatan telah berupaya mengekalkan kesetaraan berbanding dengan kos pelbagai barangan dan perkhidmatan.

Perubahan gaya hidup dan corak perbelanjaan isi rumah

Walaupun harga makanan global merupakan faktor penentu, terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi persepsi berkaitan dengan kos sara hidup. Salah satu faktor ialah kenaikan harga kenderaan dan rumah yang meningkat sekali ganda atau meningkat dengan ketara. Malah, perubahan dalam corak perbelanjaan pengguna juga merupakan satu faktor.

Pembangunan yang pesat dan perubahan gaya hidup menjadikan lebih banyak rakyat Malaysia memilih corak perbelanjaan yang mewah seperti makan di tempat mewah, bercuti ke luar negeri dan meningkatkan perbelanjaan membeli belah. Dengan perubahan ini, secara tidak langsung kos sara hidup seseorang itu juga akan mula meningkat apabila sebahagian besar hasil pendapatan peribadi dibelanjakan bagi tujuan sedemikian.

Rakyat Malaysia juga kini agak kuat berbelanja. Baru-baru ini, sebuah akhbar melaporkan bahawa rakyat Malaysia secara umumnya berbelanja berlebihan. Secara purata, seramai 41 orang rakyat Malaysia diisytiharkan bankrap pada setiap hari, terutamanya disebabkan oleh hutang kad kredit. Sebahagian besar daripada golongan ini berumur 40 tahun ke bawah. Laporan itu juga menyebut bahawa hampir 5 juta rakyat Malaysia mengunjungi lebih 300 buah pusat membeli-belah di seluruh negara pada setiap hujung minggu.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Satu lagi faktor ialah pengurusan kewangan yang lemah dalam kalangan generasi muda. Akibatnya, banyak yang hidup di luar kemampuan masing-masing, lantas menyebabkan mereka terjebak dalam masalah aliran tunai. Golongan ini pantas menyalahkan kenaikan kos sara hidup sebagai punca kepada masalah yang dihadapi. Faktor lain termasuk juga laporan media serta maklumat yang diterima daripada khabar-khabar angin dan perbualan harian. Sumber maklumat sedemikian tidak semestinya memberikan gambaran yang tepat mengenai apa yang sebenarnya berlaku.


Walaupun semua faktor ini boleh diambil kira dalam memberikan sudut pandang yang seimbang mengenai kos sara hidup yang kian meningkat, kerajaan ingin menyatakan dengan jelas bahawa sebab-sebab ini tidak sekali-kali akan dijadikan alasan atau halangan terhadap komitmen kerajaan dalam menghulurkan bantuannya kepada rakyat.

MATLAMAT KOS SARA HIDUP

MATLAMAT NKRA 2011

Mewujudkan bidang tumpuan utama - makanan, perumahan, pengangkutan dan utiliti

Hasil kajian menunjukkan bahawa rakyat Malaysia secara puratanya membelanjakan 55% daripada perbelanjaan isi rumah untuk makanan, kediaman, pengangkutan, dan utiliti. Berdasarkan hasil kajian ini, NKRA COL menumpukan sebahagian besar usahanya terhadap bidang-bidang ini. Walau bagaimanapun, bidang-bidang lain seperti pendidikan dan kesihatan juga diberikan perhatian yang sewajarnya.



Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Sebelum mewujudkan bidang tumpuan utama ini, NKRA COL berusaha untuk mengenal pasti pendekatan yang akan memastikan bahawa semua rakyat yang layak, terutamanya mereka yang dalam kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana, akan diberi bantuan.

Namun dipengaruhi oleh sumber kewangan yang terhad, kerajaan perlu bijak dalam merancang pendekatan yang diambil. Bukan sahaja kerajaan menghadapi tugas berat menangani isu-isu yang sukar dan tidak boleh melakukan banyak kesilapan, orang ramai juga mengharapkan tindakan pantas dan berkesan daripada kerajaan. Justeru, NKRA COL perlu dilaksanakan dengan jayanya sejak dari awal dan menyampaikan Keberhasilan Besar dan Pantas seperti yang digariskan oleh falsafah Keberhasilan Besar yang Pantas Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Dalam mewujudkan bidang tumpuan utama, beberapa persoalan perlu dijawab. Sebagai contoh, bagaimanakah kerajaan boleh mengenal pasti benefisiari dan penerima yang benar-benar layak? Apakah ia melalui paras pendapatan dan pekerjaan atau melalui bilangan ahli keluarga dalam isi rumah tertentu? Apakah lokasi memainkan peranan dalam hal ini? Atau, apakah semua pemboleh ubah ini perlu dipertimbangkan? Apakah ia berasaskan demografi seperti ibu tunggal, kanak-kanak sekolah dan sebagainya? Bagaimanakah kerajaan boleh memastikan tiada pertindihan berlaku terhadap subsidi sedia ada, yang telah dibelanjakan sebanyak hampir RM37 bilion?

Semua faktor ini telah dipertimbangkan dalam merumuskan pendekatan keseluruhan NKRA COL, namun mungkin apa yang paling kritikal adalah memenuhi keperluan terbesar rakyat. Jelas sekali, apa sahaja inisiatif yang dibawa oleh NKRA COL perlu menjawab soalan yang paling penting ini terlebih dahulu berbanding dengan persoalan yang lain.

Mewujudkan kumpulan sasaran yang terjejas

Setelah mewujudkan bidang tumpuan utama, langkah yang seterusnya ialah mengenal pasti dan menyelaraskan kumpulan sasaran yang terjejas. Dalam melaksanakan langkah ini, kita tidak boleh bergantung pada maklumat yang berkaitan dengan paras pendapatan individu semata-mata, sebaliknya, faktor-faktor lain juga perlu diambil kira. Faktor-faktor ini termasuklah jumlah individu yang tinggal dalam setiap isi rumah dan lokasi isi rumah, sama ada di kawasan bandar atau di kawasan luar bandar.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Program penyelarasan ini adalah penting atas sebab-sebab yang berikut:


- Hanya penerima yang benar-benar layak dipilih untuk pemberian bantuan
- Bahawa kuantum bantuan yang tepat akan disalurkan berdasarkan keperluan hidup mereka
- Tiada pembaziran penggunaan hasil cukai
- Tidak ada penyalahgunaan sistem

Dengan menggunakan Banci Kebangsaan 2011 sebagai asas, setiap isi rumah di Malaysia – lebih 6.4 juta – dikategorikan berdasarkan paras pendapatan, lokasi (kawasan bandar atau luar bandar), bilangan ahli keluarga dalam isi rumah dan kriteria sokongan yang lain. Sistem klasifikasi yang berikut kemudiannya dibentuk:

BANDAR				
Kuantum pendapatan isi rumah mempunyai maksud yang berbeza bergantung pada bilangan ahli dalam isi rumah.				
   	Kuantum Purata	Pendapatan Rendah RM 1,794	Pendapatan Sederhana RM 4,296	Pendapatan Tinggi RM 11,348
	Bujang dan bekerja (graduan baharu)			
	Suami & Isteri dengan dua anak			
	Suami & Isteri dengan 3 hingga 10+ anak			
Benar-benar memerlukan bantuan				

Sumber: EPU, 2009

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



Sumber: EPU, 2009

Walaupun ia suatu proses yang rumit, program penyelarasan ini telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh yang singkat, sekali gus memberikan NKRA COL sebuah pangkalan data penerima manfaat yang komprehensif dan tepat.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

PESERTA UTAMA


Dalam melancarkan NKRA COL, kami menyusun semula struktur tadbir urus Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga Barangan yang sedia ada untuk mewujudkan skop yang lebih luas dan meningkatkan keberkesanan. Sebab utama penyusunan semula ini adalah kerana selama ini, Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga Barangan hanya mengawas bidang makanan dan keperluan asas.

Dengan penambahbaikan struktur ini, agensi-agensi pelaksana NKRA COL juga boleh memberikan tumpuan kepada projek-projek di bawah Bajet 2012. Ini termasuk inisiatif seperti projek perumahan mampu milik, bantuan tunai, bantuan perubatan, pengangkutan yang lebih murah, dan lain-lain. Dengan bidang kuasa yang lebih besar ini, NKRA COL menjadi lebih berkesan dalam menangani setiap bidang yang melibatkan golongan rakyat yang memerlukan bantuan.

Struktur tadbir urus NKRA COL diawasi oleh Jemaah Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri sebagai peneraju utama. PEMANDU berkhidmat sebagai Sekretariat dan Penasihat kepada Pasukan Petugas Pelaksanaan (DTF) Kos Sara Hidup dan memacu KPI NKRA ini. Ahli-ahli tetap pasukan DTF terdiri daripada ahli-ahli yang sedia ada dalam Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga Barangan, manakala ahli-ahli yang lain dijemput mengikut keperluan semasa. Ahli-ahli tetap bagi NKRA ini terdiri daripada kementerian yang berikut:

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
 - Kementerian Kewangan
 - Unit Perancang Ekonomi
 - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 - Kementerian Kesihatan
 - Kementerian Pengangkutan
 - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
 - Kementerian Dalam Negeri
 - Kementerian Pelajaran
 - Kementerian Pengajian Tinggi
-

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

INISIATIF NKRA COL

Kerajaan nekad untuk menggandakan usaha

Walaupun kerajaan telah membelanjakan kira-kira RM37.6 bilion (antara 2010 dan Jun 2011) untuk memberikan bantuan dalam pelbagai bentuk kepada rakyat, kerajaan juga bersedia menggandakan lagi usaha untuk membantu rakyat menghadapi peningkatan kos sara hidup. Di bawah NKRA COL, strategi yang digubal berdasarkan lima bidang utama atau *'buckets'*, dibentuk semasa Bengkel Kabinet yang diadakan pada 10 Ogos 2011.

Bidang-bidang ini termasuk:

- Menyediakan langkah segera meringankan beban
- Mengurangkan kos pengangkutan
- Mengurangkan kos makanan
- Menyediakan perumahan dengan harga berpatutan dan berkualiti
- Lain-lain

Daripada bidang-bidang ini, beberapa inisiatif dimasukkan sebagai inisiatif NKRA. Ini termasuk kedua-dua inisiatif yang sedia ada, dan inisiatif baharu seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2012:

Bil.	Inisiatif	Inisiatif Sedia ada/ Baharu
1	Subsidi untuk barangan makanan asas	Sedia ada
2	Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) - Bantuan kewangan untuk warga emas, kanak-kanak miskin dan OKU	Sedia ada
3	Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) -> (KPDNKK) - Menyediakan barangan pengguna asas dengan harga 40% lebih murah - Menyalurkan produk 1Malaysia kepada TUKAR - Menyalurkan produk 1Malaysia kepada kedai runcit FELDA - Memperluas produk 1Malaysia kepada kedai serbaneka dan stesen minyak	Sedia ada Baharu Baharu Baharu
4	Menu Rakyat 1Malaysia - Menawarkan sarapan pada harga maksimum RM2 dan makan tengah hari pada harga maksimum RM4.	Sedia ada

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



Daripada bidang-bidang ini, beberapa inisiatif dimasukkan sebagai inisiatif NKRA. Ini termasuk kedua-dua inisiatif yang sedia ada, dan inisiatif baharu seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2012: (Sambungan)

Bil.	Inisiatif	Inisiatif Sedia ada/ Baharu
5	Bantuan tunai daripada kerajaan - Bantuan kewangan RM500 'sekali bayar' yang diberikan kepada isi rumah dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,000 dan ke bawah - Bantuan persekolahan sebanyak RM100 untuk setiap pelajar dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 di seluruh negara - Baucar buku RM200 untuk semua pelajar Malaysia di institusi pengajian tempatan awam dan swasta, termasuk institusi pengajian tinggi, matrikulasi dan pelajar Tingkatan 6 di seluruh negara	Baharu

KEJAYAAN & PENCAPAIAN

KEBERHASILAN

Ia merupakan sesuatu yang mengesankan untuk mendapati bahawa NKRA COL telah mencipta kejayaan yang ketara hanya dalam tempoh setahun pewujudannya. Hingga hari ini, kesemua inisiatif NKRA COL dan pelan tindakan mendapat sambutan yang menggalakkan oleh rakyat.

Bantuan kewangan melalui Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)

Pada Disember 2011, kerajaan telah mengumumkan bantuan kewangan sekali bayar sebanyak RM500 kepada isi rumah berpendapatan sebulan RM3,000 dan ke bawah. Langkah tersebut mendapat sambutan yang baik di seluruh negara. Pada bulan yang sama, borang permohonan telah diedarkan kepada orang ramai melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan dan cawangan-cawangannya, kaunter perkhidmatan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), dan agensi-agensi kerajaan negeri. Borang permohonan BR1M juga boleh dimuat turun dari laman sesawang agensi-agensi terbabit dan disiarkan dalam akhbar-akhbar utama. Pada awal Disember 2011, kerajaan telah memperkenalkan talian bebas tol- 1-800-222-500 bagi menjawab pertanyaan orang ramai dan memberikan penjelasan berhubung dengan bantuan wang tunai RM500 dan baucar BR1M itu. Talian bebas tol ini beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari bekerja.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



“Saya tidak bekerja, oleh itu perbelanjaan harian saya dan isteri ditanggung oleh anak-anak kami. Kami akan menggunakan RM500 daripada BR1M sebagai persediaan Tahun Baru Cina untuk dijadikan pemberian angpau buat tiga orang cucu kesayangan kami.”

- Kee Luak Kuang, 71, warga emas dari Sungai Air Tawar

Penyaluran dana kepada isi rumah dimulakan pada Januari 2012. Para penerima menerima bantuan RM500 itu dalam bentuk wang tunai atau melalui baucar BR1M. Baucar itu boleh ditunaikan di cawangan-cawangan Bank Simpanan Nasional, CIMB atau Maybank. Tugas yang besar dan rumit ini menyaksikan sebahagian besar jentera kerajaan bingkas bertindak untuk memastikan setiap penerima menerima bantuan RM500 dengan segera. Di samping itu, langkah persediaan tambahan juga diambil bagi memastikan pelaksanaan program ini tidak akan membebankan rakyat.

Para pemohon yang layak akan menerima surat pemberitahuan rasmi daripada kerajaan dengan butiran terperinci bagaimana dan di mana mereka boleh mendapatkan bantuan tunai atau baucar BR1M itu. Bagi memudahkan rakyat, mereka hanya perlu menunjukkan Kad Pengenalan mereka dan surat pemberitahuan rasmi sebagai bukti pengesahan. Proses penyaluran dana yang sangat mudah ini membolehkan bantuan kerajaan itu diagihkan dengan segera dan memastikan bahawa hanya pemohon yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan ini. Di Sarawak, satu langkah khas telah dilakukan bagi membolehkan bantuan BR1M disalurkan melalui pejabat daerah masing-masing. Hal ini demikian kerana ramai pemohon tinggal di kawasan pedalaman Sarawak dan mereka terpaksa menempuh perjalanan yang jauh bagi mendapatkan bantuan BR1M mereka.

Pada Januari 2012, jutaan rakyat telah tampil bagi menerima bantuan kerajaan untuk mereka. Sejumlah RM2.6 bilion telah diperuntukkan bagi langkah ini dan lebih 5.2 juta isi rumah atau 75% daripada semua isi rumah di negara ini telah meraih manfaat. Banyak penerima menyatakan penghargaan mereka kepada kerajaan atas bantuan prihatin yang diberikan tepat pada masanya. Di sesetengah kawasan, pengagihan bantuan dana terpaksa dilaksanakan dalam beberapa peringkat. Di kawasan Jerlun, Kedah misalnya, lebih 30,000 penerima yang telah dikenalpasti, menerima bantuan berjumlah RM15 juta dan ia diagihkan kepada mereka melalui 10 sesi.

Bagi pemohon yang tidak layak pada pusingan awal pemberian bantuan, atau mereka yang masih belum memohon, kerajaan terus memberikan peluang untuk mereka berbuat demikian. Justeru, kerajaan telah melanjutkan tarikh akhir bagi memohon bantuan dari Januari kepada Februari 2012 untuk memberikan peluang kepada rakyat seramai yang mungkin bagi memohon, seterusnya memastikan bahawa tiada rakyat Malaysia yang layak tercicir atau ketinggalan dalam program ini.

Bantuan kewangan RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah

Inisiatif untuk menyalurkan bantuan RM100 kepada semua pelajar sekolah dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 telah berjaya dilaksanakan sebelum akhir penggal persekolahan pertama 2012. Beberapa sekolah di kawasan luar bandar hanya dapat mengagihkan bantuan semasa cuti sekolah. Bantuan ini telah diberikan kepada kepada ibu bapa melalui sekolah anak masing-masing. Lebih 5.3 juta pelajar meraih manfaat daripada bantuan kembali ke sekolah ini. Kerajaan memperuntukkan RM530 juta bagi melaksanakan inisiatif ini.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



Ditambah pula dengan pemansuhan bayaran yuran sekolah, ia pastinya suatu inisiatif yang dialu-alukan oleh sebahagian besar ibu bapa, terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana. Bantuan sejumlah itu diberikan tepat pada masanya bagi membantu ibu bapa menampung perbelanjaan sekolah anak-anak dan membantu mengurangkan beban membeli pakaian sekolah baharu dan barang keperluan sekolah yang lain.

Bantuan Buku 1Malaysia (BB1M)

Inisiatif Bantuan Buku 1Malaysia (BB1M) telah diumumkan oleh Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2012 yang lalu. Di bawah program BB1M, baucar buku RM200 diagihkan kepada semua pelajar Malaysia di institusi pengajian tempatan awam dan swasta, termasuk institusi pengajian tinggi, matrikulasi dan pelajar Tingkatan 6 di seluruh negara. Baucar itu sah untuk tempoh tiga bulan mulai 1 Januari hingga 31 Mac 2012.

Kira-kira 1.3 juta pelajar dijangka meraih manfaat daripada peruntukan RM260 juta untuk inisiatif ini. Dengan kos sara hidup yang kian meningkat, banyak pelajar mungkin mengalami kesukaran untuk membeli buku kerana wang saku mereka diperuntukkan untuk keperluan lain. Baucar BB1M akan memastikan para pelajar berupaya membeli buku teks dan bahan bacaan yang berkaitan. Pada masa yang sama, mereka dapat mengekalkan fokus kepada pelajaran mereka. Bantuan ini juga dapat mendorong pelajar untuk terus tekun belajar. Sehingga kini, baucar buku telah diedarkan kepada 1,250,715 pelajar diseluruh negara.

Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)

Pembukaan awal premis Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) membawa manfaat yang amat besar kepada rakyat. Sehingga kini, terdapat 27 kedai KR1M di seluruh negara dengan jumlah perolehan melebihi RM12.6 juta. Rakyat kini mempunyai sebuah kedai yang membolehkan mereka membeli barangan keperluan rumah harian dengan harga lebih murah daripada harga pasaran. Terdapat kira-kira 250 jenis barang keperluan rumah yang dijual menggunakan jenama 1Malaysia dengan pengurangan harga yang ketara. Sebagai contoh, para pengguna boleh membeli 2 liter cecair pencuci lantai dengan harga RM5.90 di kedai KR1M berbanding dengan RM9.50 untuk produk yang sama di kedai biasa. Sambutan rakyat terhadap kedai KR1M amat memberangsangkan kerana mereka dapat mengurangkan perbelanjaan sebanyak 30% hingga 40% berdasarkan himpunan barang keperluan yang sering dibeli. Produk yang dijual di rak juga sentiasa habis dibeli, dan kerap kali stok barang jualan terpaksa ditambah semula. Antara bulan Oktober dan Disember 2011 sahaja, lebih 600,000 resit jualan direkodkan di rangkaian kedai KR1M. Bagi memenuhi permintaan, produk yang habis dijual ditambah stok pada hari yang sama. Ini merupakan bukti jelas bahawa rakyat dapat menikmati barang keperluan penting pada harga yang lebih rendah tetapi tetap berpuas hati dengan kualitinya.

Kedai-kedai KR1M juga menyediakan banyak peluang keusahawanan kepada pelbagai perusahaan kecil dan sederhana luar bandar. Sebahagian besar barang-barang yang dijual di Kedai Rakyat 1Malaysia kedai diperolehi daripada para pembekal ini. Produk-produk KR1M juga boleh didapati di 250 buah kedai FELDA D'Mart. Hal yang demikian membolehkan para peneroka FELDA membeli barangan keperluan harian termasuk susu dan lampin kanak-kanak pada harga yang lebih rendah.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Memperkenalkan Program Menu Rakyat 1Malaysia

Menu Rakyat 1Malaysia ialah menu yang telah dipakejkan, iaitu menu sarapan pagi ditetapkan pada kadar standard berharga RM2 dan menu makan tengah hari berharga RM4. Kedua-dua pakej menu itu jelas masih berada dalam kemampuan kuasa beli kebanyakan rakyat Malaysia. Ia diperkenalkan di restoran-restoran terpilih di Lembah Klang dan mendapat sambutan yang menggalakkan oleh orang ramai. Menu Rakyat 1Malaysia merupakan hidangan yang lengkap dan berkhasiat terdiri daripada nasi, daging, sayur-sayuran dan minuman. Menu Rakyat diperkenalkan untuk memberikan pilihan alternatif kepada orang ramai dengan harga yang berpatutan bagi sarapan pagi dan makan tengah hari. Menu Rakyat 1Malaysia boleh dinikmati oleh semua rakyat Malaysia.

PERSEPSI RAKYAT

Berdasarkan sekian banyak inisiatif yang berjaya dilancarkan untuk rakyat dalam bentuk perkhidmatan kesihatan, bantuan wang tunai untuk isi rumah berpendapatan rendah dan para pelajar, selain bantuan subsidi bagi barangan keperluan rakyat jelas memperlihatkan bahawa rakyat menerima dengan hati yang terbuka dan memberikan sambutan yang hebat kepada pelbagai inisiatif NKRA COL. Orang ramai akan dapat merasai kesan yang ketara hasil inisiatif ini dalam kehidupan mereka melalui kejayaan pelaksanaan projek-projek yang diumumkan dalam Bajet 2012. Malah, terdapat persepsi yang semakin baik bahawa kerajaan benar-benar ikhlas menjana perubahan demi meringankan beban rakyat.

Hal yang demikian amat penting kerana persepsi merupakan satu elemen yang mustahak bagi kejayaan NKRA COL. Persepsi yang wujud dalam kalangan rakyat pada masa kini selalunya berasaskan kepada khabar-khabar angin, kes-kes terpencil seperti pengalaman peribadi semasa membeli-belah dan sebagainya. Oleh itu, segala usaha kerajaan di bawah NKRA COL mestilah ketara, telus dan dapat dirasai oleh rakyat sesegera yang mungkin, bagi memberikan gambaran yang sebenar dan mengubah rangka minda mereka.

MELANGKAH MENUJU 2012

Walaupun pelaksanaan NKRA COL masih berada dalam tahun pertama pelaksanaan, pelbagai inisiatif telah banyak membantu meringankan beban rakyat dan menggalakkan kestabilan dalam persekitaran perubahan harga yang tidak menentu. Ia telah membawa kesan yang positif kepada jutaan rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat, tanpa mengira perbezaan umur dan kumpulan pendapatan, yang tinggal di kawasan bandar mahupun di luar bandar.

Melangkah ke hadapan pada tahun 2012, NKRA COL akan menyampaikan manfaat tambahan melebihi apa yang telah diberikan kepada rakyat sebelum ini. Inisiatif berikut akan dilancarkan secara berperingkat demi menyalurkan bantuan tambahan kepada rakyat:

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat



Langkah Intervensi melalui Indeks Kos Sara Hidup

Menyedari hakikat bahawa perbelanjaan pengguna adalah berbeza-beza mengikut wilayah dan gaya hidup masing-masing, NKRA COL akan membangunkan Indeks Kos Sara Hidup yang dinamik dengan bakul tetap perbelanjaan yang mencerminkan perbelanjaan sebenar rakyat biasa di Malaysia.

Harga barangan dan perkhidmatan yang dipantau akan diperolehi dari pasar-pasar yang terkenal di kawasan bandar dan luar bandar di semua negeri, dengan kumpulan pendapatan yang berbeza. Indeks Kos Sara Hidup akan dijadikan panduan utama kepada ahli-ahli DTF NKRA ini apabila ia diperlukan kelak semasa membuat keputusan yang berkaitan dengan polisi serta peruntukan belanjawan. Keputusan yang diambil akan disokong oleh pandangan para pakar dan data dari agensi-agensi pusat dan kementerian, yang memainkan peranan penting dalam menguruskan permintaan dan bekalan barangan serta perkhidmatan harian yang digunakan oleh rakyat.

Penambahan Klinik 1Malaysia - menyediakan perkhidmatan kesihatan yang murah

Kerajaan berhasrat untuk terus memberikan kemudahan kesihatan yang berkualiti dan mampu dibayar untuk rakyat melalui pelancaran 50 buah klinik 1Malaysia baharu pada tahun 2012, menjadikan jumlah keseluruhan klinik 1Malaysia kepada 100 buah. Klinik 1Malaysia yang terletak di kawasan bandar, telah menerima purata 100 pesakit dirawat setiap hari di klinik masing-masing. Dengan pembukaan klinik 1Malaysia yang baharu pada tahun ini, lebih banyak rakyat Malaysia terutama daripada isi rumah yang berpendapatan rendah dapat menerima rawatan perubatan di klinik ini pada harga serendah RM1.

Lancar lebih banyak kedai KR1M dan Menu Rakyat 1Malaysia

Di samping itu, lebih banyak kedai KR1M dirancang diwujudkan di seluruh negara. Lokasi-lokasi baharu termasuklah beberapa buah pekan dan bandar utama. Teruja dengan kejayaan KR1M, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang mengkaji untuk melaksanakan lebih banyak Kedai Ikan Rakyat 1Malaysia (KIR1M) bagi menjual ikan. Pada masa ini, terdapat sebuah kedai KIR1M yang beroperasi di Setiawangsa, Kuala Lumpur. Berdasarkan konsep yang sama seperti KR1M, kedai-kedai ini akan menjual ikan kegemaran orang ramai seperti ikan kembung dan ikan bawal pada harga 40% hingga 50% lebih rendah daripada harga pasaran.

Dalam memastikan Menu Rakyat 1Malaysia lebih mudah didapati oleh rakyat di seluruh negara, kerajaan menggalakkan lebih banyak kedai makanan, termasuk penjual gerai makanan untuk menyertai program ini. Penyertaan kedai makanan dengan jumlah yang lebih besar akan membantu memastikan semua rakyat Malaysia di seluruh negara mempunyai akses kepada makanan yang berkhasiat dan murah. Pada masa ini, terdapat hampir 1,067 ruang niaga sedemikian di seluruh negara dan sasaran adalah untuk mempunyai 3,000 ruang niaga pada akhir tahun 2012. Perancangan juga sedang dilakukan untuk memperbaiki rantai bekalan untuk menghasilkan pengurangan seterusnya kos barangan keperluan dan perkhidmatan selain menggunakan tanah-tanah terbiar untuk pengeluaran makanan.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Projek Rumah 1Malaysia (PR1MA)

Projek Perumahan 1Malaysia atau PR1MA akan menjadi projek yang julung-julung kali dilaksanakan di Malaysia. Ia didasarkan terutamanya kepada golongan berpendapatan pertengahan yang tidak mampu memiliki rumah yang mahal, tetapi pada masa yang sama, mereka tidak layak untuk memohon skim perumahan kos rendah. Permohonan hanya dibenarkan untuk bakal pemilik rumah yang memohon untuk kali pertama, dengan pendapatan tidak melebihi RM6,000 sebulan, tidak kira sama ada mereka sedang bertugas di sektor kerajaan, sektor swasta atau bekerja sendiri. Para pemohon yang berjaya, layak untuk menerima pinjaman 105% (tambahan lima peratus adalah untuk perlindungan insurans dan yuran undang-undang) daripada harga rumah dan tempoh pinjaman maksimum 30 tahun. Namun, para pemohon tidak dibenarkan menjual rumah mereka dalam tempoh 10 tahun pertama. Mereka juga mendapat manfaat daripada pengecualian duti setem. Bagi menyokong inisiatif itu, Perbadanan Program Perumahan 1Malaysia telah ditubuhkan bagi merancang dan menyelaraskan projek di bawah program PR1MA.

Menyedari situasi yang dihadapi oleh rakyat, kerajaan serius untuk melaksanakan langkah-langkah meringankan beban semua rakyat. Inisiatif-inisiatif baharu ini di samping langkah-langkah yang sedia ada, bertujuan memberi rakyat, terutamanya penduduk daripada golongan pekerja dan sederhana, berasa selamat dan terjamin bahawa mereka tidak akan terbeban menanggung kos sara hidup yang kian meningkat. Kerajaan akan terus teguh berdiri bersama-sama dengan rakyat dan menyokong mereka selaras dengan semangat 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Kekal prihatin terhadap denyut nadi rakyat

Kepantasan pelaksanaan dan kualiti bantuan yang disalurkan di bawah inisiatif NKRA COL telah memberi makna kepada jutaan rakyat Malaysia. Ini jelas membuktikan komitmen kerajaan dalam menjaga dan membantu rakyat, tanpa mengira kaum atau agama. Kami akan terus menghulurkan bantuan kepada mereka yang sangat memerlukan, pada bila-bila masa, serta di mana-mana sahaja ia diperlukan. Kami akan terus komited dengan meletakkan keperluan rakyat sentiasa di hadapan dan akan terus merasai nadi dan degup jantung rakyat untuk menangani kebimbangan dan keprihatinan mereka.

Pada masa yang sama, kerajaan akan terus berusaha mencapai matlamatnya bagi menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi. Wawasan utama kerajaan adalah untuk meningkatkan paras pendapatan semua rakyat Malaysia agar rakyat boleh menikmati kualiti hidup yang lebih baik seperti yang dinikmati oleh rakyat di negara-negara maju.

Rancangan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) akan terus diberikan penekanan sebagai sebahagian daripada matlamat jangka panjang kerajaan. Kerajaan juga sedang mengkaji pewujudan skim gaji minimum sebagai langkah sokongan dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup. Kesimpulannya, kami akan bekerja keras dalam memastikan kebimbangan rakyat terhadap kos sara hidup diurus dengan berkesan dalam situasi ketidakpastian global pada hari ini.

Mengurangkan Jenayah



Bersama

Membina negara yang
lebih selamat

Mengurangkan Jenayah



Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein Onn

Menteri Dalam Negeri

“Mengurangkan jenayah dan memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang selamat dan aman merupakan suatu usaha harian berterusan yang tidak akan pernah terhenti. Saban hari, kerajaan, polis dan rakyat di seluruh negara bekerja keras untuk mencapai matlamat ini, dan saya berbesar hati mengumumkan di sini bahawa beberapa kemajuan yang nyata telah pun berjaya diraih. Pada tahun 2011, kita sekali lagi dilimpahi kejayaan yang hebat dengan pengurangan kadar jenayah dilaporkan di seluruh negara. Pencapaian yang membanggakan setakat ini tidak lain ialah hasil kerjasama yang kukuh antara semua pihak yang terlibat dan kami berazam untuk meneruskan semua aktiviti berbentuk antara agensi dan kementerian ini. Walaupun perjalanan tugas ini masih lagi jauh untuk disempurnakan, namun kami akan memastikan penambahbaikan berterusan dalam mengurangkan jenayah pada tahun-tahun yang akan datang. Kami menyeru setiap rakyat Malaysia untuk berganding bahu meneruskan usaha membanteras jenayah. Perjalanan ini mungkin jauh, sukar dan berliku, namun kami nekad untuk memastikan keselamatan rakyat pada setiap masa dan walau di pelosok mana jua mereka berada.”



Malaysia negara yang lebih selamat pada hari ini

Kedudukan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang “paling aman” dan “paling selamat” telah diperkukuh lagi berikutan pengesahan pihak ketiga yang bebas dari luar Malaysia. Sebahagian besar kejayaan ini tidak dinafikan hadir lantaran usaha yang bersungguh-sungguh oleh pasukan NKRA Mengurangkan Jenayah yang bekerja keras dalam mengekang jenayah dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih selamat untuk semua.

Dalam edisi kelima Indeks Keamanan Global (*Global Peace Index, GPI*), yang diterbitkan pada bulan Mei 2011, Malaysia telah diisytiharkan sebagai negara yang paling aman di Asia Tenggara dan negara yang keempat paling selamat di rantau Asia Pasifik di belakang New Zealand, Jepun dan Australia. Negara kita juga meningkat tiga anak tangga ke tempat 19, menggantikan Singapura sebagai negara dengan ranking tertinggi di Asia Tenggara. Ranking GPI, Institut Ekonomi dan Keamanan yang berpangkalan di Sydney itu turut meletakkan Malaysia sebagai negara ke-19 paling selamat dan paling aman daripada 153 negara di seluruh dunia. Ini merupakan tahun kelima berturut-turut Malaysia meraih peningkatan dalam penilaian GPI itu.

Indeks Peraturan Undang-undang 2011 (*Rule of Law Index 2011*) di bawah Projek Keadilan Dunia (*World Justice Project – WJP*) juga meletakkan Malaysia sebagai negara paling selamat antara 19 negara berpendapatan sederhana tinggi dan yang ke-12 pada peringkat global. Kedudukan Malaysia di tempat ke-12 berbanding dengan 66 negara yang dirangkumi di bawah penilaian Peraturan dan Keselamatan (*Order*

and Security) WJP, meletakkan negara di hadapan Amerika Syarikat (kedudukan ke-13), diikuti oleh Britain, Belgium dan Perancis. Usaha berbentuk multinasional dan pelbagai disiplin untuk memperkukuh peraturan undang-undang di seluruh dunia, WJP disokong oleh satu rangkaian yayasan dan persatuan yang terkenal pada peringkat global termasuklah Yayasan Keluarga Neukom, Yayasan Bill & Melinda Gates dan LexisNexis. Indeks Peraturan Undang-undang menilai pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang yang diamalkan dan kesannya terhadap kehidupan manusia.

Dalam Laporan Daya Saing Global 2011 (*Global Competitiveness Report - GCR*) yang dilaksanakan oleh Forum Ekonomi Sedunia di bawah subkategori Kos berkaitan dengan Perniagaan Jenayah dan Keganasan, ranking Malaysia meningkat sebanyak 30 anak tangga dari tempat 93 kepada 63.

Di dalam negeri, kaji selidik mengenai Isu-isu Semasa Negara oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mendapati bahawa peratusan rakyat Malaysia yang masih bimbang akan jenayah telah menurun dengan ketara daripada 33% pada tahun 2010 kepada 21% pada tahun 2011. Statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) turut mendapati penurunan dalam bilangan kecurian kenderaan yang dilaporkan berdasarkan jumlah tuntutan diterima. Pada tahun 2010, PIAM menerima 38,897 laporan kecurian kenderaan berbanding dengan 42,136 laporan pada tahun sebelumnya – pengurangan yang kukuh sebanyak 9.4%. Di samping itu, pengesahan lain oleh pihak tempatan mahupun antarabangsa membuktikan bahawa Malaysia sebenarnya telah mengorak kemajuan yang besar dalam pengurangan jenayah.

Mengurangkan Jenayah

Pengiktirafan Luar terhadap Kejayaan Membanteras Jenayah di Malaysia



Projek Keadilan Dunia

Paling selamat

antara 19 negara pendapatan sederhana tinggi

#12

Paling selamat Pada keseluruhannya, lebih selamat berbanding dengan Amerika Syarikat dan Britain



Indeks Keamanan Dunia

#1

paling selamat dan aman di Asia Tenggara

#4

paling selamat dan aman di Asia Pasifik

#19

paling selamat dan aman pada peringkat Global



Laporan Daya Saing Global WEF

#63

pada 2011, dari #93 pada tahun 2010

+30

penambahbaikan dalam ranking



Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)

9.4%

pengurangan kes tuntutan kenderaan pada tahun 2010 berbanding dengan 2009



Kaji selidik 'Kepuasan Orang Ramai terhadap PDRM'

13.9%

peningkatan kepuasan terhadap PDRM daripada 56.6% (Jan' 11) kepada 70.5% (Dis' 11)



Kaji selidik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

12.0%

pengurangan kebimbangan terhadap jenayah daripada 33% (2010) kepada 21% (2011)

Pertarungan Malaysia menentang jenayah

Usaha yang gigih telah digembleng untuk membanteras jenayah di Malaysia pada tahun-tahun kebelakangan ini. NKRA Mengurangkan Jenayah diwujudkan pada tahun 2009 sebagai respons kepada kebimbangan rakyat yang semakin mendalam terhadap peningkatan kadar jenayah di Malaysia. Pada masa itu, jenayah dilaporkan sebagai isu kedua terpenting bagi rakyat selepas ekonomi. Keputusan yang diambil untuk menjadikan jenayah sebagai NKRA di bawah GTP menandakan titik permulaan era baharu dalam usaha memerangi jenayah di Malaysia. Kementerian Dalam Negeri melalui Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan beberapa agensi lain telah ditugaskan untuk menjadikan peperangan terhadap jenayah sebagai satu keutamaan di bawah NKRA Mengurangkan jenayah.

Mengurangkan Jenayah



2010 – Titik permulaan era baharu membanteras jenayah

Pada tahun pertama ia diperkenalkan, NKRA Mengurangkan Jenayah menerima pakai pendekatan yang belum pernah diambil sebelum ini dengan tumpuan kepada penciptaan kejayaan pantas dan besar, yang akan memberi kesan yang langsung dan ketara terhadap kehidupan rakyat. Segala usaha tertumpu pada peringatan bahawa jenayah tidak sekali-kali membawa sebarang faedah dan Malaysia tidak akan bertolak ansur dengan kegiatan jenayah. Inisiatif seperti mengukuhkan pasukan keselamatan dan agensi penguatkuasaan undang-undang, melengkapkan mereka dengan kemudahan dan peralatan yang lebih canggih, memasang kamera televisyen litar tertutup (CCTV) di kawasan berisiko tinggi dan *hotspot* jenayah, melaksanakan Program Omnipresence dan Program Bandar Selamat selain menyediakan kaunseling kepada belia dan komuniti, telah meningkatkan keselamatan orang ramai secara mendadak. Tahun 2010 merupakan tahun yang menyaksikan kegiatan jenayah menerima tamparan hebat manakala reputasi PDRM ditebus dan keyakinan rakyat pula dipulihkan.

Tahun 2010 juga menyaksikan NKRA Mengurangkan Jenayah mencipta banyak kejayaan “pertama” sekali gus memecah rekod pencapaiannya. Sebahagian daripada kejayaan penting ini termasuklah pengurangan mendadak dalam Jenayah Jalanan dan Jenayah Indeks – masing-masing berkurangan sebanyak 35% dan 15%. Pengurangan ini, pertama kali dicapai dalam tempoh empat tahun dan tertinggi pernah dirakamkan dalam sejarah Malaysia sejak kemerdekaan, didukung oleh pengurangan yang ketara dalam jenayah di lokasi padat penduduk seperti Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor. Pada tahun 2010 sahaja, sejumlah 2,001 tambahan kes jenayah kekerasan diselesaikan sementara perasaan takut rakyat akan jenayah menurun dengan nyata sebanyak 5.7%.

2011 – Peperangan semakin sengit

Pada tahun 2011, tanggungjawab kami adalah untuk meneruskan usaha cemerlang yang telah digembleng pada tahun 2010 sambil mencipta kejayaan yang lebih besar dalam membanteras jenayah. Sekali lagi, NKPI yang mencabar telah ditetapkan dengan inisiatif baharu yang berani, berserta langkah-langkah sedia ada yang terbukti berkesan untuk menerajui usaha NKRA. Tahap kerjasama yang belum pernah wujud sebelum ini dapat dilihat sepanjang tahun melibatkan polis, agensi penguatkuasaan undang-undang seperti RELA (Ikatan Relawan Rakyat Malaysia) dan JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia) selain majlis perbandaran dan tidak terkecuali juga orang ramai.

Kami berbesar hati melaporkan bahawa tahun 2011 terbukti merupakan tahun yang cemerlang dengan satu lagi rentetan kejayaan yang mengagumkan. Pengurangan lebih lanjut dicapai dalam Jenayah Jalanan dan Jenayah Indeks. Program Omnipresence dan Program Bandar Selamat diperluas dengan jayanya –dengan demikian meningkatkan kehadiran polis dalam kalangan masyarakat di samping melonjakkan usaha memperkasakan kawasan sasaran. Penambahbaikan perkhidmatan barisan hadapan (*frontline*) kepada orang ramai turut diberikan penekanan melalui inisiatif Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan PDRM (*PDRM Customer Service Rating – CSR*) yang dilaksanakan di semua balai polis di negeri Selangor. Akhir sekali, kepuasan orang ramai terhadap polis meningkat seperti yang dinyatakan oleh dapatan kaji selidik TNS Research International.

Mengurangkan Jenayah



Berikut ialah senarai pencapaian besar bagi tahun 2011 di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah:


KEJAYAAN BESAR

- Pengurangan Jenayah Indeks sebanyak 11.1%
- Pengurangan Jenayah Jalanan sebanyak 39.7%
- Kepuasan terhadap Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) meningkat kepada 70.5%
- Lebih 3,000,000 sukarelawan berdaftar dengan RELA dan JPAM
- 3,931 anggota RELA dilatih sebagai Sukarelawan Polis (*Police Volunteer Reserve - PVR*)
- 1,607 anggota JPAM dilatih sebagai Sukarelawan Polis (PVR)
- Program Omnipresence diperluas ke Sabah (5 daerah) dan Sarawak (4 daerah)
- 30,000 ahli Skim Rondaan Sukarela (SRS) tambahan direkrut menjadikan jumlah keseluruhan kepada 147,000
- Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan (*Customer Service Rating - CSR*) dilancarkan di 82 balai polis di Selangor dengan 95% responden melahirkan rasa puas terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Anggota/Pegawai Pejabat Pertanyaan
- Program Bandar Selamat dilaksanakan di 151 PBT (Pihak Berkuasa Tempatan atau majlis perbandaran tempatan) di seluruh negara dengan pemasangan 8,329 tiang lampu yang lebih cerah, 1,311 cermin keselamatan, 104.3 km rel penghadang dan tonggak jalan (bollard)
- Lebih 8,000 rampasan dan tangkapan Gerakan Negara (Ops Lejang, Rentap, Pintu, Lusuhan)
- Perkhidmatan MyDistress dilancarkan dengan 68,925 pengguna berdaftar setakat ini

TINJAUAN KESELURUHAN

Keperluan sebenar untuk menjadikan Malaysia lebih selamat

Jenayah di Malaysia pada dasarnya menunjukkan trend yang meningkat sejak tahun 1970-an lagi. Tahun-tahun antara 2006 dan 2009 memperlihatkan peningkatan insiden jenayah yang ketara dengan Jenayah Jalanan menjadi salah satu faktor utama yang menyumbang kepada trend ini. Statistik daripada pelbagai kaji selidik juga menguatkan kebimbangan rakyat – insiden Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan telah meningkat dengan mendadak antara tahun 2006 dan 2009.



Sumber: PDRM

Masalah ini mencecah tahap yang menunjukkan bahawa jenayah tidak lagi boleh dilihat sebagai kejadian terpencil yang berlaku hanya kepada individu tertentu. Jenayah telah merebak luas dan mengakibatkan ribuan rakyat Malaysia di seluruh negara menjadi mangsa setiap tahun. Situasi pada hakikatnya telah menjadi semakin kritikal.

Sedang jenayah menjadi isu peringkat nasional, berita mengenai jenayah terus ditampilkan secara meluas oleh media negara. Topik ini senantiasa berlegar dalam minda kebanyakan rakyat Malaysia, dan ia menjadi topik perbincangan rancak dalam perjumpaan sosial di serata tempat. Banyak kawasan kejiranan kediaman mula mengambil langkah mengupah pengawal keselamatan selain meletakkan pagar keselamatan di kawasan mereka. Jenayah telah mula mengakibatkan tekanan psikologi bukan sahaja kepada mangsa, malah kepada masyarakat secara umum. Ia menimbulkan perasaan takut rakyat dan menjejaskan mutu kehidupan mereka. Secara langsung atau tidak, hak asasi setiap rakyat Malaysia untuk hidup tanpa perasaan takut telah dipertaruhkan.

Mengurangkan Jenayah

Keadaan ini bertentangan dengan prinsip 1 Malaysia berkaitan dengan pembangunan Malaysia yang selamat, aman dan bersatu padu. Betapa seriusnya masalah ini dan hakikat bahawa ia meninggalkan kesan yang negatif kepada rakyat telah mewajarkan tindakan kerajaan untuk menangani jenayah dengan pantas. Namun demikian, pentadbiran Datuk Seri Najib juga akur bahawa untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang benar-benar selamat, ia memerlukan satu pendekatan yang lebih strategik dan menyeluruh; pendekatan yang akan membolehkan sumber dan fokus yang sesuai ditumpukan terhadap masalah di samping penyelesaian yang inovatif dan inisiatif yang bakal menghasilkan Kejayaan yang Besar dan Pantas. Oleh hal yang demikian, kerajaan merumuskan NKRA Mengurangkan Jenayah yang menampilkan kitaran hayat dari mula hingga akhir (*end-to-end*) dan kolaborasi antara kementerian dan antara agensi. Kini, Malaysia mempunyai program end-to-end yang menyeluruh untuk mengurangkan jenayah secara berkesan di seluruh negara.



Kejayaan yang tercipta pada tahun 2010 mewajarkan pendekatan agresif NKRA Jenayah yang telah diambil. Meskipun kejayaan awal ini mengagumkan, namun ia hanya menandakan titik permulaan kepada usaha pengurangan jenayah secara keseluruhan. Pada tahun 2011, perang terhadap jenayah terus dilakukan dengan menggandakan usaha dan keyakinan kami untuk mewujudkan negara Malaysia yang lebih selamat dan aman.

Mengurangkan Jenayah

2011 – OBJEKTIF NKRA JENAYAH

NKPI 2011

Pada tahun 2011, NKRA Mengurangkan Jenayah meneruskan lima NKPI 2010 yang sedia ada:

Bil.	NKPI	Sasaran 2011
1	Pengurangan Jenayah Indeks yang dilaporkan	5%
2	Pengurangan Jenayah Jalanan yang dilaporkan	40%
3	Pengurangan perasaan takut menjadi mangsa jenayah	50%
4	Tambahan bilangan kes yang dihadapkan ke muka pengadilan (kadar pendakwaan)	20%
5	Penambahbaikan persepsi orang ramai terhadap prestasi polis	60%

Pengurangan Jenayah Indeks sebanyak 5%

Jenayah Indeks terdiri daripada 14 kategori jenayah yang berbeza¹. Ia merupakan jenayah yang dianggap serius dan yang berlaku dengan kekerapan dan ketetapan yang cukup hingga ia dapat berfungsi sebagai indeks kepada jenayah keseluruhan di Malaysia. Pengurangan Jenayah Indeks merupakan ukuran langsung bertujuan mengurangkan pendedahan rakyat kepada kemungkinan berlakunya jenayah pada setiap hari. Kejayaan dalam Jenayah Indeks akan memberikan kesan langsung kepada kadar jenayah dan pencapaian indeks secara keseluruhan. NKRA Mengurangkan Jenayah dilancarkan dengan sasaran pengurangan keseluruhan Jenayah Indeks yang dilaporkan sebanyak 5% setiap tahun dari tahun 2010-2012. Sembilan inisiatif penting telah diperkenalkan.

¹[Nota: Jenayah Indeks ialah (1) kecurian, (2) curi ragut, (3) kecurian motosikal, (4) kecurian kereta, (5) kecurian jentera berat, (6) pecah rumah siang hari, (7) pecah rumah malam hari, (8) rompakan tanpa senjata, (9) rompakan berkumpulan bersenjata, (10) rompakan bersenjata, (11) serangan, (12) rogol, (13) pembunuhan]

Mengurangkan Jenayah

9 inisiatif utama untuk mengurangkan Jenayah Indeks

Sasaran akan dicapai melalui 9 Inisiatif Utama



5% pengurangan Jenayah Indeks yang dilaporkan menjelang Disember 2011

Kecurian Motosikal

1. Pengawasan Kecurian Motosikal
2. Ciri-ciri Keselamatan Motosikal

Pecah Rumah

3. Pengawasan Pecah Rumah
4. Ciri-ciri Keselamatan Rumah

Kecurian Kereta

5. Pengawasan Kecurian Kereta
6. Ciri-ciri Keselamatan Kereta


7. Premium Insurans Berkadaran
8. Penguatkuasaan PBT yang ketat terhadap bengkel haram
9. Meningkatkan ketersediaan dan penggunaan alat mudah alih antara peranti

Mengurangkan Jenayah

Kecurian kenderaan merupakan salah satu jenayah kritikal yang ditangani di bawah NKPI tahun 2011. Penting menyebut jenayah kecurian kenderaan secara khusus memandangkan ia menyumbang sebanyak 43.55% daripada Jenayah Indeks dan ia juga merupakan fakta terpenting untuk mengurangkan Jenayah Indeks.

Kecurian Kenderaan terdiri daripada 43.55% Jenayah Indeks dan faktor paling penting dalam pengurangan Jenayah Indeks

Kes Jenayah Indeks yang dilaporkan, Januari - Disember 2011



Sasaran 2011 adalah untuk merealisasikan pengurangan 10% dalam kedua-dua perkara – perongkahan semula alat ganti dan penyeludupan merentas sempadan, yang akan menyumbang secara ketara kepada pengurangan dalam Jenayah Indeks. Pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk mencapai hasrat ini. Inisiatif sedia ada yang terbukti berkesan pada tahun 2010 terus dikekalkan. Ini termasuklah rampasan dan tangkapan menerusi operasi polis nasional, pengawasan secara rahsia, penggunaan perangkap selain pengukuhan perkongsian untuk membanteras jenayah. Pada tahun 2011, sebuah Bengkel Mengurangkan Kecurian Kenderaan telah diadakan bersama-sama dengan beberapa pihak termasuk PDRM dan Majlis Pengurangan Kecurian Kenderaan. Matlamatnya adalah untuk merumuskan strategi bagi mengatasi kecurian kenderaan juga telah diperkenalkan.

Mengurangkan Jenayah

Pengurangan Jenayah Jalanan sebanyak 40%

Jenayah Jalanan terdiri daripada tiga kategori jenayah yang berbeza – iaitu curi ragut, rompakan berkumpulan tanpa senjata dan rompakan tanpa senjata. Oleh sebab Jenayah Jalanan meninggalkan kesan yang nyata dan impak yang langsung kepada rakyat, satu lagi sasaran besar telah ditetapkan pada tahun 2010. Diakui bahawa penambahbaikan dalam Jenayah Jalanan akan memberikan kesan yang besar kepada persepsi orang ramai terhadap perasaan takut selain kepuasan mereka terhadap pasukan polis. Sasaran ini telah ditetapkan dalam usaha mengurangkan Jenayah Jalanan sebanyak 40% pada tahun 2011 dengan menggunakan data 2009 sebagai asas.

Pada tahun 2010, NKRA Mengurangkan Jenayah mencapai 35% pengurangan dalam Jenayah Jalanan, mengatasi sasaran NKPI sebanyak 20% yang ditetapkan. Ini merupakan keputusan yang mengagumkan meskipun menurut standard sasaran GTP yang diperluas. Setelah menetapkan penanda aras yang tinggi pada tahun 2010, pengurangan peratusan tinggi yang serupa yang diraih akan mengekalkan momentum NKRA dan semangat agensi penguatkuasaan dalam melangkah ke hadapan. Walau bagaimanapun, pengurangan mendadak yang selanjutnya sebanyak 40% dengan menggunakan garis dasar tahun 2010 dikira tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh ambang keberkesanan aktiviti pengurangan jenayah. Oleh hal yang demikian, garis dasar asal pada tahun 2009 digunakan sebagai kayu pengukur untuk mengukur pengurangan sasaran 2011.

Inisiatif penting yang diambil pada tahun 2011 untuk merealisasikan sasaran ini termasuk pengembangan Program Omnipresence; perluasan Program Bandar Selamat kepada 151 PBT dan pelaksanaan Program Penambahbaikan Penjara. Selain itu, Klinik Penjagaan dan Penyembuhan tambahan dan Pusat Perkhidmatan Penjagaan dan Penyembuhan untuk penagih dadah juga telah diwujudkan.

Pengurangan “perasaan takut menjadi mangsa jenayah” kepada 50%

Selari dengan usaha menangani jenayah, perasaan takut rakyat akan jenayah juga perlu diberikan perhatian. Kesan perasaan takut ini melemahkan masyarakat pada keseluruhannya. Perasaan takut untuk bersiar-siar mengambil angin dengan keluarga di kawasan kejiranan atau perasaan takut untuk keluar pada waktu malam merupakan manifestasi harian bagaimana perasaan takut mengganggu kehidupan rakyat. Walaupun jalan, bandar dan kawasan kejiranan sebenarnya berada dalam keadaan lebih selamat dengan jenayah yang berkurangan, namun perasaan takut masih membuat rakyat menguncikan diri dalam rumah. Jika rakyat masih mengalami perasaan takut sedemikian, kesan penuh NKRA Mengurangkan Jenayah tidak akan dapat dirasai.

Tahun 2011 menyaksikan TNS Research International (TNS) ditugaskan untuk menjalankan dua kaji selidik bagi memantau sentimen orang ramai, salah satunya ialah kaji selidik perasaan takut menjadi mangsa jenayah. Kaji selidik ini menggunakan kaedah menemu bual orang ramai. Dengan mengukur sentimen orang ramai ini, NKRA Mengurangkan Jenayah akan mempunyai penunjuk sekunder mengenai persepsi orang ramai terhadap NKRA secara menyeluruh dan pelbagai usaha yang digembleng di bawahnya.

Mengurangkan Jenayah

20% kes tangkapan dihadapkan ke muka pengadilan

Seiring dengan usaha mengurangkan Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan, beberapa inisiatif untuk membawa penjenayah ke muka pengadilan turut diperkenalkan. Pentingnya pesalah ini dibawa ke muka pengadilan atas kesalahan mereka tidak boleh dipandang remeh. Selain mencerminkan hasrat kerajaan untuk membanteras jenayah, ia juga menunjukkan makna keadilan dan pewajaran kepada rakyat. Menghadapkan pesalah ke muka pengadilan menyuntik keyakinan yang lebih tinggi terhadap sistem undang-undang dan memberikan isyarat yang jelas bahawa jenayah tidak mendatangkan sebarang faedah dan mereka yang terlibat pasti dikenakan hukuman. Di Malaysia, tiada tolak ansur terhadap jenayah dan sesiapa yang melakukan jenayah pasti akan menerima akibatnya.

Pada tahun 2011, dengan wujudnya sistem membanteras jenayah yang bertambah baik, antara lain termasuklah lebih ramai tenaga kerja dan teknik pengumpulan bukti yang betul, sasaran besar sebanyak 20% telah ditetapkan bagi kes penangkapan yang dihadapkan ke muka pengadilan. Penambahan bilangan Pegawai Penyiasat (IO) terutamanya telah dilakukan supaya sasaran dapat dicapai.

Peningkatan sebanyak 60% “kepuasan orang ramai terhadap prestasi polis”

NKPI ini dibentuk untuk mengukur persepsi orang ramai terhadap PDRM. Selaras dengan ini, Sistem Tinjauan Kepuasan (*Customer Service Rating – CSR*) telah dilancarkan di semua 82 balai polis di Selangor dengan matlamat memperluas inisiatif ini ke seluruh negara pada tahun 2012.

Dalam usaha mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat dengan PDRM, barisan kepimpinan atasan PDRM termasuklah Ketua Polis Negara (KPN), Timbalan KPN, Pengarah dan Ketua Polis Negeri (*Chief Police Officer – CPO*) meneruskan langkah kepolisan berprofil tinggi di beberapa lokasi strategik. Aktiviti pertemuan dengan orang ramai telah dipertingkatkan termasuklah Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan semula dua minggu sekali. Pada hari tersebut, CPO dan Ketua Polis Daerah (*Officer in Charge of Police District – OCPD*) melibatkan diri secara langsung dengan orang ramai. Hal yang demikian membolehkan pegawai kanan merapatkan diri dengan orang ramai secara langsung, tanpa sebarang birokrasi dan begitu juga sebaliknya.

Acara seperti perbincangan meja bulat telah diadakan dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk membincangkan inisiatif baharu yang berkesan dalam menangani sentimen orang ramai mengenai jenayah dan pasukan polis. Perbincangan Meja Bulat mengenai Kebimbangan Wanita terhadap Jenayah menekankan keselamatan di tempat letak kereta dan menyeru kerjasama yang lebih erat antara orang ramai dengan PDRM.

Jadual Liga Balai yang amat berjaya pada tahun 2010 diteruskan pada tahun 2011 untuk mewujudkan budaya berpacuan prestasi bagi semua anggota polis. Jadual Liga Balai memberikan penarafan terhadap semua 753 balai polis di Malaysia berdasarkan prestasi masing-masing dalam membanteras jenayah dan pelbagai kejayaan ketara yang lain. Inisiatif ini bertujuan memupuk budaya berpacuan prestasi dalam kalangan pasukan polis dalam usaha mengurangkan kadar jenayah secara agresif di Malaysia. Pada setiap suku tahun, balai polis di seluruh negara berpeluang untuk menjadi pemenang dalam kategori individu, berdasarkan pengurangan kadar jenayah di kawasan masing-masing.

Mengurangkan Jenayah



PESERTA UTAMA

Sekali lagi, NKRA Mengurangkan Jenayah mengutamakan usaha kolaborasi antara Kementerian Dalam Negeri, PDRM dan juga 30 agensi yang lain. Agensi yang mengambil bahagian termasuklah organisasi yang berikut:



Pendekatan yang inklusif memastikan keberkesanan yang lebih mantap langkah-langkah yang dilaksanakan, sambil mewujudkan penerimaan dan sokongan (*buy-in*) yang mencukupi. Pendekatan ini juga mengoptimumkan tenaga kerja dan sumber selain membolehkan penambahbaikan penyelarasan antara pelbagai badan dan agensi yang terlibat.

Untuk memastikan aktiviti pembasmian jenayah berjalan lancar dan tidak tersekat oleh apa-apa halangan, satu struktur telah diwujudkan untuk memudahkan proses membuat keputusan dan menangani rintangan. Kementerian Dalam Negeri yang diterajui oleh Ketua Setiausaha telah menubuhkan Bahagian NKRA yang berfungsi sebagai Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (*Delivery Management Office - DMO*). Bahagian ini diketuai oleh Setiausaha Bahagian. Pasukan DMO menyelia pelaksanaan semua inisiatif NKRA dengan sokongan pasukan NKRA Mengurangkan Jenayah di PEMANDU. Di bawah DMO pula, terdapat empat Unit Pelaksanaan NKRA, yang dianggotai wakil utama dari PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia, AADK, RELA dan JPAM.

DMO NKRA Mengurangkan Jenayah mengemas kini status pelaksanaan semua inisiatif NKRA secara mingguan dengan menyetorkan masalah untuk dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU di Mesyuarat Penyelesaian Masalah (*Problem Solving Meeting - PSM*). PSM pula diadakan empat minggu sekali bertujuan membincangkan cara-cara untuk mengatasi rintangan dan menyelesaikan isu yang dihadapi DMO dalam usaha melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitan.

Mengurangkan Jenayah

Setiap enam minggu, pasukan NKRA Mengurangkan Jenayah bersama-sama dengan Menteri Dalam Negeri akan melaporkan kemajuan yang dicapai dan mengetengahkan isu-isu berbangkit kepada Timbalan Perdana Menteri pada Mesyuarat Pasukan Petugas Pelaksanaan (*Delivery Task Force - DTF*).

INISIATIF

Jadual berikut secara ringkas memberikan tinjauan keseluruhan mengenai inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah yang dilaksanakan pada tahun 2010 dan 2011:

Meneruskan inisiatif tahun 2010

Pada tahun 2011, NKRA Mengurangkan Jenayah meneruskan beberapa inisiatif penting yang diperkenalkan pada tahun 2010:

Inisiatif 2010	Inisiatif 2011
Program Omnipresence di 4 negeri <i>hotspot</i>	Program Omnipresence diperluas ke Sabah (5 daerah <i>hotspot</i> – 5 balai), dan Sarawak (4 daerah <i>hotspot</i> – 6 balai)
Program Bandar Selamat dilaksanakan di 12 PBT	Program Bandar Selamat - dilancarkan di 151 PBT
496 kamera litar tertutup (CCTV) dipasang dan kini beroperasi di kawasan <i>hotspot</i>	496 kamera litar tertutup (CCTV) akan dipasang dalam fasa 2 pada 2012
Program Pemulihan Dadah AADK	10 Klinik Pulih dan Prihatin ditubuhkan untuk penagih dadah; 39 Pusat Perkhidmatan Pulih dan Prihatin ditubuhkan
6,000 + rampasan dan tangkapan Operasi Negara (Ops Lejang, Rentap, Pintu, Lusu)	8,000+ rampasan dan tangkapan melalui Operasi Negara (Ops Lejang, Rentap, Pintu, Lusu)
Jadual Liga Balai	Jadual Liga Balai

Mengurangkan Jenayah



“Program omnipresence, kepolisan komuniti dan komunikasi dengan orang ramai menerusi pelbagai saluran media merupakan tiga aspek yang sedang diberikan perhatian oleh jabatan polis. Kami menempatkan 40,000 kakitangan polis, Rela dan Jabatan Pertahanan Awam pada bulan ini untuk memerangi jenayah di bandar-bandar utama untuk menjadikan kehadiran kami lebih dirasai di jalan-jalan selain membantu operasi pencegahan jenayah. Penyertaan orang ramai yang meningkat dalam skim rukun tetangga di kejiranan masing-masing juga membuktikan keyakinan yang lebih terhadap pasukan tersebut.”

- Tan Sri Ismail Omar, Ketua Polis Negara

Keratan akhbar/gambar mengenai pelbagai inisiatif

Pelancaran rasmi Program Bandar Selamat di TTDI / artikel mengenai SCP

TTDI perintis bandar selamat

4 pilihi kawasan untuk cegah jenayah, dipertahankan la kawasan lain jika berjaya




Ulang tahun pertama Facebook PDRM dan Pelancaran Twitter



Jadual Liga Balai Siri 3, 2011

卡立：國人信心雖下降
警服務態度不打折



Pelancaran Rondaan Bersama PDRM-ATM

Program rondaan bersama PDRM-ATM



Sesi Perbincangan Meja Bulat mengenai Wanita dan Jenayah



Hari Kesedaran Jenayah



Penilaian Perkhidmatan Pelanggan, MyDistress, Bilik Triaj dilancarkan



Mengurangkan Jenayah

Program keselamatan Omnipresence yang lebih kukuh


Program Omnipresence ialah satu inisiatif yang memanfaatkan gabungan sumber berdasarkan pendekatan perkongsian Swasta-Awam-Polis. Di bawah program ini, kakitangan dari pelbagai agensi kerajaan (selain PDRM) digembleng untuk mewujudkan kehadiran polis di jalanan (omnipresence) untuk meronda di kawasan jenayah dan berperanan sebagai anggota polis tambahan. Omnipresence anggota keselamatan di kawasan *hotspot* jenayah bertujuan memastikan pengurangan Jenayah Indeks dengan nyata. Dengan adanya rondaan yang lebih ketara, terutama sekali di kawasan *hotspot* jenayah kerap berlaku, persepsi terhadap keselamatan akan menjadi bertambah baik. Ditambah pula dengan pengawasan CCTV, peluang bakal penjenayah untuk melakukan jenayah adalah tipis. Malah, jika di tambah pula dengan kepolisan komuniti dalam persamaan (melalui kumpulan pengawasan kejiranan atau Rukun Tetangga), anda akan memperoleh rasa selamat seperti yang selalu idam-idamkan.

Pada tahun 2011, di bawah Program Omnipresence, seramai 21,624 anggota polis tambahan telah ditempatkan di 50 kawasan *hotspot* untuk memerangi jenayah, sementara penggunaan Balai Polis Bergerak dan Tindak Balas Pertama dengan bermotosikal turut meningkat. Nadi kepada program ini ialah pelbagai komponen sokongan. Di bawah inisiatif *Feet-on-Street* pada tahun 2011, ahli RELA dan JPAM telah dilatih sebagai Sukarelawan Polis (PVR) untuk membantu PDRM. Kira-kira 3,931 ahli RELA dan 1,607 ahli JPAM masing-masing dilatih sebagai ahli PVR.

Di bawah inisiatif Skim Rondaan Sukarela (SRS), kira-kira 30,000 ahli telah didaftarkan pada tahun 2011 untuk membuat rondaan malam secara sukarela di sekitar kawasan kediaman masing-masing; manakala di bawah program Rakan Cop pula, lebih 460,000 ahli berdaftar setakat ini berperanan sebagai “mata dan telinga” dalam peperangan bersama menentang jenayah. Pasukan Gerak Am, yang lebih dikenali sebagai PGA, turut ditempatkan di kawasan *hotspot* di bandar yang berkepadatan penduduk dan jumlah trafik tinggi. Pada tahun 2011, lebih 2,500 ahli PGA telah ditempatkan di kawasan *hotspot*.



Mengurangkan Jenayah



Pada tahun 2011, penekanan diberikan terhadap pembangunan keupayaan – menambah baik keberkesanan Program Omnipresence melalui pemikiran di luar lingkaran dan beberapa kaedah lain. Ini termasuklah Strategi Lautan Biru yang menyemarakkan kerjasama yang lebih erat antara polis dengan tentera. Penekanan turut diberikan kepada penugasan semula orang ramai, penempatan PGA di kawasan *hotspot*, penambahbaikan barisan hadapan serta usaha menangani persepsi awam.

Sepanjang tahun ini, Program Omnipresence telah diperluas ke seluruh negara merangkumi Sabah (meliputi 5 balai di 5 daerah *hotspot*) dan Sarawak (meliputi 6 balai dan 4 daerah *hotspot*).

Mengurangkan Jenayah


Memperluas Program Omnipresence

**Gelombang 1:**Pengukuhan
serta-merta**Bagi tahun
2010****Konsep Utama**

Menggembleng, **menambah
keupayaan** dan mewujudkan
keterlihatan dengan serta-merta

Inisiatif Utama

- Penempatan berdasarkan kawasan *hotspot*
- Kesukarelawan, misalnya RELA, JPAM, RT-SRS, Kepolisian Masyarakat
- Menaik taraf infrastruktur dan peralatan

**Gelombang 2:**Pemikiran di luar
lingkaran**Bagi tahun
2011****Konsep Utama**

**Membina keupayaan, menggunakan
strategi lautan biru** dan meningkatkan
persepsi

Inisiatif Utama

- Inisiatif Lautan Biru peringkat nasional
 - Penugasan baharu orang awam
 - Penempatan PGA di kawasan *hotspot*
 - rondaan bersama, latihan bersama, pengrekrutan ATM
- Penambahbaikan barisan hadapan

**Gelombang 3:**Momentum yang
mampan**Bagi tahun
2012/3****Konsep Utama**

Menginstitusikan perubahan,
membina keyakinan untuk meneruskan

Inisiatif Utama

- Kepolisian bertaraf dunia
- Program Kesedaran Jenayah disasarkan kepada kumpulan fokus
- Peningkatan system IT

Pengurangan Jenayah Indeks**Mengubah Persepsi Awam****Juara Perubahan**

Sejak 1 Januari 2012, kira-kira 40,000 kakitangan RELA, Jabatan Pertahanan Awam dan pihak polis akan ditempatkan di 57 kawasan *hotspot* untuk memerangi jenayah.

Mengurangkan Jenayah

Pengembangan agresif Program Bandar Selamat

Program Bandar Selamat (*Safe City Programme - SCP*) ialah satu inisiatif memperkasakan kawasan sasaran yang dibentuk untuk menjadikan bandar lebih selamat dan kurang kondusif bagi jenayah jalanan. Ia memerlukan penyertaan proaktif pelbagai badan termasuk pasukan polis, majlis perbandaran tempatan, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kebajikan Masyarakat, masyarakat dan perniagaan tempatan untuk mengambil bahagian dalam usaha membanteras jenayah. Pada tahun 2010, Kementerian Dalam Negeri telah memperuntukkan RM36 juta untuk mengaktifkan semula dan memperluas Program Bandar Selamat (SCP) kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Usaha seumpama ini telah mencetuskan tahap kerjasama baharu yang tiada bandingannya antara pelbagai badan dan membuktikan bahawa keberkesanan SCP sebagai satu mekanisme pencegahan jenayah. Pada tahun 2011, sebanyak RM72 juta lagi telah diperuntukkan untuk pengembangan SCP kepada 151 PBT, hakikat yang jelas menunjukkan bahawa kerajaan sangat serius untuk memastikan bandar-bandar senantiasia berada dalam keadaan selamat.

Status pelaksanaan Program Bandar Selamat pada 2011				
	2010 di 12 PBT		2011 disiapkan di 151 PBT	
Pencahayaan	2,594 units	➡	8,329 units	
Cermin Keselamatan	343 units	➡	1,311 units	
Tonggak jalan dan Rel Penghadang	33.1 km	➡	104.3 km	
Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SCMC)	12 PBT <i>hotspot</i> 42 Balai <i>hotspot</i> 3 jenis jenayah jalanan 53% liputan SCP	➡	12 PBT <i>hotspot</i> 50 Balai <i>hotspot</i> 9 jenis jenayah jalanan 81% liputan SCP	
CPTED	Panduan pelaksanaan CPTeD dan kesedaran	➡	Dilaksanakan sejak Julai 2011 di semua PBT di Semenanjung Malaysia melalui Pusat Setempat	
Kementerian membentuk Jawatankuasa Pemandu Bandar Selamat (3 mesyuarat), 151 PBT bentuk Jawatankuasa Bandar Selamat di bawah arahan KSU				

*Program Bandar Selamat (SCP) akan dilaksanakan di semua 151 PBT menjelang 31 Disember 2011

Mengurangkan Jenayah

“SCP bertujuan menangani rasa tidak selamat di bandar dan menggalakkan budaya pencegahan jenayah. Pihak berkuasa tempatan boleh memainkan peranan yang amat penting dalam membangunkan pendekatan di seluruh komuniti untuk mencegah jenayah kerana mereka berada dalam kedudukan yang strategik untuk memulakan, menyelaraskan dan melaksanakan program ini. Strategi ini termasuklah mengukuhkan kapasiti untuk menangani dan mengurangkan jenayah, menyokong inisiatif pencegahan jenayah, serta merancang dan melaksanakan program pembinaan keupayaan.”

- Encik Kamalruddin Shamsudin, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Persekutuan, Semenanjung Malaysia



Untuk memastikan momentum usaha SCP dikekalkan, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Bandar Selamat yang bermesyuarat tiga kali setahun. Setiap PBT baharu turut membentuk Jawatankuasa Bandar Selamat masing-masing di bawah arahan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. PBT yang mengambil bahagian diarah untuk memastikan bahawa aktiviti SCP merupakan item agenda wajib yang perlu dibincangkan pada setiap mesyuarat bulanan sementara keputusan dan maklumat terkini (*updates*) mengenai langkah-langkah pencegahan jenayah akan dikemukakan secara tetap kepada kementerian.

Dalam Program Bandar Selamat, Sistem Pemantauan Bandar Selamat (*Safe City Monitoring System – SCMS*) merupakan tunjang yang mengintegrasikan data jenayah daripada sistem laporan polis (*Police Reporting System, PRS*) dan maklumat guna tanah melalui platform sistem informasi geografi (*Geographical Information System - GIS*). (Platform GIS diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Persekutuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan). Walaupun bidang kuasa di luar negeri baru sahaja memulakan pemetaan jenayah berasaskan GIS, Malaysia telah mendahului mereka melalui aplikasi SCMS dengan cara yang belum pernah dilakukan sebelum ini.

Selepas laporan polis dibuat melalui SCMS, pihak polis akan mengambil tindakan segera melalui PRS dan GIS untuk menunjukkan lokasi jenayah dengan tepat. Melalui perkongsian maklumat dan pelaksanaan pemantauan dalam persekitaran digital, SCMS membantu dalam memacu usaha kerjasama mengurangkan jenayah. Ia juga membolehkan inisiatif SCP diukur, sekali gus memastikan kawasan *hotspot* jenayah yang sedia ada dan yang mungkin berlaku dikenal pasti dan dipantau selain membolehkan polis dan orang ramai melaporkan jenayah dalam talian.

Melalui SCMS berasaskan laman sesawang, PBT dan agensi pencegahan jenayah boleh mengakses maklumat kawasan *hotspot* jenayah. PBT juga menggunakan SCMS untuk mengemas kini status tugas yang berkaitan dengan bollard baharu, pencahayaan, kamera litar tertutup (CCTV) dan laluan pejalan kaki di bawah bidang kuasa masing-masing. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Dalam Negeri kemudiannya memantau kemajuan pelaksanaan projek-projek ini dan memastikan projek tersebut memenuhi matlamat NKRA memerangi jenayah.

Mengurangkan Jenayah



Mohd Hatim Abdullah, Presiden Persatuan Residen Taman Tun Dr Ismail (TTDI), berkata beliau telah menerima maklum balas yang positif daripada penduduk sejak TTDI disenaraikan di bawah Program Bandar Selamat.

“Menerusi interaksi saya dengan penduduk, 99% daripada mereka berasa tidak selamat sebelum program ini dilaksanakan. Kini, apabila saya bertemu dengan mereka, mereka memaklumi saya bahawa mereka berasa lebih selamat dan betapa TTDI sudah banyak berubah bertambah baik. Perkara penting yang menggembirakan mereka ialah lampu jalan yang lebih cerah. Jalan-jalan di sini tidak lagi gelap dan oleh itu ia membawa persepsi bahawa TTDI adalah tempat yang lebih selamat untuk kami semua sekarang.”

“Apabila kita dapat melihat perubahan – pagar keselamatan, lampu jalan baharu dan cermin cembung keselamatan – bukan sahaja perubahan dapat dilihat, malah kita juga boleh merasai perubahan dan saya tahu pada hakikatnya penduduk di sini amat berpuas hati dan bersyukur kerana mereka kini tinggal di kawasan yang lebih selamat.”

Taman Tun Dr Ismail (TTDI) merintis Program Bandar Selamat

Pada bulan Oktober 2011, perbandaran Taman Tun Dr Ismail telah dipilih untuk merintis Program Bandar Selamat. Sebelum ini TTDI mengalami purata 30 kes jenayah sebulan yang melibatkan pecah rumah, pecah kereta dan curi ragut. Di bawah bajet RM1.45 juta yang diperuntukkan untuk menjadikan TTDI lebih selamat, beberapa ciri keselamatan telah dipasang selaras dengan permintaan penduduk. Ini termasuklah rel penghadang di sepanjang laluan pejalan kaki, cermin keselamatan dan lampu jalan tambahan. Kecerahan lampu jalan sedia ada turut dinaikkan daripada 150 watt kepada 250 watt. Tujuh buah kamera baharu CCTV juga akan dipasang di TTDI. Tiga papan notis kecemasan hotline juga telah diletakkan di Jalan Burhanuddin Helmi, Jalan Tun Mohd Fuad dan Jalan Dato' Sulaiman.

Walaupun penduduk telah memohon pagar sekeliling yang diperbuat daripada keluli bergalvani untuk didirikan di sepanjang sempadan TTDI dan Kampung Sungai Penchala, namun disebabkan kekurangan bajet, pagar dawai berangkai telah didirikan sebagai ganti. Beberapa taman permainan di TTDI juga telah dicerahkan dengan cahaya lampu untuk menghalang anak-anak muda daripada melepak dan melakukan pelbagai tabiat buruk. Melangkah ke hadapan, penduduk TTDI akan terus bekerja rapat dengan kerajaan dan DBKL untuk menjadikan TTDI sebuah perbandaran yang lebih selamat.

Status Program Bandar Selamat di TTDI

	Pencahayaan 1 unit lampu sorot yang baharu dan 150 tiang lampu yang dipertingkatkan
	Cermin keselamatan 5 cermin keselamatan dipasang di kawasan komersial
	Rel penghadang dan tonggak jalan 2,280m rel penghadang, laluan pemisahan, atau bollard dipasang jalan
	Pemetaan GIS Sistem Pemantauan Bandar Selamat (sistem GIS Pemetaan Jenayah siap)
	CCTV 2 CCTV dipasang di kawasan komersial
	CPTED Pencegahan Jenayah Melalui Reka bentuk Alam Sekitar - Panduan pelaksanaan SCP - Garis panduan perancangan untuk CCTV di tempat awam dan komersial

Mengurangkan Jenayah

Persediaan untuk pelancaran CCTV

Manakala 496 CCTV tambahan telah dipasang di 50 lokasi *hotspot* pada tahun 2010, fasa kedua pelaksanaan CCTV hanya akan dilancarkan pada tahun 2012. Sehingga kini, CCTV ini banyak membantu anggota penguatkuasa menjadi lebih berkesan dalam melaksanakan aktiviti pemantauan dan pengawasan selain bertindak balas terhadap insiden jenayah. Ini bukan sahaja membolehkan pergerakan rondaan polis menjadi lebih cekap, malah rakaman kamera CCTV membolehkan pendakwa raya mengukuhkan kes mereka terhadap penjenayah. Agensi penguatkuasaan turut memanfaatkan teknologi ini untuk memerangi rasuah dengan CCTV dipasang di pusat pemeriksaan *hotspot* Kastam dan Imigresen untuk memastikan pegawai mematuhi prosedur dan menguatkuasakan undang-undang.



Sokongan berterusan aktiviti pemulihan dadah

Di bawah Program Pemulihan Dadah, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), 16 Pusat Perkhidmatan Pulih dan Prihatin (CCSC) tambahan telah ditubuhkan pada tahun 2011, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 39. Di samping itu, empat Klinik Pulih dan Prihatin (C&C) telah ditubuhkan pada tahun 2011 menjadikan jumlah keseluruhan kepada 10. Sistem Triaj turut dilancarkan di Tampin, Melaka pada bulan Mac dan Gambang, Pahang pada bulan April untuk pemeriksaan penagih yang akan ditempatkan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN).

Operasi polis yang berkesan pada peringkat negara

Dengan matlamat menjadikan Malaysia salah sebuah negara paling selamat di dunia, dan semua bandar dan jalan adalah aman dan selamat, PDRM sekali lagi mengambil langkah memerangi jenayah di bandar dan di jalan dengan keyakinan dan usaha yang tidak akan pernah berhenti. Melalui operasi seperti Ops Rentap, Lusu, Lejang dan Pintu, lebih 6,000 rampasan dan tangkapan telah dibuat:

- Ops Rentap yang menyasarkan pencegahan kecurian kereta telah dilaksanakan pada bulan Januari, Februari dan Oktober 2011. Ia melibatkan pemeriksaan 379,766 kenderaan dengan 1,552 tangkapan dibuat. Kira-kira 665 kenderaan dirampas dan 30 orang telah didakwa.
- Ops Lusu yang menumpukan pada kecurian peralatan dan kabel, dilaksanakan pada bulan Mac, April dan September 2011. Kira-kira 47,439 orang telah diperiksa dengan menghasilkan 297 tangkapan, 227 rampasan dan 48 orang didakwa.
- Ops Lejang dilaksanakan pada bulan Mei, Jun dan Disember 2011 untuk mengelakkan kecurian motosikal. Kira-kira 409,936 motosikal telah diperiksa dengan 1,900 tangkapan dibuat, 993 motosikal dirampas dan 112 orang didakwa.
- Ops Pintu yang menyasarkan pencegahan pecah rumah telah dilaksanakan pada bulan Julai, Ogos dan Disember 2011. Kira-kira 369,530 orang telah diperiksa dan 269,532 kenderaan turut diperiksa dengan menghasilkan 854 tangkapan, 461 rampasan dan 117 orang didakwa. Ia juga melibatkan pemilik rumah diberi bimbingan mengenai cara terbaik untuk menyelamatkan rumah sendiri.

Mengurangkan Jenayah

Surat kepada Editor

BERITA BAIK buat rakyat

Saya berasa gembira membaca laporan terkini Bidang Keberhasilan Utama Negara yang menunjukkan Jenayah Indeks keseluruhan bagi tahun lepas telah menurun sebanyak 11.1 peratus. Syabas kepada pasukan polis! Pada tahun lepas, Jenayah Jalanan telah berkurang dengan nyata sebanyak 39.7% berbanding dengan 35% pada tahun 2010, menurut Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Peperangan menentang jenayah merupakan tanggungjawab bersama. Kita perlu membantu polis untuk memastikan kejiranan kita selamat dengan menjadi "mata dan telinga" kepada pasukan polis.

- Bulbir Singh, Seremban, Negri Sembilan

Hasil Keseluruhan Operasi Polis Peringkat Negara
(Ops Rentap, Ops Lusuh, Ops Lejang and Ops Pintu) sepanjang tahun 2011

Aktiviti	Ops Rentap (Jan - Feb, Okt)	Ops Lusuh (Mac-Apr, Sept)	Ops Lejang (Mei-Jun, Nov)	Ops Pintu (Jul-Ogos, Dis)	Jumlah Keseluruhan
Bilangan tempat pemeriksaan dijalankan	12,096	14,233	5,921	13,225	45,475
Bilangan orang diperiksa	529,859	511,010	47,439	369,530	1,457,838
Bilangan kenderaan diperiksa	379,766	409,936	0	269,532	1,059,234
Jumlah tangkapan dibuat	1,552	1,900	297	854	4,603
Jumlah rampasan dibuat	665	993	227	461	2,346
Jumlah pesalah didakwa	30	112	48	117	307

Jadual Liga Balai memacu prestasi yang lebih baik

Pada tahun 2011, semua balai polis di seluruh negara dinilai berdasarkan kadar jenayah per kapita dan penambahbaikan usaha memerangi jenayah. Balai polis yang berprestasi tertinggi diberikan ganjaran sementara balai yang berprestasi terendah diberikan sokongan dan dipantau sehingga prestasinya bertambah baik. Inisiatif Jadual Liga Balai (*Balai League Table - BLT*) telah banyak menaikkan semangat, motivasi dan produktiviti di balai polis masing-masing, sekali gus memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai. Pada tahun 2011, balai polis Wangsa Maju mengungguli tempat pertama BLT 2011. Balai polis Wangsa Maju mencatatkan prestasi paling cecap dan kadar jenayah paling rendah di seluruh negara.

Mengurangkan Jenayah

Ranking Jadual Liga Balai PDRM - Siri 1/2011

Kategori	Tempat Pertama	Tempat Kedua	Tempat Ketiga
A	BP Wangsa Maju, Sentul, Kuala Lumpur	BP Jinjang Selatan, Kuala Lumpur	BP Bt 9, Kajang, Selangor
B	BP Kluang, Kluang, Johor	BP Salak Selatan, Cheras, Kuala Lumpur	BP Banting, Selangor
C	BP Pedang, Kedah	BP Bandar Baru Timur Laut, P.Penang.	BP Gurun, Kedah
D	BP Gunung, Bachok, Kelantan	BP Papar, Sabah	BP Air Jerneh, Terengganu
E	BP Tmn Pasir Putih, Johor	BP Aulong, Perak	BP Chengkat Jering, Perak

Ranking Jadual Liga Balai PDRM - Siri 2/2011

Kategori	Tempat Pertama	Tempat Kedua	Tempat Ketiga
A	BP Wangsa Maju, Sentul, Kuala Lumpur	BP Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan	BP Klang Selatan, Klang, Selangor
	Siri 1/2011 (1)	Siri 1/2010 (3)	
B	BP Seberang Jaya, Seberai Perai Tengah (Bukit Mertajam)	BP Batu Pahat, Batu Pahat, Johor	BP Pandamaran, Klang, Selangor
	Siri 2/2010 (3) Siri 3/2010 (1)		Siri 1/2010 (2) Siri 2/2010 (1) Siri 3/2010 (3)
C	BP Bestari Jaya, Kuala Selangor, Selangor	BP Menglembu, Ipoh, Perak	BP Pendang, Pendang, Kedah
			Siri 1/2011 (1)
D	BP Hutan Melintang, Hilir Perak, Perak	BP Beranang, Kajang, Selangor	BP Genting Highlands, Bentong, Pahang
E	BP Bukit Merah, Ipoh, Perak	BP Merbok, Kuala Muda, Kedah	BP Taman Pasir Putih, Seri Alam, Johor
			Siri 1/2010 (3) Siri 1/2011 (1)

Mengurangkan Jenayah

Ranking Jadual Liga Balai PDRM - Siri 3/2011			
Kategori	Tempat Pertama	Tempat Kedua	Tempat Ketiga
A	Kuantan, Kuantan, Pahang	Petaling, Brickfields, Kuala Lumpur	Klang, Klang, Selangor
		Siri 2/2010 (1) Siri 3/2010 (1)	Siri 2/2011 (3)
B	Sek 6, Shah Alam, Selangor	Senawang, Seremban, Negeri Sembilan	Teluk Intan, Hilir Perak, Perak
C	Kuah, Langkawi, Kedah	Bukit Sentosa, Hulu Selangor, Selangor	Kepala Batas, Seberang Perai Utara (Bertam), Pulau Pinang
		Siri 2/2010 (2)	
D	Maran, Maran, Pahang	Batu Arang, Gombak, Selangor	Batu 14 Ulu Langat, Kajang, Selangor
		Siri 3/2010 (1)	
E	Kuala Teriang, Langkawi, Kedah	Aulong, Taiping, Perak	Bukit Indah, Nusajaya, Johor
	Siri 3/2010 (3)	Siri 2/2010 (2) Siri 1/2011 (2)	Siri 2/2010 (3)

Walaupun penekanan kini diberikan terhadap latihan barisan hadapan dan perkhidmatan pelanggan, anggota polis turut dituntut menjadi lebih cekap dan berkesan selain mengekalkan integriti mereka. Anggota yang berprestasi baik akan diberi ganjaran yang sewajarnya manakala anggota polis dan pegawai yang prestasinya rendah akan dihantar untuk mengikuti latihan dan bimbingan. Selaras dengan penanda aras prestasi berasaskan keberhasilan, polis kini perlu menjadi lebih inovatif dalam membanteras jenayah dan pada masa yang sama mempertingkatkan kreativiti, komunikasi dan kerjasama untuk mencipta kejayaan yang optimum.


Inisiatif baharu

Mengukur maklum balas orang ramai melalui kaedah Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan

Pada tahun 2011, kaedah Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan (CSR) telah dilaksanakan di 82 balai polis di negeri Selangor. Kaedah CSR dibangunkan untuk memupuk budaya berpacuan prestasi dalam PDRM, yang memberikan keutamaan terhadap perkhidmatan untuk orang ramai dan kepuasan mereka. CSR membolehkan orang ramai menilai kualiti perkhidmatan yang diterima di balai polis. Julat rating dari “sangat tidak berpuas hati” kepada “sangat berpuas hati” boleh dimasukkan di terminal yang ditempatkan di 165 kaunter perkhidmatan di seluruh negeri.

Mengurangkan Jenayah

Imbasan monitor rating bagi peranti CSR




Elemen utama yang dipantau ialah kualiti perkhidmatan yang diberikan pegawai pejabat pertanyaan. Melalui maklum balas ini, pegawai meja akan lebih memahami pengendalian aduan orang ramai dan akan dapat mengasah kemahiran mereka dalam perkhidmatan pelanggan. Ketua polis daerah masing-masing dikehendaki memantau rating perkhidmatan pelanggan secara berkala untuk memastikan inisiatif ini dipandang serius oleh pegawai polis dan orang ramai.

Sistem CSR yang baharu ini berfungsi menggantikan kaedah semasa rating kualiti perkhidmatan melalui mesej teks dan akan dilaksanakan di seluruh negara secara berperingkat. Setakat ini, maklum balas positif yang diterima daripada orang ramai amat menggalakkan dengan sehingga 95% daripada responden menilai perkhidmatan polis sebagai “memuaskan” atau “sangat memuaskan”. Walaupun maklum balas pada peringkat permulaan ini adalah positif, namun PDRM bertekad untuk tidak mudah berpuas hati, malah akan terus berusaha untuk menambah baik mutu perkhidmatan. Maklum balas orang ramai bukan sahaja membolehkan pihak polis mengukur tahap kepuasan, malah ia turut membantu mereka mengenal pasti kelemahan sendiri supaya kekurangan yang ada dapat diatasi.


Mengurangkan Jenayah

Keputusan CSR selepas tiga bulan pertama pelaksanaan		
82 Balai Polis dalam Kontingen Selangor		
Rating	SMS (%)	Mesin (%)
Sangat Memuaskan	671 (66.3%)	36,748 (84.8%)
Memuaskan	293 (28.9%)	6,347 (14.6%)
Tidak Memuaskan	7 (0.7%)	180 (0.4%)
Sangat Tidak Memuaskan	8 (0.8%)	68 (0.2%)
Tiada Rating	32 (3.3%)	-
Jumlah undian	1,011 (100%)	43,343 (100%)

Mesin Rating



SMS Rating



* Tidak memuaskan merujuk pelanggan yang menyatakan bahawa mereka tidak berpuas hati dan amat tidak berpuas hati

Mengurangkan Jenayah

Sebagai sebahagian daripada usaha PDRM mewujudkan kesedaran awam mengenai inisiatif CSR, tahun 2011 menyaksikan platform media serta kempen poster dimanfaatkan.

Sila Nilai Perkhidmatan Kami

Sila berikan maklumbalas anda melalui SMS ke **15888** seperti berikut:

RATE	Kod Balai	No. Pegawai	Penilaian Perkhidmatan	No. Repot
4			Sangat Memuaskan	
3			Memuaskan	
2			Tidak Memuaskan	
1			Sangat Tidak Memuaskan	

Pelancaran Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan ialah satu inisiatif yang membolehkan orang ramai masuk dan bertemu dengan ketua polis peringkat negeri dan daerah mengikut sesi yang telah dijadualkan terlebih dahulu. Ia memudahkan interaksi secara peribadi antara ketua polis dengan orang ramai dan membolehkan perbincangan berkaitan dengan kejuranan, keluarga dan keselamatan dibuat. Ia juga merupakan platform yang tepat untuk memberikan maklum balas mengenai perkhidmatan polis. Orang ramai digalakkan bertemu dengan ketua polis daerah pada hari Khamis pertama dan keempat setiap bulan (dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari), juga pada hari Sabtu ketiga setiap bulan (dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang) di ibu pejabat polis daerah masing-masing.

Mengurangkan Jenayah



Inisiatif ini telah membantu menambah baik hubungan antara PDRM dengan orang ramai, dan memberikan maklum balas yang berguna kepada pihak polis untuk memperhalus perkhidmatan mereka selanjutnya. Ia juga membolehkan PDRM memahami dengan lebih baik keperluan masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikannya serta memberikan respons yang sewajarnya. Sesi pertama Bertemu Rakyat telah dimulakan pada 7 Julai 2011.

Memanfaatkan media sosial untuk membina sikap saling mempercayai

Pihak polis telah lama mengiktiraf kelebihan memanfaatkan media sosial untuk memerangi jenayah, memandangkan kejayaan mereka dalam menguruskan halaman Facebook PDRM yang dilancarkan pada September 2010. Untuk melengkapi usaha penglibatan Facebook tersebut, pihak polis telah melancarkan tapak Twitter PDRM pada September 2011. Setakat ini, PDRM mempunyai lebih 115,918 peminat Facebook dan 16,469 pengikut Twitter - dan angka ini kian bertambah. Dengan memanfaatkan jaringan sosial dalam talian dan platform pemblogan (*blogging*) mikro, PDRM bukan sahaja berinteraksi secara langsung dengan lebih ramai orang pada sesuatu ketika, tetapi juga mendekati kumpulan berbeza, seperti anak-anak muda yang jarang-jarang menghadiri aktiviti yang diaturkan oleh pihak polis.

Laman media sosial ini terbukti menjadi platform terbaik untuk usaha kepolisan komuniti kerana ia membolehkan aktiviti mendekati rakyat dan mencegah jenayah berjalan serentak. Walaupun PDRM menerima cadangan yang berguna dan maklumat jenayah daripada orang ramai yang telah membantu memudahkan siasatan polis, pihak polis juga menggunakan platform yang sama untuk menyebarkan maklumat berguna mengenai pencegahan jenayah dan maklumat terkini mengenai keselamatan orang ramai.

Melalui perkongsian yang proaktif dan menarik dengan masyarakat, PDRM mampu mengenal pasti masalah masyarakat dan melaksanakan penyelesaian untuk melindungi orang ramai. Facebook dan Twitter turut membantu PDRM membina rasa muhibah, amanah dan ketelusan dalam kalangan orang ramai, supaya mereka boleh berkhidmat dengan lebih berkesan lagi.

Bekerjasama untuk membanteras kecurian kenderaan

Tahun 2011 turut menyaksikan Majlis Pengurangan Kecurian Kenderaan Malaysia (*Vehicle Theft Reduction Council of Malaysia - VTREC*) dan PEMANDU melancarkan sebuah bengkel antara sektor awam dan swasta untuk membentuk strategi bagi menangani kecurian kenderaan. Berikutan bengkel, VTREC mengemukakan cadangan kepada PEMANDU dan semua pihak berkepentingan yang sedang bekerjasama untuk melaksanakan cadangan ini.

Mengurangkan Jenayah

Membanteras kecurian kenderaan melalui kerjasama

Dalam era yang dikuasai jenayah tanpa sempadan dan penggunaan teknologi terkini untuk melakukan jenayah, kumpulan penjenayah dan sindiket kini menggunakan kaedah yang semakin canggih untuk mencuri kenderaan. Statistik mendedahkan bahawa kira-kira RM1 bilion nilai kenderaan telah hilang pada tahun 2010 sahaja. Dari segi jumlah Jenayah Indeks, kecurian kenderaan sahaja menyumbang 40% dan 43.55% kepada Jenayah Indeks masing-masing pada tahun 2010 dan 2011, iaitu paras peratusan yang mengejutkan. Kecurian kenderaan merupakan faktor paling penting bagi pengurangan Jenayah Indeks. Statistik ini tidak mengambil kira kerugian berkaitan (dalam jam manusia dan perbelanjaan lain) yang ditanggung oleh mangsa, begitu juga kos menggunakan tenaga kerja atau sumber, serta perbelanjaan yang ditanggung oleh agensi dan organisasi yang memerangi jenayah ini. Kecurian kenderaan terus memberikan kesan buruk yang mendalam terhadap insurans dan pengendali takaful dan seterusnya orang ramai yang dilindungi insurans. Peningkatan tuntutan akhirnya mengakibatkan premium naik dan terus membebankan pengguna.

Dalam persekitaran sedemikian, PDRM tidak boleh memerangi kecurian kenderaan secara bersendirian. Sebaliknya ia mesti bergantung pada sektor awam dan swasta untuk menyokong usahanya. Selaras dengan ini, tarikh Julai 2011 menyaksikan Majlis Pengurangan Kecurian Kenderaan Malaysia (VTREC) dan PEMANDU menyertai 31 pihak berkepentingan utama terdiri daripada kerajaan, insurans, industri automotif dan kewangan mengadakan bengkel dua hari mengenai kecurian kenderaan. Bengkel ini menuntut kerjasama pihak berkepentingan berkaitan dengan pembangunan strategi membanteras kecurian kenderaan. Ia menangani isu kecurian kenderaan yang digunakan untuk merongkah semula alat ganti dan penyeludupan merentasi sempadan; melaraskan semua pihak berkepentingan dengan matlamat yang satu, iaitu untuk membanteras kecurian kenderaan, dan membawa kepada pembangunan dan pelaksanaan cadangan yang konkrit.



Mengurangkan Jenayah

Memanfaatkan inovasi teknologi

Pada tahun 2011, PDRM beralih kepada alat Peranti Akses Mudah Alih Berkomputer (*Mobile Computerised Access Devices - MCAD*) untuk membanteras jenayah dengan lebih berkesan lagi. Kira-kira 1,100 alat peranti MCAD disediakan untuk pasukan polis bagi membolehkan semakan pendaftaran kenderaan secara dalam talian dibuat. Peranti ini dirangkaikan dengan balai polis bergerak dan pangkalan data pendaftaran nombor kenderaan di Jabatan Pengangkutan Jalan, untuk memudahkan penyemakan secara masa nyata. Untuk mempertingkatkan lagi komunikasi harian polis dan mengurangkan jenayah, PDRM akan terus memanfaatkan inovasi teknologi. Di bawah projek Jaringan PDRM (*Royal Malaysian police net - RMPnet*), beberapa alat komunikasi digital baharu termasuk walkie-talkie jarak jauh, sistem laporan polis berasaskan komputer, dan sistem penyemakan laporan polis dalam talian, telah dibangunkan dan dilaksanakan.



Pengukuhan hubungan

Pada 28 Julai 2011, PDRM dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memeterai Nota Persefahaman untuk mengukuhkan perkongsian dan kerjasama dalam membanteras jenayah. Sebagai mengiktiraf sumbangan JPNIN terhadap usaha memerangi jenayah, kerajaan telah menganugerahkan satu belanjawan untuk membeli peralatan rondaan yang diperlukan untuk ahli Skim Rondaan Sukarela (*Voluntary Patrol Scheme - VPS*). Sebahagian daripada peruntukan belanjawan ini akan digunakan untuk membina kabin aluminium berhawa dingin bagi ahli VPS dan PDRM mengadakan mesyuarat bersama dan melakukan aktiviti di lokasi strategik.

Mengurangkan Jenayah

Mengatasi kebimbangan wanita terhadap jenayah

Dapatan kaji selidik TNS menunjukkan bahawa kaum wanita umumnya lebih mengalami perasaan takut akan jenayah berbanding dengan kaum lelaki. Perasaan takut akan jenayah dalam kalangan wanita menyaksikan trend yang meningkat daripada 59.6% pada bulan Januari 2011 kepada 60.3% pada bulan Mei 2011, dan selanjutnya kepada 66.4% pada bulan Oktober 2011. Kaum wanita menekankan bahawa jenayah berkaitan dengan kekerasan merupakan kebimbangan utama mereka. Walaupun terdapat peningkatan dalam perasaan takut akan jenayah dalam kalangan kaum lelaki dengan statistik yang menunjukkan peningkatan daripada 38.3% pada bulan Mei 2011 kepada 46.6% pada bulan Disember 2011, namun kaum lelaki umumnya kurang bimbang akan jenayah.

Selaras dengan ini, satu perbincangan meja bulat khusus telah diadakan untuk menangani keperluan dan kebimbangan wanita berkaitan dengan jenayah. Perbincangan Meja Bulat Wanita yang pertama terbukti cukup menggalakkan dengan penyertaan yang amat memberangsangkan daripada pelbagai pemimpin wanita dan organisasi. Selain menangani kebimbangan wanita, inisiatif tersebut turut menyaksikan perkembangan idea dan bidang tumpuan baharu dalam pertarungan membanteras jenayah.

Fakta utama yang penting dipetik daripada Perbincangan Meja Bulat Wanita mengenai Jenayah**Peserta Perbincangan Meja Bulat Wanita**

- **Datin Paduka Marina Mahathir**, Aktivis Hak Wanita
- **Ms Ivy Josiah**, Pertubuhan Pertolongan Wanita
- **Ms Mindy Teh**, Majalah Marie Claire
- **A. Prof. Madya Dr. Rumaya Juhari**, Universiti Putra Malaysia
- **Ms Tricia Yeoh**, Dynamic Search
- **Dr. Waitchalla RRV Suppiah**, Kementerian Dalam Negeri
- **Supt. Zaleha Hj Mad Jais**, Polis DiRaja Malaysia

Tempat letak kereta

- Wanita berasa takut di tempat letak kereta
 - Kurang pencahayaan di sudut tersembunyi, laluan pejalan kaki
 - Kurang CCTV atau pengawal keselamatan
- Menambah baik undang-undang kecil bangunan untuk memastikan keselamatan
- 'Name-and-Shame' tempat letak kereta yang tidak selamat

Kepekaan barisan hadapan

- Mangsa trauma, misalnya rogol, keganasan rumahtangga, tidak **ditangani dengan sensitif**
- Menyediakan bilik 'triage' bagi kes sensitif
- Melatih pegawai barisan hadapan, melibatkan NGO Wanita, bagaimana hendak mengendalikan kes trauma

Ketelusan Data

- **Data jenayah tidak sensitif** boleh membantu masyarakat mengambil langkah proaktif untuk melindungi diri mereka, contohnya lokasi jenayah, profil jenayah
- Pertimbangan untuk berkongsi data jenayah tidak sensitif di laman sesawang atau melalui mesyuarat NGO suku tahun

Kesedaran jenayah

- Tubuhkan media tetap yang disebar luas, kempen **kesedaran jenayah**
 - Pengemaskinian inisiatif PDRM dan NKRA
 - Brosur, kit, amalan terbaik
 - Hak wanita untuk perlindungan, pembelaan

Mengurangkan Jenayah



“Strategi Lautan Biru menyasarkan untuk menyediakan lebih banyak kakitangan polis tanpa memerlukan pelaburan yang lebih banyak dalam kemudahan latihan polis. Salah satu daripada agenda besar adalah untuk mengambil bekerja 12,000 rekrut setahun sepanjang lima tahun yang akan datang untuk meningkatkan kekuatan polis kepada 150,000 kakitangan. Sebelum ini, kita mempunyai institut latihan yang tidak mencukupi dan terdapat jurang dalam waktu pelancaran. Kami membangkitkan idea untuk mewujudkan kerjasama antara polis dan angkatan tentera dan memaksimumkan sumber-sumber yang ada. Kaedah perkongsian, kerjasama dan persefahaman tersendiri yang muncul ini telah membawa kepada kejayaan perondaan bersama di Perak, Kelantan, Negeri Sembilan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Sepang. Hasilnya, kami juga mempunyai lebih banyak tenaga kerja untuk tugas-tugas pencegahan jenayah.”

- Datuk A Paramasivam, SAC, Ketua Penolong Pengarah pengurusan (Latihan dan Peperiksaan)

Kemajuan kukuh dibuat menerusi Strategi Lautan Biru

Strategi Lautan Biru yang diperkenalkan kerajaan memerlukan kerjasama yang lebih erat antara polis dengan angkatan tentera. Di bawah strategi ini, anggota polis dilatih dengan menggunakan kemudahan tentera, dengan itu menjimatkan dana pembayar cukai kerana ia tidak perlu membina kemudahan latihan tambahan. Inisiatif ini juga membolehkan lebih ramai anggota polis direkrut dalam tempoh masa yang lebih singkat dan diserap dengan cara yang lebih pantas ke dalam PDRM. Dengan memanfaatkan sumber-sumber yang sedia ada untuk mengurangkan kadar jenayah negara, pemikiran di luar lingkaran ini telah dinobatkan sebagai yang pertama di dunia. Ia juga telah berjaya meningkatkan hubungan kerja rapat yang sedia ada antara tentera dengan polis, di samping mengukuhkan semangat setia kawan antara mereka.

Kerjasama itu juga menyeru agar anggota tentera dan polis mengadakan rondaan bersama di seluruh Malaysia. Pasukan usahasama ini akan melakukan rondaan sama ada dengan kereta peronda polis dan motosikal atau dengan berjalan kaki. Penggembelangan angkatan tentera untuk membanteras jenayah telah menyuntik semangat kekuatan tambahan dalam kalangan masyarakat selain menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja dalam PDRM.



Mengurangkan Jenayah

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Bil.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar 2011	Lampu Isyarat
1	Pengurangan Jenayah Indeks dilapor - nota: Indeks sebenar berdasarkan tahun ke tarikh	5%	Pengurangan Jenayah Indeks sebanyak 11.1% (Jan-Dis 2011)	
2	Pengurangan Indeks Jenayah Jalanan (penurunan dari garis dasar 2009) - nota: Indeks sebenar berdasarkan perbandingan tahun-ke-tarikh	40%	Pengurangan 39.7% Indeks Jenayah Jalanan sebanyak 39.7% (Jan-Dis 2011)	
3	Pengurangan perasaan takut menjadi mangsa jenayah	50%	52.9% sejak dapatan kaji selidik TNS pada Dis 2011	
4	Penambahan bilangan kes tangkapan dihadapkan ke muka pengadilan	20%	23.5% 370,452 IP dibuka (Jan-Dis 2011). Daripada jumlah ini, 86,794 IP telah didakwa / dihadapkan ke muka pengadilan	
5	Peningkatan persepsi awam terhadap prestasi polis	60%	70.5% sejak dapatan kaji selidik TNS pada Dis 2011	



Mengurangkan Jenayah

KEBERHASILAN

Pada tahun 2011, NKRA Mengurangkan Jenayah sebahagian besarnya berjaya memenuhi NKPI seperti yang telah ditetapkan. Malahan dalam sesetengah kes, kejayaan mencerminkan pencapaian melepasi sasaran yang telah ditetapkan, selaras dengan falsafah GTP – untuk melaksanakan Kejayaan Besar dan Pantas kepada rakyat secara berterusan.

Pengurangan Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan masing-masing 11.1% dan 39.7%

Pelbagai inisiatif yang diambil pada tahun 2011 telah membawa kepada pengurangan Jenayah Indeks sebanyak 11.1%. Ini merupakan pengurangan lebih sekali ganda berdasarkan sasaran pada paras 5%. Pengurangan Jenayah Jalanan juga memberangsangkan, iaitu sedikit sahaja di bawah sasaran 40% bagi NKPI tahun 2011 tersebut.



Mengurangkan Jenayah

Prestasi cemerlang ini berpunca daripada pelbagai operasi pembasmian jenayah pada peringkat negara yang dijalankan sepanjang tahun. Langkah lain yang diteruskan dari tahun 2010, seperti rondaan polis yang diperhebat, penyitaan bengkel haram dan pelaksanaan pengawasan secara rahsia, juga terbukti berkesan.

Pengembangan Program Omnipresence ke Sabah dan Sarawak adalah penting dalam mengurangkan kadar jenayah di Malaysia Timur. Semua langkah ini telah menyebabkan kehadiran polis yang lebih ketara dalam kalangan masyarakat, sekali gus mengekang kelahiran bakal penjenayah. Salah satu ciri penting Program Omnipresence ialah pada satu-satu masa, terdapat 2,500 kakitangan keselamatan meronda di kawasan *hotspot*. Dengan mengambil kira 5,538 sukarelawan tambahan dari Jabatan Pertahanan Awam dan RELA sebagai PVR, ia terus memperkukuh keupayaan PDRM untuk mengekalkan kehadiran fizikal yang lebih ketara dalam kalangan masyarakat.

Peranan Program Bandar Selamat (SCP) di kawasan jenayah yang kerap berlaku turut membuat rakyat kurang terdedah pada jenayah. Walaupun langkah seperti menambah tonggak jalan dan pokok sesemak di kaki lima, pada sekilas pandang, ia seolah-olah tidak memberikan apa-apa kesan langsung yang ketara, namun langkah sebegini sebenarnya telah menyukarkan serta merumitkan penjenayah untuk menjalankan aktiviti mereka, seperti curi ragut misalannya. Rakyat kini lebih selamat daripada ditimpa kejadian jenayah kecil seperti ini.

Penambahbaikan Program Bandar Selamat



Mengurangkan Jenayah



Pengurangan perasaan takut menjadi mangsa jenayah kepada 52.8%

Dapatan TNS menunjukkan bahawa terdapat penurunan menyeluruh dalam dua tahun terakhir berhubung dengan perasaan takut orang ramai menjadi mangsa jenayah berbanding dengan sebelum NKRA Mengurangkan Jenayah mula-mula diperkenalkan. Pada bulan Disember 2009, indeks perasaan takut terhadap jenayah dalam kalangan rakyat Malaysia berada pada paras 58.5%. Berikutan inisiatif yang meluas di bawah NKRA, indeks ini menurun kepada 52.8% pada bulan September 2011 tetapi naik sedikit kepada 52.9% pada bulan Disember 2011. Antara beberapa faktor yang barang kali menyumbang kepada penurunan yang sedikit ini mungkin sisa-sisa negatif Bersih 2.0 dan pengendalian PDRM terhadap Bersih 2.0 tersebut, serta liputan media yang meluas mengenai insiden jenayah (misalnya, artikel rompakan dan jenayah kekerasan masing-masing meningkat sebanyak 72% dan 43%). Pemansuhan Ordinan Darurat menyebabkan beberapa pesalah yang diketahui sebagai penjenayah dibebaskan dari Penjara Simping Renggam, mungkin juga telah menyumbang kepada kenaikan kecil berkaitan dengan perasaan takut menjadi mangsa jenayah.

Sehingga kini, beberapa kumpulan fokus telah dibentuk untuk meneroka lebih lanjut faktor di sebalik perasaan takut menjadi mangsa jenayah. Sebahagian besar perasaan takut ini berpunca daripada persepsi negatif berkaitan dengan jenayah yang biasanya dipengaruhi liputan media serta penyampaian berita secara hebahan lisan. Liputan media hari ini melangkaui media cetak atau penyiaran tradisional, termasuk juga saluran media interaktif sosial seperti YouTube,

Mengurangkan Jenayah

Facebook dan Twitter. Angkara galakan perbincangan serta merta dan penyebaran maklumat yang tidak terkawal, media sosial merupakan faktor utama dalam menentukan persepsi. Di samping itu, perasaan takut orang ramai menjadi mangsa jenayah diburukkan lagi oleh pendedahan berkaitan dengan keganasan menerusi filem dan program televisyen.

Untuk memastikan perasaan takut menjadi mangsa jenayah dapat dikurangkan lagi, PDRM akan terus menyasarkan pengurangan jenayah jalanan dan memperkukuh inisiatif seperti Program Omnipresence dan *Feet-on-Street* untuk memperhebat kehadiran polis di jalan-jalan dan membuatkan rakyat berasa lebih selesa. Beberapa inisiatif di bawah Program Bandar Selamat dilancarkan bertujuan meningkatkan secara mendadak keselamatan orang ramai, manakala pemasangan CCTV di kawasan berisiko tinggi dan *hotspot* jenayah turut berfungsi untuk memenuhi tujuan yang sama.

23.4% lebih banyak kes dihadapkan ke muka pengadilan

Satu lagi NKPI di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah ialah inisiatif yang menyeru PDRM untuk bekerja selaras dengan agensi penguatkuasaan undang-undang lain untuk menambah bilangan kes didakwa / dihadapkan ke muka pengadilan. Sebarang kejayaan di sini adalah penting dalam memenangi peperangan membanteras jenayah kerana ia memastikan mereka yang melakukan jenayah diadili dan disabitkan kesalahan yang sewajarnya di mahkamah melalui sistem keadilan jenayah. Pada tahun 2011, sasaran membawa 20% kes penangkapan ke muka pengadilan telah melepasi angka 370,452 Kertas Siasatan (IP) yang dibuka setakat akhir bulan Disember 2011. Daripada jumlah ini, 86,794 orang telah didakwa / dihadapkan ke muka pengadilan.

Kejayaan dalam bidang ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penubuhan Unit Perisikan Negara untuk mengendalikan kes jenayah. Strategi jangka panjang ini bertujuan menambah baik keupayaan PDRM seperti juga strategi menugaskan lebih banyak anggota polis menyiasat kes jenayah.

Kepuasan awam terhadap PDRM bertambah sebanyak 70.5%

Kaji selidik TNS yang dijalankan pada tahun 2011 mengesahkan bahawa pelbagai inisiatif yang dilaksanakan di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah bukan sahaja mengurangkan kadar jenayah di Malaysia, malah berkesan dalam meningkatkan kepuasan orang ramai terhadap PDRM. Dengan penekanan yang diberikan untuk melayan rakyat sebagai pelanggan, inisiatif seperti CSR dan BLT telah memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan perkhidmatan dan budaya berorientasikan rakyat dalam PDRM. Hasilnya, terdapat peningkatan yang ketara dalam pengendalian laporan oleh pegawai siasatan, interaksi frontline dengan orang ramai dan aspek operasi polis yang lain. Penambahbaikan perkhidmatan pelanggan barisan hadapan ini secara langsung telah menyumbang kepada persepsi yang lebih positif terhadap PDRM.

Mengurangkan Jenayah

Selain itu, aktiviti seperti *Feet-on-Street*, Program Omnipresence dan pelbagai platform interaktif yang diwujudkan antara rakyat dengan PDRM telah memperhebat kehadiran PDRM yang lebih ketara dalam kalangan masyarakat; sekali gus mengeratkan lagi hubungan dengan rakyat. Rakyat kini boleh merasai dan melihat dengan lebih jelas akan segala tindakan yang komprehensif dan ketara yang sedang dilaksanakan, dan mereka kini boleh bertambah yakin bahawa pihak polis sememangnya memainkan peranan yang lebih aktif dalam menjaga keselamatan mereka.



CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

Meskipun NKRA Mengurangkan Jenayah telah mengecap sekian banyak kejayaan pada tahun 2011, namun sedikit sahaja pengurangan yang berlaku terhadap NKPI “mengurangkan perasaan takut rakyat menjadi mangsa jenayah”. Hasil yang dicapai – 52.8% orang ramai menyatakan masih mengalami perasaan takut, melebihi sedikit sahaja sasaran NKPI pada paras 50%. Pada masa ini, kajian terperinci sedang dijalankan untuk menilai kembali sebab dan asas kekurangan ini terjadi. Aktiviti kumpulan sasaran telah dikenal pasti untuk terus memahami sebab-sebab di sebalik perasaan takut rakyat menjadi mangsa jenayah bertambah. Dapatan kajian ini kemudiannya akan digandingkan dalam usaha tahun 2012 untuk memudahkan penambahbaikan yang berterusan.

Mengurangkan Jenayah

IKTIBAR YANG DIPELAJARI

Walaupun PDRM baru sahaja memulakan strategi memenangi hati dan minda rakyat, namun ia memahami keperluan untuk melaksanakan tiga strategi mudah dalam memastikan keseluruhan kepuasan orang ramai, iaitu masa tindak balas yang pantas bagi panggilan kecemasan; mudah membuat laporan polis; dan keberkesanan menangani jenayah. Selaras dengan strategi pertama, inisiatif seperti Balai Polis Bergerak PDRM dan Tindak Balas Pertama bermotosikal akan terus diperkukuh. Di bawah strategi kedua pula, inisiatif seperti BLT dan CSR akan diperluas. Akhir sekali, di bawah strategi ketiga, PDRM akan terus memanfaatkan kaji selidik seperti kaji selidik TNS untuk mengukur persepsi awam dan membuat pemurnian dan penghalusan yang menyeluruh terhadap NKRA Mengurangkan Jenayah.

Di samping itu, strategi PDRM mempunyai dua wajah – wajah yang sopan dan lembut untuk orang ramai dan wajah yang tegas dan serius untuk pesalah; pendekatan yang nampaknya menunjukkan kejayaan. Untuk menjalin hubungan yang lebih kukuh dengan orang ramai, PDRM akan terus menyediakan lebih banyak platform bagi pegawainya supaya dilihat sebagai “pegawai keamanan” dan bukan sekadar “penguat kuasa undang-undang.” Hanya selepas itu sahajalah baru PDRM dapat benar-benar berharap untuk memenangi hati dan minda rakyat.

PERSEPSI AWAM

Peningkatan kepuasan orang ramai terhadap PDRM pada tahun ini berdasarkan kaji selidik TNS merupakan pernyataan sokongan secara tidak langsung kepada NKRA Mengurangkan Jenayah. Pelbagai testimoni dan maklum balas yang dikumpul daripada orang ramai juga membayangkan keyakinan terhadap pasukan polis dan NKRA.

Perkhidmatan yang bertambah baik yang diberikan di balai polis kepada orang ramai dan pelbagai usaha komunikasi yang diambil turut membentuk persepsi orang ramai yang lebih mantap. Namun, kita perlu menerima hakikat bahawa walau bagaimana cemerlang sekalipun usaha NKRA Mengurangkan Jenayah dijalankan, jenayah masih tetap akan berlaku. Ini mestilah difahami semua bahawa tidak ada mana-mana masyarakat atau negara di dunia ini yang mempunyai paras jenayah sifar. Justeru, persepsi orang ramai akan terus dipengaruhi laporan jenayah, walaupun bilangan insiden jenayah itu sendiri semakin berkurangan. Kami menerima senario ini sebagai satu cabaran intrinsik NKRA Mengurangkan Jenayah. Walaupun begitu, kami yakin bahawa persepsi orang ramai masih boleh diperkukuh lagi dan kami akan terus berusaha untuk berbuat demikian.

Dalam perkembangan yang lebih positif, dapatan Indeks Keamanan Global (*Global Peace Index - GPI*) yang menunjukkan Malaysia menjadi negara yang paling aman di Asia Tenggara dan yang keempat paling damai di rantau Asia Pasifik selepas New Zealand, Jepun dan Australia pastinya merupakan petanda baik bagi kita sebagai sebuah negara. GPI ini merangkumi 23 penunjuk kualitatif dan kuantitatif yang menggabungkan pelbagai faktor dalaman dan luaran. Petunjuk ini telah dipilih panel yang dianggotai ahli akademik, ahli perniagaan, dermawan dan ahli pelbagai institusi yang menyokong keamanan. Ranking ini amatlah dialu-alukan memandangkan ia berfungsi sebagai pengesahan yang bebas daripada pihak ketiga terhadap pelbagai inisiatif dan segala usaha yang dijalankan di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah.

Mengurangkan Jenayah

MELANGKAH MENUJU 2012

Sasaran NKPI 2012

Berikut ialah sasaran NKPI 2012 untuk NKRA Mengurangkan Jenayah:

KPI	Sasaran 2011	Pencapaian Sebenar (Jan – Dis 2011)	Sasaran 2012
Pengurangan Jenayah Indeks yang dilaporkan	5% berdasarkan pencapaian 2010	11.1% (Pengurangan 19,629 kes)	5% berdasarkan pencapaian 2011
Pengurangan Jenayah Jalanan yang dilaporkan	40% berdasarkan pencapaian 2009	39.7% (Pengurangan 15,101 kes)	45% berdasarkan pencapaian 2009
Pengurangan perasaan takut menjadi mangsa jenayah	50%	52.9% pada Dis 2011	45%
Penambahan bilangan kes tangkapan dihadapkan ke muka pengadilan	20%	370,452 (23.4% daripada IP, atau 86,794 telah dihadapkan ke muka pengadilan)	25%
Peningkatan persepsi awam terhadap prestasi polis	60%	70.5% pada Dis 2011	65%

Mengurangkan Jenayah

Inisiatif 2012

Bagi tahun 2012, kira-kira 496 kamera CCTV akan dipasang di beberapa lokasi strategik. Projek ini dijangka bermula pada bulan Februari 2012 dan disiapkan pada bulan Februari 2013. Beberapa inisiatif baharu akan dilaksanakan agar masyarakat dapat menerima perkhidmatan yang terbaik apabila mereka berinteraksi dengan pihak polis. Satu inisiatif khusus yang akan mendapat perhatian yang lebih meluas pada tahun 2012 ialah strategi Kepolisan Bertaraf Dunia (*World Class Policing - WCP*). Setelah dimulakan pada tahun 2011, inisiatif ini akan menjadi bertambah penting pada tahun 2012. Sistem penanda aras ini merupakan jawapan untuk membantu Malaysia bergerak lebih dekat ke arah membangunkan sebuah pasukan polis bertaraf dunia.

Setiap orang perlu memainkan peranan masing-masing

Meskipun NKRA Mengurangkan Jenayah membuahkan kejayaan yang positif pada tahun 2011, jenayah masih merupakan masalah utama dalam kalangan rakyat Malaysia. Kementerian Dalam Negeri dan agensi rakan kongsi bertekad untuk memainkan peranan masing-masing dalam mewujudkan Malaysia sebagai negara yang lebih selamat untuk semua dan setiap rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, tugas ini tidak boleh disandarkan kepada pihak berkuasa sahaja. Setiap rakyat Malaysia perlu memainkan peranan masing-masing. Setiap individu, keluarga, kejiiran dan komuniti perlu ada semangat kepunyaan untuk membina sebuah persekitaran, masyarakat dan akhirnya sebuah negara yang lebih selamat.

Rakyat perlu mengamalkan sikap berjaga-jaga, lebih proaktif dan menyokong penguatkuasaan undang-undang serta mengambil berat antara satu sama lain dalam semangat 1Malaysia. Dengan kerjasama, komunikasi dan sokongan yang lebih mantap, kemajuan besar dalam melangkah ke hadapan mampu diraih dalam pertarungan membanteras jenayah ini. Hanya dengan cara inilah sahaja, NKRA Mengurangkan Jenayah akan berjaya mencipta kejayaan luar jangkaan yang lebih baik daripada apa yang pernah dibayangkan.



Membanteras Rasuah



Saya
ANTI
Rasuah

Bersama
Membangunkan negara
berintegriti

Membanteras Rasuah



Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

“Pada tahun 2011, kerajaan meneruskan perjuangan menentang gejala rasuah. Sebagai permulaan, kami memperkukuh dan mengembangkan inisiatif asas yang dilaksanakan pada tahun 2010, kemudian meneruskan dengan pengenalan langkah-langkah baharu. Pelaksanaan Integriti (*Integrity Pact, IP*) melalui Kementerian Kewangan dan pelancaran Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge, CIP*) bagi menangani pemberian dan penerimaan rasuah menunjukkan usaha kami yang berterusan dalam membanteras rasuah dan penyelewengan di negara ini.”



Melancarkan perang menentang rasuah

Malaysia telah menetapkan sasarannya untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dalam tempoh sembilan tahun dan kini menumpukan kepada sektor swasta untuk menyumbangkan 92% daripada keperluan pelaburan keseluruhan negara. Walau bagaimanapun, peningkatan kes rasuah di Malaysia terus menjadi kebimbangan utama para pelabur. Kos ekonomi berkaitan dengan rasuah terhadap negara sememangnya amat besar dengan kehilangan hasil berjumlah berbilion ringgit dan kos peluang sementara persaingan yang adil dan kecekapan pula menjadi terbantut. Malah, dilaporkan bahawa perniagaan kecil menggunakan 8% hingga 9% daripada asas hasil hanya untuk membayar rasuah, sebahagian besarnya untuk pelbagai bentuk permohonan permit dan lesen. Kepentingan statistik ini makin bertambah jika diambil kira bahawa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mencakupi 30% hingga 40% daripada KDNK keseluruhan Malaysia.

Isu ini diburukkan lagi oleh reputasi Malaysia yang menerima tamparan di arena antarabangsa. Rasuah juga telah dikenal pasti sebagai faktor penting dalam kehilangan modal insan dan juga punca kepada rasa patah semangat kakitangan dalam perkhidmatan awam. Tidak sekadar terbatas kepada sektor swasta dan awam, rasuah terus meninggalkan kesan kepada kehidupan harian semua rakyat Malaysia. Aduan mengenai rasuah oleh orang ramai terus kedengaran dalam hal-hal seharian yang biasa seperti mendapatkan kelulusan ujian memandu hinggalah kepada mendapatkan kelulusan pelan pengubahsuaian rumah dan seterusnya.

Ringkasnya, rasuah perlu dibendung untuk mengurangkan kos melaksanakan perniagaan dan menghapuskan ketidakcekapan dalam sistem. Terdapat juga keperluan untuk mengubah rangka minda rakyat Malaysia - kedua-dua penerima dan pemberi rasuah - untuk meningkatkan keyakinan pelabur, mengembalikan kepercayaan awam, melonjakkan pelaburan langsung asing, menyediakan platform pasaran dan persaingan yang adil selain memastikan tadbir urus yang baik. Kesemua ini merupakan prasyarat sekiranya Malaysia ingin beralih daripada status negara berpendapatan sederhana dan mentransformasikan dirinya menjadi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Membanteras rasuah

Memahami kesan yang boleh berlaku akibat rasuah terhadap negara, kerajaan Malaysia bertekad untuk membanteras rasuah. NKRA Membanteras Rasuah diperkenalkan pada tahun 2010 sebagai respons terhadap seruan orang ramai untuk menangani kebimbangan berkaitan dengan rasuah dan menghentikan peningkatan kes rasuah.

Pada tahun pertama pelaksanaan inisiatif membanteras rasuah, NKRA Membanteras Rasuah telah mencapai beberapa kejayaan besar. Tatkala NKRA ini memasuki tahunnya yang kedua, usaha-usaha untuk memerangi rasuah ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi. Inisiatif yang sedia ada diperkukuh sementara inisiatif yang baharu diperkenalkan. Meskipun matlamat dan sasaran yang lebih tinggi ditetapkan, kefahaman dan pengajaran yang dipelajari pada tahun 2010 telah diterapkan dalam usaha-usaha yang digembleng pada tahun 2011 untuk meneruskan momentum mantap yang telah dicapai sebelum ini.

Membanteras Rasuah

Berikut merupakan kejayaan besar pada tahun 2011:

KEJAYAAN BESAR

- **Pakatan Integriti (*Integrity Pacts*):** Pelaksanaan *Integrity Pact* yang pertama dan menyeluruh di Malaysia (dengan menggunakan projek Transit Aliran Massa (*Mass Rapid Transit*) sebagai model dalam pelaksanaan pakatan integriti tersebut)
- **Ikrar Integriti Korporat (*Corporate integrity Pledge, CIP*):** 64% daripada syarikat yang diumumkan di bawah Projek Permulaan (*Entry Point Project - EPP*) untuk Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme - ETP*) telah menjanjikan komitmen terhadap Ikrar Integriti Korporat (CIP). Ini termasuklah beberapa syarikat yang mempunyai permodalan pasaran yang terbesar di Malaysia, sekali gus menandakan era baharu penglibatan sektor awam dan swasta dalam membendung gejala rasuah. Pada tahun 2011, sebanyak 64 syarikat telah menandatangani ikrar tersebut
- **Pendakwaan dalam tempoh satu tahun:** Lebih 424 kes telah diproses dan 249 kes diselesaikan oleh 14 mahkamah khas rasuah pada tahun 2011
- **Rangka Kerja Pemberi Maklumat (*Whistleblower Framework*):** Susulan Akta Pemberi Maklumat (*Whistleblower Protection Act*) yang telah diluluskan pada 15 Disember 2010, agensi penguat kuasa dimaklumkan tentang pelaksanaannya melalui garis panduan yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan satu himpunan arahan telah dikeluarkan kepada pendakwa raya.
- **Unit pematuhan:** Unit pematuhan di kelima-lima agensi penguatkuasaan telah diwujudkan. Hari ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masing-masing mempunyai unit khas untuk memantau dan memastikan pegawai agensi masing-masing mematuhi tingkah laku yang sewajarnya
- **Garis panduan ganjaran dan penghargaan:** Pada bulan Jun 2011, garis panduan berkaitan dengan pemberian ganjaran kepada kakitangan awam yang melaporkan kes rasuah hingga membawa kepada pendakwaan yang berjaya telah dikeluarkan
- **Buku kecil Pembaharuan Perkhidmatan Awam:** Diterbitkan pada tahun 2011, buku kecil ini merupakan pengumpulsemakan semua perubahan yang dilakukan oleh setiap kementerian dan agensi dalam usaha memperbaharui semula proses dan tatacara birokratik. Buku kecil tersebut diagihkan ke seluruh negara bagi menggalakkan kesedaran terhadap sistem, proses dan tatacara yang tepat dalam usaha menghalang penyalahgunaan kuasa

Membanteras Rasuah



Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja mencetuskan kesan yang ketara, malah berjaya memenangi hati dan minda masyarakat. Berdasarkan tinjauan oleh Transparency International mengenai Barometer Rasuah Malaysia, peratusan tersebut meningkat daripada 48% pada tahun 2010 kepada 49% pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, skor Indeks Persepsi Rasuah Malaysia (*Corruption Perception Index, CPI*) Transparency International menunjukkan pengurangan daripada 4.4 pada tahun 2010 kepada 4.3 pada tahun 2011. Walaupun ukuran TI CPI banyak tertumpu kepada rasuah besar dan bukannya keseluruhan usaha NKRA Membanteras Rasuah, kami akan terus bekerja keras untuk memastikan bahawa kami membuat penambahbaikan yang perlu dalam melangkah ke hadapan. Tinjauan lain yang dilakukan juga mencerminkan pendapat dan sentimen umum berubah menjadi bertambah baik seiring dengan usaha kerajaan yang semakin mendapat momentum dalam membanteras rasuah.

TINJAUAN KESELURUHAN

Menangani rasuah dari akar umbi

Beberapa tinjauan dalam beberapa tahun kebelakangan telah menegaskan peningkatan secara beransur-ansur rasuah di Malaysia. Tinjauan Belia Nasional Merdeka Centre 2008 menekankan hakikat bahawa masyarakat Malaysia telah mengenal pasti rasuah sebagai kebimbangan utama yang perlu ditangani oleh kerajaan. Skor rendah yang diperoleh Malaysia selama lebih sedekad dalam TI CPI yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa (daripada 5.28 pada tahun 1995 hinggalah kepada 4.5 pada tahun 2009) juga menyerlahkan kenyataan bahawa masyarakat perniagaan antarabangsa dan pakar-pakar negara menganggap bahawa rasuah di Malaysia sedang mengalami peningkatan. CPI mengukur persepsi rasuah mengikut skala satu (kadar rasuah yang amat tinggi) hingga kepada 10 (bersih daripada rasuah).

Malah, tinjauan TI GCB menunjukkan bahawa pada tahun 2009, hanya 28% daripada rakyat yang berpendapat bahawa tindakan kerajaan dalam membanteras rasuah adalah berkesan, berbanding dengan sejumlah 53% pada tahun 2007. Pada hari ini, Malaysia berada pada kedudukan ke-60 antara 183 negara dalam TI CPI. Ini jauh berbeza berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya apabila negara diberi pengiktirafan pada kedudukan yang ke-33 dalam TI CPI. NKRA Membanteras Rasuah diwujudkan khususnya untuk menangani punca sebenar rasuah dan memberikan tahap fokus dan sumber yang bersesuaian untuk memerangi kejahatan ini.

Pada tahun 2010, beberapa sasaran NKPI telah ditetapkan untuk membetulkan isu-isu ini selain menambah baik persepsi terhadap rasuah di Malaysia (mengikut skor TI CPI) dan keberkesanan tindakan kerajaan dalam membanteras rasuah (mengikut tinjauan TI GCB). Sasaran-sasaran NKPI ini dikumpulkan di bawah tiga subNKRA utama yang meliputi penguatkuasaan undang-undang dan agensi pengawalseliaan, perolehan kerajaan dan rasuah besar.

Membanteras Rasuah

Tiga subbidang NKRA Membanteras Rasuah			
	Penguatkuasaan Undang-Undang dan Agensi Pengawalseliaan	Perolehan Kerajaan	Rasuah Besar
Matlamat	- Hukuman lebih berat dan penguatkuasaan yang lebih berkesan terhadap rasuah oleh pegawai kerajaan - Menambah baik sistem penyampaian keadilan bagi kes-kes rasuah	- Mengurangkan ketirisan dana awam - Ketelusan dan akauntabiliti lebih baik dalam penganugerahan dan pelaksanaan kontrak	- Meraih semula keyakinan orang ramai terhadap agensi penguatkuasaan undang-undang - Mengurangkan peluang bagi penyalahgunaan kuasa oleh wakil penguatkuasaan undang-undang
Inisiatif	Contohnya memperkukuh dan memberi kuasa kepada unit pematuhan	Contoh: menjelaskan parameter surat sokongan Contoh: menzahirkan perincian kontrak perolehan kerajaan	Contoh: usaha untuk menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh setahun, terutama bagi kes yang melibatkan kepentingan orang ramai

Pada tahun 2010, NKRA Membanteras Rasuah berjaya meraih beberapa kejayaan dalam usaha kerajaan menentang gejala rasuah. Pencapaian kejayaan tersebut termasuklah:

- Pembangunan Pangkalan Data Pesalah Rasuah “*Name and Shame*” dengan senarai yang mengandungi 284 pesalah – sekali gus melepasi sasaran awal sebanyak 84 nama pesalah. Kepentingan inisiatif ini mempunyai kesan yang meluas yang menjangkau matlamat asalnya. Pada hari ini, pihak-pihak seperti Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur telah “menerima guna” senarai tersebut dan menegaskan bahawa mereka tidak akan membenarkan pesalah yang tersenarai ini daripada memasuki negara Amerika Syarikat.
- Pembangunan portal MyProcurement, yang menyenaraikan lebih 3,500 kontrak di laman sesawang dan maklumat penting lain seperti tender, tarikh diiklankan dan dianugerahkan, nilai kontrak dan pemenang tender
- Panduan mengenai surat sokongan, iaitu pengeluaran pekeliling yang memberikan panduan kepada kakitangan kerajaan mengenai cara untuk menangani surat sokongan
- Pengenalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (*Whistleblower Protection Act 2010*)
- Pelaksanaan Pakatan Integriti (*Integrity Pacts, IP*) melalui arahan Kementerian Kewangan

Membanteras Rasuah

NKPI 2011 bagi NKRA Membanteras Rasuah meneruskan momentum kejayaan tahun sebelumnya, dan pada masa yang sama mengorak langkah yang lebih jauh lagi. Meskipun rasuah bukan merupakan sesuatu yang boleh anda tentukan rangka kerja yang tuntas, namun kerajaan telah pun memfokuskan usahanya dalam meletakkan dan mewujudkan prinsip-prinsipnya yang asas. Walaupun kami sedar bahawa ia mungkin merupakan ‘senjata bermata dua’ (iaitu ia akan memberikan kesan yang positif dan juga menarik perhatian yang tidak dikehendaki), akan tetapi kami nekad untuk mempertingkatkan lagi usaha kami memerangi rasuah dan memperbetulkan apa yang salah.

Usaha yang menggunakan strategi yang terbukti berkesan di samping memperkenalkan strategi baharu menjadi asas kepada pembentukan inisiatif dan NKPI bagi tahun 2011.

OBJEKTIF NKRA MEMBANTERAS RASUAH

NKPI 2011

Berikut merupakan NKPI yang ditetapkan untuk NKRA Membanteras Rasuah pada tahun 2011:

Bil.	NKPI	Sasaran 2011
1	Bilangan kementerian mencatat skor lebih 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan	19
2	Bilangan kes tangkapan yang dibicarakan	20%
3	70% daripada syarikat yang diumumkan sewaktu <i>EPP Progress Updates</i> menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP)	100%
4	Bilangan orang yang disabitkan dalam pangkalan data pesalah rasuah	100
5	Bilangan saman diselesaikan berbanding dengan bilangan saman yang dikeluarkan oleh JPJ	60%
6	Bilangan saman dikeluarkan setiap jam operasi oleh PDRM	12
7	Peratusan perbicaraan yang diselesaikan dalam tempoh setahun	70%
8	Skor Indeks Persepsi Rasuah Transparency International (TI CPI)	4.9

Membanteras Rasuah

Berikut merupakan NKPI yang ditetapkan untuk NKRA Membanteras Rasuah pada tahun 2011: (sambungan)

Bil.	NKPI	Sasaran 2011
9	Tinjauan Barometer Rasuah Global TI (TI GCB) terhadap tindakan kerajaan untuk membanteras rasuah	50%
10	Peratusan perolehan kerajaan dengan Pakatan Integriti	80%
11	Tinjauan persepsi TNS tentang sejauh mana agensi penguatkuasaan dilihat sebagai terlibat dengan rasuah	3.5
12	Menyediakan prosedur yang jelas dan dipersetujui bagi pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (<i>Whistleblower Protection Act</i>) yang berkesan	November
13	Memulakan proses pelaporan bilangan sebenar kes pemberi maklumat	Disember
14	Peratusan penyelesaian aktiviti unit pematuhan	60%

Lanjutan NKPI 2010

Pada tahun 2011, kami mengekalkan beberapa NKPI yang diperkenalkan pada tahun sebelumnya. NKPI berkaitan dengan bilangan Kementerian yang mencatat skor lebih 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan dikekalkan. Kami meningkatkan sasaran kepada 19 Kementerian berbanding dengan 13 Kementerian pada tahun 2010. Kini terdapat 25 Kementerian Kerajaan dan tahun 2011 menyasarkan minimum 19 agensi mencatat skor lebih 90%.

NKPI bagi bilangan saman yang diselesaikan berbanding dengan bilangan saman yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dikekalkan, tetapi kami meletakkan sasaran yang lebih tinggi kepada 60% berdasarkan prestasi sebelum ini. Sasaran ini telah dipersetujui selepas perbincangan dengan JPJ diadakan dan dimuktamadkan sewaktu mesyuarat Pasukan Petugas Pelaksanaan (DTF) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Satu lagi NKPI, iaitu bilangan saman yang dikeluarkan setiap jam operasi dikekalkan dengan sasaran dinaikkan kepada 12 saman dikeluarkan setiap jam oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

NKPI bagi peratusan perbicaraan yang diselesaikan dalam tempoh setahun juga dikekalkan dengan kenaikan sasaran kepada 70%. Rasional di sebalik kenaikan yang tinggi (daripada 33% pada tahun 2010) adalah berdasarkan pengenalan mahkamah khas rasuah yang sudah pun beroperasi. Dengan adanya mahkamah khas ini, jumlah kes yang lebih besar boleh diproses, lebih banyak perbicaraan diselesaikan dan lebih banyak pesalah disabitkan.

Membanteras Rasuah

“Menginstitusikan amalan dan budaya yang mencegah rasuah adalah penting. Ketelusan merupakan salah satu cara untuk menghalang jenayah dan bagi entiti seperti MRT Corp, ia adalah bernilai untuk mencapai keputusan yang lebih baik. Dengan menandatangani pakatan ini, kami menggalakkan amalan ini dan menyokong inisiatif ini ke seluruh negara untuk menanamkan kesedaran.”

- Datuk Azhar Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif, MRT Corp

NKRA Membanteras Rasuah terus bergantung pada TI CPI dan TI GCB bagi tahun 2011 berdasarkan rasional kedua-dua penanda aras antarabangsa ini terus diiktiraf dan diterima secara meluas.

NKPI Yang Dipinda

2011 menyaksikan NKPI yang berkaitan dengan agensi penguatkuasaan undang-undang diperkemas, manakala NKPI yang berkaitan dengan Jabatan Imigresen dan Kastam digugurkan kerana tidak mencerminkan ukuran rasuah yang sebenar. Sebaliknya, satu ukuran lebih sesuai yang mencakupi lima agensi penguatkuasaan utama diperkenalkan.

Salah satu daripada NKPI bagi PDRM ialah bilangan kes yang didakwa berbanding dengan bilangan tangkapan yang dibuat di bawah Akta Dadah Berbahaya. Pindaan dilakukan bagi mencerminkan bilangan kes tangkapan yang dihadapkan ke perbicaraan, yang mencakupi semua jenis jenayah. NKPI ini sama dengan NKPI yang dilaporkan di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah. Pertukaran ini perlu dilakukan kerana tidak praktikal bagi PDRM untuk melaporkan bilangan kes tangkapan yang dihadapkan ke perbicaraan kepada NKRA Mengurangkan Jenayah dan seterusnya membuat laporan berasingan daripada Jabatan Narkotik kepada NKRA Membanteras Rasuah. Keputusan telah dibuat bagi memperkemas kedua-dua NKPI ini dan melaporkannya di bawah kedua-dua NKRA.

NKPI Baharu 2011

Beberapa NKPI baharu telah diperkenalkan pada tahun 2011:

Pakatan Integriti (Integrity Pact, IP)

Dengan pelaksanaan IP pada tahun 2010, wujud keperluan untuk mengukur keberkesanan pakatan ini. Walaupun arahan untuk menggunakan Pakatan Integriti dalam semua perolehan kerajaan dikeluarkan pada April 2010, satu lagi pekeliling telah dikeluarkan pada Disember 2010. Pekeliling ini memberikan butiran lanjut tentang perjanjian dan pengisytiharan yang perlu dibuat oleh beberapa individu termasuk pegawai awam, bergantung pada peringkat sesuatu kontrak itu dan jenis hubungan berkontrak.

Projek Transit Aliran Massa (*Mass Rapid Transit – MRT*) merupakan projek berskala besar pertama yang melaksanakan Pakatan Integriti yang lengkap termasuklah unsur-unsur pengawasan dan pemantauan. Badan pengawasan diwujudkan melibatkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Satu sistem pemantauan luar bebas diketuai oleh Ketua Audit Negara dengan penglibatan pihak luar diwujudkan untuk memastikan syarat-syarat Pakatan Integriti dipatuhi. Pelaksanaan penuh IP ini hanya dijalankan terhadap projek-projek besar yang melibatkan nilai wang yang tinggi, untuk memberikan justifikasi terhadap kos pelaksanaan.

Membanteras Rasuah



Ikrar Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge, CIP)

Sejajar dengan Integrity Pact, satu NKPI direka bentuk bagi mengukur penglibatan sektor swasta dalam Ikrar Integriti Korporat (CIP). CIP diwujudkan bagi menangani rasuah dalam sektor swasta manakala Pakatan Integriti menangani isu-isu perolehan dalam kerajaan. Kedua-duanya berfungsi untuk menangani sudut penawaran dalam amalan rasuah.

Dilancarkan pada 31 Mac 2011 di Bursa Malaysia, CIP mempunyai NKPI yang menyasarkan 70% daripada syarikat yang mengumumkan Projek Permulaan (EPP) dalam Laporan Kemajuan Program Transformasi Ekonomi (ETP) perlu menandatangani CIP. NKPI ini bertujuan mengesan semua pihak berkepentingan EPP yang mengumumkan projek masing-masing sejak April 2011 hingga akhir tahun. Walaupun CIP tidak mempunyai sebarang ikatan perundangan, setiap syarikat yang diumumkan di bawah ETP digalakkan untuk mematuhi prinsip-prinsip membanteras rasuah yang disenaraikan di bawah CIP.

Ini bagi membolehkan syarikat-syarikat ini bermula dengan asas yang kukuh dan operasi tempatan mereka diurus dengan tanpa tolak ansur terhadap rasuah. Pendekatan pencegahan CIP menyerahkan tanggungjawab terhadap amalan membanteras rasuah kepada pemilik perniagaan untuk melindungi operasi mereka dan memperoleh reputasi yang baik hasil daripada menjalankan perniagaan yang bersih dalam pasaran global.

Dengan menandatangani pakatan tersebut, syarikat-syarikat membuat pengisytiharan unilateral bahawa mereka tidak akan melakukan tindakan rasuah; bahawa mereka akan berusaha ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah; dan bahawa mereka akan mendukung Prinsip-Prinsip Membanteras Rasuah bagi Syarikat Malaysia apabila menjalankan perniagaan dan juga berinteraksi dengan rakan perniagaan mereka dan juga kerajaan. Satu salinan lembut Ikrar tersebut juga tersedia untuk dimuat turun di laman sesawang Institut Integriti Malaysia (www.cism.my) manakala Prinsip Membanteras Rasuah bagi Syarikat di Malaysia dinyatakan seperti yang berikut:

Membanteras Rasuah

“Ikran Integriti Korporat jelas merupakan penunjuk keseriusan kerajaan dalam membanteras rasuah. Sekiranya pakatan tersebut dan Prinsip-prinsip Membanteras Rasuah dilaksanakan dengan jayanya, sebuah persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah pasti akan membantu mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan seterusnya menarik lebih banyak pelaburan langsung asing ke dalam negara. Kerajaan, sektor korporat dan orang ramai perlu berganding bahu untuk menghalang sebarang tindakan rasuah dalam apa jua bentuk selain berlaku jujur dan telus dalam urusan niaga mereka.”

- Tan Sri Lim Wee Chai, pengerusi kumpulan Top Glove



Dasar Membanteras Rasuah bagi Syarikat di Malaysia

Sesebuah syarikat harus berusaha mewujudkan persekitaran perniagaan Malaysia yang bebas daripada rasuah melalui tindakan yang berikut:

1. BERTEKAD untuk menggalakkan nilai-nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik

- 1.1 Menghalang rasuah dan suapan dalam apa jua bentuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, di tempat kerja dan dalam hubungan perniagaan, termasuk dengan pembekal, kontraktor, pelanggan dan pihak ketiga;
- 1.2 Memastikan pematuan kod etika sepenuhnya pada setiap masa; dan
- 1.3 Mewujudkan budaya positif yang mendukung integriti bagi mewujudkan suasana perniagaan yang bersih.

2. MEMPERKUKUH sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah

- 2.1 Menghasilkan program membanteras rasuah yang menyatakan nilai, dasar dan prosedur yang harus digunakan bagi mencegah berlakunya rasuah dalam semua aktiviti perniagaan;
- 2.2 Memperbaiki sistem dan prosedur sedia ada bagi mencegah sebarang amalan rasuah;
- 2.3 Memastikan pencegahan rasuah, etika dan integriti sebagai bidang untuk latihan dan pembangunan bagi pihak pengurusan, pekerja dan kakitangan; dan
- 2.4 Mewujudkan saluran yang selamat dan mudah diakses yang membolehkan pekerja melaporkan salah laku secara sulit dan tanpa berasa terancam.

3. MEMATUHI undang-undang, dasar dan prosedur yang berkaitan dengan usaha membanteras rasuah

- 3.1 Memastikan semua undang-undang serta dasar dan prosedur syarikat yang berkaitan dengan usaha membanteras rasuah dipatuhi sepenuhnya; dan
- 3.2 Memastikan tadbir urus yang baik diamalkan, pewujudan sekatan dan imbalan (*check and balance*), dan pelaksanaan urusan niaga dengan ketelusan dan akauntabiliti bagi mengelakkan berlakunya percanggahan kepentingan, penyalahgunaan kuasa dan salah laku.

4. MELAWAN apa jua bentuk rasuah

- 4.1 Mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana kakitangan, pekerja atau individu yang terlibat dengan amalan rasuah dalam urusan niaga, tanpa mengira pangkat atau status; dan
- 4.2 Melaporkan apa jua amalan rasuah yang berlaku di tempat kerja kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

5. MENYOKONG inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

- 5.1 Menyokong usaha pencegahan rasuah oleh kerajaan dan SPRM; dan
- 5.2 Mengekalkan hubungan dengan pihak berkuasa, pengawal selia dan SKMM selain memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam hal berkaitan dengan pengesanan kes rasuah, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang menentang rasuah.

Membanteras Rasuah

“Penting bagi kita untuk menjadikannya (ikrar korporat) terbuka dan diketahui orang ramai, untuk menyampaikan isyarat yang jelas kepada dunia bahawa kita kini kembali menjalankan perniagaan dengan serius.”

- Datuk Mohd Bakke Salleh, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Sime Darby

Fokus CIP yang khusus terhadap EPP bertujuan mencetuskan titik permulaan yang jelas bagi pelancaran program tersebut. EPP menyediakan platform yang sesuai bagi CIP untuk dilancarkan dan diuji keberkesanannya. Dengan ETP dan pelbagai EPPnya dipacu ke arah mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi, inisiatif titik perubahan ini menyediakan peluang yang paling tepat untuk mengurangkan kes-kes rasuah dalam pengendalian dan amalan perniagaan. CIP juga dianggap sebagai langkah pembinaan keyakinan yang utama, terutamanya dalam kalangan pelabur untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI).

Kos rasuah yang terlalu tinggi

Memerangi rasuah memerlukan usaha bersepadu oleh sektor awam dan swasta. Pada peringkat syarikat, komitmen perlu bermula dengan pihak tertinggi pada peringkat Lembaga Pengarah (Board of Directors) dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO). Malangnya, banyak syarikat menganggap rasuah sebagai sebahagian daripada amalan yang kompetitif pada hari ini. Justeru, Ikrar Integriti Korporat (CIP) berfungsi sebagai wahana yang terbaik untuk meraih komitmen daripada peringkat tertinggi untuk bertindak serius berkaitan dengan peperangan menentang rasuah. Datuk Paul Low, Presiden Transparency International Malaysia (TI-M) memberikan pandangan mengenai CIP yang berikut:

“Tidak benar bahawa sebahagian besar syarikat telah mempunyai CIP. Barangkali apa yang mereka miliki ialah satu himpunan kod etika dan pernyataan tadbir urus yang baik, namun pada realitinya, sebahagian besar syarikat adalah lemah dari segi pematuhan. Hanya sebahagian kecil yang membuat ikrar secara terbuka dalam bentuk CIP. Saya yakin bahawa Malaysia berada pada barisan hadapan dari segi amalan ini.

Rasuah yang paling serius di Malaysia ialah apa yang kita panggil sebagai ‘rasuah besar’, yang kerap membabitkan ‘*state capture*’. Apa yang kita maksudkan dengan ‘*state capture*’ di sini ialah rasuah yang dilakukan menerusi penyalahgunaan kuasa oleh orang tertentu dalam pihak berkuasa yang bekerjasama dengan sekumpulan orang secara tertutup. Matlamatnya adalah untuk memanipulasi dasar dan peraturan negara untuk kepentingan dirinya atau rakan sekutunya, termasuk saudara mara dan penyokong. Menganugerahkan kontrak, lesen atau konsesi di bawah urus niaga yang dirundingkan secara privasi merupakan contoh kepada ‘*state capture*’.

Transparency International Malaysia (TI-M) menganggarkan bahawa Malaysia kerugian hampir RM30 bilion setiap tahun dalam amalan rasuah. CIP akan menyukarkan kewujudan rasuah tanpa dapat ditemui sekiranya ia dilaksanakan dengan betul menerusi tadbir urus yang berkesan dan peraturan pematuhan integriti di sektor awam. Hukuman yang lebih tegas yang dijatuhkan oleh mahkamah terhadap mereka yang didapati bersalah melakukan rasuah akan berfungsi sebagai pencegah dan penghalang terbesar untuk mengurangkan rasuah.”

Membanteras Rasuah



Syarikat Korporat Malaysia menyertai usaha membanteras rasuah

NKRA Membanteras Rasuah mengguna pakai setiap langkah untuk membanteras amalan rasuah di Malaysia. Salah satu langkah yang diambil ialah Ikrar Integriti Korporat (CIP). Disasarkan kepada sektor swasta, ikrar ini merupakan pelawaan kepada syarikat-syarikat untuk menyertai usaha menentang rasuah. Ikrar ini menyatakan bahawa syarikat-syarikat ini harus bersedia untuk melaporkan dan mengambil tindakan terhadap kakitangan yang terlibat dengan amalan rasuah yang berlaku di syarikat masing-masing.

Syarikat yang mematuhi ikrar tersebut sebenarnya mengisytiharkan bahawa mereka tidak akan mengamalkan rasuah mahupun membenarkan kakitangan mereka berbuat demikian, dan mereka mewujudkan budaya dan suasana yang bebas rasuah dengan menggalakkan nilai-nilai integriti, ketelusan dan pengawalseliaan yang baik. Ikrar ini juga menekankan keperluan untuk memperkukuh mekanisme dalaman yang menyokong pencegahan rasuah, mematuhi undang-undang dan menyokong inisiatif kerajaan dan SPRM.

Sebanyak tujuh agensi telah bergabung untuk menghasilkan CIP dan prinsip-prinsip pencegahan rasuah, iaitu Institut Integriti Malaysia (IIM), Bursa Malaysia Berhad, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Transparency International Malaysia (TI-M), SPRM dan NKRA Bahagian Pemantauan Rasuah dan Penyelarasan. Agensi-agensi ini disokong oleh PEMANDU.

Menjelang akhir tahun 2011, sebanyak 64 syarikat telah menandatangani CIP, termasuk AirAsia, Country Heights, Sime Darby Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Top Glove.

CEO AirAsia Tan Sri Tony Fernandes menekankan bahawa rasuah korporat sering kali menyebabkan proses perniagaan menjadi kurang cekap. “Apabila anda mempunyai persekitaran yang mengamalkan rasuah, yang terbaik mungkin tidak berjaya, tetapi yang paling mahal sebaliknya berkualiti rendah yang akan berjaya. Justeru, rasuah memberikan kesan yang besar terhadap kecekapan ekonomi.”

“Rasuah juga bermula dari peringkat atasan. Jika pemimpinnya bersih daripada rasuah, secara amnya seluruh organisasi itu turut bersih. Jika pemimpinnya mengamalkan rasuah, maka semua kakitangan di bawahnya akan merasakan bahawa tiada salahnya untuk mengamalkan rasuah,” katanya.

Presiden TI Malaysia, Datuk Paul Low memuji ikrar tersebut dan menyatakan bahawa ini akan menyebabkan sektor korporat maju ke hadapan dan memainkan peranan dalam usaha membanteras rasuah. “Pelabur antarabangsa akan memilih syarikat yang telah menandatangani ikrar integriti kerana mereka yakin bahawa syarikat ini boleh dipercayai,” tegas Datuk Low.

Membanteras Rasuah

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblower Protection Act)

Bagi mengukur keberkesanan Akta Pemberi Maklumat sejak ia dilaksanakan pada tahun 2010, dua NKPI baru diperkenalkan. NKPI yang pertama adalah untuk menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat yang berkesan secara jelas dan boleh diterima pakai. NKPI yang kedua bertujuan untuk memastikan proses pelaporan kes pemberi maklumat dimulakan memandangkan Akta tersebut telah berkuat kuasa hampir satu tahun pada akhir tahun 2011. Akta ini berkuat kuasa pada 15 Disember 2010 dan agensi-agensi penguatkuasaan telah dimaklumkan mengenai pelaksanaannya melalui garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang. Satu himpunan arahan tersebut juga telah diberikan kepada pendakwa raya.

Memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pemberi maklumat

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 berkuat kuasa pada 15 Disember 2011 sebagai sebahagian daripada usaha bersepadu untuk membanteras rasuah dan amalan penipuan dengan menggalakkan dan memudahkan penzahiran kelakuan yang salah di sektor awam dan juga swasta. Matlamatnya adalah untuk memberikan perlindungan kepada mereka yang menyediakan maklumat yang sedemikian.

Akta tersebut dimodelkan menurut perundangan yang pada masa ini berkuat kuasa di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Kanada, yang kesemuanya juga memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat di bawah perundangan Pemberi Maklumat masing-masing. Tidak seperti Akta Perlindungan Saksi, pemberi maklumat di Malaysia tidak perlu pergi ke agensi penguatkuasaan untuk membuat laporan. Mengikut keselesaan mereka pada masa dan di tempat pilihan mereka, mereka boleh membuat laporan demikian kepada seorang pegawai penguatkuasaan. Pemberi maklumat diberi perlindungan dari segi identiti, kekebalan daripada liabiliti jenayah atau sivil di samping perlindungan terhadap apa-apa tindakan (gangguan oleh majikan atau saman balas) yang diambil terhadap mereka. Laporan juga boleh dibuat melalui saluran lain seperti surat, dengan syarat pemberi maklumat memberikan nombor telefon dan alamat untuk menentusahkan kesahihan butiran yang diberikan dan juga mencegah laporan palsu.

Unit Pematuhan (Compliance Unit)

Satu lagi NKPI yang berfungsi mengukur keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2010 ialah peratusan penyelesaian aktiviti unit pematuhan oleh lima agensi penguatkuasaan. Oleh sebab semua agensi utama tersebut (PDRM, JPJ, Kastam, Imigresen dan SPRM) berkongsi data bagi aktiviti unit pematuhan dan sasaran tertentu, pengiraan skor gabungan bagi pencapaian mereka dapat dilakukan.

Persepsi

Tinjauan persepsi TNS (*TNS perception survey*) mula dijalankan pada 2010, walaupun pada masa itu ia tidak dikira sebagai NKPI rasmi bagi tahun tersebut. Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 ia telah ditetapkan sebagai NKPI bagi NKRA Membanteras Rasuah. Tinjauan ini dijalankan bagi mengukur persepsi rasuah dalam lima agensi penguatkuasaan utama. Responden diminta untuk menyusun kelima-lima agensi penguatkuasaan tersebut mengikut pandangan mereka tentang betapa korupnya setiap satu agensi itu (1 bagi tidak korup dan 5 bagi sangat korup). Keputusan kemudiannya dikira sebagai skor gabungan.

PESERTA UTAMA

Struktur yang kompleks tetapi boleh dilaksanakan

Memandangkan NKRA Membanteras Rasuah bersifat merentas fungsi dan pelbagai bentuk, pelaksanaan inisiatif ini boleh diguna pakai terhadap kementerian dan agensi yang berbeza. Tambahan pula, inisiatif dan aktiviti di bawah NKRA Membanteras Rasuah merangkumi pelbagai bidang kuasa. NKRA ini tidak khusus kepada bidang kerja satu-satu kementerian atau agensi seperti NKRA yang lain. Badan penyelaras utama bagi usaha ini ialah SPRM yang menempatkan Pejabat Pemantauan Pelaksanaan (*Delivery Monitoring Office - DMO*). DMO merupakan badan yang menjadi pengurus dan penyelaras antara pasukan di PEMANDU dengan kementerian dan agensi lain yang terlibat dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif.

Membanteras Rasuah

Pelaksanaan inisiatif Jadual Liga Integriti (*Integrity League Table*) melibatkan penyertaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mereka telah menyumbangkan data dan sokongan yang diperlukan bagi merumuskan jadual liga tersebut selain menyediakan tenaga kerja bagi persediaan asas yang diperlukan. Salah satu lagi badan pelaksana utama ialah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), yang merupakan badan penyelaras utama bagi pelaksanaan Akta Pemberi Maklumat 2010. BHEUU juga diberi tugas untuk mengadakan perbincangan meja bulat dengan semua agensi penguatkuasaan (termasuk Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia), Jabatan Peguam Negara, Pejabat Pemantauan Pelaksanaan (DMO) dan PEMANDU. Sesi meja bulat ini menjadi platform bagi agensi penguatkuasaan untuk meminta bantuan berkaitan dengan apa-apa isu pelaksanaan dan bagi mendapatkan sokongan dan panduan daripada Jabatan Peguam Negara berkaitan dengan interpretasi Akta tersebut.

CIP telah diwujudkan melalui kerjasama dengan pelbagai pihak melalui sesi meja bulat. Ahli-ahli meja bulat termasuk Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti (SC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Transparency International (TI-M), Institut Integriti Malaysia (IIM), SPRM dan DMO. Institut Integriti Malaysia menjadi tuan rumah kepada CIP dan telah mewujudkan laman sesawang www.cism.my.



Membanteras Rasuah

“Kami yakin bahawa kepentingan syarikat dan nilai jangka panjang kepada pemegang saham akhirnya akan dapat dipelihara dengan menjalankan perniagaan kami bebas daripada rasuah dan selaras dengan prinsip-prinsip integriti yang tertinggi.”

- Lee Kok Cheng, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SEGi International Bhd (SEGi), penyedia pendidikan swasta

Inisiatif	Pihak Berkepentingan
Perlaksanaan Pakatan Integriti Lengkap dalam Projek MRT	SPRM, Prasarana, MRT Co.
Pengenalan Ikrar Integriti Korporat	Bursa, SC, SSM, IIM, TI, SPRM
Ganjaran dan Penghargaan kepada Kakitangan Awam yang melaporkan salah laku rasuah	SPRM, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Kerajaan Negeri Selangor, DBKL, Pendaftar Mahkamah, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertahanan.
Pengenalan Maskot dan Kempen Pencegahan Rasuah	SPRM, PDRM, JPJ, Kastam dan Imigresen

INISIATIF NKRA 2011

Inisiatif Lanjutan

Pada 2011, Pasukan Membanteras Rasuah terus melaksanakan beberapa inisiatif yang dilancarkan pada tahun sebelumnya. Usaha kami termasuklah melaksanakan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblower Protection Act*), mahkamah khas rasuah (yang mula beroperasi pada Februari 2011) dan pelaksanaan Pakatan Integriti bagi projek MRT. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat mengalami masalah awal sewaktu ia mula dilancarkan. Walau bagaimanapun, isu-isu tersebut telah diselesaikan dengan segera setelah garis panduan diperkenalkan oleh Jabatan Peguam Negara kepada pendakwa raya dan Akta tersebut dilaksanakan sepenuhnya pada akhir tahun 2011.

Membanteras Rasuah



Mempercepat perbicaraan kes rasuah melalui Mahkamah Rasuah

Pada 22 Februari 2011, Mahkamah Sesyen Rasuah Khas telah ditubuhkan khusus untuk mengendalikan kes-kes rasuah sebagai satu inisiatif di bawah NKRA Membanteras Rasuah. Hakim di mahkamah ini hanya mengendalikan kes rasuah, justeru membolehkan mereka untuk menumpukan perhatian terhadap penyelesaian kes-kes yang tertunggak.

Setakat ini terdapat 14 Mahkamah Rasuah di lapan buah negeri. Tiga Mahkamah Sesyen telah ditubuhkan di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor manakala Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai satu mahkamah.

Sehingga Disember 2011, 249 kes rasuah telah berjaya diselesaikan daripada 424 kes yang telah didaftar. Datuk Hashim Hamzah, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan berkata Mahkamah Rasuah ditubuhkan bagi mempercepat penyelesaian kes-kes rasuah di seluruh negara. "Kami bertekad untuk menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam masa satu tahun, terutamanya kes yang berpofil tinggi," kata Hashim.

Inisiatif Baharu

Tahun 2011 menyaksikan pengenalan beberapa inisiatif baharu termasuk garis panduan pemberian ganjaran dan penghargaan kepada kakitangan awam yang melaporkan rasuah, Kempen Mencegah Rasuah dan penerbitan buku kecil Pembaharuan Perkhidmatan Awam.

Inisiatif ganjaran dan penghargaan bertujuan menghargai kakitangan awam yang melaporkan kejadian rasuah sekiranya kes tersebut membawa kepada kejayaan pendakwaan. Ini bertujuan menggalakkan kakitangan awam yang berhadapan dengan kejadian rasuah mengawal diri daripada terjebak dalam aktiviti seperti ini. Sebaliknya mereka hendaklah membuat laporan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. SPRM, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah menubuhkan pasukan kerja untuk merangka garis panduan dan pelan pelaksanaan bagi inisiatif ini. SPRM bertindak sebagai badan penyelaras utama dan garis panduan tersebut telah dikeluarkan pada 11 Mei 2011 oleh Ketua Setiausaha Negara.

Membanteras Rasuah

Tahun ini juga menyaksikan pelancaran Kempen Pencegahan Rasuah, lengkap dengan maskot baharu, iaitu Ejen Lang. Diwujudkan dengan sokongan lima agensi penguatkuasaan tersebut, kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang cara melaporkan rasuah. Satu elemen utama kempen ini ialah publisiti agresif talian SPRM (1-800-88-6000) dalam semua bahan kempen yang diedarkan.

Satu lagi inisiatif baharu ialah pelancaran buku kecil Pembaharuan Perkhidmatan Awam yang mengumpulkan butiran mengenai semua proses birokratik dan pembaharuan berkaitan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Buku kecil tersebut diedarkan secara meluas kepada semua jabatan dan agensi kerajaan bagi mewujudkan kesedaran, menjadikan sistem dan proses lebih telus, dan mengurangkan penyalahgunaan kuasa.



Membanteras Rasuah

KEJAYAAN & PENCAPAIAN

Keputusan keseluruhan sasaran NKPI bagi tahun 2011 adalah seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah:

Bil.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar 2011	Catatan	Lampu Isyarat
1	Bilangan kementerian mencatat skor lebih 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan	19	18		
2	Bilangan kes tangkapan yang dibicarakan	20%	23.7%		
3	70% daripada syarikat mengumumkan <i>EPP Progress Updates</i> menandatangani CIP	100%	91.45%		
4	Bilangan orang dalam pangkalan data pesalah yang disabitkan	100	496		
5	Bilangan saman diselesaikan berbanding bilangan saman dikeluarkan oleh JPJ	60%	49%		
6	Bilangan saman dikeluarkan setiap jam operasi	12	12.41		
7	Peratusan perbicaraan yang diselesaikan dalam tempoh setahun	70%	58.73%	Keputusan tahunan	

Membanteras Rasuah

Keputusan keseluruhan sasaran NKPI bagi tahun 2011 adalah seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah:
(sambungan)

Bil.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar 2011	Catatan	Lampu Isyarat
8	Skor Indeks Persepsi Rasuah <i>Transparency International</i> (TI CPI)	4.9	4.3		
9	Tinjauan Barometer Rasuah Global (TI GCB) mengenai tindakan kerajaan membanteras rasuah	50%	49%		
10	Peratusan perolehan kerajaan dengan Pakatan Integriti	80%	77%		
11	Tinjauan persepsi TNS mengenai persepsi terhadap pengaruh rasuah dalam agensi penguatkuasaan	3.5	2.90		
12	Mewujudkan langkah-langkah yang jelas dan dipersetujui bagi pelaksanaan Akta Pemberi Maklumat yang berkesan	November	Tercapai	NKPI Baru	
13	Memulakan proses pelaporan bilangan sebenar kes Pemberi Maklumat	Disember	Tercapai	NKPI Baru	
14	Peratusan penyelesaian aktiviti-aktiviti unit pematuhan	60%	99%		

Membanteras Rasuah

KEBERHASILAN

Pada tahun 2011, kerajaan terus mengekalkan momentum dalam peperangan menentang rasuah. Meskipun kita mencapai skor 4.3 dalam TI CPI, iaitu penurunan daripada skor 4.4 tahun yang sebelumnya, keputusan tinjauan TI GCB menunjukkan penambahbaikan berterusan pada tahun 2011 dengan 49% orang ramai berpandangan bahawa usaha kerajaan dalam menentang rasuah adalah berkesan (2010: 48%). Sebagaimana yang ditunjukkan oleh tinjauan persepsi TNS, skor komposit yang diperoleh ialah 2.9 - suatu peningkatan yang nyata mengatasi sasaran 3.5 yang ditetapkan.

Ikrar Integriti Korporat atau CIP telah membantu meningkatkan profil NKRA Membanteras Rasuah dan juga mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan pihak berkepentingan. Barangkali ia merupakan usaha terbesar dan paling komprehensif sehingga hari ini dalam melibatkan sektor swasta untuk membanteras rasuah. Ia memberikan mesej yang jelas dan langsung bahawa kerajaan adalah serius dalam menangani rasuah dan sektor swasta juga tidak terkecuali perlu memainkan peranannya.

Dengan 64% daripada syarikat EPP memberikan komitmen kepada CIP, kita telah mencipta sebuah kejayaan besar. Menerusi inisiatif yang satu ini, sejumlah besar syarikat telah dilibatkan dalam peperangan menentang rasuah. Di samping itu, beberapa syarikat dengan modal pasaran terbesar di Malaysia juga memperjuangkan matlamat ini. CIP juga membawa kepada kerjasama yang lebih erat antara kerajaan dengan sektor swasta dan membantu membentuk sebuah pasukan yang mantap di kedua-dua belah pihak untuk menangani rasuah secara bersama. Senarai penandatanganan lengkap CIP boleh didapati di www.cism.my berserta dengan bahan membanteras rasuah bagi syarikat dan juga perniagaan.

Penangkapan “jerung besar”

Satu daripada persepsi yang lazim berkaitan dengan keberkesanan SPRM ialah kekurangan penangkapan dan pendakwaan terhadap “jerung besar” atau kes rasuah besar. Orang ramai berpandangan bahawa kes yang kurang penting membabitkan personaliti yang kurang penting serta hukuman yang kecil merupakan kes yang dibawa ke muka pengadilan. Mereka berpendapat bahawa kes-kes yang melibatkan individu terkenal seperti ahli politik dan ahli korporat berprofil tinggi yang membabitkan jumlah wang yang besar sebahagian besarnya adalah terlepas pandang. Pada tahun 2011, SPRM membuktikan bahawa hal yang demikian adalah tidak benar dengan penangkapan dan pendakwaan beberapa individu berprofil tinggi yang dikaitkan dengan rasuah besar.

SPRM tingkatkan kadar pendakwaan kepada 74% pada tahun 2011

SPRM terus mengekalkan kadar pendakwaan yang meningkat dan telah menghasilkan peningkatan pendakwaan selama tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2009. Pada tahun 2011, Suruhanjaya tersebut telah berjaya mencapai kadar pendakwaan sebanyak 74%, iaitu peningkatan 3% daripada angka 2010 dan penambahbaikan yang nyata daripada kadar pendakwaan tahun 2009 sebanyak 54%.


Denda yang dikenakan oleh mahkamah juga meningkat pada tahun 2011, mencecah RM10.9 juta berbanding dengan RM9.49 juta pada tahun 2010. Pencapaian hebat ini adalah disebabkan oleh banyak faktor, terutamanya pembentukan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah pada bulan Februari 2011, yang mempercepat perbicaraan, sekali gus membolehkan saksi-saksi mengingatkan peristiwa dengan lebih tepat dan pada masa yang sama mengurangkan jumlah saksi yang berubah menjadi penentang.

Hal ini dipertingkatkan seterusnya oleh kemasukan sebuah klausa baharu dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah berkaitan dengan peranan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah dan Panel Penilaian Operasi SPRM. Lembaga, jawatankuasa dan ahli panel terdiri daripada pakar-pakar ekonomi dan undang-undang dari sektor awam dan swasta selain wakil daripada parti-parti politik.

Satu daripada pencapaian terbesar pada tahun 2011 ialah pendakwaan bekas Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, yang didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi kerana dengan secara sengaja membeli dua bidang tanah dan sebuah banglo di Shah Alam pada harga yang lebih rendah daripada harga nilai asalnya pada tahun 2007. Beliau dijatuhi hukuman setahun penjara pada 23 Disember 2011 sementara tanah dan banglonya dirampas.

Berkaitan dengan Inisiatif Pakatan Integriti, meskipun Pakatan Integriti yang asal pada asalnya ditandatangani antara Syarikat Prasarana Berhad dengan Gamuda-MMC bagi projek MRT, susulan pemindahan projek tersebut kepada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd juga akan menjadi sebahagian daripada Pakatan Integriti dan akan menandatangani versi lengkap pakatan tersebut pada suku pertama 2012. Sebahagian besar kerja telah disumbangkan oleh semua pihak berkepentingan yang terlibat dan Pakatan Integriti bagi projek MRT akan berfungsi sebagai model pada masa hadapan.

Membanteras Rasuah



Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 merupakan satu lagi pencapaian besar pada tahun 2011. Pelaksanaan Akta tersebut akan mewujudkan persekitaran pelindung yang memelihara identiti sesiapa jua yang membuat laporan mengenai rasuah supaya mereka boleh mendedahkan maklumat tanpa rasa takut. Setakat ini, 11 orang pemberi maklumat telah dilindungi di bawah Akta menurut Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, yang telah diberi tugas untuk memantau dan menyelaraskan pelaksanaan Akta tersebut.

Dengan kewujudan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, kami mengalu-alukan lebih ramai anggota masyarakat tampil ke hadapan untuk melaporkan kes-kes rasuah.

Unit pematuhan dalam lima agensi penguatkuasaan juga telah menjadi bertambah kukuh dan berjaya. Agensi-agensi ini dituntut untuk mendefinisikan dan menetapkan sasaran mereka masing-masing berdasarkan keupayaan mereka, dan sejauh ini mereka telah melakukan lebih daripada sepatutnya dengan mencapai hampir 40% lebih banyak daripada sasaran awal masing-masing.

CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

Sebagaimana yang berlaku pada semua usaha usaha yang melibatkan banyak pihak berkepentingan dan peserta, penyelarasan kekal merupakan sebuah halangan. Sebagai contoh, pengenalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 memerlukan penyelarasan merentas semua agensi penguatkuasaan untuk memastikan pempiawaan yang menyeluruh, ketika pelaksanaan berlangsung dalam struktur operasi khusus dan tersendiri setiap agensi penguatkuasaan. Hal ini memerlukan penyelarasan yang lebih antara agensi berbanding dengan perancangan asal, memandangkan setiap agensi berhadapan dengan isu-isu pelaksanaannya yang tersendiri.

Tahun 2011 menyaksikan TI CPI menurun daripada 4.4 pada tahun 2010 kepada 4.3 pada tahun 2011. Ini meletakkan Malaysia pada kedudukan yang ke-60 berbanding dengan kedudukan ke-56 pada tahun lepas. TI CPI memberikan skor kepada 183 buah negara dan wilayah daripada 0 (rasuah tinggi) hingga 10 (amat bersih) berdasarkan tahap persepsi berkaitan dengan rasuah sektor awam. Memandangkan TI CPI hanya mencerminkan satu bidang rasuah, iaitu rasuah besar dan bukannya menggambarkan keseluruhan NKRA Membanteras Rasuah, banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk menangani rasuah besar.

IKTIBAR YANG DIPELAJARI

Bagi memastikan NKRA Membanteras Rasuah benar-benar berkesan, kami mendapati bahawa amat berbaloi untuk bekerjasama bukan sahaja dengan pemilik asal sesuatu tugas atau bidang, tetapi juga bekerjasama dengan kumpulan pihak berkepentingan yang lebih besar. Hal yang demikian berlaku kerana rasuah boleh menjejaskan semua aspek kehidupan peribadi dan profesional, justeru menjadi kepentingan semua untuk mengurangkan kadar rasuah. Ini jelas kelihatan melalui sokongan padu yang diterima terhadap pewujudan dan pelaksanaan Ikrar Integriti Korporat yang menyaksikan sektor awam dan swasta bekerjasama dalam mencipta instrumen yang membolehkan syarikat sektor swasta menyokong usaha mencegah rasuah.

Membanteras Rasuah

Dengan menyokong inisiatif kerajaan untuk menentang rasuah, syarikat-syarikat ini sendiri sebenarnya meraih manfaat dalam pelbagai bentuk – contohnya, mengurangkan kerugian melalui penipuan, mengurangkan risiko reputasi dan undang-undang yang akan terjejas jika terlibat dengan tuduhan rasuah, dan memperoleh kelayakan membuat urusan niaga antarabangsa dengan memenuhi keperluan perundangan seperti *US Foreign Corrupt Practices Act* atau *UK Bribery Act*.

PERSEPSI UMUM

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, persepsi orang ramai ketara bertambah baik dengan skor pelbagai tinjauan menunjukkan keputusan yang lebih baik:

Tinjauan TI GCB menunjukkan penarafan barometer rasuah Malaysia meningkat sedikit daripada 48% pada tahun 2010 kepada 49% pada 2011. TI GCB membuat tinjauan secara bebas terhadap pandangan rakyat Malaysia berkaitan dengan rasuah. Ini bermakna bahawa pada masa ini, 49% daripada rakyat berpandangan bahawa usaha kerajaan membanteras rasuah adalah berkesan.

Batu asas yang diletakkan pada 2009 dan 2010 kini mula menangani isu rasuah kecil, iaitu apa yang menjejaskan orang awam dalam kehidupan seharian mereka. Antara inisiatif yang diperkenalkan termasuklah Pangkalan Data “*Name and Shame*” yang bertindak sebagai penghalang kepada pesalah rasuah, Akta Pemberi Maklumat, dan pewujudan unit pematuhan dalam lima agensi penguatkuasaan utama.

Meskipun demikian, pada masa yang sama TI CPI jatuh daripada 4.4 pada 2010 kepada 4.3 pada tahun 2011. Ini meletakkan Malaysia di kedudukan yang ke-60 berbanding dengan kedudukan ke-56 pada tahun sebelumnya. TI CPI memberikan skor kepada 183 negara dan wilayah daripada 0 (sangat korup) kepada 10 (sangat bersih). Malaysia jatuh daripada 4.4 kepada 4.3 tahun ini. Namun, harus dinyatakan bahawa CPI hanya menunjukkan satu bahagian rasuah, dan bagi tinjauan ini, rasuah besar. Ini bukanlah ukuran keseluruhan NKRA Membanteras Rasuah. Ini juga bermakna lebih banyak lagi usaha perlu dilakukan bagi membanteras rasuah besar.

Seperti yang dibuktikan oleh CPI dan beberapa tinjauan utama di bawah PEMANDU, persepsi rasuah di negara ini bertambah baik. Namun demikian, kadar penurunan menunjukkan bahawa usaha perlu dipertingkatkan lagi. Dalam Tinjauan PERC (*PERC Asian Intelligence Survey*), skor Malaysia meningkat daripada 3.5 pada tahun 2010 kepada 4.5 pada 2011, manakala Tinjauan *World Economic Forum (WEF) Executive Opinion Survey* juga menunjukkan peningkatan daripada 4.7 pada tahun 2010 kepada 5.7 pada tahun 2011. Indeks Transformasi Bertelsmann (*Bertelsmann Transformation Index*) juga melihat peningkatan daripada 4.5 pada tahun 2010 kepada 4.6 pada tahun 2011.

CPI menggunakan data daripada 12 tinjauan; dengan *Political Risk Services Country Guide*, *World Justice Project Rule of Law Index* dan *Bribe Payer Index Transparency International (TI-BPI)* dimasukkan sebagai sumber baharu pada tahun 2011.

Membanteras Rasuah

MELANGKAH MENUJU TAHUN 2012

Bagi tahun 2012, sasaran berikut telah ditetapkan:

KPI	Sasaran 2011	Sasaran 2012
1 Skor Indeks Persepsi Rasuah Transparency International (CPI TI).	4.9	4.9
2 Tinjauan Barometer Rasuah Global (GCB) Transparency International terhadap tindakan kerajaan menentang rasuah.	50%	52%
3 Bilangan kementerian yang mendapat skor lebih 90% untuk Akauntabiliti Perolehan Index.	19	22
4 Peratusan perolehan kerajaan dengan Pakatan Integriti.	80%	100%
5 Peratusan pihak berkepentingan EPP yang telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat(CIP).	70%	100%
6 Bilangan kes tangkapan yang dibicarakan.	20%	25%
7 Bilangan saman yang dibayar berbanding dengan bilangan saman yang dikeluarkan oleh JPJ.	60%	60%
8 Bilangan saman yang dikeluarkan berbanding dengan jumlah jam operasi (Trafik PDRM).	12	13
9 Kesedaran tentang perlindungan pemberi maklumat dan keputusan tinjauan kepuasan.	KPI baharu	50%
10 Peratusan penyelesaian aktiviti unit pematuhan.	60%	85%
11 Tinjauan persepsi TNS tentang sejauh mana agensi penguatkuasaan dilihat terlibat dengan rasuah.	3.5	2.75
12 Peratusan percikaraan yang diselesaikan dalam satu tahun.	70%	70%
13 Bilangan orang dalam pangkalan data pesalah yang telah disabitkan.	100	300
14 Pelaksanaan sepenuhnya melalui kaedah yang telah ditetapkan oleh inisiatif pembiayaan politik.	KPI baharu	100%


Inisiatif Baharu Tahun 2012

Pada tahun 2012, NKRA Membanteras Rasuah berhasrat untuk terus berusaha ke arah inisiatif pembiayaan politik. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam proses pembiayaan politik dengan meminda garis panduan dalam Akta Pertubuhan. Kami juga akan melaksanakan Pakatan Integriti sepenuhnya terhadap satu lagi projek berskala besar yang mempunyai kesan yang amat besar.

Usaha CIP juga akan diteruskan, bukan sahaja dengan meningkatkan bilangan penandatanganan ikrar, tetapi dengan pengembangan model yang dilaksanakan dalam projek perintis MRT kepada beberapa syarikat lain. Ruang lingkup syarikat-syarikat ini juga akan diluaskan, dengan memberikan fokus terhadap segmen perusahaan kecil dan sederhana. Usaha ini terus memperoleh momentum apabila lebih banyak syarikat semakin sedar akan kepentingan tadbir urus dan sistem integriti yang baik.

Menandatangani CIP hanyalah langkah pertama untuk melibatkan syarikat dalam usaha menentang rasuah. Tujuan menyeluruh Ikrar ini adalah supaya syarikat-syarikat ini menggunakan model penilaian sendiri keutuhan sistem integriti masing-masing, mengenal pasti rancangan tindakan untuk meperkukuh sistem, berusaha untuk merapatkan jurang dan kemudiannya mengambil langkah untuk melaporkan semua usaha yang dijalankan bagi menjamin ketelusan. Selepas menandatangani ikrar, syarikat-syarikat ini digalakkan memperkukuh sistem integriti dalam organisasi mereka. Bagi menyokong inisiatif ini, beberapa pihak berkepentingan Ikrar ini, seperti Transparency International dan Institut Integriti Malaysia, bersedia membantu syarikat yang berminat dalam perkara ini.

Ikrar hanyalah langkah pertama



Membanteras Rasuah

Transparency International sedang menjalankan satu projek perintis bagi menambah baik sistem dan proses integriti dalam sesebuah syarikat. Elemen 2012 projek ini lebih terperinci dan merangkumi pelbagai entiti perniagaan. Dengan pengenalan undang-undang rasuah baharu di United Kingdom dan penguatkuasaan yang lebih tegas Akta Amalan Rasuah Luar Negeri (*Foreign Corrupt Practices Act*) di Amerika Syarikat, amalan urus niaga yang bersih kini menjadi semakin penting, terutamanya apabila kepentingan perniagaan berada dalam bidang kuasa luar negeri.

Jadual Liga Integriti (*Integrity League Table*) juga akan dilancarkan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak awal tahun ini, dan Sabah akan menyusul kemudian pada akhir tahun. Menambah baik sistem dan proses perolehan kerajaan juga menjadi bidang tumpuan utama bagi Pihak Berkuasa Tempatan pada 2012. Salah satu inisiatif yang akan dijalankan ialah penempatan semula kakitangan bagi pekerjaan yang dianggap “berisiko tinggi”.

Mengekalkan Momentum

Tahun ini merupakan tahun yang agak berhasil bagi NKRA Membanteras Rasuah. Keputusan menunjukkan bahawa momentum kejayaan berjaya dikekalkan; persepsi awam terhadap rasuah kecil dan langkah-langkah yang diambil telah semakin memberi makna dan diiktiraf oleh rakyat. Walau bagaimanapun, kami belum lagi boleh mengisytiharkan kemenangan. Perjuangan menentang musuh orang ramai ini harus diteruskan. Keputusan berbeza antara peningkatan Barometer Rasuah dengan penurunan TI CPI hanya membuktikan bahawa usaha perlu dilipatgandakan.

Sepanjang tahun 2010 dan 2011, kerajaan telah berjaya menyediakan batu asas bagi menangani isu rasuah kecil dengan berkesan. TI GCB menunjukkan sedikit peningkatan berbanding dengan penarafan yang diperolehi pada tahun lepas. Kami menyedari bahawa lebih banyak tumpuan diperlukan untuk menentang rasuah besar. TI CPI jelas menunjukkan bahawa kami perlu menangani rasuah besar kerana masalah ini menghalang skor CPI keseluruhan dan juga kemajuan negara. Isu ini memerlukan pembaharuan institusi dan struktur, dan kerajaan menyedari hal ini sementara SPRM pula kini melaksanakan penguatkuasaan. SPRM telah pun memulakan pelbagai langkah memerangi rasuah besar termasuklah melaksanakan program transformasi untuk memperkukuh keupayaan penyiasatan forensik.

Kami juga bercadang untuk berusaha lebih gigih dalam melaksanakan inisiatif seperti memperkenalkan proses perundangan yang telus bagi undang-undang baharu dan juga pembiayaan politik. Kami sedang mengkaji butiran laporan TI CPI dan akan terus bekerjasama dengan Transparency International, SPRM dan semua agensi yang berkaitan bagi melakukan penambahbaikan yang diperlukan.

Membanteras Rasuah

“Idea yang didukung oleh GTP adalah supaya anda menjadikan syarikat Malaysia syarikat yang terbaik dan terulung di dunia. Dengan berbuat demikian, syarikat-syarikat Malaysia perlu berjuang di luar sana dan membuktikan keupayaan diri masing-masing. Justeru, saya berpendapat penting bagi negara menangani gejala rasuah sekiranya kita berhasrat untuk menjadi negara berstatus maju.”

Tan Sri Tony Fernandes
CEO Kumpulan, Air Asia



Setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing

Fakta yang perlu diambil perhatian ialah Indeks Pembayar Rasuah Transparency International (TI BPI) menumpukan pada pemberi dan bukannya penerima. Hal ini dengan jelas menyerlahkan hakikat bahawa kita perlu memberikan penekanan terhadap integriti dan NKRA Membanteras Rasuah akan berusaha menangani isu ini dengan memacu usaha-usaha CPI dengan keazaman yang lebih utuh pada tahun 2012. Pemarkahan TI BPI juga merupakan penunjuk yang jelas bahawa apabila tiada pemberian, penerimaan juga berakhir. Ini merupakan isu sistemik yang perlu ditangani dan setiap warga Malaysia perlu memainkan peranannya masing-masing.

Hakikatnya meskipun orang ramai merungut mengenai rasuah, namun ramai yang masih cenderung untuk membayar rasuah bagi urusan-urusan kecil. Sikap yang sedemikian perlu dibanteras. Rasuah hanya berakhir apabila kesemua pihak mengamalkan sikap ‘tiada tolak ansur terhadap rasuah’ yang menyeluruh. Hal yang demikian perlu dimulakan oleh rakyat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan rangka minda yang betul. Meskipun kerajaan menjalankan peranannya untuk menangani ketidakcekapan dalam sistem dan melaksanakan langkah kawalan untuk mencegah mereka yang menerima rasuah, namun orang ramai juga perlu menggalas tanggungjawab dalam memerangi rasuah.

Secara khususnya, generasi masa hadapan Malaysia, iaitu belia negara akan menjadi penting dalam pencegahan rasuah. Secara umumnya golongan belia memperoleh lebih banyak pendedahan dan mereka lebih lantang bersuara; mereka juga lebih bijak dari sudut teknologi dengan akses kepada pendidikan tinggi selain mempunyai keupayaan dan kapasiti untuk mencetuskan perubahan yang lebih bermakna dalam peperangan menentang rasuah. Apa yang diperlukan oleh mereka pada masa ini adalah untuk mengungkapkan keyakinan mereka dalam membentuk masa hadapan Malaysia. Belia di Malaysia, menerusi penggunaan wahana sosial dan teknologi boleh memainkan peranan yang besar dan penyertaan generasi muda dalam pencegahan rasuah sesungguhnya amat dialu-alukan oleh kerajaan.

Kerajaan dalam memainkan peranannya akan terus menerajui peperangan menentang rasuah, menerusi inisiatif sama ada di dalam mahupun di luar skop NKRA Membanteras Rasuah. Langkah yang tidak pernah disaksikan sebelum ini untuk mewajibkan ahli keluarga Menteri Kabinet, termasuk pasangan masing-masing untuk mengisytiharkan aset mereka kepada SPRM adalah tepat pada masanya. Sesalinan pengisytiharan tersebut akan disimpan oleh SPRM.

Hal yang demikian ternyata membuktikan dan menyerlahkan komitmen Dato’ Seri Najib dalam memastikan ketelusan dengan anggota pentadbiran persekutuan tertinggi memberikan contoh teladan utama. Sesungguhnya ia merupakan langkah yang dialu-alukan oleh rakyat. Ia berlaku hanya selang beberapa hari Ketua Hakim Negara, Tan Sri Arifin Zakaria, mengumumkan bahawa hakim-hakim perlu mengisytiharkan aset masing-masing untuk memastikan integriti dan ketelusan kehakiman.

Pasukan NKRA Membanteras Rasuah berikrar untuk berusaha sedaya upaya dalam membanteras rasuah. Perjalanan ini ternyata amat mencabar, laluannya panjang malah berliku-liku, tetapi keputusannya kelak akan menentukan betapa bermaknanya usaha kami ini. Dengan mengurangkan rasuah, Malaysia akan melonjakkan dirinya menjadi sebuah negara maju yang mendukung ketelusan, persaingan yang adil dan saksama serta bersifat terbuka. Apabila masa itu tiba kelak, kita pasti akan kembali dipandang tinggi di persada antarabangsa.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



Bersama
Membentuk masa hadapan
negara

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin

Menteri Pelajaran

“Didorong oleh pencapaian semua inisiatif NKRA Pendidikan yang memberangsangkan pada tahun 2010, kami mengorak langkah untuk meneruskan usaha murni ini. Tahun 2011 menyaksikan kami meningkatkan sasaran dengan lebih jauh sambil melipatgandakan usaha kami. Seperti yang dijangkakan, pelbagai cabaran telah dilalui sepanjang pelaksanaan inisiatif transformasi kami. Namun, ia tidak menghalang kami daripada terus membangunkan asas kukuh yang telah kami bina. Demi rakyat, kami komited untuk membina negara Malaysia yang mempunyai daya saing global melalui peningkatan standard pendidikan secara berterusan dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan.”



Menjamin masa depan Malaysia melalui pendidikan berkualiti

Malaysia telah menyasarkan untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Inisiatif mempertingkatkan Pencapaian Pelajar atau NKRA Pendidikan telah diwujudkan untuk menjamin masa depan negara melalui pembangunan minda, bakat dan kebolehan generasi muda dengan cara yang lebih berkesan dalam menuju cita-cita tersebut. Dengan mempertingkatkan pencapaian pelajar dan menangani berbagai-bagai cabaran pada peringkat prasekolah, sekolah rendah, dan sekolah menengah, Malaysia mengambil langkah pertama dalam menyediakan peluang pendidikan yang berkualiti kepada semua tanpa mengira kaum, agama dan tahap pendapatan. Matlamat utama NKRA Pendidikan adalah untuk membangunkan modal insan yang berkemahiran dan kompeten, yang boleh bersaing secara berkesan dalam abad ke-21 ini dan seterusnya menikmati taraf hidup yang lebih tinggi.

Dalam tempoh lima puluh tahun yang lalu, Malaysia telah mencipta banyak kejayaan. Sistem pendidikan negara berjaya menghasilkan kadar celik huruf bagi orang dewasa sebanyak 92% dengan enrolmen sekolah rendah yang bersifat sejagat. Kadar enrolmen sekolah menengah juga merupakan antara yang paling pantas berkembang di dalam rantau ini.

Meskipun dengan wujudnya pelbagai pencapaian ini, namun jurang dalam kalangan masyarakat terus berlaku. NKRA Pendidikan diperkenalkan untuk menangani jurang dan lelowong yang masih wujud ini, dan pada masa yang sama meningkatkan lagi standard untuk mendukung hasrat Malaysia menjadi negara maju yang mempunyai modal insan yang sewajarnya.

Pada 2011, Kementerian Pelajaran meneruskan inisiatif-inisiatif NKRA Pendidikan yang telah dilaksanakan pada

tahun sebelumnya di samping melancarkan beberapa program baharu. Kementerian telah menumpukan usahanya bagi memastikan kualiti dan kecemerlangan dalam semua inisiatif serta memberikan peluang berdasarkan prinsip merit. Bagi memastikan semua kanak-kanak Malaysia di seluruh negara mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti, kementerian terus berusaha untuk memperluas jangkauannya ke kawasan luar bandar dan bandar.

Meskipun banyak cabaran dihadapi sepanjang tahun 2011, Pasukan NKRA Pendidikan telah berjaya menghasilkan keputusan yang membanggakan. Pasukan tersebut telah menjangkau sasaran literasi dan numerasi dengan nyata, menganugerahkan status “Sekolah Berprestasi Tinggi” kepada 32 buah sekolah lagi, dan melancarkan lebih 3,000 kelas prasekolah baharu. Permulaan tahun 2011 telah menyaksikan pengenalan Program Pembangunan Prestasi Sekolah (*School Improvement Programme - SIP*), iaitu sebuah inisiatif baharu yang membantu kesemua 10,000 sekolah di seluruh Malaysia meningkatkan pencapaian masing-masing, dan seterusnya menambah baik sistem persekolahan Malaysia secara keseluruhan.

Tahun 2011 juga merupakan tahun yang menyaksikan NKRA Pendidikan lebih berpanduan data. Dengan mengguna pendekatan ini, Kementerian Pelajaran telah membina asas yang kukuh untuk mencapai kemajuan selanjutnya. Kementerian kini mempunyai medium yang lebih baik untuk membuat keputusan yang lebih andal dan berasaskan pengetahuan, yang akan mempertingkatkan sistem pendidikan dan memastikan intervensi khusus hanya dilakukan apabila ada keperluan. Pendekatan ini juga membolehkan kementerian menggunakan pelbagai strategi pendidikan yang sebelum ini tidak dapat dimanfaatkan. Kesimpulannya, kementerian kini dapat melaksanakan semua NKPI yang berada di bawah NKRA Pendidikan dengan lebih baik.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

NKRA Pendidikan telah menghasilkan beberapa kejayaan besar pada tahun 2011.

KEJAYAAN BESAR

Pada 2011, kemajuan yang memberangsangkan telah dapat dicapai dalam inisiatif-inisiatif berikut, yang telah dimulakan pada tahun yang sebelumnya:

- Mencapai kadar enrolmen prasekolah sebanyak 77.23% pada Disember 2011
- Melancarkan 3,089 kelas prasekolah dengan bantuan Kementerian Pelajaran, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan sektor swasta.
- Mencapai kadar literasi sebanyak 97.5% dan numerasi 98.6% bagi pelajar Tahun 2 dalam program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS)
- Mencapai kadar literasi sebanyak 91.0% dan numerasi 95.4% bagi pelajar Tahun 1 dalam kohort kedua program LINUS
- Menganugerahkan status Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) kepada 32 buah sekolah pada 2011, tambahan kepada 20 SBT yang telah dikenal pasti pada 2010
- Jumlah sekolah berprestasi terendah (Sekolah-sekolah band 6 dan 7) berkurangan sebanyak 40.25% dari tahun sebelumnya

2011 juga menyaksikan pelancaran beberapa inisiatif baharu:

- Buat julung kalinya dalam sejarah Malaysia, sebuah sistem maklumat prasekolah nasional, iaitu Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan atau SMPK, telah dibangunkan untuk mengumpul data berkaitan dengan prasekolah dan kanak-kanak dalam kumpulan umur 4+ serta 5+ yang mendaftar untuk prasekolah
- Sebuah instrumen untuk mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai simptom masalah pembelajaran telah dibangunkan dan sebanyak 3,916 pelajar dari kalangan kanak-kanak Tahun 2 telah dikenal pasti
- Sebuah sistem data kebangsaan yang berasaskan laman sesawang, Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah atau SAPS telah dibangunkan untuk semua sekolah awam Malaysia

Patut diberi perhatian bahawa tahun 2011 menyaksikan Malaysia mencapai keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang terbaik dalam tempoh empat tahun. Meskipun tidak ada sebarang kajian langsung yang diarahkan berkaitan dengan hubungan antara NKRA Pendidikan dengan keputusan peperiksaan yang dicapai, terdapat kemungkinan bahawa usaha-usaha pada tahun 2010 dan 2011 telah memainkan peranan yang ketara dalam menghasilkan prestasi yang semakin baik.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

TINJAUAN KESELURUHAN

Keperluan segera untuk mempertingkatkan sistem pendidikan

Dalam melangkah menuju sebuah negara yang progresif, harmoni dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kemampuan Malaysia untuk membangunkan tenaga kerja yang berdaya saing akan bergantung terutamanya kepada bagaimana Malaysia meningkatkan pencapaian pelajar pada hari ini. Dalam Laporan Pendidikan McKinsey & Company 2010, rating yang diberikan untuk prestasi sistem persekolahan Malaysia ialah “*fair*” atau sederhana. Jika Malaysia ingin mencapai status negara maju dalam tempoh kurang sedekad dan mencapai taraf yang sama seperti Singapura, Hong Kong dan Korea Selatan (yang semuanya mendapat skor “*good*” atau baik), Malaysia perlu mempertingkatkan sistem pendidikannya secepat mungkin.

Mujurlah, NKRA Pendidikan dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pendidikan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) berhasrat untuk berbuat demikian, iaitu mempertingkatkan sistem pendidikan Malaysia. Menjadi pelengkap antara satu sama lain, kedua-dua inisiatif tersebut adalah berdasarkan teori bahawa pendidikan kelas pertama membantu memupuk modal insan kelas pertama. Dalam persaingan pasaran global yang semakin meningkat, terdapat keperluan mendesak supaya tenaga mahir kelas pertama mempamerkan pelbagai kemahiran abad ke-21, iaitu kemahiran berfikir secara kritis, menyelesaikan masalah, komunikasi, kolaborasi, kreativiti, dan inovasi supaya mereka benar-benar berjaya. Sistem pendidikan yang cemerlang ialah sistem yang memastikan setiap anak berjaya, tanpa mengira apa jua latar belakangnya. Dengan menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua pelajar dan mempertingkatkan pencapaian pelajar di seluruh sistem persekolahan Malaysia, NKRA Pendidikan akan membolehkan Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang mampu bersaing pada abad ke-21.



Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



OBJEKTIF NKRA PENDIDIKAN 2011

NKPI 2011

Merapatkan jurang pendidikan dan meningkatkan lagi standard

NKRA Pendidikan komited untuk “merapatkan jurang” dan “meningkatkan lagi standard” dengan meluaskan akses kepada pendidikan asas yang berkualiti untuk semua pelajar dan mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam seluruh sistem persekolahan Malaysia. Seajar dengan matlamat ini, Kementerian Pelajaran beriltizam untuk mencapai sasaran-sasaran NKPI pada akhir tahun 2011. Tahun 2011 menyaksikan sasaran NKPI ditetapkan lebih tinggi berbanding dengan sasaran tahun 2010.

Sasaran NKPI Pendidikan			
Bidang Tumpuan	NKPI	Pencapaian 2010	Sasaran 2011
Inisiatif Merapatkan Jurang			
Pendidikan Prasekolah	Kadar enrolmen (Umur 4+ dan 5+)	72.42%	80%
Kadar literasi dan numerasi	Kohort 1		
	• Kadar Literasi • Kadar Numerasi	85% 91%	95% 95%
	Kohort 2		
	• Kadar Literasi • Kadar Numerasi	Pelajar didaftarkan tahun 2011	90% 90%

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Sasaran NKPI Pendidikan (sambungan)			
Bidang Tumpuan	NKPI	Pencapaian 2010	Sasaran 2011
Inisiatif Meningkatkan Standard			
Sekolah Berprestasi Tinggi	Bilangan	20	50
Tawaran Baru kepada guru besar dan pengetua	% guru besar dan pengetua yang melepasi sasaran • Sekolah Rendah	7.7%	3%
	• Sekolah Menengah*	-	2% (Sasaran 2010)
	% guru besar dan pengetua yang tidak mencapai sasaran • Sekolah Rendah	1.83%	Tidak lebih 8%
	• Sekolah Menengah*	-	Tidak lebih 10% (Sasaran 2010)
NKPI Baharu: Program Pembangunan Prestasi Sekolah(SIP)	% pengurangan bilangan sekolah dalam Band 6 dan 7 berbanding dengan tahun sebelumnya	-	20%
	% peningkatan bilangan sekolah dalam Band 1 dan 2 berbanding dengan tahun sebelumnya	-	8%

*Memandangkan keputusan Tawaran Baru untuk sekolah menengah hanya akan dimaklumkan selepas pengumuman keputusan SPM iaitu (Mei 2012), kami melaporkan keputusan 2010 dan membandingkannya dengan sasaran 2010

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Merapatkan Jurang

Inisiatif Prasekolah dan Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diwujudkan untuk merapatkan jurang perbezaan dalam kalangan pelajar dengan meningkatkan peluang kepada kanak-kanak di seluruh Malaysia untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan melalui sistem pendidikan. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan standard asas pendidikan negara dengan memastikan bahawa setiap kanak-kanak memperoleh pendidikan awal serta berpeluang untuk menjadi individu yang celik huruf dan angka menjelang tahun ketiga persekolahannya.

Prasekolah

Sasaran NKPI Prasekolah untuk tahun 2010-2012 adalah untuk meningkatkan kadar enrolmen kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ tahun dari 67% pada tahun 2009 kepada 72% pada tahun 2010, 80% pada tahun 2011, dan 87% pada tahun 2012. Bagi mencapai sasaran tersebut, inisiatif seperti pelancaran sekolah prasekolah baharu kendalian agensi kerajaan, terutamanya di kawasan pedalaman, telah dilaksanakan. Bagi meningkatkan penyertaan pengusaha prasekolah swasta, kerjasama sektor awam-swasta dan inisiatif NKEA telah dimanfaatkan untuk menggalakkan peningkatan skala atau “*scale-up*” pengusaha prasekolah swasta. Pada masa yang sama, kementerian sedang berusaha menambah baik kualiti prasekolah seluruh negara dengan menstandardkan tahap bantuan kewangan kepada pelajar di sekolah prasekolah kerajaan dan melatih guru-guru prasekolah swasta untuk meningkatkan kualiti kaedah pengajaran mereka.



Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS)

Program Saringan Literasi dan Numerasi atau LINUS menyasarkan untuk mencapai 100% literasi dan numerasi bagi semua kanak-kanak sekolah (yang tidak mempunyai masalah pembelajaran) menjelang tahun ketiga persekolahan. Sasaran LINUS Malaysia adalah tinggi kerana kurang 30 buah negara telah mencapai kadar literasi 100%, sekalipun dalam kalangan populasi dewasa. Untuk mencapai sasaran tersebut, saringan dan kelas pemulihan telah diperkenalkan untuk membantu kanak-kanak menguasai 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Tiga saringan LINUS dijalankan pada setiap tahun, bermula dari Tahun 1 sehingga Tahun 3. Sasaran LINUS adalah untuk mencapai kadar literasi dan numerasi sebanyak 90% bagi pelajar Tahun 1, 95% bagi pelajar Tahun 2 dan 100% bagi pelajar Tahun 3. Saringan-saringan ini membolehkan pelajar yang lemah dikenal pasti supaya program intervensi yang sesuai dapat dirancang dengan sewajarnya. Pelajar yang tidak mencapai standard yang ditetapkan akan menyertai program LINUS, atau sekiranya mereka mempunyai masalah pembelajaran, mereka akan ditempatkan dalam program pendidikan khas.

Meningkatkan Lagi Standard

NKRA Pendidikan berhasrat untuk meningkatkan standard keseluruhan sistem persekolahan dengan mengenal pasti Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan fokus kepada guru besar dan pengetua yang merupakan pemacu utama perubahan.

Sekolah Berprestasi Tinggi

Sekolah Berprestasi Tinggi atau SBT ialah sekolah-sekolah rendah dan menengah yang terbaik atau “*crème de la crème*”, dalam ungkapan bahasa Perancis yang tuntas. SBT tersebut dipilih berdasarkan beberapa kriteria ketat yang telah ditetapkan, termasuklah pencapaian akademik yang cemerlang, sokongan alumni, pertandingan yang dimenangi pada peringkat antarabangsa, serta kekuatan jalinan dan jaringan dengan entiti luar. Setiap sekolah juga perlu mengekalkan etos kukuh, perwatakan dan identiti unik yang membolehkannya meraih kecemerlangan dalam setiap aspek pendidikan. Selain itu, SBT berperanan menjadi contoh kepada sekolah-sekolah lain dan memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah tersebut melalui bimbingan antara sekolah (*inter-school coaching*) dan rangkaian pementoran.

Kementerian telah menetapkan sasaran untuk mengenal pasti 100 SBT pada tahun 2012 (iaitu 20 SBT untuk dikenal pasti pada tahun 2010, 30 SBT pada tahun 2011 dan 50 SBT pada tahun 2012). Meskipun SBT baharu sedang dikenal pasti, SBT yang sedia ada perlu mengekalkan standard masing-masing. Pada setiap awal tahun, setiap SBT dikehendaki menetapkan KPI masing-masing dan pencapaian setiap SBT (termasuk prestasi sekolah dan keberhasilan pelajar) akan dipantau untuk mengukur keberkesanan dan impak bantuan kewangan (geran) dan autonomi yang dianugerahkan kepada sekolah-sekolah tersebut.

Tawaran Baru kepada Guru Besar dan Pengetua

Guru Besar dan Pengetua merupakan pemacu utama bagi perubahan dalam sistem persekolahan. Oleh itu, sebarang peningkatan dalam pencapaian mereka akan memberikan impak yang sangat bernilai dan positif kepada pencapaian pelajar. Budaya berpacuan insentif yang memberikan ganjaran kepada guru besar, pengetua dan guru-guru, akan merangsang pembangunan prestasi sistem pendidikan secara menyeluruh. Insentif Tawaran Baru telah dibentuk untuk menambah baik pencapaian keseluruhan pelajar dalam sistem pendidikan menerusi pemberian insentif kepada guru besar dan pengetua untuk berinovasi, memperbaiki dan menghasilkan prestasi yang tinggi di sekolah-sekolah yang diterajui mereka.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



Kriteria kelayakan untuk ganjaran Tawaran Baru ialah:

- 1) Skor komposit melebihi 84% bagi sekolah rendah dan 92% bagi sekolah menengah dalam ranking sekolah; atau lonjakan dalam ranking sebanyak 27% bagi sekolah rendah atau 15% untuk sekolah menengah. Ini memberi semua guru besar dan pengetua peluang mendapatkan ganjaran tanpa mengira titik permulaan mereka – dengan kata lain guru besar dan pengetua yang bermula dari posisi yang lebih rendah juga akan menerima ganjaran jika mereka menunjukkan peningkatan prestasi yang ketara dalam ranking masing-masing.
- 2) Skor Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) lebih 90
- 3) Laporan audit kewangan tanpa perteguran dari Jabatan Pelajaran Negeri
- 4) Tiada kes tindakan disiplin
- 5) Mencapai sasaran literasi dan numerasi sekolah (untuk sekolah rendah)

Bagi tahun 2011, inisiatif Tawaran Baru untuk guru besar dan pengetua menyasarkan supaya sekurang-kurangnya 3% daripada guru besar sekolah rendah dan pengetua sekolah menengah melepasi sasaran tahun 2011 dan hanya 8% guru besar dan pengetua mencatat prestasi yang tidak mencapai sasaran. Sebelum pelaksanaan inisiatif NKRA ini, belum ada sistem penilaian berasaskan pencapaian prestasi untuk warga kerja pendidikan di negara ini kecuali sistem penilaian umum untuk kakitangan awam. Penilaian baharu berasaskan prestasi tersebut dikaitkan dengan ranking sekolah dan berfungsi untuk menyokong guru besar dan pengetua. Dengan pengenalan kayu pengukur yang baharu dan objektif, guru-guru kini mempunyai penanda aras yang sebenar untuk menilai pencapaian mereka. Warga perguruan telah memberikan maklum balas positif kepada inisiatif NKRA ini kerana ia menjadi platform untuk menilai mereka berdasarkan merit dan juga inovasi.

Program Pembangunan Prestasi Sekolah

Walaupun SBT berfungsi sebagai penanda aras dan pendorong motivasi bagi sekolah-sekolah lain, Program Pembangunan Prestasi Sekolah atau SIP telah diperkenalkan untuk melengkapi SBT dengan merapatkan lagi jurang antara SBT dengan sekolah-sekolah lain dalam sistem persekolahan Malaysia. Pada masa yang sama, SIP merupakan suatu perluasan kepada inisiatif Tawaran Baru kerana ia memotivasikan semua sekolah untuk mencapai prestasi yang lebih cemerlang, terutamanya sekolah berprestasi terendah yang kritikal.

SIP ialah satu usaha yang komprehensif dan gigih untuk mencabar, memotivasikan dan menyokong kesemua 10,000 sekolah dalam sistem persekolahan untuk mempertingkatkan pencapaian pelajar. Program tersebut mempercepat dan menambah baik inisiatif yang sedia ada dengan mengintegrasikan butiran seperti keperluan sekolah, kebertanggungjawaban, pemantauan berterusan dan sokongan melalui sistem pengumpulan data berpusat peringkat kebangsaan yang dikenali sebagai Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah atau SAPS. SAPS bertujuan membantu guru,

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

guru besar, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran untuk membina strategi bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Dengan menggunakan maklumat daripada SAPS, sokongan bimbingan, pementoran dan latihan dapat diberikan kepada pengetua dan guru di sekolah berprestasi rendah Band 6 dan 7. Ibu bapa juga boleh mendapatkan keputusan peperiksaan anak-anak mereka melalui SAPS di <http://saps.moe.gov.my/ibubapa2/index.php>



Pada tahun 2011 SIP menyasarkan untuk mengurangkan bilangan sekolah berprestasi terendah (sekolah Band 6 dan 7) sebanyak 20% dan meningkatkan bilangan sekolah berprestasi tertinggi (sekolah Band 1 dan 2) sebanyak 8%. Matlamat utama adalah untuk menghapuskan kedua-dua kategori Band 6 dan 7 menjelang tahun 2015.

PESERTA UTAMA

Pengembangan Kolaborasi

Selaku Kementerian Peneraju dan penyelaras untuk NKRA Pendidikan, Kementerian Pelajaran bersama-sama dengan berbagai-bagai agensi bekerjasama dengan erat untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif NKRA Pendidikan. Kementerian juga berganding bahu dengan Pejabat Pelajaran Negeri dan Daerah untuk memastikan kejayaan semua inisiatif NKRA Pendidikan.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Bagi inisiatif Prasekolah, kementerian bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Kebajikan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di Pejabat Perdana Menteri untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Dengan kerjasama NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH), kementerian berganding bahu dengan SeDidik di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) dan Yayasan Sabah dalam membina lebih banyak prasekolah di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah.

Untuk mengenal pasti pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran dalam kalangan pelajar LINUS Tegar (buta huruf dan buta angka tegar), kementerian bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan. Kementerian juga bersama-sama dengan sektor swasta menjalin kerjasama erat dalam bidang latihan keguruan dan operasi prasekolah untuk menambah baik kualiti dan keberkesanan seluruh sistem persekolahan dan meningkatkan akses kepada pendidikan.

INISIATIF NKRA 2011

Pada tahun 2011, Kementerian Pelajaran telah melaksanakan inisiatif yang berikut untuk mencapai sasarannya:

Sokongan Berterusan kepada Agensi dan Pengusaha Prasekolah

Usaha telah diambil untuk memberikan sokongan berterusan kepada prasekolah kerajaan yang dikendalikan oleh kementerian serta KEMAS dan JPNIN dengan menyediakan pendidikan percuma dalam semua prasekolah awam, memastikan standard kualiti dan bantuan makanan yang standard antara agensi-agensi kerajaan. Sokongan yang berterusan juga diberikan kepada para pengusaha prasekolah swasta, iaitu dengan memperkenalkan beberapa insentif untuk mempertingkatkan penyertaan mereka. Geran berjumlah RM10,000 telah diberikan kepada 500 prasekolah yang telah mematuhi standard kementerian pada tahun 2011.

Lanjutan daripada inisiatif 2010, bantuan yuran bagi tahun 2011 telah diberikan kepada 14,122 kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah yang mengikuti pembelajaran prasekolah swasta dengan yuran maksimum RM150 sebulan. Bantuan kepada keluarga berkenaan merangkumi tempoh 10 bulan berbanding dengan hanya tempoh tiga bulan pada tahun 2010. Selain itu, kementerian juga menjalin kerjasama dengan kolej latihan perguruan swasta untuk meningkatkan kemahiran guru prasekolah swasta, seterusnya meningkatkan lagi keseluruhan kualiti guru prasekolah swasta. Tahun 2011 menyaksikan latihan diberikan kepada 6,421 guru prasekolah swasta melalui institusi latihan perguruan awam dan swasta.

Bagi memastikan semua kanak-kanak prasekolah (tanpa mengira jenis prasekolah) memperoleh pengetahuan asas yang diperlukan untuk memulakan pendidikan rendah dengan lancar, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (*National Pre-school Curriculum Standard - NPCS*) telah dibangunkan dengan kerjasama sektor swasta. Pada

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

tahun 2011, sebuah persatuan industri yang dikenali sebagai Majlis Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (*Early Child Care Education, ECCE*) telah ditubuhkan untuk menyediakan kawalan kualiti dan sokongan. Majlis yang dianggotai oleh para peserta industri itu bertanggungjawab menetapkan standard, meningkatkan kualiti industri ECCE dan mewakili kepentingan industri terhadap orang ramai dan juga agensi kebangsaan atau kerajaan.

Susulan Mantap LINUS

Pada tahun 2011, kohort pertama pelajar Tahun 2 telah menjalani tiga saringan LINUS untuk kemahiran asas literasi dan numerasi. Kohort kedua pelajar Tahun 1 juga telah melalui saringan. Secara keseluruhan, kira-kira 900,000 kanak-kanak di seluruh negara telah didaftarkan dalam program LINUS pada tahun 2011. Kemajuan kanak-kanak berkenaan dipantau bukan sahaja oleh guru-guru LINUS terlatih tetapi juga oleh FasiLINUS (fasilitator khusus yang memberikan sokongan profesional kepada guru-guru LINUS) dan kementerian.

Demi memastikan tiada kanak-kanak yang ketinggalan dalam memperoleh kemahiran asas literasi dan numerasi, kementerian telah memperkenalkan Kem LINUS, iaitu sebuah program intervensi khas untuk pelajar-pelajar LINUS Tegar. Ia dilaksanakan di seluruh negara oleh Pejabat Pelajaran Daerah dan bertujuan membawa pelajar LINUS Tegar mencapai tahap yang lebih tinggi. Contohnya, pelajar yang buta huruf sama sekali semasa permulaan program, boleh mengenal pasti kesemua 26 abjad pada akhir program tersebut. Program berkenaan juga menjadi platform kepada guru-guru mempelajari kemahiran mengajar yang baharu daripada guru-guru yang lebih berpengalaman selain membantu memberikan lebih kesedaran kepada ibu bapa tentang aktiviti-aktiviti LINUS.

Pada tahun 2011, kementerian juga telah menganjurkan Persidangan LINUS Kebangsaan buat julung-julung kalinya. Persidangan yang diadakan dari 5 hingga 7 Disember 2011 menjadi platform kepada FasiLINUS, LINUS dan guru-guru pemulihan untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik. Persidangan tersebut juga mencetuskan sebuah persekitaran tersendiri yang membolehkan pelaksana program LINUS daripada semua peringkat berinteraksi antara satu sama lain. Oleh sebab acara ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua peserta, kementerian akan menjadikan ia sebagai acara tahunan dan akan menjemput penceramah dari luar negara pada masa hadapan.

Dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran juga menggunakan program LINUS untuk membangunkan instrumen bagi mengenal pasti pelajar yang mempunyai simptom masalah pembelajaran. Kementerian akan memastikan simptom-simptom seumpamanya disahkan oleh pakar-pakar perubatan dan pelajar yang berkenaan didaftarkan dalam kelas pendidikan khas.



Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



Mengenal pasti lebih banyak Sekolah Berprestasi Tinggi

Pada tahun 2011, Kementerian Pelajaran meneruskan usaha untuk mengenal pasti lebih banyak SBT, melibatkan matlamatnya untuk mengenal pasti 100 SBT pada tahun 2012. Sekolah yang beraspirasi dan mempunyai potensi tinggi untuk menjadi SBT diberi bimbingan oleh kementerian melalui Program “*Handholding*” untuk melonjakkan sekolah tersebut setaraf dengan sekolah pada peringkat antarabangsa. Semua sekolah yang berhasrat menjadi SBT perlu memastikan mereka tergolong dalam sekolah berprestasi tertinggi di seluruh negara dan berada dalam Band 1 dalam ranking Kementerian Pelajaran terlebih dahulu. Selain itu, sekolah tersebut perlu memenuhi kriteria ketat instrumen Annex Sekolah Berprestasi Tinggi, yang menguji etos, perwatakan, alumni dan jalinan dan jaringan antarabangsa setiap sekolah.

Semua calon SBT juga mesti diaudit dari perspektif holistik dan kewangan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) sebelum sekolah tersebut boleh diiktiraf sebagai berstatus SBT. Sebuah SBT mempunyai lebih autonomi kewangan, dan pada masa hadapan, akan mempunyai lebih autonomi dalam membuat keputusan berkaitan dengan kaedah pengajaran, fleksibiliti dalam penyesuaian kurikulum serta pemilihan pelajar. Di samping itu, bantuan kewangan akan diberikan kepada setiap SBT pada setiap tahun untuk tujuan pembangunan pelajar, infrastruktur dan elemen penting lain yang menyumbang ke arah kecemerlangan sekolah.

Tawaran ganjaran kecermelangan untuk semua

Di bawah inisiatif Tawaran Baru, semua sekolah di Malaysia akan diberi ranking dan dikategorikan kepada tujuh band. Band 1 merangkumi semua sekolah berprestasi paling cemerlang manakala Band 7 adalah untuk sekolah berprestasi paling rendah. Guru besar sekolah rendah dan pengetua sekolah menengah yang berprestasi tinggi akan diberi insentif tunai sebanyak RM7,500. 5% guru-guru paling cemerlang akan menerima RM1,800 manakala yang lain akan menerima RM900. Tanpa mengira titik permulaan sesebuah sekolah tersebut, semua guru besar dan pengetua berpeluang menerima ganjaran untuk pencapaian mereka kerana skor mutlak dan juga lonjakan dalam ranking digunakan sebagai kriteria. Program ini juga akan memantau bilangan guru besar dan pengetua berprestasi rendah serta memberi mereka latihan pemulihan dan bantuan tambahan. Sekolah-sekolah yang dipilih untuk menerima insentif kewangan tersebut juga akan mendapat lebih autonomi dan pengiktirafan.

SIP membantu meningkatkan prestasi keseluruhan sistem persekolahan

Program Pembangunan Prestasi Penambahbaikan Sekolah (SIP) merupakan usaha yang gigih dan komprehensif bertujuan mentransformasikan setiap sekolah, terutamanya sekolah berprestasi rendah untuk menjadi institusi pendidikan cemerlang dengan mencabar, memberi motivasi dan menghulurkan sokongan kepada sekolah tersebut. Walaupun SIP menyokong kesemua 10,000 sekolah yang terdapat dalam sistem persekolahan Malaysia, program ini memberikan tumpuan utama kepada sekolah berprestasi rendah di seluruh negara, terutamanya sekolah di kawasan luar bandar. Di bawah SIP, kementerian telah memperkenalkan sebuah sistem pengumpulan data berpusat dan alat bantu sendiri atau “*self-help tool*” yang dikenali sebagai Alat Penambahbaikan Sekolah (*School Improvement Toolkit – SIT*) untuk membantu

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

guru besar dan pengetua memantau pencapaian sekolah dan seterusnya merancang aktiviti-aktiviti penambahbaikan pada masa hadapan. SIT membantu pemimpin sekolah mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi selain memberikan sokongan menerusi penyediaan alat dan sistem yang sesuai supaya guru besar dapat menetapkan keutamaan, merancang dan memperuntukkan sumber dengan lebih berkesan.

Bagi sekolah berprestasi terendah dalam Band 6 dan 7, kementerian telah mereka bentuk satu sistem khidmat dan sokongan untuk membantu meningkatkan pencapaian sekolah dan memotivasikan warga kerja di sekolah-sekolah berkenaan. Sistem sokongan tersebut terdiri daripada guru cemerlang dan pembimbing yang akan membuat lawatan strategik dan terancang ke sekolah berprestasi terendah untuk memberikan sokongan dan motivasi kepada guru-guru dan pemimpin di sekolah berkenaan.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Keberhasilan keseluruhan bagi sasaran NKPI yang ditetapkan bagi tahun 2011 digambarkan dalam jadual yang berikut:

Bil.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar 2011	Catatan	Lampu Isyarat
1.	Kadar enrolmen Prasekolah	80%	77.23%	732,902 kanak-kanak (umur 4+ dan 5+) mendaftar di prasekolah	
2.	Kohort 1				
	2.1. Kadar Literasi LINUS	95%	97.5%	434,908 daripada 445,960 pelajar Tahun 2 mencapai literasi asas	
	2.2. Kadar Numerasi LINUS	95%	98.6%	439,802 daripada 445,950 pelajar Tahun 2 mencapai numerasi asas	
3.	Kohort 2				
	3.1. Kadar Literasi LINUS	90%	91.0%	405,246 daripada 445,367 Pelajar Tahun 1 mencapai literasi asas	
	3.2. Kadar Numerasi LINUS	90%	95.4%	424,972 daripada 445,367 Pelajar Tahun 1 mencapai numerasi asas	


Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Bil.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar 2011	Catatan	Lampu Isyarat
4.	Sekolah Berprestasi Tinggi	50	52	Pada tahun 2011, 32 SBT telah dikenal pasti, sebagai tambahan kepada 20 SBT yang sedia ada; 23 SBT diumumkan pada bulan Januari 2011 dan 9 lagi SBT pada bulan Mei 2011	
5.	Tawaran Baru – melepasi sasaran		-		
	5.1. Sekolah rendah	3%	5.23%	403 Guru besar diberi ganjaran tawaran baru	
	5.2. Sekolah menengah*	2% (Sasaran 2010)	4% (Keputusan 2010)	92 Pengetua diberi ganjaran tawaran baru	
6.	Tawaran Baru – tidak melepasi sasaran		-		
	6.1. Sekolah rendah	Tidak lebih 8%	1.17%	90 daripada 7,701 sekolah Band 6 & 7	
	6.2. Sekolah menengah*	Tidak lebih 10% (Sasaran 2010)	10.89% (2010 result)	240 daripada 2,204 sekolah Band 6 & 7	
7.	SIP – penyusutan dalam Band 6 dan 7	20%	40.25%	Menurun daripada 636 sekolah kepada 380 sekolah	
8.	SIP – peningkatan dalam Band 1 dan 2	8%	21.86%	Meningkat daripada 1,770 sekolah kepada 2,157 sekolah	

* Memandangkan keputusan Tawaran Baru untuk sekolah menengah hanya akan dimaklumkan selepas pengumuman keputusan SPM (iaitu Mei 2012), kami melaporkan keputusan 2010 dan membandingkannya dengan sasaran 2010

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Pencapaian Prasekolah




Pada tahun 2011, Kementerian Pelajaran telah meneruskan usahanya untuk meningkatkan enrolmen prasekolah dan mencapai kadar enrolmen 77.23% pada Disember 2011. Peningkatan enrolmen ini berjaya dilakukan dengan pembukaan 3,089 kelas prasekolah oleh kementerian, KEMAS, JPNIN dan sektor swasta – lebih sekali ganda berbanding dengan bilangan kelas prasekolah yang dilancarkan pada tahun 2010. Hasilnya, 732,902 kanak-kanak prasekolah dalam kumpulan umur 4+ dan 5+ telah menyertai pendidikan prasekolah. Lebih kurang 405 prasekolah yang mempunyai pelajar berumur 4+ dan 5+ kelolaan kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (contohnya ABIM) dan pusat perkembangan minda (contohnya Smart Reader dan Q-dees), turut didaftarkan.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

“Sejak menghadiri prasekolah, pelajar-pelajar kami lebih berdikari dan petah berbicara. Kami mengamalkan pendekatan baharu dalam mendidik kanak-kanak, contohnya dalam bidang psikoterapi, ICT dan psikologi.”

- Muhammad Zammri Ishak, Pengerusi, Tadika Bijak Gemilang

3,089 kelas prasekolah telah diwujudkan pada 2011, melepasi sasaran 2,755 kelas



* KPI untuk 2010: 80% enrolmen kanak-kanak berumur 4+ dan 5+

* Pencapaian Semasa: 77.23% enrolmen

¹ Prasekolah yang mempunyai pelajar berumur 4+ dan 5+ kelolaan kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (contohnya ABIM) dan pusat perkembangan minda (contohnya Smart Reader dan Q-dees)

Bagi membantu membina kelas prasekolah baharu pada tahun 2011, terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, RM10 juta telah diberikan oleh NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) kepada Kumpulan Yayasan Sabah dan SeDidik, iaitu sebuah organisasi di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) yang mengusahakan 72 prasekolah di seluruh Sarawak. Pada Disember 2011, Kumpulan Yayasan Sabah telah membina 15 kelas prasekolah, manakala SeDidik pula telah membina 30 kelas prasekolah.

Semua tempat di kelas prasekolah kelolaan Kementerian Pelajaran, JPNIN dan KEMAS disediakan secara percuma manakala penyertaan di prasekolah kelolaan SeDidik dan Yayasan Sabah dikenakan yuran bersubsidi. Bukan itu sahaja, bantuan kewangan juga diberikan kepada 14,122 pelajar daripada isi rumah berpendapatan rendah yang berdaftar di prasekolah swasta.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Penambahbaikan capaian kepada pusat penjagaan & prasekolah melalui SeDidik

SeDidik, sebuah organisasi di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, memulakan operasinya pada tahun 1990 di bawah Rancangan Malaysia Ke-6. Matlamat penubuhan SeDidik adalah untuk memastikan lebih ramai kanak-kanak sekolah rendah, termasuk yang tinggal di kawasan pedalaman, mempunyai akses kepada pendidikan. Organisasi ini telah menerima sokongan berterusan daripada ibu bapa dan orang ramai sejak awal penubuhannya.

Kakitangan SeDidik terlibat secara aktif dalam memastikan kejayaan program tersebut. Pencapaian setiap kanak-kanak dipantau dengan teliti dan perjumpaan kerap diadakan dengan pihak ibu bapa. SeDidik juga mengendalikan lawatan rumah untuk membantu ibu bapa menyediakan persekitaran yang kondusif di rumah untuk anak-anak mereka meneruskan pembelajaran setelah menamatkan prasekolah masing-masing.

Dengan bantuan Kementerian Pelajaran, SeDidik telah membina 12 pusat prasekolah pada tahun 2010. Tahun lalu, SeDidik sekali lagi diamanahkan untuk melaksanakan program pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak yang tinggal di kawasan pedalaman Sarawak. 30 buah kampung, termasuk masyarakat rumah panjang telah dikenal pasti untuk program ini.

Sejumlah 2,285 kanak-kanak telah mendapat manfaat daripada pusat penjagaan dan pendidikan prasekolah di 72 pusat prasekolah SeDidik seluruh Sarawak pada tahun 2011. Kanak-kanak ini, yang sebahagian besarnya datang dari kawasan yang jauh di pedalaman, berpeluang untuk belajar dalam persekitaran yang kondusif, seterusnya menambahkan pengetahuan mereka dan menyediakan mereka untuk memasuki sekolah rendah.

Kanak-kanak Sabah juga telah meraih manfaat daripada program yang serupa. Program Pertubuhan Prasekolah telah dimulakan pada tahun 1979 melalui Pusat Perkembangan Kanak-kanak. Dikenali sebagai Bahagian Perkembangan Kanak-kanak pada tahun 2003, organisasi ini memberikan tumpuan kepada pendidikan kanak-kanak berumur 0 hingga 12 tahun.

Sejak 1989, Bahagian Perkembangan Kanak-kanak telah membina pusat-pusat prasekolah di kawasan pedalaman Sabah dengan matlamat untuk memberikan kanak-kanak di kawasan-kawasan tersebut permulaan pendidikan yang sama dengan kanak-kanak yang hidup di bandar. Sehingga kini, Bahagian Perkembangan Kanak-kanak telah menubuhkan 17 pusat prasekolah yang mempunyai 27 orang guru dan hampir 200 orang kanak-kanak.

Sejak pewujudannya pada tahun 1989, kira-kira 6,000 kanak-kanak yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman telah menyertai dan meraih manfaat daripada program tersebut.



Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Pelancaran Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) untuk mengumpul data berkaitan dengan institusi prasekolah dan para pelajarnya adalah amat penting kepada Jawatankuasa Penyelarasan Prasekolah Kebangsaan. Jawatankuasa tersebut kini mempunyai sistem untuk memantau dan menilai pendidikan prasekolah secara telus. Walau bagaimanapun, disebabkan ini merupakan kali pertama sistem berkenaan digunakan, data enrolmen turut dikumpulkan secara manual daripada setiap Pejabat Pelajaran Daerah dan Negeri untuk mengesahkan dan melengkapkan usaha SMPK.



Laman sesawang SMPK

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar




Keputusan LINUS

Inisiatif LINUS telah membuahkan hasil yang baik pada tahun 2011. Kadar literasi sebanyak 97.5% dan numerasi sebanyak 98.6% telah dicapai oleh kanak-kanak Tahun 2 dalam saringan LINUS ke-6. Keputusan tersebut melepasi sasaran 2011, iaitu 95% untuk kedua-dua kadar literasi dan numerasi. Kanak-kanak Tahun 1 juga menunjukkan kemajuan yang mantap dalam saringan LINUS kali ketiga dengan pencapaian 91.0% dalam kadar literasi dan 95.5% kadar numerasi, berbanding dengan keputusan pelajar Tahun 1 pada 2010 iaitu hanya 85% kadar literasi dan 91% kadar numerasi.

Keputusan Saringan LINUS Seluruh Negara untuk Kohort 1, 2011


Kadar literasi dan numerasi meningkat dalam setiap saringan



3,916 daripada kira-kira 450,000 pelajar Kohort 1 dikenal pasti mempunyai simptom ketidakupayaan belajar


Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Kami berhasrat mencapai kadar 100% pelajar dalam Kohort 1 memiliki kemahiran literasi pada tahun 2012




Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Kami berhasrat mencapai kadar 100% pelajar Kohort 1 memiliki kemahiran numerasi pada tahun 2012 (sambungan)



Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar




3,916 daripada kira-kira 450,00 pelajar Kohort 1 dikenal pasti mempunyai simptom ketidakupayaan belajar


Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



Pelajar Kohort 2 mesti mengekalkan kadar literasi 90% selepas Saringan ketiga



Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



Hasil daripada tiga saringan LINUS pada setiap tahun, kementerian kini mempunyai data kadar literasi dan numerasi seluruh negara yang ekstensif. Ini membolehkan kementerian mengetahui kadar literasi dan numerasi pada tahap yang terperinci meliputi negeri, daerah dan sehingga ke tahap sekolah, sekali gus membolehkan kementerian mengambil tindakan khusus demi meningkatkan pencapaian literasi dan numerasi.

Pada tahun 2011, kementerian telah menambah baik pangkalan data tersebut dengan merangkumkan data profil pelajar, seterusnya membolehkan langkah-langkah yang lebih khusus diambil terhadap pelajar yang telah dikenal pasti. Salah satu langkah tersebut ialah memperkenalkan program intervensi Kem LINUS. Dari September hingga Oktober 2011, semua Pejabat Pelajaran Daerah yang mempunyai bilangan pelajar LINUS Tegar Tahun 2 yang tinggi, telah mengadakan Kem tersebut untuk membolehkan pelajar berprestasi rendah meningkat ke tahap yang lebih tinggi dalam program LINUS. Kira-kira 156 Kem LINUS yang melibatkan 4,009 pelajar telah diadakan di seluruh negara

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

oleh 135 Pejabat Pelajaran Daerah. Usaha kami juga telah membolehkan 3,196 pelajar yang mempunyai simptom masalah pembelajaran dikenal pasti dari kalangan LINUS Tegar. Seterusnya, kementerian akan mengesahkan masalah pembelajaran pelajar-pelajar tersebut dan menempatkan mereka dalam program pendidikan khas untuk menangani keperluan khas mereka dengan lebih baik.

Saringan LINUS dan entri data pelajar telah dilaksanakan oleh guru sekolah masing-masing kerana merekalah individu yang terbaik untuk menilai pencapaian pelajar mereka. Langkah ini sejajar dengan sasaran Kementerian Pelajaran yang ingin memastikan sistem persekolahan menuju ke arah penilaian yang lebih berasaskan sekolah. Walau bagaimanapun, kemungkinan berlaku kesilapan manusia dalam mengumpul data tersebut tidak dapat diabaikan. Kementerian akan cuba mengurangkan risiko tersebut dengan pemantauan yang berterusan terhadap program LINUS.

FasiLINUS membuat pemantauan dengan mengadakan lawatan berkala ke sekolah-sekolah serta mengadakan perjumpaan dengan guru-guru. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) juga memastikan keandalan data dengan mengadakan pemeriksaan dua kali setahun. Ini juga membolehkan kementerian memperoleh maklum balas berkaitan dengan program LINUS, seterusnya menambah baik usaha-usaha murni tersebut.

Melalui laporan pemeriksaan LINUS JNJK, terdapat kemungkinan sesetengah pelajar Arus Perdana (celik huruf dan angka) tidak sepatutnya dikategorikan sedemikian dan juga sebahagian guru-guru pemulihan memerlukan latihan tambahan untuk menangani pelajar LINUS tegar. Melangkah ke tahun 2012, kementerian akan menangani masalah ini dengan memperkenalkan program intervensi khusus yang bersesuaian. Semua pelajar Tahun 2 dan 3 akan menjalani saringan LINUS khusus untuk mengenal pasti pelajar Arus Perdana yang lemah dan mereka akan diberi bantuan tambahan yang diperlukan supaya mereka boleh berjalan seiring dengan rakan sebaya mereka. Guru-guru pemulihan akan diberi lebih banyak latihan, dengan memanfaatkan kepakaran yang ditawarkan oleh institut latihan perguruan awam dan swasta.



Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



LINUS bermanfaat kepada guru dan pelajar

Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS), yang diperkenalkan sebagai sebuah bidang fokus NKRA Pendidikan, bertujuan menyediakan asas yang kukuh dalam kemahiran membaca dan mengira asas dalam tempoh tiga tahun pertama pendidikan sekolah rendah. Pelajar menjalani proses saringan tiga tahun sekali untuk mengenal pasti pelajar yang mengalami masalah pembelajaran dalam membaca, menulis dan aritmetik asas.

Pelajar yang didapati bermasalah dalam bidang ini didaftarkan ke dalam sama ada kelas pemulihan khusus LINUS atau program Pendidikan Khusus bagi mereka yang mempunyai masalah pembelajaran. Matlamat program ini adalah untuk mencapai kadar 100% literasi dan numerasi dalam kalangan pelajar Tahun 3 Sekolah rendah pada tahun 2012.

Guru-guru telah pun menyaksikan hasil yang positif daripada inisiatif NKRA pendidikan. Guru SK Haji Sahlan, Zainol Ariffin berkata dia dan rakan guru yang lain telah menyaksikan peningkatan yang nyata dalam kemahiran literasi para pelajar mereka. Pelajar yang dahulunya separa celik huruf kini mendapati membaca sesuatu yang lebih mudah, menurut beliau.


“Program LINUS mempunyai ukuran yang baik yang membolehkan kita melihat secara langkah demi langkah kemajuan para pelajar kita, membolehkan kita untuk menentukan sama ada mereka telah meningkat maju atau pun tidak. Ada seorang pelajar lelaki yang sebelum ini tidak mampu untuk lulus dalam peperiksaan kini berada pada kedudukan yang pertama dalam kelas selepas melalui program ini,” tambahnya.

Pencapaian Sekolah Berprestasi Tinggi

Sebanyak 32 buah sekolah telahpun memperoleh status SBT pada tahun 2011 sebagai tambahan kepada 20 SBT yang telah dikenal pasti pada tahun 2010. Malaysia kini mempunyai 52 SBT yang diiktiraf sebagai sekolah terbaik negara. Bagi memastikan standard institusi pendidikan terbaik Malaysia dikekalkan, kementerian telah meningkatkan tahap autonomi masing-masing, tetapi pada masa yang sama, menuntut tahap akauntabiliti terhadap pencapaian pelajar yang lebih tinggi. Bantuan kewangan sebanyak RM700,000 diberikan kepada setiap SBT supaya masing-masing dapat mengekalkan pencapaian cemerlang dan terus meningkatkan standard untuk sekolah-sekolah lain.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Sekolah Berprestasi Tinggi: 52 sekolah telah dianugerahkan status SBT sejak tahun 2010



32 SBT yang dikenal pasti pada tahun 2011 terdiri daripada 12 buah sekolah rendah dan 20 buah sekolah menengah. Sasaran kementerian adalah untuk menganugerahkan status SBT kepada 50 buah sekolah lagi menjelang akhir tahun 2012, menjadikan jumlah keseluruhannya kepada 100 SBT. Dengan mewujudkan budaya yang berpandukan pencapaian dan memberikan insentif kepada pencapaian cemerlang, sekolah dalam Band 1 akan bersaing antara satu sama lain untuk menjadi sebahagian daripada kumpulan SBT yang berikutnya, seterusnya memenuhi objektif meningkatkan pencapaian kesemua sekolah Malaysia.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



Senarai 32 Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang dipilih, tambahan kepada 20 SBT sedia ada

12 SBT Sekolah Rendah

	Nama Sekolah	Lokasi
1	SK Sultan Ismail	Terengganu
2	SK Setiawangsa	Kuala Lumpur
3	SJK(C) Perempuan China	Pulau Pinang
4	SK(P) Methodist Kuantan	Pahang
5	SK Ulu Lubai	Sarawak
6	SJK(C) Lick Hung	Selangor
7	SK Seri Biram	Pahang
8	SK Sultan Ahmad Tajuddin	Kedah
9	SK Jalan 3	Selangor
10	SK Convent Muar	Johor
11	SK Seksyen 9, Shah Alam	Selangor
12	SJK(C) Tung Hua, Sibu	Sarawak

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Senarai 32 Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang dipilih, tambahan kepada 20 SBT sedia ada (sambungan)

20 SBT Sekolah Menengah

	Nama Sekolah	Lokasi
1	SM Sains Tengku Abdullah	Pahang
2	SM Sains Muar	Johor
3	SM Sains Seri Puteri	Kuala Lumpur
4	SM Sains Alam Shah	Kuala Lumpur
5	SMK Jalan Empat	Selangor
6	SBPI Kubang Pasu	Kedah
7	SM Sains Miri	Sarawak
8	SM Sains Selangor	Kuala Lumpur
9	Sekolah Tuanku Abdul Rahman	Perak
10	SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra	Kelantan
11	SPBI Gombak	Selangor
12	SBPI Tun Abdul Razak	Pahang
13	SM Imtiaz Besut	Terengganu
14	SM Sains Tuanku Munawir	Negeri Sembilan
15	SM Sains Sabah	Sabah
16	SM Sains Kuala Selangor	Selangor
17	SMK Lembah Bidong	Terengganu
18	SM Sains Kuching	Sarawak
19	SM Agama Persekutuan Labu	Negeri Sembilan
20	SMKA Naim Lilbanat	Kelantan

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Perkembangan Tawaran Baru

Pada tahun 2010, kira-kira 7.7% guru besar sekolah rendah telah diberi ganjaran Tawaran Baru, iaitu melebihi sasaran 2%. Bagi tahun 2011, kementerian telah menaikkan lagi sasaran untuk memberikan ganjaran kepada 3% guru besar dan pengetua terbaik. Bagi sekolah rendah, 403 atau 5.23% guru besar telah diberi anugerah tersebut, lantas membuktikan bahawa warga perguruan telah pun dimotivasikan oleh insentif Tawaran Baru. Oleh sebab keputusan Tawaran Baru bagi sekolah menengah hanya akan diketahui pada Mei 2012, kami membandingkan sasaran 2010 dengan pencapaian 2010. Seajar dengan sasaran 2% pengetua sekolah menengah yang melepasi sasaran pada tahun 2010, sebanyak 4% atau 92 orang pengetua telah menerima anugerah Tawaran Baru.

NKPI Tawaran Baru juga mengenal pasti guru besar dan pengetua sekolah berprestasi terendah. Mereka yang telah dikenal pasti akan diberi latihan untuk membantu mereka meningkatkan prestasi masing-masing. Pada tahun 2010, sebanyak 1.83% guru besar tidak mencapai sasaran, berbanding dengan sasaran 10% yang telah ditetapkan pada tahun 2010. Pada tahun 2011, kementerian menurunkan lagi sasaran tersebut kepada tidak melebihi 8% guru besar yang tidak mencapai sasaran, dan kementerian telah mencapai 1.17% dalam kalangan guru besar. Bagi sekolah menengah, sasaran pada tahun 2010 adalah untuk mempunyai tidak lebih 10% pengetua sekolah menengah yang tidak mencapai sasaran – namun begitu 10.89% pengetua telah tidak mencapai sasaran. Walaupun tidak mencapai sasaran, kementerian yakin bahawa ia boleh mencapai sasaran untuk tahun 2012, memandangkan pengurangan ketara bilangan sekolah dalam Band 6 dan 7 di bawah inisiatif SIP.

Di bawah NKPI Tawaran baru, 9,814 sekolah rendah dan menengah telah diberikan penarafan buat kali kedua. Menggunakan skor komposit yang mengukur kecemerlangan akademik dan pencapaian holistik, sekolah dikategorikan kepada tujuh band, daripada band berprestasi terbaik (Band 1) kepada band berprestasi terendah (Band 7). Ranking



Sumber: Ranking Sekolah, 2010



Sumber: Ranking Sekolah, 2011

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar




sekolah bukan hanya bertujuan menambah akauntabiliti kepada pemimpin sekolah, tetapi juga bagi membantu Kementerian Pelajaran mengenal pasti sekolah yang memerlukan sokongan tambahan serta membantu pihak yang berkepentingan menentukan peningkatan tahunan setiap sekolah di seluruh negara.

Pelancaran Program Pembangunan Prestasi Sekolah

Di bawah inisiatif SIP, terdapat dua NKPI baharu untuk tahun 2011. Pertama, untuk mengurangkan bilangan sekolah berprestasi terendah (Band 6 dan 7) sebanyak 20% berbanding dengan tahun sebelumnya, dan kedua, untuk meningkatkan bilangan sekolah berprestasi tertinggi (Band 1 dan 2) sebanyak 8% berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada tahun pertama pelaksanaannya, inisiatif SIP telah mencapai pengurangan dalam bilangan sekolah Band 6 dan 7 sebanyak 40.25% manakala bilangan sekolah Band 1 dan 2 pula mencapai peningkatan sebanyak 21.86%.

Trend Ranking Sekolah 2009-2010: Rendah dan Menengah



- Membangunkan sebuah sistem data berasaskan laman sesawang pada peringkat nasional bagi semua sekolah kerajaan - **Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah**
- Sistem sokongan dan garis perkhidmatan:
 - **Rakan Sekolah** > memberikan bimbingan kepada Guru Besar berprestasi rendah
 - **Pembimbing Pakar** > guru yang cemerlang membantu guru berprestasi rendah meningkatkan kemahiran mengajar mereka

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



Dengan pengenalan Alat Penambahbaikan Sekolah (SIT) di bawah SIP pada tahun 2010, setiap guru besar dan pengetua telah diberi alat untuk mengenal pasti kelemahan di sekolah masing-masing dan memohon bantuan yang diperlukan daripada Kementerian Pelajaran, ibu bapa, guru-guru, dan masyarakat agar semua isu dapat ditangani segera. Sekolah berprestasi terendah dalam Band 6 dan 7 juga diberi bantuan khusus daripada partners dengan penetapan rakan-rakan kongsi bagi sekolah-sekolah di bawah kategori tersebut.

KEBERHASILAN

Setelah dua tahun NKRA Pendidikan dilancarkan, inisiatif-inisiatifnya bukan sahaja memberikan impak kepada sekolah, guru dan pelajar, malah juga memberikan impak kepada ibu bapa, rakyat serta peserta industri pendidikan umumnya. Sebagai contoh, dari bulan September hingga November 2011, siri jelajah (*road show*) prasekolah untuk pengusaha prasekolah swasta dan peserta industri pendidikan untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang insentif dan faedah yang ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran kepada sektor swasta telah dijalankan. Inisiatif tersebut telah mendapat sambutan baik daripada pengusaha swasta yang hadir. Mereka terutamanya berminat terhadap latihan guru prasekolah dan geran pelancaran prasekolah menunjukkan keyakinan tinggi mereka terhadap usaha kementerian untuk meningkatkan bilangan prasekolah berkualiti.

Inisiatif prasekolah hasilkan keputusan yang praktikal

Inisiatif NKRA berkaitan dengan pendidikan prasekolah telah mendapat sambutan menggalakkan. Pengetua Tadika Wawasan Ranau di Sabah, San Yuk Ching berkata dia telah memperoleh maklum balas yang baik daripada ibu bapa dan pelajar. “Kami telah menerapkan gaya pengajaran ‘belajar dan bermain’ dan menyaksikan perkembangan pada diri pelajar dengan berlalunya masa beberapa bulan. Pada awalnya, banyak antara mereka yang tidak tahu bagaimana untuk menggunakan pensil, bersosial atau menggunakan tandas - mereka masih menggunakan lampin. Pada pertengahan tahun, kanak-kanak ini telah berhenti memakai lampin dan datang ke sekolah tanpa dipaksa oleh ibu bapa mereka.”

“Saya berpendapat kerajaan sedang melakukan perkara yang betul dan kita sedang membantu pelajar membesar dalam hala tuju yang betul. Rancangan saya pada tahun ini adalah untuk memohon Jabatan Pendidikan Negeri bagi perkaedahan, kursus dan idea baharu tentang bagaimana hendak menangani kanak-kanak autistik dan berkeperluan khas,” tambah San.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Dalam Program LINUS kami telah mewujudkan kesedaran di kalangan rakyat tentang betapa pentingnya mempunyai kemahiran asas literasi dan numerasi agar tiada kanak-kanak yang tercicir dalam pendidikan. Selain usaha kementerian untuk menangani pelajar buta huruf dan angka melalui saringan LINUS dan kelas pemulihan, guru-guru dan sekolah-sekolah juga telah memberikan lebih penekanan kepada LINUS dengan memantau secara berterusan setiap perkembangan pelajar dan menekankan kepentingan LINUS kepada ibu bapa sejak hari pertama persekolahan. Dengan adanya berita melalui media massa, rakyat menjadi lebih peka akan kepentingan mencapai kadar 100% dalam literasi dan numerasi.

SBT, Tawaran Baru dan inisiatif SIP telah memberikan impak yang besar kepada guru-guru kerana mereka kini lebih bermotivasi dan lebih fokus untuk meningkatkan prestasi. Jika dibandingkan dengan ranking sekolah tahun 2009, ranking sekolah tahun 2010 telah menunjukkan peningkatan yang besar. Lebih banyak sekolah telah melonjak keluar daripada band sekolah berprestasi rendah dan menyertai band prestasi yang lebih tinggi. Melalui media massa dan Booklet SIP (terbitan kementerian), kisah-kisah kejayaan sekolah ditonjolkan untuk terus memberi inspirasi kepada guru-guru dan sekolah-sekolah. Sekolah berprestasi rendah terutamanya, memperoleh bantuan daripada kementerian dari segi mentor dan pembimbing sekolah. Guru-guru dan pengetua SBT juga berfungsi sebagai mentor bagi sekolah-sekolah berhampiran dan membantu dalam meletakkan standard yang lebih tinggi untuk rakan-rakan mereka.



Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

Berbanding dengan tahun sebelumnya, tahun 2011 merupakan tahun yang lebih mencabar bagi NKRA Pendidikan. Walaupun Kementerian Pelajaran menghadapi pelbagai cabaran dalam memulakan inisiatifnya pada tahun 2010, iaitu tahun pertama pelaksanaan NKRA, kementerian juga menikmati beberapa kejayaan yang pastinya telah membantu dalam mencapai sasarannya.

Pada tahun kedua pelaksanaannya, NKRA Pendidikan menghadapi kesukaran dari aspek-aspek berikut:


Kesukaran dalam sistem enrolmen prasekolah

Untuk mengukuhkan pengurusan dan pelaksanaan pendidikan prasekolah berkualiti, kementerian telah melancarkan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) untuk mengumpul data daripada institusi prasekolah dan juga pelajar. Walau bagaimanapun, kementerian hanya berjaya mencapai kadar enrolmen sebanyak 77.23% berbanding dengan sasaran tahun 2011 sebanyak 80%. Pelaksanaan inisiatif berskala besar seumpama ini terbukti merupakan sesuatu yang amat mencabar. Meskipun tidak terdapat masalah dalam mendapatkan maklumat daripada prasekolah awam, namun agak sukar mengumpul maklumat dari prasekolah swasta. Setelah diselidik dengan lebih mendalam, kementerian mendapati perkara-perkara seperti integriti data perlu diberikan perhatian dan diambil tindakan. Kementerian komited untuk memperbaiki perkara tersebut kerana kementerian yakin SMPK akan memberikan faedah kepada seluruh industri ECCE.

Untuk menggalakkan penglibatan pengusaha prasekolah swasta dalam penggunaan SMPK, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif. Pada tahun 2011, kementerian telah mengiklankan insentif-insentif yang disediakan kepada pengusaha swasta, iaitu satu langkah yang tidak pernah dilakukan oleh kementerian sebelum ini. Langkah ini disusuli dengan siri jelajah di seluruh negara untuk menghebahkan kepada pengusaha pendidikan tentang kepentingan dan kelebihan penggunaan SMPK.

Seterusnya, penggunaan SMPK oleh pengusaha prasekolah mungkin akan dijadikan prasyarat untuk pembaharuan lesen prasekolah. Tambahan pula, pada tahun 2012, Kementerian Pelajaran akan menjalankan kaji selidik enrolmen prasekolah di kalangan semua pelajar Tahun 1. Kaji selidik tersebut akan membolehkan kementerian membuat triangulasi dan mengesahkan data kadar enrolmen prasekolah tahun 2011.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



Iklan akhbar mempromosikan penggunaan SMPK kepada pengusaha prasekolah sambil menyerahkan pelbagai insentif yang disediakan untuk mereka.

Kesukaran mengesahkan kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran

Meskipun Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan telah berjaya bekerjasama untuk membangunkan sebuah instrumen untuk mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran dalam masa yang singkat, kementerian masih menghadapi beberapa kesukaran untuk melancarkan inisiatif tersebut. Pada masa ini, hanya ibu bapa atau penjaga kanak-kanak berkenaan dibenarkan membawa kanak-kanak tersebut kepada pakar perubatan untuk pengesahan. Malangnya, seperti yang dijangka, sebahagian ibu bapa dan penjaga keberatan untuk menghantar anak-anak untuk pengesahan, mahupun membenarkan anak-anak mereka ditempatkan dalam kelas pendidikan khas. Kekurangan pakar perubatan untuk dihantar ke sekolah-sekolah juga menjadi penghalang untuk menggerakkan inisiatif ini.

Kesedaran ibu bapa dan penjaga adalah sangat penting untuk memastikan tiada kanak-kanak yang tercicir dalam mendapatkan pendidikan asas. Sehubungan dengan itu, guru-guru dan sekolah telah berusaha melibatkan ibu bapa sejak hari pertama orientasi sekolah. Dari semasa ke semasa, Pejabat Pelajaran Daerah akan mengadakan program kesedaran tentang inisiatif tersebut. Kementerian juga menjalankan beberapa siri kempen kesedaran tentang masalah pembelajaran melalui media, untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dengan lebih agresif. Seterusnya, usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran berterusan orang ramai diperlukan untuk memenuhi semua keperluan pendidikan pelajar-pelajar istimewa secara berkesan.

Kelemahan dalam penggunaan sistem penilaian sekolah

Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) bertujuan untuk berfungsi sebagai penambahbaik kepada Alat Penambahbaikan Sekolah (SIT) yang sedia ada, namun tempoh yang diperuntukkan kepada pengguna dan ujian beta yang tidak mencukupi sebelum SAPS dilancarkan di seluruh negara. Hasilnya, kementerian menerima banyak maklum balas yang negatif daripada guru-guru dan sekolah-sekolah. Keadaan ini pada hakikatnya boleh dielakkan sekiranya SAPS diuji sepenuhnya sebelum ia dilancarkan. Sebagai respons, kementerian bertindak segera untuk memperhalusi SAPS dan melanjutkan waktu untuk melengkapkan data SAPS. Melalui penglibatan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (KPPK) dan pengendalian sesi penglibatan pengguna (*"user engagement sessions"*) di beberapa buah sekolah, kelemahan awal ini telah dapat diatasi.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Pengesahan LINUS oleh Jemaah Nazir Sekolah

Untuk memastikan kejayaan program LINUS, Jemaah Nazir Sekolah melaksanakan pemantauan, penyeliaan dan penilaian berterusan terhadap program LINUS. Ia penting kerana program tersebut merupakan sebuah program yang amat penting dan berskala besar. Program tersebut juga melibatkan semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, Pejabat Pelajaran Daerah, dan Jabatan Pelajaran Negeri serta memberikan impak kepada pelajar Tahun 1 hingga Tahun 3. Melalui laporan pemeriksaan Jemaah Nazir Sekolah LINUS, terdapat tanda-tanda yang menggambarkan bahawa sebahagian pelajar Arus Perdana (celik huruf dan angka) tidak sepatutnya dikategorikan sedemikian selain terdapat guru-guru pemulihan yang memerlukan latihan tambahan. Meskipun Jemaah Nazir Sekolah telah menyediakan empat laporan, masih belum ada tindakan berkesan yang diambil. Pada tahun 2012, kami akan menangani masalah ini melalui program intervensi seperti saringan khas LINUS untuk mengenal pasti pelajar Arus Perdana yang lemah. Pada masa yang sama, kami juga akan memberikan latihan tambahan kepada guru-guru pemulihan.

IKTIBAR YANG DIPELAJARI

Pengajaran paling utama daripada pelaksanaan NKRA Pendidikan tahun ini ialah betapa pentingnya integriti data dalam semua aktiviti yang dilakukan. Sebahagian data tidak tersedia dan sukar diperoleh dan hal yang demikian menyebabkan kesukaran dalam melaksanakan beberapa inisiatif. Contohnya, data tentang lokasi dan status operasi prasekolah tidak dikemaskinikan sepenuhnya.- lantas menuntut kementerian, dengan bantuan Jabatan-Jabatan Pelajaran Negeri dan Daerah, turun padang untuk menyemak semula data berkenaan. Pengesahan data dan mekanisme “*check and balance*” perlu diwujudkan untuk memastikan data yang digunakan dalam pengukuran NKPI adalah andal dan komprehensif. Kementerian, dalam hal ini, kekal komited untuk menyediakan dan mengemas kini ketepatan data secara berterusan demi mendukung ketelusan dan juga akauntabiliti.

Dalam usaha untuk mengumpul data enrolmen ke dalam Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK), Kementerian Pelajaran dan PEMANDU telah mengambil pendekatan dari pelbagai sudut untuk menggalakkan pengusaha prasekolah mengisi pangkalan data SMPK. Ini termasuklah menghubungi pengusaha prasekolah swasta melalui panggilan telefon, mengadakan siri jelajah maklumat ke seluruh negara, dan menerbitkan iklan untuk memaklumi pengusaha tentang insentif-insentif yang ada. Langkah ini mendedahkan tentang betapa sukar dan rumitnya mengumpulkan data dari ribuan sekolah di seluruh Malaysia, terutamanya dari kawasan luar bandar dan pedalaman dengan akses kepada kemudahan internet atau telefon yang minimum atau hampir tiada sama sekali.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Kementerian sedar bahawa terdapat keperluan segera untuk meningkatkan penyertaan ibu bapa dan penjaga serta mewujudkan kesedaran dalam kalangan golongan ini tentang betapa pentingnya memiliki kemahiran asas membaca, menulis dan mengira, juga pentingnya mengenal pasti sebarang masalah pembelajaran. Walaupun usaha guru dan sekolah sehingga kini harus diberikan pujian, rakyat sebagai ibu bapa dan penjaga juga harus memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan pendidikan kanak-kanak. Kementerian juga telah menerbitkan rencana dan kisah berkaitan dengan LINUS dan masalah pembelajaran sejak September 2011, dan akan meneruskannya pada tahun ini.

MELANGKAH KE TAHUN 2012

SASARAN NKPI TAHUN 2012

Bagi tahun 2012, sasaran telah dinaikkan lagi berbanding dengan sasaran tahun 2011.

- Prasekolah: Untuk meningkatkan kadar enrolmen kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ seluruh negara daripada 80% pada tahun 2011 kepada 87% pada tahun 2012
 - LINUS: Untuk meningkatkan kadar literasi dan numerasi kanak-kanak Tahun 3 kepada 100%, berbanding dengan sasaran 95% untuk kanak-kanak Tahun 2 pada 2011
 - Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT): Untuk mengenal pasti dan menganugerahkan status SBT kepada 50 buah sekolah lagi, sebagai tambahan kepada 52 buah sekolah yang telah dianugerahkan pada tahun 2010 dan 2011
 - Tawaran Baru: Untuk memperluas Tawaran Baru kepada 4% pemimpin sekolah pada 2012, berbanding dengan hanya 3% pemimpin sekolah pada tahun 2011; dan mengurangkan bilangan guru besar dan pengetua berprestasi di bawah sasaran Tawaran Baharu kepada kurang 6%, berbanding dengan kurang 8% pada tahun 2011. Akan tetapi, disebabkan keputusan Tawaran Baru untuk sekolah menengah hanya akan diketahui selepas pengumuman keputusan SPM pada Mei 2013, kami cuma melaporkan pencapaian sekolah menengah untuk tahun 2011
 - Program Pembangunan Prestasi Sekolah untuk sekolah berprestasi terendah: Untuk mengurangkan bilangan sekolah dalam Band 6 dan 7 pada tahun 2011 sebanyak 20%
 - Program Pembangunan Prestasi Sekolah untuk sekolah berprestasi tinggi: Untuk menambah bilangan sekolah dalam Band 1 dan 2 pada tahun 2011 sebanyak 8%
-

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Mulai tahun 2012, NKRA Pendidikan akan menganjakkan fokusnya kepada meningkatkan mutu selain menambah baik akses dalam sistem pendidikan keseluruhan. Inisiatif sedia ada akan dilengkapi dengan satu siri inisiatif baharu yang mencakupi:

- Penarafan semua guru institut latihan perguruan dengan penunjuk yang jelas berkaitan dengan cabaran dan ruang untuk penambahbaikan usaha bagi meningkatkan mutu pengajar
- 15 inisiatif baharu di bawah KPI Penambahbaikan Mutu Pengajar untuk meningkatkan mutu tenaga kerja pengajar (ini termasuklah pengambilan bekerja yang lebih baik, kemajuan kerjaya berasaskan kompetensi dan juga latihan yang bertambah baik)
- Penilaian yang komprehensif berkaitan dengan sistem pendidikan yang diarahkan oleh Kementerian Pelajaran dan perlu dikendalikan oleh sebuah panel luar yang merupakan peneraju industri dan akademik
- Lebih banyak usaha dan sumber yang disasarkan kepada kumpulan tertentu kanak-kanak
- Sesi saringan LINUS khas
- Pemberian sepenuhnya autonomi sekolah tambahan bagi SBT (contohnya keupayaan untuk memilih 20% pelajar masing-masing, membenarkan program fast-track dan pemindahan kredit)
- Pengenalan indeks berwujud untuk ranking sekolah dengan masalah yang pelbagai;
- Integrasi semua pangkalan data dalam sebuah pusat data sehenti yang tunggal untuk memudahkan analisis

Mendekati Inisiatif 2012

Berdasarkan sasaran baharu yang ditetapkan untuk 2012, Pasukan NKRA Pendidikan bertekad untuk meneruskan inisiatif sedia ada dengan lebih baik lagi memandangkan ini adalah tahun terakhir Fasa 1 GTP. Bagi program Prasekolah, tahun 2012 akan menyaksikan Pasukan terus melengkapkan lagi inisiatif NKEA untuk menambahkan bilangan (*“scale-up”*) pengusaha prasekolah swasta, memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh pengusaha swasta dalam penyediaan pendidikan awal kanak-kanak.

2012 juga merupakan tahun bagi kementerian untuk menyasarkan pencapaian 100% kemahiran asas literasi dan numerasi dalam kalangan pelajar Tahun 3. Sehingga kini, keputusan memberangsangkan telah diperoleh, iaitu kadar literasi 97.5% dan kadar numerasi 98.6% pada tahun 2011. Hanya sebilangan kecil sahaja lagi pelajar yang belum mempunyai kemahiran asas literasi dan numerasi, justeru segala sumber dan usaha boleh ditumpukan khusus kepada kumpulan kanak-kanak tersebut. Pada masa yang sama, kementerian akan memastikan kanak-kanak Tahun 1 dan Tahun 2 turut mencapai sasaran literasi dan numerasi masing-masing, iaitu 90% dan 95% dengan menyediakan latihan tambahan kepada guru-guru LINUS bagi meningkatkan kemahiran pembelajaran dan pengajaran. Kementerian juga akan memperkenalkan beberapa program intervensi khusus yang baharu untuk memastikan pendidikan berkualiti, seperti saringan khas LINUS untuk mengenal pasti pelajar Arus Perdana yang lemah, dan memberikan latihan tambahan kepada guru-guru pemulihan.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Bagi inisiatif SBT pula, kementerian akan mengenal pasti 50 buah sekolah lagi sebagai tambahan kepada 52 SBT yang sedia ada. Pada tahun 2012, kementerian akan memberikan autonomi tambahan termasuklah membenarkan SBT untuk memilih 20% pelajar mereka, melaksanakan program “fast track” untuk pelajar sekolah rendah dan program pemindahan kredit untuk pelajar sekolah menengah.

Kementerian juga akan meneruskan ranking tahunan kepada semua sekolah bagi memotivasikan guru besar dan pengetua serta guru-guru untuk terus meningkatkan prestasi mereka, dan dengan demikian meningkatkan lagi standard keseluruhan sistem persekolahan Malaysia.

Sungguhpun kementerian Pelajaran telah menghasilkan keputusan yang membanggakan setakat ini, kementerian nekad untuk tidak mudah berpuas hati, sebaliknya akan memperhebat lagi usaha untuk menghasilkan keputusan yang lebih mantap di bawah NKRA Pendidikan. Dengan mempertingkatkan pencapaian pelajar, dan memberikan peluang pendidikan yang berkualiti kepada semua kanak-kanak Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan taraf pendapatan, kementerian berusaha membina asas yang kukuh untuk generasi masa hadapan, dan seterusnya menjamin masa hadapan negara.



**Mempertingkatkan
Taraf Kehidupan
Isi Rumah
Berpendapatan
Rendah**



Bersama
Memperkasakan masyarakat
luar bandar

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil

Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

“Kualiti hidup sebahagian besar rakyat Malaysia telah meningkat dengan ketara melalui pelbagai pelan ekonomi yang dilaksanakan sejak 40 tahun yang lalu. Hasil pelbagai usaha tersebut, hanya kurang 4% rakyat Malaysia yang masih hidup dalam kemiskinan pada hari ini. Untuk merapatkan jurang perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama kementerian serta agensi lain kini membantu golongan miskin menjana pendapatan melalui program 1AZAM. Selain bantuan kewangan, kami turut menawarkan isi rumah berpendapatan rendah pelbagai wahana untuk menjadi lebih produktif dengan memberi mereka pelbagai kemudahan dan juga latihan kemahiran dan motivasi. Sebagai Menteri Peneraju, saya akan memastikan semua inisiatif dan sasaran ini dilaksanakan secara berkesan. Untuk mempercepat usaha ini, saya menyeru semua rakyat Malaysia membantu kami mengenal pasti dan mendaftarkan keluarga yang memerlukan bantuan. Seiring dengan langkah negara bergerak maju ke hadapan, kami akan terus bekerja keras untuk memastikan tiada seorang pun rakyat Malaysia yang tercicir atau dibiarkan ketinggalan.”



Kejayaan mengurangkan jurang perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin

Sungguhpun Malaysia telah berjaya mencapai kemajuan yang luar biasa dalam menangani kemiskinan sejak pelancaran Rancangan Malaysia Pertama pada tahun 1970, namun masih terdapat kurang 4% rakyat yang diklasifikasikan sebagai penduduk miskin. Untuk merapatkan jurang perbezaan ekonomi rakyat Malaysia yang kaya dengan yang kurang bernasib baik, Inisiatif Mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah atau NKRA LIH telah dilaksanakan. Di bawah NKRA ini, Kementerian Peneraju, iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama kementerian dan agensi lain telah menetapkan sasaran yang tinggi untuk membasmi 44,643 isi rumah miskin tegar sebelum berakhirnya tahun 2010 dan seterusnya mengurangkan kemiskinan antara tahun 2010 dan 2012.

Setelah mencapai sasaran mengeluarkan lebih 44,000 isi rumah daripada kategori miskin tegar pada tahun lepas, tahun 2011 menyaksikan KPWKM menumpukan usaha ke arah NKPI baharu dengan memastikan lebih banyak penglibatan isi rumah miskin dalam program 1AZAM (Akhir Zaman Miskin). Program 1AZAM tertumpu pada usaha mewujudkan peluang ekonomi yang meningkatkan keupayaan produktiviti isi rumah berpendapatan rendah supaya mereka dapat membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan dan mampu memperoleh pendapatan dengan usaha sendiri. Meskipun program 1AZAM ini bermula agak perlahan di samping beberapa halangan yang perlu dihadapi terutamanya di Sabah dan Sarawak, program ini telah memperlihatkan kemajuan yang memberangsangkan. Program ini bertambah rancak pada pertengahan tahun 2011, dengan kementerian berjaya melepasi sasaran untuk memastikan 57,793 isi rumah miskin daripada jumlah yang berdaftar menyertai program 1AZAM sebelum akhir tahun 2011.

Tahun 2011 ini juga menyaksikan satu lagi NKPI baharu diperkenalkan, iaitu memastikan semua kes tertunggak berkaitan dengan verifikasi eKasih diproses (eKasih merupakan pangkalan data tunggal untuk isi rumah berpendapatan rendah). Inisiatif 2011 ini turut diperluas untuk mencakupi golongan yang mudah terjejas dan berpendapatan rendah manakala golongan yang terpinggir (seperti bekas penagih dadah, bekas banduan dan pesakit HIV-AIDS) yang mudah terjerumus ke dalam perangkap kemiskinan telah turut dirangkumkan.

Pada akhir tahun 2011, beberapa halangan telah berjaya diatasi dan hampir semua sasaran NKPI berjaya dicapai. Sebagai tambahan kepada 2,000 orang usahawan wanita yang dimajukan pada tahun 2010, 1,100 orang lagi usahawan wanita dimajukan pada tahun 2011. Sementara itu, bantuan perumahan untuk rakyat diteruskan melalui usaha membaik pulih rumah terbenkakai dan membina Rumah Mesra Rakyat (*People-Friendly Homes*) untuk isi rumah berpendapatan rendah.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Hasil usaha bersepadu antara KPWKM dengan kementerian dan agensi lain, kejayaan besar yang berikut telah dicapai:

KEJAYAAN BESAR

- Penyertaan 63,147 isi rumah miskin dalam program 1AZAM
- 317,359 atau 96% kes tertunggak berkaitan dengan verifikasi eKasih berjaya diproses
- 1,100 orang usahawan wanita dimajukan

Melangkah ke hadapan, KPWKM kekal komited untuk memastikan usaha pengurangan isi rumah berpendapatan rendah terus kukuh dan benar-benar terlaksana sementara taraf hidup golongan miskin dan yang mudah terjejas sama ada di bandar mahupun di luar bandar dapat ditingkatkan.

TINJAUAN KESELURUHAN

Memastikan tiada seorang pun rakyat Malaysia yang tercicir

Dalam Human Development Report 2011 (HDR 2011) terkini yang dikeluarkan oleh *United Nations Development Programme (UNDP)* pada November 2011, Malaysia kekal diklasifikasikan sebagai negara “*high human development*”. Malaysia diberi ranking ke-61 daripada sejumlah 185 ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) oleh Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index, HDI*) 2011. Malahan sejak sekian lama, PBB dan Bank Dunia menjadikan Malaysia sebagai negara contoh dalam pengurusan dan pengurangan kemiskinan.

Sejak pelancaran Rancangan Malaysia Pertama pada tahun 1970, kemiskinan di seluruh negara telah berjaya dikurangkan daripada 50% pada tahun tersebut kepada 3.8% pada tahun 2009. Pelbagai program dan inisiatif yang dilaksanakan menyaksikan Malaysia mencapai Objektif Pembangunan Millennium (*Millennium Development Goal*) berkaitan dengan kemiskinan lebih awal dari tempoh yang diunjurkan pada tahun 2015. Namun di sebalik usaha Malaysia yang gigih dan kukuh dalam membanteras kemiskinan sejak tahun 1970 lagi, kurang 4% rakyat masih diklasifikasikan sebagai penduduk yang hidup dalam kemiskinan.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Walaupun pelbagai langkah sedang dilaksanakan secara intensif untuk memastikan Malaysia menjadi negara maju sepenuhnya pada tahun 2020, namun masih terlalu banyak lagi kerja keras yang perlu dilaksanakan untuk memastikan tiada sesiapa pun antara rakyat Malaysia yang dibiarkan tercicir dan ketinggalan. Kemungkinan besar jurang perbezaan ekonomi antara yang kaya dengan yang kurang bernasib baik akan menjadi semakin lebar dan akan wujud kelompok penduduk yang ketara terpinggir daripada menikmati faedah pertumbuhan ekonomi, sekiranya isu kemiskinan ini tidak ditangani dengan segera.

Malah, sungguhpun isu tersebut dapat ditangani, masih terdapat keperluan mendapatkan keseimbangan antara ukuran jangka pendek yang hanya menghulurkan bantuan secara terus kepada golongan yang memerlukan dengan ukuran jangka panjang bagi mewujudkan peluang ekonomi supaya mereka dapat berdikari dalam meneruskan kehidupan. Justeru, dengan menumpukan usaha kami bukan untuk memberikan bantuan semata-mata sebaliknya mendidik mereka untuk berdiri di atas kaki sendiri, kami akan berjaya memberi bantuan sepanjang hayat kepada mereka.

OBJEKTIF NKRA LIH

NKPI Tahun 2011

Objektif keseluruhan NKRA LIH adalah untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah. Pada tahun 2011, KPWK telah memperuntukkan bantuan kepada isi rumah berpendapatan rendah selain memberi mereka pelbagai peluang untuk membantu diri sendiri dan meningkatkan produktiviti melalui program 1AZAM. Selain itu, kementerian melatih usahawan wanita dan memperuntukkan bantuan perumahan. Selaras dengan langkah ini, KPWK beriltizam untuk mencapai sasaran NKPI yang berikut pada akhir tahun 2011:

Sasaran NKPI LIH 2011

- Untuk memastikan 57,793 isi rumah miskin yang berdaftar dalam pangkalan data eKasih menyertai program 1AZAM sebelum 31 Disember 2011
- Untuk melengkapkan pemprosesan 100% daripada 242,945 kes tertunggak eKasih yang didaftarkan sebelum 31 Disember 2010 sebelum Mac 2011 dan kesemua 81,930 kes tertunggak eKasih yang didaftarkan sebelum 31 Mei 2011 sebelum Disember 2011
- Untuk melatih dan membangunkan 1,000 usahawan wanita sebelum 31 Disember 2011 (kami menasaskan untuk memajukan 4,000 usahawan wanita antara tahun 2010 hingga 2012)
- Untuk terus menawarkan bantuan perumahan dengan membaik pulih 2,465 rumah terbenakalai dan membina 2,500 Rumah Mesra Rakyat di bawah program Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sebelum 31 Disember 2011

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

PESERTA UTAMA

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merupakan Kementerian Peneraju dan penyelaras untuk NKRA LIH. KPWKM bekerjasama dengan beberapa kementerian dan agensi lain untuk melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah NKRA LIH. Berikut merupakan kementerian dan agensi lain yang terlibat dengan NKRA LIH:

- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (untuk inisiatif AZAM Tani);
- Kementerian Sumber Manusia (untuk AZAM Kerja);
- Amanah Ikhtiar Malaysia (untuk AZAM Niaga AZAM Khidmat dan juga pembangunan usahawan wanita);
- Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri (bagi verifikasi eKasih);
- Kerajaan Negeri Sabah (untuk semua inisiatif; 1AZAM Sabah)
- Kerajaan Negeri Sarawak (untuk semua inisiatif; 1AZAM Sarawak)
- Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk membaik pulih rumah terbenkakai dan membina Rumah Mesra Rakyat untuk isi rumah berpendapatan rendah;
- Kementerian Kesihatan untuk program nutrisi bagi kanak-kanak kekurangan zat makanan (*malnourished*); dan
- Kementerian Pelajaran (untuk membaik pulih dan menaikkan taraf asrama sekolah daif).

Dalam memperjuangkan inisiatif AZAM Tani yang meliputi peruntukan peralatan pertanian, ternakan, biji benih dan baja, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyediakan khidmat nasihat, bimbingan dan latihan kepada para peserta. Kementerian ini dan agensinya mempunyai pengalaman, pengetahuan serta kepakaran diperlukan yang penting dalam memastikan kejayaan dan kemampunan projek pertanian dan asas tani.

Untuk inisiatif AZAM Kerja, Kementerian Sumber Manusia dan agensinya, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) menggunakan pengalaman, pengetahuan dan kepakaran mereka untuk memastikan kejayaan dan kemampunan inisiatif pepadanan/penempatan pekerjaan. Walaupun terdapat banyak kesukaran yang dihadapi pada peringkat awal pelancaran inisiatif ini, namun pada pertengahan tahun 2011, kementerian berjaya melakukan penyesuaian dan menambah baik kaedah pelaksanaannya, yang akhirnya membawa kepada penyertaan isi rumah yang mampan dan dalam jumlah yang besar di bawah AZAM Kerja.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

“Saya amat teruja untuk merealisasikan impian saya menjadi usahawan yang berjaya. Saya menggunakan dana [daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), organisasi pembiayaan kredit makro yang terbesar di Malaysia] untuk menaik taraf kedai runcit saya di pasar Kuala Pilah supaya saya boleh memberikan khidmat yang lebih baik kepada pelanggan saya. AIM memberi saya pinjaman sebanyak RM200,000. Kini, saya memperoleh RM2,000 setiap minggu dan pendapatan ini membolehkan saya membayar semula pinjaman dan memenuhi tuntutan perbelanjaan.”

- Siti Jariah Alwi, ibu kepada empat anak yang menjalankan perniagaan kedai runcit kecil bersama-sama dengan suaminya dan baru-baru ini telah membuka ladang kambing dan juga ikan.



Bagi inisiatif AZAM Niaga dan AZAM Khidmat, Amanah Ikhtiar Malaysia atau AIM dikenal pasti sebagai agensi peneraju untuk melaksanakan kedua-dua inisiatif ini yang melibatkan penyediaan mikro kredit dan latihan bagi perniagaan kecil-kecilan atau bekerja sendiri berasaskan perkhidmatan. Ini berdasarkan kadar kejayaan besar yang diraih AIM dalam menyediakan kemudahan mikro kredit dan keupayaannya dalam memastikan para peserta membayar pinjaman masing-masing secara tetap. Langkah-langkah ini bukan sahaja memastikan kemampuan inisiatif ini tetapi juga potensi pertumbuhan serta pengembangan perniagaan dan perkhidmatan oleh para peserta pada masa hadapan. KPWKM juga turut menghulurkan bantuan dalam melaksanakan inisiatif AZAM Niaga dan AZAM Khidmat. Umpamanya, para peserta diserapkan ke dalam inisiatif tersebut melalui agensi-agensi di bawah KPWKM seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan senarai nama yang telah dikenalpasti miskin oleh para pemimpin tempatan.

Inisiatif 1AZAM

Agensi pelaksana bagi inisiatif 1AZAM			
	Jenis Inisiatif 1AZAM	Keterangan	Kelolaan
	AZAM Tani	Aktiviti pertanian dan asas tani	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
 	AZAM Niaga	Perniagaan kecil-kecilan	Amanah Ikhtiar Malaysia; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
	AZAM Kerja	Pemadanan pekerjaan/ Penempatan pekerjaan	Kementerian Sumber Manusia
 	AZAM Khidmat	Perkhidmatan (bekerja sendiri)	Amanah Ikhtiar Malaysia; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
	1AZAM Sabah	AZAM Tani, Niaga, Kerja, Khidmat	Kerajaan Negeri Sabah
	1AZAM Sarawak	AZAM Tani, Niaga, Kerja, Khidmat	Kerajaan Negeri Sarawak

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Sokongan Tambahan pada peringkat negeri dan persekutuan

Di Sabah dan Sarawak, beberapa agensi negeri membantu dalam melaksanakan inisiatif NKRA LIH. Di Sabah, antara agensi yang tampil ke hadapan dan memberikan sokongan termasuk: Yayasan Usaha Maju, Jabatan Pertanian Negeri, Ko-Nelayan, Jabatan Perikanan Negeri, Koperasi Pembangunan Desa, Jabatan Hal-Ehwal Wanita, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, dan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia. Di Sarawak pula, agensi-agensi yang terlibat termasuk: Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Unit Pembangunan Usahawan Bumiputera, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC), Giatmara, Perbadanan Pembangunan Industri Kayu Sarawak, Lembaga Kemajuan Bintulu, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Jabatan Tenaga Kerja.

Untuk memastikan kejayaan NKRA LIH, pemantauan yang teliti terhadap isi rumah berpendapatan rendah menggunakan pangkalan data eKasih adalah penting. Untuk mencapai tujuan ini, semua isi rumah dalam pangkalan data eKasih telah melalui proses verifikasi yang dikendalikan oleh ICU di Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2011, kami telah memperkenalkan NKPI baharu untuk menyelesaikan kes tertunggak yang berkaitan dengan verifikasi eKasih. Aktiviti ini dilaksanakan dengan sokongan padu daripada ICU dan pihak berkuasa negeri dan daerah.

Bantuan Sektor Swasta

Selain usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan, syarikat swasta juga turut menghulurkan bantuan untuk meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah. PETRONAS umpamanya telah tampil ke hadapan melalui inisiatif Program Sentuhan Harapan yang banyak membantu meningkatkan taraf kehidupan golongan miskin.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



Mengubah kehidupan, memberi harapan

PETRONAS, melalui program pelaburan sosial korporat (CSI) yang dinamakan Program Sentuhan Harapan telah mengenal pasti dan menyediakan bantuan makanan kepada 5,000 keluarga miskin. Keluarga tersebut dipilih daripada kawasan operasi PETRONAS dan dari kawasan-kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Johor, Melaka, Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak. Semua keluarga yang terpilih untuk program ini telah mula membeli barang-barang makanan keperluan seperti beras, gula dan tepung menggunakan subsidi yang diberikan kepada mereka oleh PETRONAS melalui Kedai Mesra di 30 buah stesen minyak PETRONAS seluruh negara. Setiap keluarga (yang dikenal pasti antara bulan Julai 2010 hingga Ogos 2011) akan menerima bantuan makanan ini selama dua tahun. Semua keluarga yang terpilih di Terengganu, Kedah, Pahang, Sabah dan Sarawak juga telah menghadiri program celik kewangan, pengurusan kesihatan dan pembangunan remaja yang dikendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Program-program ini dilaksanakan bagi menimbulkan kesedaran kepada keluarga tersebut untuk memperkasakan keupayaan mereka mempertingkatkan kehidupan masing-masing.

INISIATIF

Inisiatif Utama

Tahun 2011 memperlihatkan pelaksanaan inisiatif berikut untuk mencapai sasaran NKRA LIH:

Program 1AZAM

Pada tahun 2011, satu NKPI baharu telah diperkenalkan. NKPI baharu ini menyasarkan untuk memastikan 57,793 isi rumah miskin daripada jumlah yang telah berdaftar dalam pangkalan data eKasih menyertai Program 1AZAM sebelum 31 Disember 2011. Program 1AZAM atau “Akhir Zaman Miskin” berfungsi mengimbangi polariti antara penghuluran bantuan secara terus kepada golongan yang memerlukan dengan pewujudan peluang ekonomi yang tersedia supaya mereka dapat hidup berdikari. Program ini bertujuan membebaskan isi rumah berpendapatan rendah daripada belenggu kemiskinan melalui pekerjaan, keusahawanan, penglibatan dalam aktiviti pertanian dan perkhidmatan. Program 1AZAM telah bermula pada akhir tahun 2010 dan dilaksanakan sepenuhnya pada permulaan tahun 2011.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

“Sebelum wujudnya program 1AZAM, kehidupan adalah sukar, terutamanya dengan tujuh orang anak yang masih bersekolah. Setiap bulan, apa-apa lebihan wang digunakan untuk membeli baja supaya kami dapat menanam sayur - ia merupakan kitaran berterusan yang tidak dapat membantu menambah baik keadaan kami. Jika cuaca baik, kami dapat meraih RM1,000 sebulan, tetapi menerusi 1AZAM Tani, kami boleh meraih pendapatan RM200 sehari. Jabatan Pertanian Sabah membantu kami menjual hasil keluaran kami dan kami amat berterima kasih terhadap program ini yang membantu mengurangkan bebanan kewangan kami.”

- Maimun Achoi dan Abdul Jalil, petani

Jadual berikut menyerlahkan bidang fokus utama di bawah pelbagai inisiatif 1AZAM.

PROGRAM 1AZAM	
Inisiatif Utama 1AZAM	Bidang-Bidang Tumpuan Utama
AZAM Tani	Menyasarkan golongan miskin di luar bandar. Inisiatif ini membantu golongan miskin dan miskin tegar untuk melibatkan diri dalam perniagaan asas tani seperti ternakan ayam itik dan akuakultur melalui peruntukan latihan dan pembiayaan kewangan.
AZAM Niaga	Menyasarkan golongan miskin di bandar dan luar bandar. Inisiatif ini menggalakkan program keusahawanan melalui penubuhan perniagaan kecil berkaitan dengan makanan, gerai kecil, kedai runcit, katering dan perniagaan dalam talian dan lain-lain menerusi peruntukan latihan dan pembiayaan
AZAM Kerja	Menyasarkan golongan miskin di bandar. Inisiatif ini berusaha mendapatkan prospek kerja yang sepadan dengan golongan miskin dan miskin tegar dengan menggalakkan mereka menerima kerja tersebut. Kerja-kerja tersebut termasuklah pembantu rumah, atendan pam minyak, pengawal keselamatan, kelasi kapal dan pekerja restoran makanan segera seperti KFC.
AZAM Khidmat	Menyasarkan golongan miskin di luar bandar dan bandar. Inisiatif ini memudahkan pembukaan perniagaan kecil-kecilan tetapi inovatif termasuk mencuci kereta bergerak, memotong rumput, pusat jagaan harian untuk warga tua dan kanak-kanak selain perkhidmatan jagaan selepas bersalin
1AZAM Sabah	Inisiatif ini diletakkan di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Sabah yang meliputi inisiatif AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja and AZAM Khidmat di Sabah
1AZAM Sarawak	Inisiatif ini diletakkan di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Sarawak yang meliputi inisiatif AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja dan AZAM Khidmat di Sarawak


Setelah berjaya mengurangkan 44,643 isi rumah miskin tegar kepada sifar peratus pada tahun 2010, KPWK mengalih tumpuannya pula kepada golongan miskin dan mudah terjejas pada tahun 2011. Sejak awal tahun 2011, NKPI LIH merangkumi kategori isi rumah miskin dan golongan mudah terjejas dalam kategori isi rumah berpendapatan rendah. Meskipun isi rumah golongan mudah terjejas (ini termasuklah golongan terpinggir seperti bekas penagih dadah, pesakit HIV-AIDS dan bekas banduan) mempunyai pendapatan sekurang-kurangnya melebihi Paras Garis Kemiskinan (PGK), mereka masih dianggap sebagai isi rumah berpendapatan rendah kerana mereka mudah terjebak ke dalam kelompok kemiskinan dan memerlukan perhatian (Isi rumah miskin tegar yang dikenal pasti melalui pendaftaran terbuka pangkalan data eKasih selepas 31 Disember 2011 telah diletakkan di bawah kategori miskin bagi tahun 2011).

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Proses verifikasi eKasih

Pada tahun 2011, satu lagi sasaran NKPI baharu telah diperkenalkan, iaitu verifikasi peserta eKasih yang berdaftar. Berikutan kritikan bahawa proses verifikasi pendaftaran eKasih mengambil masa yang agak lama, KPWKM meletakkan sasaran NKPI baharu untuk menyelesaikan kesemua 242,945 kes tertunggak belum diverifikasi yang telah didaftarkan dalam eKasih sebelum 31 Disember 2010 pada bulan Mac 2011, dan lagi 81,930 kes yang didaftarkan dalam eKasih sebelum 31 Mei 2011 pada akhir tahun 2011 (secara keseluruhan, 324,875 kes perlu diselesaikan pada akhir tahun 2011) diverifikasi. Dengan mengemas kini pangkalan data tersebut, kementerian berjaya mengumpul maklumat penting yang membantu kementerian membuat pembezaan kategori terhadap peserta yang berdaftar. Hal demikian penting untuk mengenal pasti inisiatif 1AZAM yang sesuai untuk disalurkan kepada peserta yang berdaftar.

Verifikasi pendaftaran terbuka eKasih



Latar belakang sistem...

- 1 Bank Data Kemiskinan Kebangsaan Berpusat yang digunakan oleh agensi untuk memberikan bantuan kepada orang miskin
- 2 Orang ramai boleh mengakses portal dan mendaftarkan diri secara dalam talian (*on-line*) dengan memberikan maklumat asas
- 3 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) akan melakukan verifikasi terhadap semua kes yang didaftarkan di portal
- 4 Hanya kes-kes yang telah diverifikasi akan didaftarkan dalam eKasih




Pembanci membanci di kawasan bandar dan luar bandar



300++

pembanci di seluruh negara



Seluruh
Malaysia

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Pembangunan usahawan wanita baharu

Selaras dengan sasaran untuk melahirkan 4,000 usahawan wanita pada tahun 2012, KPWKM dengan kerjasama AIM dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengorak langkah untuk melatih dan memajukan 1,000 usahawan wanita tambahan daripada isi rumah berpendapatan rendah pada tahun 2011. Sasaran ini tidak termasuk 2,000 usahawan wanita yang telah dimajukan pada tahun 2010. Usahawan wanita ditakrifkan sebagai mereka yang memperoleh pendapatan bersih sebanyak RM3,500 sebulan atau lebih selama tiga bulan berturut-turut. Golongan usahawan wanita ini diberi latihan dan peluang-peluang lain yang membolehkan mereka menceburi bidang-bidang keusahawanan seperti pertanian, perkhidmatan, perikanan, perkilangan, penternakan dan perniagaan.

Pembangunan 1,000 usahawan baharu wanita pada 31 Disember 2011

Latar belakang peneraju

A

AIM menyediakan latihan dan pinjaman kredit mikro kepada golongan wanita ini untuk menjana aktiviti pendapatan

Sesi latihan
AIM



Huraian NKPI

B

Usahawan wanita ialah mereka yang mempunyai pendapatan bersih sebanyak RM3,500 sebulan atau lebih (bagi tempoh 3 bulan berturut-turut)

Para peserta menghadiri
mesyuarat mingguan
cawangan



Sektor yang terlibat

C

- Perniagaan (74%)
- Perkhidmatan (14%)
- Perkilangan/Pemprosesan (6%)
- Pertanian (5%)
- Industri Perikanan (1%)

Salah seorang peserta di
kedai runcitnya



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Bantuan perumahan yang berterusan

Tahun ini memperlihatkan KPWKM menyambung usaha untuk memberi bantuan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah. Sasaran telah ditetapkan bagi membaik pulih 2,465 rumah terbengkalai dan membina 2,500 Rumah Mesra Rakyat dibawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sebelum 31 Disember 2011.

Sepanjang tahun 2011, beberapa program lain dilaksanakan di bawah naungan KPWKM dan kementerian serta agensi lain. Pencapaian tahun ini termasuklah:

- 490 sekolah dan asrama daif seluruh Malaysia dibaiki dan dinaik taraf dengan kerjasama Kementerian Pelajaran
- 35,245 kanak-kanak meraih manfaat daripada Program Bakul Nutrisi (*Nutritional Basket*) yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan
- 11,879 isi rumah berpendapatan rendah meraih manfaat daripada yuran penyelenggaraan berjumlah RM5 juta yang diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- RM2.32 juta diperuntukkan kepada Majlis AIDS Malaysia untuk membangunkan Anjung Damai, projek rumah perlindungan untuk 354 penghuni di seluruh Malaysia
- 48,509 pasang pakaian seragam sekolah (baju dan kasut) diagihkan kepada pelajar sekolah yang berdaftar di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)
- 8,809 ketua isi rumah miskin dan miskin tegar diperkenalkan kepada Program Perubahan Minda (*Mindset Change Programme*) yang membawa kepada Program 1AZAM (dilaksanakan pada Disember 2010)
- 12,000 isi rumah miskin tegar meraih manfaat daripada Elaun Bulanan Sementara 1AZAM (EB1AZAM)
- Program pembangunan keluarga yang merangkumi bantuan kaunseling, pembangunan keluarga dan program kesihatan reproduktif dilaksanakan dengan bantuan LPPKN@Komuniti (Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara)
- Anjung Singgah, sebuah pusat sehenti yang terletak di Bangunan Ehsan, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur, telah ditubuhkan pada Mac 2011 untuk menangani masalah golongan gelandangan. Anjung Singgah menyediakan pendaftaran, bantuan untuk memasuki pasaran kerja, peralatan rumah, kaunseling dan kebajikan kepada mereka yang memerlukan
- 1,333 isi rumah bakal meraih manfaat daripada Projek Sistem Kumbahan dan Sanitasi yang masih dalam pembinaan

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

“Saya menerima bantuan dalam bentuk 650 ekor ayam kampung dan makanan ayam daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, iaitu agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Semua pendapatan daripada penjualan ayam dapat digunakan untuk keperluan harian, dengan beberapa ekor ayam disimpan untuk telurnya. Bantuan daripada Perkhidmatan Veterinar ini tidak terhad kepada haiwan untuk ternakan sahaja tetapi terdapat juga bantuan lain disediakan, seperti pembinaan reban ayam. Saya berpendapat bahawa ini merupakan usaha yang baik oleh kerajaan untuk orang seperti saya. Sebaik sahaja saya mendengar mengenai bantuan yang ditawarkan itu, saya terus berasa teruja untuk membuat perniagaan ini dan mendapatkan lesen saya dengan segera. Bantuan ini akan menjadi amat berjaya sekiranya para penerima bekerja dengan gigih dan mengikuti garis panduan yang telah disediakan.”

- Therawas Rasapan, penternak ayam di Sungai Burong, Selangor

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Jadual berikut menunjukkan pencapaian keseluruhan NKPI daripada sasaran NKRA LIH bagi tahun 2011.

Bil.	NKPI	Sasaran 2011		Hasil Sebenar	Lampu Isyarat
1	Untuk memastikan 57,793 isi rumah miskin daripada jumlah yang berdaftar dalam eKasih menyertai program 1AZAM sebelum 31 Disember 2011	57,793		63,147	
2	Untuk menyempurnakan 100% pemprosesan 242,945 kes tertunggak eKasih yang didaftarkan sebelum 31 Disember 2010 dan 81,930 kes tertunggak eKasih yang didaftarkan sebelum 31 Mei 2011 pada 31 Disember 2011 ¹	324,875		317,359	
3	Untuk memajukan 1,000 orang usahawan wanita sebelum 31 Disember 2011	1,000		1,100	
4	Untuk membaik pulih 2,465 rumah terbiar di bawah SPNB sebelum 31 Disember 2011	2,465	4,965	4,865	
	Untuk membina 2,500 Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB sebelum 31 Disember 2011	2,500			


¹ Pada 31 Disember 2011, baki 19,650 kes dari tahun 2010 yang belum diverifikasi pada Mac 2011 telah diselesaikan

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Kejayaan Pelancaran Program 1AZAM

Pada 31 Disember 2011, sejumlah 63,147 isi rumah melebihi sasaran 57,793 isi rumah miskin yang telah berdaftar dalam program eKasih menyertai program 1AZAM. Sebahagian mereka telah mula bekerja di bawah inisiatif AZAM Kerja dan sebahagian yang lain telah menerima peralatan atau pinjaman kewangan di bawah inisiatif AZAM Tani, AZAM Niaga dan AZAM Khidmat, daripada peneraju berkenaan yang melaksanakan inisiatif-inisiatif 1AZAM.

Jumlah peserta program 1AZAM pada 31 Disember 2011



Kisah kejayaan - AZAM Tani

Hamzah bin Khushi Mohamad

Batu 6½, Jalan Sidang Wahab, Bukit Rambai

Pekerjaan : Bekerja sendiri
Jenis bantuan : Pam air, baja padi dan racun perosak
Jenis projek : Pulut hitam



Sebelum

2.5 TONNES
RM120 / sebulan



Selepas

5.2 TON
RM12,480 / semusim
RM2,000 / sebulan



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Kisah kejayaan - AZAM Niaga

Echa Emau

Kg. Baling, Data Kakus, Tatau

Jenis bantuan : Set generator, pengisar, penghembus, tangan, gerudi, gergaji besi, batu penajam, besi, gergaji dll.

Jenis projek : Parang tradisional untuk kegunaan tempatan/ domestik



Sebelum

5-10 bilah parang

Pendapatan : RM350 – RM450 bulanan



Selepas

15-25 bilah parang

Pendapatan : RM500 – RM900 bulanan

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Kisah kejayaan - 1AZAM Sarawak

Mahdan Bin Hai

Kampung Gatas, Bekenu, Miri

Jenis bantuan: Peralatan menangkap ikan



Sebelum

Pendapatan bulanan: RM576



Selepas


Pendapatan bulanan: RM1,594

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



Pecahan peserta mengikut agensi pelaksana dan peneraju adalah seperti yang berikut:

Agensi Pelaksanaan Program 1AZAM	Jumlah sehingga 31 Dis 2011
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	15,241
Amanah Ikhtiar Malaysia	12,578
Kerajaan Negeri Sabah	12,067
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	7,590
Kerajaan Negeri Sarawak	11,306
Kementerian Sumber Manusia	4,365
Jumlah	63,147




Status verifikasi eKasih

Berkaitan dengan sasaran untuk memproses kesemua 324,875 kes tertunggak eKasih sebelum 31 Disember 2011. Kementerian telah berjaya mencapai 96% sasaran yang ditetapkan. Kejayaan ini adalah hasil sokongan padu daripada ICU serta pihak berkuasa negeri dan daerah.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah


Terdapat dua sub NKPI di bawah verifikasi eKasih dan pencapaian kedua-dua sub NKPI ini adalah seperti yang berikut:



Sub NKPI yang pertama mencapai 92% sasaran verifikasi eKasih setakat 31 Mac 2011.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Jumlah kes tertunggak (didaftarkan pada 31 Mei 2011) diproses sebelum 31 Disember 2011



Sub NKPI yang kedua mencapai kesemua sasaran verifikasi eKasihnya. Justeru, purata keseluruhan pencapaian verifikasi eKasih bagi tahun 2011 adalah sebanyak 96%.

Aktiviti ini adalah penting untuk memastikan pelaksanaan NKRA LIH berjalan dengan lancar. Semua isi rumah yang didaftarkan dalam pangkalan data eKasih, sama ada mendaftar sendiri atau melalui pihak ketiga (saudara-mara, rakan-rakan, ahli parlimen atau ahli dewan undangan tempat masing-masing) perlu diverifikasi. Langkah ini adalah untuk menentukan sama ada mereka memang berada di bawah paras kemiskinan dan layak untuk didaftarkan di bawah eKasih. Usaha-usaha ini memastikan bahawa majoriti kes tertunggak tahun 2010 diselesaikan pada bulan Mac 2011 dan kesemua kes baharu mulai 1 Januari hingga 31 Mei 2011 diselesaikan sebelum 31 Disember 2011.


Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



Keputusan pembangunan usahawan wanita

Satu lagi keberhasilan besar yang dicapai pada tahun 2011 ialah penambahan 1,100 orang usahawan wanita yang dimajukan pada tahun tersebut sebagai tambahan kepada 2,000 usahawan wanita yang telah dimajukan pada tahun yang sebelumnya.

Jumlah usahawan wanita dimajukan sepanjang tahun 2011 setakat 31 Disember 2011



Seramai 1,000 orang wanita lagi dijangka menamatkan kursus mereka pada akhir tahun depan dan sekali gus meletakkan KPWK di atas landasan yang tepat untuk mencapai sasaran memajukan 4,000 usahawan wanita pada tahun 2012.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah




Status projek bantuan perumahan

Program Rumah Mesra Rakyat bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah atau keluarga dilanda kemiskinan (petani atau nelayan) membina rumah yang lebih selesa di atas tapak tanah milik masing-masing. Untuk layak menyertai program ini, pemohon hendaklah mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM1,500 sebulan, tiada pemilikan rumah dan menetap di rumah berkeadaan usang dan daif.

Rumah yang dibina di bawah skim ini adalah rumah jenis teres setingkat dengan tiga buah bilik dan dua buah bilik air berukuran antara 700 kaki per segi hingga 866 kaki per segi. Satu pertiga daripada kos pembangunan rumah tersebut dibiayai oleh Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Melalui skim ini, pembeli hanya perlu membayar baki kos rumah melalui pembiayaan tanpa faedah berdasarkan konsep qardul hassan.

Jumlah rumah terbengkalai yang dibaik pulih dan Rumah Mesra Rakyat yang dibina sebelum 31 Disember 2011



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



Rumahku Syurgaku

Pembeli: Karnain Bin Selamat.

Alamat: Machap, Mukim Machap, Kluang, Johor

Pendapatan bulanan: RM900.00

Tarikh mula dibina: 4 Mei 2011

Tarikh siap dibina: 9 September 2011

En Karnain Bin Selamat, 40, dari Kluang, merupakan pemohon di bawah program Rumah Mesra Rakyat (*People-Friendly Homes*) dan telah berpindah ke rumahnya baru-baru ini.

“Saya dan keluarga amat gembira dan berterima kasih kepada SPNB. Dengan bantuan mereka di bawah Program Rumah Mesra Rakyat, akhirnya kami mampu memiliki rumah sendiri yang cantik. Walaupun dengan pendapatan sebanyak RM900 sebagai pekerja kilang sekarang, saya dibenarkan membayar ansuran bulanan yang rendah dan tidak membebankan. Rumah di bawah Program Rumah Mesra Rakyat begitu cantik dan selesa untuk didiami dan mampu dimiliki dengan bayaran ansuran yang rendah. Saya dan keluarga berasa amat bersyukur kerana mampu memiliki rumah seperti ini.”



Rumah dalam lingkungan kemampuannya

Pembeli: Keremai Binti Lebai Yusof

Alamat: Mukim Triang Hilir, Daerah Jelebu, Negeri Sembilan

Pendapatan bulanan: RM956 (pencen arwah suami)

Tarikh mula dibina: 11 Mei 2011

Tarikh siap dibina: 11 September 2011

Seorang lagi pemilik Rumah Mesra Rakyat yang berasa amat bertuah, Keremai Binti Lebai Yusof, 67, berkata dia sangat gembira dan berpuas hati dengan konsep rumah yang dibina di bawah program ini.

“Rumah tersebut bukan sekadar cantik dan selesa, bayaran bulanannya juga dalam lingkungan kemampuan kami. Saya berasa benar-benar gembira kerana mampu memiliki rumah sendiri sebab dengan cara ini, keluarga saya berasa lebih selesa. Selepas suami meninggal dunia, saya menjadi ibu tunggal dan terpaksa tinggal di rumah anak lelaki saya. Kini, saya telah memiliki rumah sendiri. Terima kasih SPNB kerana membina Rumah Mesra Rakyat. Saya dan keluarga amat bersyukur.”

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Sebagai tambahan, berikut adalah isi rumah berpendapatan rendah di beberapa negeri/daerah yang meraih manfaat daripada pembaikpulihan rumah terbengkalai pada tahun 2011:

BIL	NEGERI	PROJEK	JUMLAH UNIT	CATATAN
1	Johor	Taman Mawar, Kulai	78	Siap dengan CF
2	Selangor	Bandar Alam Perdana, Ijok	2,326	Siap sepenuhnya tanpa CF
3	Pulau Pinang	Taman Guar Perahu, Permatang Pauh, Pulau Pinang	61	Siap sepenuhnya tanpa CF



DULU



KINI

Harapan hidup kembali

Sebuah projek perumahan terbengkalai yang meraih manfaat daripada program pemulihan SPNB ialah Taman Mawar yang terletak di Kulai, Johor. Rumah yang dibaik pulih ini ialah rumah kos rendah dua tingkat dan rumah kos rendah sederhana dua tingkat.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



Berakhirnya sebuah duka

Pembeli: Tuan Rohana Binti Tuan Ahmad, 47

Alamat: Taman Aman, Senai, Johor (tenant).

Pendapatan Bulanan: Tiada (Surirumah).

Harga: RM50,000 (rumah kos rendah dua tingkat)

Rumah terbengkalai sejak tahun 1999. Rumah dibaik pulih pada Nov 2011 (diambil alih oleh SPNB pada tahun 2009).

Penderitaan Puan Tuan Rohana binti Tuan Ahmad berakhir apabila rumah yang dibelinya dan suami di Taman Mawar diambil alih oleh SPNB dan dimasukkan di bawah Program Pemulihan Rumah Terbengkalai. “Selama 13 tahun, saya dan suami terpaksa membayar faedah pinjaman kepada bank tempatan sekitar RM80 hingga RM150 sebulan untuk rumah yang kami beli. Saya berhenti kerja sebagai pekerja kilang sejak tiga tahun yang lalu dan sebagai suri rumah, saya tidak mampu menyumbang kepada perbelanjaan isi rumah. Keadaan ini menjadi beban kepada suami.



“Selain faedah yang perlu dibayar, kami juga membayar RM270 sebulan untuk bayaran ansuran pinjaman. Bukan itu sahaja, setelah projek perumahan terbengkalai, kami terpaksa menyewa rumah di Taman Aman, Senai. Kami tidak mampu untuk membeli rumah lain kerana pendapatan yang rendah dan komitmen bulanan yang tinggi. Namun sekarang rumah kami di Taman Mawar telah pun dibaik pulih dan segalanya telah berubah. Kami amat berterima kasih kepada SPNB.”

Ini rumah kami sendiri

Pembeli: Murugan A/L Manickam, 41

Alamat: Taman Putri, Kulai, Johor (rumah ibu bapa)

Pendapatan Bulanan: RM3,000

Harga: RM25,000 (rumah kos rendah dua tingkat)

Terbengkalai sejak 1999/2000. Rumah dibaik pulih pada Nov 2011 (diambil alih oleh SPNB pada tahun 2009)

Pemilik rumah Encik Murugan A/L Manickam akhirnya boleh tersenyum lebar apabila penantiannya selama 13 tahun berakhir. Sejak lima tahun lepas, Encik Murugan telah membayar faedah pinjaman bank sebanyak RM100 sebulan. Dia tidak mampu membeli atau menyewa rumah lain kerana pendapatannya yang rendah. Sebagai jalan keluar, dia terpaksa membawa keluarganya tinggal bersama ibu bapanya di Taman Putri, Kulai Johor.

“Saya berasa kecewa yang amat mendalam sejak projek perumahan terbengkalai, namun setelah dimaklumi bahawa SPNB akan mengambil alih dan membaik pulih projek tersebut, saya yakin kemelut ini akan berakhir. Saya, isteri dan tiga anak kami akan berpindah ke rumah kami di Taman Mawar Kulai selepas kami mendapat kunci. Sudah terlalu lama kami tinggal di rumah ibu bapa kami.”



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



Penantian 11 tahun berakhir

Pembeli: Mohd Zaihan Bin Sayani, 41

Alamat: Felda Bukit Besar, Kulai, Johor (rumah ibu bapa)

Pendapatan Bulanan: RM1,500

Harga: RM25,000 (rumah kos rendah dua tingkat)

Rumah terbengkalai sejak 1999/2000. Rumah dibaik pulih pada Nov 2011 (diambil alih oleh SPNB pada 2009).

Encik Mohd Zaihan amat bersyukur dan gembira apabila rumahnya siap dibina selepas kerja pembaikpulihan dilaksanakan oleh SPNB. Dia tinggal di rumah ibubapanya di Felda Bukit Besar sejak tahun 2000. "Saya berasa kecewa dan hampa kerana saya tidak sepatutnya menjadi beban kepada mereka tetapi itulah yang saya lakukan. Niat saya tidak lain hanyalah untuk membeli rumah baharu untuk kami sekeluarga, tetapi setelah rumah idaman kami terbengkalai begitu lama, terpaksa kami tinggal bersama ibu bapa di Felda Bukit Besar."

"Walaupun rumah kami telah siap, saya tidak bercadang untuk pindah pada masa ini. Dua orang anak saya masih bersekolah sementara kemudahan asas di Taman Mawar, Kulai pula masih belum siap. Apa yang boleh saya katakan, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada SPNB kerana telah menamatkan penantian kami selama 11 tahun untuk melihat rumah kami siap dibina. Saya merancang untuk menyewakan rumah tersebut bagi menambah pendapatan saya sekarang."

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



KEBERHASILAN LAIN

Insurans 1AZAM

Pada tahun 2011, lebih 500,000 ahli isi rumah miskin telah dapat menikmati kemudahan skim perlindungan insurans 1AZAM yang diuruskan oleh Allianz Insurance di bawah bidang kuasa KPWK. Walau bagaimanapun, hanya mereka yang berdaftar dengan sistem eKasih Jabatan Perdana Menteri yang layak menyertai skim ini. Skim ini sah untuk tempoh 12 bulan bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011, merangkumi perlindungan untuk kematian dan keilangan kekal.

Setakat 31 Disember 2011, sejumlah RM11.2 juta telah dibayar kepada 770 benefisiari atau waris terdekat kepada 770 ketua isi rumah di seluruh negara selepas kematian mereka. Perlindungan insuran 1AZAM mengandungi empat pakej, iaitu kematian biasa (RM10,000), kematian disebabkan kemalangan (RM20,000), keilangan kekal (RM20,000) dan perbelanjaan pengurusan jenazah (RM5,000). Sumbangan KPWK dalam skim ini menyaksikan KPWK membayar premium tahunan sebanyak RM120 bagi setiap keluarga untuk mendapatkan perlindungan bagi ketua setiap isi rumah yang menyertai skim ini.

CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

Pelbagai agensi yang berusaha melaksanakan program 1AZAM telah menempuh pelbagai cabaran sepanjang tahun 2011. Bagi AIM, cabaran yang perlu dihadapi adalah untuk memastikan pembiayaan mikro kredit mudah diperoleh mereka yang berdaftar dengan eKasih. Memandangkan mereka ini tinggal di serata pelosok negara, lebih banyak pejabat AIM yang perlu diwujudkan dan lebih banyak kakitangan yang perlu diambil bekerja. Lantaran AIM menyediakan kemudahan pinjaman kredit yang berbeza daripada bantuan geran oleh agensi pelaksana yang lain, cabaran yang dihadapi adalah untuk meyakinkan peserta bahawa skim ini adalah cara yang lebih baik untuk meningkatkan kehidupan mereka dalam tempoh jangka panjang.

Di Sabah dan Sarawak, KPWK terpaksa berhadapan dengan masalah landskap geografi di kedua-dua buah negeri tersebut. Memandangkan program 1AZAM menyediakan kemudahan kepada hampir 24,000 isi rumah di kedua-dua buah negeri tersebut, agensi pelaksana terpaksa berhadapan dengan kos yang lebih tinggi dan pelbagai masalah logistik apabila usaha menghantar bantuan kepada rakyat yang tinggal di serata pelosok luar bandar dan kawasan terpencil dilakukan.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

IKTIBAR YANG DIPELAJARI

Beberapa pengajaran yang penting telah dipelajari sepanjang pelaksanaan NKRA LIH. Oleh sebab pangkalan data eKasih tidak dikemas kini secara tetap, banyak ketua isi rumah telah berpindah dan tidak lagi dapat dikesan. Terdapat juga keperluan untuk mengenal pasti dengan tepat jenis bantuan yang diperlukan oleh ketua atau ahli isi rumah dalam pangkalan data eKasih sebelum bantuan disalurkan. Proses ini perlu dipercepat dan ditadbir dengan lebih fleksibel tetapi dengan langkah tadbir urus yang baik supaya bantuan dapat disalurkan dengan cara yang lebih tepat pada masanya.

Satu lagi pengajaran penting yang dipelajari ialah pelaksanaan inisiatif AZAM Kerja. Terdahulu, Kementerian Sumber Manusia mengguna pakai kaedah *“train and place”*, iaitu para peserta diberi latihan yang berkaitan dengan kerja yang mereka minati dan kemudiannya ditempatkan di tempat kerja. Pendekatan ini mencatat kadar kejayaan yang rendah kerana setelah diberi latihan, banyak peserta berhenti kerja setelah beberapa hari bekerja (disebabkan minat dan motivasi yang kurang). Kementerian kemudiannya mengguna pakai pendekatan *“place and train”*, iaitu para peserta ditempatkan terlebih dahulu di tempat kerja dan kemudian barulah mereka diberi latihan. Kaedah yang kedua ini mencatatkan kadar kejayaan yang tinggi dan peserta didapati terus bekerja kerana mereka telah pun mengukuhkan kedudukan masing-masing di tempat kerja tersebut selain diberi upah semasa latihan kerja diberikan.

Pengajaran lain yang dipelajari di bawah AZAM Kerja ialah mengubah pendekatan tradisional yang digunakan sebelum ini, iaitu menziarahi peserta yang berpotensi di rumah mereka kepada pendekatan mengajak mereka ke pameran kerjaya. Pendekatan terdahulu melalui kaedah berbual dan memujuk mereka di rumah didapati kurang berjaya disebabkan mereka berada dalam *“zon selesa”* di rumah masing-masing. Meskipun mereka miskin, pendekatan ini tidak berkesan dalam menarik serta memberikan motivasi kepada mereka untuk mencari pekerjaan. Dengan membawa mereka ke pameran kerjaya, kami berjaya memujuk mereka dengan memaklumi mereka tentang betapa seronoknya pekerjaan baharu yang mungkin diperoleh itu dan betapa menariknya persekitaran dan suasana pekerjaan baharu tersebut. Pendekatan baharu tersebut menjana keberhasilan yang lebih baik dalam menarik mereka menyertai program 1AZAM.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



MELANGKAH MENUJU 2012

SASARAN NKPI 2012

Bagi tahun 2012, kami telah menetapkan sasaran yang berikut:

Bil.	NKPI	Sasaran 2012
1	Memastikan 39,600 penyertaan baharu dalam program 1AZAM sebelum 31 Disember 2012	39,600
2	Memastikan 13,237 peserta 1AZAM yang sedia ada meningkatkan pendapatan per kapita mereka melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	13,237
3	Memastikan 7,480 peserta 1AZAM yang sedia ada di bawah KPWKM meningkatkan pendapatan bulanan mereka sebanyak RM200 sebulan	7,480
4	Memastikan data semua peserta yang berdaftar dalam sistem eKasih di bawah Program 1AZAM dikemas kini setiap bulan	100%
5	Melatih dan membangunkan 1,000 usahawan wanita sebelum 31 Disember 2012	1,000
6	Membina 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB sebelum 31 Disember 2012	10,000
7	Memulakan operasi <i>Greater eKasih</i>	30 September 2012

Melangkah menuju tahun 2012, sasaran NKPI LIH baharu akan menumpukan kepada isu terpenting berkaitan dengan pemantauan keberhasilan dan pemastian bahawa data eKasih adalah terkini. Setelah tumpuan diberikan terhadap usaha memastikan isi rumah berpendapatan rendah menyertai program 1AZAM untuk membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan, langkah seterusnya adalah untuk memantau hasil penyertaan tersebut, iaitu sama ada pendapatan peserta telah benar-benar berjaya ditingkatkan. Oleh hal yang demikian, kementerian telah memperkenalkan NKPI 2 dan 3 seperti yang terdapat dalam jadual di atas, iaitu memastikan 13,237 peserta 1AZAM yang sedia ada meningkatkan pendapatan per kapita mereka melebihi indeks Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sekurang-kurangnya untuk tempoh enam bulan dan memastikan 7,480 peserta 1AZAM yang sedia ada di bawah KPWKM meningkatkan pendapatan bulanan mereka sebanyak RM200 sebulan, juga sekurang-kurangnya untuk tempoh 6 bulan.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Sejajar dengan perubahan tersebut, takrifan isi rumah berpendapatan rendah, miskin dan miskin tegar telah diselaraskan seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah:

Jadual 1: Definisi Miskin Tegar, Miskin dan Isi Rumah Berpendapatan Rendah berdasarkan pendapatan bulanan (PLI 2009)

	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak
Miskin Tegar	RM460 sebulan ke bawah	RM630 sebulan ke bawah	RM590 sebulan ke bawah
Miskin	RM760 sebulan ke bawah	RM1,050 sebulan ke bawah	RM910 sebulan ke bawah
Isi rumah berpendapatan rendah	RM2,000 sebulan ke bawah	RM2,000 sebulan ke bawah	RM2,000 sebulan ke bawah

Satu lagi NKPI baharu iaitu NKPI 4 berfungsi untuk memastikan data eKasih dikemas kini setiap bulan. Agensi lain juga mula mengemas kini data tersebut dengan lebih kerap lagi, hal yang sedemikian pastinya membantu memastikan ketepatan data. Pada masa lalu, meskipun banyak pekeliling dan peringatan dihantar kepada agensi yang berkenaan, masih kerap berlaku kejadian data dalam sistem eKasih tidak dikemas kini. Akibatnya, terdapat percanggahan antara angka yang dilaporkan oleh agensi yang terlibat dengan angka yang terdapat dalam sistem eKasih. Mulai tahun 2012 dan seterusnya, hanya data dalam sistem eKasih (bukan data manual yang disediakan oleh agensi yang terlibat) akan digunakan dalam laporan rasmi dan pembentangan kepada Mesyuarat Pasukan Petugas Pelaksanaan (DTF). NKPI baharu ini bertujuan memastikan bahawa semua agensi yang terlibat mematuhi segala keperluan data eKasih secara tetap.



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



Inisiatif lain

Satu lagi inisiatif yang penting pada tahun 2012 ialah penghijrahan pangkalan data eKasih yang sedia ada kepada pangkalan data eKasih yang lebih menyeluruh (*Greater eKasih*) yang dapat memenuhi keperluan semua agensi yang menyalurkan bantuan kepada penerimanya berdasarkan kriteria masing-masing. Pangkalan data baharu yang tunggal dan komprehensif ini dapat memastikan penyasaran yang lebih baik di samping mengurangkan pertindihan dan apa jua pembaziran sumber pada masa hadapan.

Yang paling penting, AIM merancang untuk memodenkan 50 buah kedai runcit di luar bandar untuk memastikan kedai runcit tersebut kekal berdaya saing. Proses pemodenan ini akan membawa kepada peningkatan hasil jualan dan pendapatan di samping menawarkan lebih banyak pilihan dan keselesaan kepada masyarakat luar bandar.

Melangkah menuju tahun 2012, pasukan NKRA LIH komited untuk meneruskan pertarungan yang sengit membasmi kemiskinan dan mempertingkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah. Cita-cita untuk merapatkan jurang ekonomi antara golongan yang kaya dengan mereka yang kurang bernasib baik hanya boleh dicapai sekiranya kemampanan inisiatif yang dilancarkan ini dapat dikekalkan. Demikian juga dengan memberikan galakan secara progresif kepada para peserta, menawarkan mereka peluang untuk memperkasakan diri dan memantau kemajuan mereka secara berterusan, peluang untuk mengubah rangka minda dan mempertingkatkan taraf hidup mereka ke arah yang lebih baik pastinya akan dapat dipertahankan berkekalan.

Usaha-usaha setakat ini menunjukkan bahawa dengan KPWKMM menetapkan sasaran yang tinggi dan bergerak bersungguh-sungguh ke hadapan dengan sumber-sumber berkaitan yang ada, matlamat untuk memastikan bahawa tiada seorang pun rakyat Malaysia yang tercicir dan dibiarkan ketinggalan semakin hampir untuk digapai.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar

A photograph of a coastal scene. In the foreground, a wooden boat with a red hull and a blue stripe is moored. The boat has the number '2881' and the letters 'SL' on its side. A red bucket is on the boat. In the background, there is a blue building with a thatched roof, situated on stilts over the water. The sky is blue with white clouds. The text 'Bersama Memperkasakan masyarakat luar bandar' is overlaid on the image.

Bersama
Memperkasakan masyarakat
luar bandar

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar



Datuk Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

“Komitmen kerajaan untuk mempertingkatkan infrastruktur luar bandar terus membuahkan hasil. Inisiatif pembangunan untuk jalan raya, bekalan air, elektrik dan perumahan telah banyak memberikan sumbangan dalam memperkasakan golongan yang kurang bernasib baik dan menyerlahkan potensi sebenar keluarga dan masyarakat luar bandar. Usaha pembangunan infrastruktur bukan sahaja telah mencetuskan pewujudan pelbagai aktiviti ekonomi yang seterusnya mencipta peluang baharu, malah yang lebih penting lagi, ia telah memberi masyarakat luar bandar keyakinan dan kemampuan yang lebih tinggi dalam membuat pilihan, sesuatu yang sering kali diperlekeh sebahagian besar masyarakat kita. Pada tahun 2011, lebih ramai masyarakat luar bandar menikmati hasil pemodenan, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Kita telah mengorak kemajuan yang besar ke hadapan dan mengubah landskap luar bandar menjadi lebih baik. Mengambil iktibar daripada proses pelaksanaan tahun lalu, jentera RBI yang dipertingkatkan telah mempercepat penyampaian projek kepada rakyat. Melangkah ke hadapan, kita akan terus memastikan sumber-sumber diperuntukkan dengan cekap dan berkesan demi kebaikan semua.”



Meneruskan usaha mentransformasikan landskap luar bandar

Pembangunan luar bandar kekal menjadi komponen utama agenda negara. Sejak merdeka, melalui banyak Rancangan Malaya dan Malaysia, kerajaan telah melancarkan inisiatif pembangunan jalan raya, bekalan air, elektrik dan perumahan untuk memastikan seluruh rakyat menikmati hasil pemodenan. Pada tahun 2010, NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) telah diperkenalkan untuk mempercepat usaha ini dengan menyampaikan keberhasilan yang besar dan segera, yang belum pernah dilakukan sebelum ini, kepada masyarakat luar bandar.

Pada tahun 2011, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atau KKLW serta pelbagai agensi pelaksana lain sekali lagi diberi mandat untuk menerajui usaha RBI. Mereka lantas meneruskan momentum yang telah berjaya dicapai pada tahun sebelumnya dan landskap luar bandar ditransformasikan ke arah yang lebih baik. Usaha difokuskan untuk memastikan akses yang lebih baik menerusi jalan raya yang baharu dan yang dinaik taraf, menyediakan bekalan air yang bersih dan berterusan, serta bekalan elektrik tanpa gangguan selain membina dan membaik pulih rumah untuk masyarakat luar bandar.

Inisiatif tahun 2011 terdiri daripada program susulan tahun sebelumnya selain beberapa projek mega baharu yang dilancarkan pada tahun 2011. Inisiatif ini termasuk Loji Rawatan Air Wilayah Serian bernilai RM116.5 juta (dijangka memberikan manfaat kepada hampir 20,000 penduduk luar bandar pada akhir tahun 2012); Loji Rawatan Air Wilayah Fasa Lubok Antu yang bernilai RM49 juta (dijangka memberikan manfaat kepada hampir 5,000 penduduk luar bandar pada awal tahun 2013); dan Loji Rawatan Air Wilayah Saratok yang bernilai RM114 juta (dijangka menyediakan bekalan air kepada 43,000 penduduk luar bandar pada pertengahan tahun 2013).

Kementerian juga telah menerapkan pengalaman dan pengajaran yang diperoleh pada tahun 2010 dalam proses pelaksanaan tersebut. Hasilnya, masalah yang sebelum ini menjejaskan pemerolehan dan pentadbiran projek telah dapat diminimumkan atau diselesaikan. Natijah yang diperoleh telah menjadikan jentera RBI lebih cekap dan berkesan, sekali gus mempercepat penyampaian projek kepada rakyat.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Secara keseluruhan, NKRA RBI telah mencatat pencapaian cemerlang untuk setahun lagi. Keberhasilan Besar yang berikut telah dicapai di bawah NKRA RBI:

KEJAYAAN BESAR

- 1,796.1 km jalan raya telah dibina atau dinaik taraf
- 109,500 buah rumah telah mendapat bekalan air bersih
- 54,270 buah rumah telah menerima bekalan elektrik
- 31,327 buah rumah telah siap dibina atau dibaik pulih lebih awal dari jadual

TINJAUAN KESELURUHAN

Infrastruktur asas untuk setiap rakyat Malaysia

NKRA RBI bertujuan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar Malaysia agar mereka dapat meraih peluang yang sama seperti yang dinikmati oleh masyarakat di bandar. Melalui perkongsian hasil kemajuan sosioekonomi negara, kita dapat memastikan bahawa tiada sesiapa pun yang akan tercicir atau dibiarkan ketinggalan.

Kerajaan berhasrat agar setiap rakyat Malaysia, tidak kira sama ada di bandar atau di luar bandar, tinggal dalam lingkungan lima kilometer dari jalan berturap atau berkerikil dengan akses kepada kemudahan asas seperti air bersih, bekalan elektrik dan rumah. Meskipun sebahagian besar daripada aspirasi ini telah berjaya dicapai, namun masih terdapat segelintir masyarakat luar bandar di pedalaman Malaysia Timur yang belum mendapat akses kepada kemudahan asas ini.

Memenuhi keperluan golongan yang paling memerlukan

Pada masa ini, kira-kira 35% rakyat Malaysia masih tinggal di kawasan luar bandar, dan hampir 8% masih belum dihubungi oleh jalan yang berturap. Bagi memastikan NKRA ini dilaksanakan berdasarkan merit, prinsip mendahulukan mereka yang lebih memerlukan digunakan sebagai asas dalam menentukan kawasan yang harus diutamakan. Seperti tahun 2010, tahun 2011 menyaksikan sebahagian besar pembangunan infrastruktur ditumpukan di Sabah dan Sarawak, dengan hampir 70% usaha dan bajet RBI diperuntukkan bagi Malaysia Timur. Pada masa yang sama, pembangunan infrastruktur di Semenanjung Malaysia tidak diketepikan. Perhatian yang sewajarnya telah diberikan terhadap kawasan luar bandar yang berdepan dengan masalah kekurangan perumahan, bekalan air, elektrik atau kemudahan jalan raya.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

OKJEKTIF NKRA RBI


NKRA RBI beriltizam untuk menyediakan infrastruktur asas luar bandar kepada rakyat, tanpa mengira umur, bangsa dan lokasi sepanjang tempoh kumulatif tiga tahun (2010-2012). Sasaran adalah dianggap amat besar disebabkan oleh penanda aras yang amat tinggi yang ditetapkan untuk penyampaian. Malahan, kesemua jangkaan ini perlu disampaikan pada kepantasan yang tidak pernah berlaku sebelum ini dengan sasaran yang semakin meningkat dalam tempoh masa tiga tahun.

Pelancaran RBI disampaikan pada kadar kepantasan yang belum pernah disaksikan sebelum ini

**Sasaran
2010-2012**



Jalan raya dibina 450% lebih pantas berbanding dengan kadar pelaksanaan sebelum ini
(km jalan raya yang dibina atau dinaik taraf/setahun)



**3x jarak Lebih
Raya Utara
Selatan** dari
Kedah ke Johor




Bekalan air disambungkan 600% lebih pantas berbanding dengan pelaksanaan sebelum ini
(beribu-ribu lagi rumah menerima bekalan air bersih atau terawat/setahun)



**Menghubungkan
seluruh rakyat
Negeri Kedah**



Tenaga elektrik dibekalkan 310% lebih pantas berbanding dengan pelaksanaan sebelum ini
(beribu-ribu lagi rumah mendapat bekalan elektrik 24 jam/tahun)



**Menghubungkan
seluruh rakyat
Negeri Melaka**



Rumah dibina dan dibaik pulih 180% lebih pantas berbanding dengan pelaksanaan sebelum ini
(ribuan rumah dibina atau dibaik pulih/tahun)



**Bilangan rumah
yang mencukupi
untuk seluruh
penduduk Perlis**

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar



Sasaran RBI untuk tahun 2010 - 2012 adalah seperti berikut:

Sasaran RBI untuk tahun 2010-2012					
Program	KPI	2010	2011	2012	Jumlah
Jalan raya (km)	Semenanjung Malaysia	317.6	315.5	462.0	1095.1
	Sabah	213.5	366.7	454.8	1035.0
	Sarawak	252.0	222.9	433.1	908.0
	Jumlah	783.1	905.1	1349.9	3038.1
Air (rumah)	Semenanjung Malaysia	37,771	27,000	60,225	124,996
	Sabah	18,143	18,063	68,092	104,298
	Sarawak	14,267	13,024	72,875	100,166
	Jumlah	70,181	58,087	201,192	329,460
Elektrik (rumah)	Semenanjung Malaysia	759	581	3,037	4,377
	Sabah	14,194	4,509	15,455	34,158
	Sarawak	12,313	21,792	20,950	55,055
	Jumlah	27,266	26,882	39,442	93,590
Perumahan (rumah)	Semenanjung Malaysia	7,321	2,654	4,105	14,080
	Sabah	2,274	2,681	5,217	10,172
	Sarawak	7,367	3,811	5,243	16,421
	Jumlah	16,962	9,146	14,565	40,673

Pada tahun 2010, NKRA RBI berjaya menghasilkan keberhasilan yang belum pernah diraih sebelum ini, sekali gus meningkatkan taraf kehidupan lebih dua juta rakyat yang tinggal di lokasi luar bandar:

Kehidupan lebih 2 juta rakyat bertambah baik			
783.1 km jalan raya luar bandar diseiakan	36,273 buah rumah luar bandar menerima bekalan air bersih	27,266 buah rumah luar bandar menerima bekalan elektrik	16,962 buah rumah untuk masyarakat miskin luar bandar dibina dan dibai pulih
1.8 juta orang meraih manfaat	176,000 orang meraih manfaat	136,000 orang meraih manfaat	85,000 orang meraih manfaat

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

NKPI 2011

Bagi tahun 2011, sasaran NKPI yang berikut telah dikenal pasti dan ditetapkan:

- Untuk membina atau menaik taraf 905.1 km jalan raya
- Untuk membekalkan air bersih atau terawat kepada 58,087 isi rumah tambahan
- Untuk membekalkan bekalan elektrik 24 jam kepada 26,882 isi rumah tambahan
- Untuk membina atau membaiki pulih 9,146 buah rumah bagi masyarakat miskin luar bandar

PESERTA UTAMA

Kolaborasi yang lebih utuh membantu memacu pelaksanaan RBI yang berjaya

Tahun 2011 menyaksikan NKRA RBI mengekalkan struktur kerja yang sama seperti yang diguna pakai pada tahun yang sebelumnya. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atau KKLW kekal menerajui inisiatif RBI sebagai pengurus projek keseluruhan dan disokong oleh satu rangkaian agensi pelaksana. Penyelarasan dan kerjasama erat yang berterusan antara kesemua pihak telah memastikan kejayaan pelaksanaan NKRA RBI pada tahun 2011.

Selain agensi pelaksana, NKRA RBI juga menyaksikan penyertaan agensi pusat pada peringkat persekutuan dan negeri. Ini termasuk Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Kementerian Kewangan (MoF), Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah (UPEN Sabah) dan Unit Perancangan Negeri Sarawak (SPU Sarawak).



Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Program	Agensi Pelaksana	Pihak Penyelaras		
Jalan raya	 Jabatan Kerja Raya (peringkat persekutuan dan negeri)  Jabatan Pengairan dan Saliran (peringkat negeri)			  
Air	 Jabatan Kerja Raya Sarawak (Air)  Jabatan Air, Sabah  Pengendali bekalan air (peringkat negeri)			
Elektrik	 Tenaga Nasional Berhad  Sabah Electricity Sdn Bhd  SESCO Berhad			
Perumahan	 Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah  Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sarawak  Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)  FELCRA Berhad  Majlis Amanah Rakyat  Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah (KESEDAR, KEDA, KEJORA, KETENGAH)    			

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Bagi memastikan projek berjalan lancar dan tanpa apa-apa halangan, beberapa platform penyelesaian masalah peringkat atasan telah dimanfaatkan untuk memudahkan dan melancarkan proses pembuatan keputusan (isu-isu berkaitan dengan dasar) dan juga menangani halangan.

Platform	Fungsi
1. Pasukan Petugas Pelaksanaan (DTF) (Dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri)	Mesyuarat kemajuan bulanan projek RBI ini memastikan penyertaan/status kemajuan oleh pelbagai badan kerajaan persekutuan, kementerian dan kerajaan negeri diselaraskan. Mesyuarat ini berfungsi menyelesaikan apa-apa isu yang dihadapi pada peringkat kementerian dan kerajaan negeri.
2. Pasukan Kepemimpinan NKRA (Dipengerusikan oleh Menteri Peneraju)	Mesyuarat bulanan ini membincangkan apa-apa isu yang berkaitan dengan kerja-kerja RBI, impak sosial terhadap rakyat, bencana alam yang berlaku di negeri-negeri (contohnya banjir, jambatan runtuh) dan pelbagai halangan kepada pembinaan (contohnya kekurangan bahan). Platform ini bertujuan memastikan isu tersebut dapat ditangani tepat pada masanya, tadbir urus yang baik dilaksanakan dan manfaat akhirnya diraih oleh rakyat. Lazimnya, Menteri dari Sabah dan Sarawak menghadiri mesyuarat ini untuk mengemukakan isu yang dihadapi di sana.
3. Mesyuarat Penyelesaian Masalah (Dipengerusikan oleh CEO, PEMANDU)	Wakil bertugas dari kementerian dijemput menghadiri mesyuarat untuk memberikan penyelesaian terhadap sebarang kekurangan, kelemahan dan kemungkinan kelewatan dalam penyampaian projek.
4. Mesyuarat Projek Bermasalah (dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian atau KSU)	Mesyuarat bulanan yang dipengerusikan oleh KSU kementerian ini bertujuan menangani kemajuan “projek bermasalah” (melalui penenderan semula, penamatan kontrak atau pembuatan keputusan yang sewajarnya menurut Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 8 Tahun 2009) Keutamaan diberikan kepada projek yang kritikal semasa menangani isu.
5. Mesyuarat Pemantauan Tapak (Dipengerusikan oleh Timbalan KSU)	Mesyuarat dua minggu sekali ini yang melibatkan penyertaan pada peringkat kementerian, agensi kerajaan dan kontraktor perunding diadakan di pelbagai negeri di Malaysia untuk memastikan projek dilaksanakan tepat pada masanya dan masalah diselesaikan secara serta-merta.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar



“Saya rasa amat bersyukur atas kewujudan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang membekalkan air bersih kepada semua penduduk dan juga Program Bantuan Rumah Tempatan (PBRT), yang membolehkan penduduk kampung memiliki rumah sendiri selain hidup lebih selesa dengan memperoleh bekalan air dan tenaga elektrik.”

– Bob Yusof, penduduk tempatan dan bekas peserta Akademi Fantasia

Komunikasi dan penyelesaian masalah yang lebih berkesan

NKRA RBI memperoleh kolaborasi yang lebih mantap antara agensi dan aliran kerja yang lebih lancar pada tahun 2011, didorong oleh aktiviti komunikasi yang lebih berkesan dan penggunaan kaedah penyelesaian masalah yang lebih cekap. Dengan komunikasi terbuka diwujudkan melalui pelbagai forum, masalah dapat ditangani dengan lebih cepat dan halangan dapat diatasi dengan cara yang berkesan.

INISIATIF NKRA 2011

Oleh sebab NKRA RBI merupakan program tiga tahun (2010-2012), inisiatif pada tahun 2011 merupakan susulan terhadap inisiatif yang dilaksanakan pada tahun sebelumnya. Pengajaran yang diperoleh pada tahun 2010 telah dihayati dan dijadikan panduan oleh pasukan NKRA RBI, lantas menjadikan penyampaian sasaran tahun 2011 bergerak dengan lebih lancar.

Membina / menaik taraf jalan raya

Pada tahun 2011, KKLW menetapkan untuk membina atau menaik taraf 905.1 km jalan raya. Ciri utama setiap jalan raya (contohnya hulu jalan, destinasi, jumlah jarak, lebar, bahan, agensi pelaksana, kontraktor, dsb.) dikumpulkan sebelum pembinaan. Ini membolehkan semua pertimbangan dan cabaran pelaksanaan dikenal pasti terlebih dahulu dan ditangani. Pada tahun 2011, peringkat perancangan, reka bentuk, pemerolehan, pelaksanaan dan penyerahan dipantau dengan teliti dan halangan terhadap projek diatasi untuk memastikan penyampaian yang tepat pada masanya.

Pembinaan jalan melibatkan pelbagai kerja seperti kerja tanah, pemampatan, pelapik buluh, kerja konkrit, benteng penahan, pembagasan batu, kawalan asas kawasan, subtapak, asas jalan, salutan utama dan kerja menurap. Untuk menerajui kerja-kerja tersebut dengan berkesan, Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi teknikal kerajaan dilantik sebagai pegawai pengawas bagi projek tersebut. Jurutera JKR juga bertanggungjawab mengurus kontrak dan memastikan kerja tersebut berkualiti dan siap mengikut masa. Setelah semua kerja disiapkan dengan memuaskan, JKR bagi sesuatu projek, JKR mengeluarkan Perakuan Siap Praktikal kepada kontraktor untuk menandakan secara rasmi bahawa projek tersebut telah disiapkan.

Menyediakan bekalan air bersih / terawat

Pada masa ini, rangkaian air di seluruh negara ditambah melalui proses penyambungan ke rangkaian retikulasi atau melalui penyediaan sistem bekalan air alternatif. Rangkaian retikulasi baharu bergantung pada kapasiti loji rawatan air baharu dan yang sedia ada selain jarak lokasi ke sistem retikulasi air sedia ada. Bagi kawasan pedalaman dengan kepadatan penduduk yang rendah, bekalan air alternatif termasuk perigi tabung, penuaian air hujan dan jerigen (kontena jerry can) digunakan untuk membekalkan air bersih.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

“Pembekalan tenaga elektrik di kawasan pedalaman membantu masyarakat untuk terus bekerja sehingga lewat malam – misalnya, terdapat ramai wanita di rumah panjang yang merupakan penenun yang mahir. Setelah kembali dari bekerja mereka akan meneruskan kerja menenun kerana ia merupakan sumber pendapatan tambahan. Sebelum ini, perkara itu sukar dilakukan mereka kerana cahaya lampu minyak tanah tidak cukup terang dan sesetengah daripada mereka telah pun meninggalkan seni itu. Tetapi sekarang, ramai yang sudah kembali melakukan kerja menenun.”

- Heidi Munan, Pengarah, Bazar Kraf Tangan Dunia Hutan Hujan



Daripada 58,087 isi rumah yang disasarkan menerima air bersih atau terawat pada tahun 2011, 79% dihubungkan ke sistem retikulasi air sementara 21% lagi menerima air daripada bekalan alternatif.

Menyediakan bekalan elektrik 24 jam

Seperti penyediaan bekalan air bersih dan terawat, proses menambah sambungan bekalan kuasa elektrik baharu di seluruh Malaysia melibatkan penyambungan ke bekalan elektrik berasaskan grid atau pelaksanaan sistem hibrid solar. Jenis sambungan yang baharu ini bergantung pada kepadatan penduduk dan keterpencilan sesuatu kawasan.

Mod pilihan pembekalan kuasa elektrik adalah dengan menyambung ke grid bekalan elektrik. Walau bagaimanapun, di kawasan pedalaman yang terlalu jauh dari sebarang infrastruktur penghantaran (*transmission*) atau sekiranya sambungan ke grid utama itu terlalu mahal, teknologi seperti penjanaan kuasa hibrid solar atau hidro elektrik mikro akan diperkenalkan. Bagi tahun dalam kajian, pendekatan alternatif ini membantu memastikan penyediaan bekalan elektrik ke lebih banyak perkampungan di kawasan pedalaman.

Membina / membaik pulih rumah golongan miskin luar bandar

Dalam usaha menyediakan rumah untuk golongan miskin luar bandar, penting untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja meraih manfaat daripada usaha NKRA RBI ini. Oleh hal yang demikian, banyak daerah dan agensi peringkat negeri digembleng untuk mengenal pasti isi rumah yang memerlukan sementara portal eKasih (pangkalan data negara untuk isi rumah berpendapatan rendah) juga digunakan untuk memilih calon.

Kumpulan fokus peringkat daerah bertanggungjawab menilai merit bagi benefisiari yang berpotensi dan menentukan sama ada isi rumah tersebut layak untuk menyertai program. Kemudian, kumpulan fokus peringkat daerah akan mengemukakan cadangan berhubung dengan keperluan terhadap rumah baharu atau kerja-kerja membaik pulih kepada KKLW. Kementerian akan sentiasa berhubung rapat dengan pihak berkuasa yang relevan bagi memastikan realiti tempatan dipertimbangkan dalam proses pembuatan keputusan dan aktiviti penyediaan perumahan yang akan menyusul.

Bagi memastikan ketekalan (*consistency*), semua rumah yang dibina pada tahun 2011 menggunakan standard kualiti dan reka bentuk yang lazim. Langkah berhemat ini penting untuk mengurus kos dengan lebih berkesan. Setiap rumah berkeluasan 600 kaki persegi dan terdiri daripada tiga buah bilik tidur dan dua buah bilik air. Setiap rumah yang baru dibina ini juga dibekalkan dengan kemudahan asas seperti elektrik dan air terawat. Kemudahan asas ini sesungguhnya berjaya mempertingkatkan dengan nyata kualiti hidup keluarga yang sebelum ini hanya tinggal di rumah yang usang, di tempat perlindungan atau juga di pondok-pondok.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

NKRA RBI telah mencapai sebahagian besar daripada sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011. Keberhasilan keseluruhan NKRA RBI untuk tahun 2011 adalah seperti yang berikut:

Bil.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar 2011	Catatan	Lampu Isyarat
1.	Pembinaan Jalan Raya (km)	905	1,013	Sasaran 2011 tercapai	
2.	Bekalan Air (Bilangan isi rumah)	58,087	73,227	KKLW mencapai 126% penyampaian tahun ini berbanding dengan hanya 52% pada tahun 2010. Momentum ini mesti dikekalkan untuk mencapai KPI 2012	
3.	Bekalan Elektrik (Bilangan isi rumah)	26,882	27,004	Sasaran 2011 tercapai	
4.	Pembinaan rumah (unit)	9,146	14,365	KLW mencapai sasaran KPI pada Oktober 2011 dan berjaya mencapai 157% sasaran (KPI) menjelang Dis 2011	

Taraf hidup hampir 998,357 rakyat telah meningkat pada tahun 2011

1,013 km jalan raya luar bandar telah disiapkan	73,227 buah rumah luar bandar menerima bekalan air bersih	27,004 buah rumah luar bandar menerima bekalan elektrik	14,365 buah rumah untuk masyarakat miskin luar bandar dibina dan dibaik pulih
425,377 orang meraih manfaat	366,135 orang meraih manfaat	135,020 orang meraih manfaat	71,825 orang meraih manfaat

Secara kumulatifnya, inisiatif RBI telah memberikan impak terhadap kehidupan lebih 3.2 juta rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar. Dalam tempoh hanya dua tahun, NKRA RBI telah membantu lebih 30% masyarakat yang menghuni kawasan luar bandar di Malaysia.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar



Pembinaan jalan raya

Di bawah komitmen pembinaan jalan raya tahun 2011, kesemua 1,013km jalan raya berjaya disiapkan pada akhir Disember 2011. Sebahagian besar jalan raya ini dibina di Sabah dan Sarawak (iaitu lebih kurang 54% panjang jalan raya negara), mengambil kira jumlah kawasan pedalaman yang terdapat di sana adalah lebih besar berbanding dengan kawasan pedalaman yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Jadual berikut menunjukkan sampel beberapa projek pembinaan jalan raya tahun 2011:

Bil.	Nama Projek	Lokasi	Keberhasilan
1	Jalan Ulu Pedanum / Tubal Buah, Pakan, Bahagian Sarikei, Sarawak (5km)	Julau, Sarawak	600 buah keluarga atau lebih 3,000 penduduk kampung meraih manfaat daripada projek jalan raya sepanjang 5 km ini. Mereka kini sampai ke destinasi dengan lebih mudah dan masa perjalanan mereka juga telah dapat dikurangkan. Jalan raya baharu ini membolehkan kawasan penanaman dan ternakan dibuka di wilayah ini dan kehidupan peladang juga dipertingkatkan. Sebelum ini, akses menerusi jalan tanah merah biasanya tidak dapat digunakan semasa musim tengkujuh. Justeru, jalan raya baharu ini berjaya menyelesaikan masalah tersebut.
2	Jalan Unico Desa Sri Gandar, Kinabatangan, Sabah (Tundun Bohangin) – 24km	Kinabatangan, Sabah	Lebih kurang 300 buah keluarga meraih manfaat daripada projek jalan raya sepanjang 24 km ini. Kini, jalan raya baharu tersebut dapat menghubungkan 1,500 orang penduduk kampung (nelayan dan petani) di tiga buah kampung (Kampung Tundun Bohagian, Kulamba dan Sri Ganda) serta menyediakan akses kepada dua buah sekolah rendah. Sebelum ini, mereka hanya dapat bergerak menggunakan jalan tanah merah dan menggunakan bot, dan anak-anak pula terpaksa berjalan kaki ke sekolah. Dengan jalan baharu ini, penduduk kampung dapat memiliki kereta dan menikmati perjalanan yang selesa ke pekan terdekat. Pembinaan jalan raya ini telah banyak meningkatkan kualiti kehidupan, menggalakkan aktiviti perladangan dan pertanian serta membantu merangsang pertumbuhan ekonomi.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Jalan raya dan SALCRA beri masyarakat luar bandar nafas baharu



Jerry Kamit ialah seorang pemuzik tradisional yang berasal dari Kampung Semukoi, iaitu sebuah masyarakat petani terpencil di Sarawak yang terdiri daripada suku kaum Iban dan juga Bidayuh. Jerry merupakan pemain alat muzik sape yang terkemuka dan banyak memenangi anugerah dan beliau pernah membuat persembahan di merata tempat seperti Los Angeles, Singapura, Jepun dan Jerman. Jerry bekerja di Perkampungan Budaya Sarawak dan merupakan seorang ahli kumpulan Tuku Kame. Berusia 36 tahun, Jerry ialah anak kepada Nambing, 64 dan Lamai Riya, 57 yang bekerja sebagai petani.

“Ibu bapa saya sangat miskin. Kami hidup kais pagi, makan pagi dan kais petang, makan petang. Saya tidak pernah memiliki barang mainan atau kemewahan lain semasa zaman kanak-kanak.” ujar Jerry yang bertutur dalam bahasa Iban. Jerry masih dapat mengingat

kembali waktu beliau menelaah pelajaran bersama-sama dengan tiga lagi adik-beradiknya, Ellie, Wilbert dan Jelly (@Mohd. Fazil) pada waktu malam menggunakan lampu minyak tanah. Namun semua kenangan silam itu sudah pun berubah sejak terbinanya jalan raya dan infrastruktur lain di Kampung Semukoi.

Sejak wujudnya jalan raya baharu ini, taraf kehidupan di kampung telah banyak dipertingkatkan, ujar Jerry. Kini, penduduk kampung mempunyai jalan yang memudahkan mereka pergi ke ladang dan sawah padi untuk menjual hasil tanaman kepada peruncit dan pemborong yang pada hari ini dapat datang terus ke Kampung Semukoi. Sebelum ini, penduduk kampung terpaksa bergantung pada jalan air, iaitu sungai untuk mengangkut hasil tanaman mereka ke pasar di pekan yang terdekat.

Kehidupan pastinya sudah banyak berubah buat Jerry dan kampungnya, dengan kesalinghubungan yang bertambah baik di kawasan kampungnya sendiri dan juga meluas hingga ke kawasan perkampungan pedalaman yang lain. Setiap hari, penduduk kampung masih berhimpun untuk menjual hasil tanaman mereka.

Pembinaan jalan raya tersebut juga telah memendekkan masa perjalanan ke Pasar Tani Serian (tempat penduduk kampung menjual hasil tanaman) kepada 45 minit.

Sokongan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (SALCRA) yang mempelopori sebuah projek di kawasan tersebut telah membawa lebih banyak manfaat kepada penduduk. Skim SALCRA bertujuan membangunkan Tanah Adat dan membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar. Di bawah skim SALCRA, ramai penduduk kampung telah beralih kepada penanaman kelapa sawit termasuklah ibu bapa Jerry. Langkah ini menghasilkan peningkatan yang ketara dalam pendapatan isi rumah.

“Saya masih ingat ketika skim itu belum dilaksanakan, setiap keluarga hanya dapat memperoleh RM500 hingga RM600 sebulan. Selepas skim tersebut dilaksanakan, kini terdapat keluarga yang memperoleh purata RM3,000 setiap bulan,” jelas Jerry lagi.

Skim SALCRA juga membolehkan keluarga Jerry memperoleh pinjaman disebabkan pendapatan tetap, dividen dan juga bonus yang diperoleh mereka. Sebelum kewujudan skim SALCRA, mendapatkan pinjaman bank walaupun dalam jumlah yang kecil seperti untuk membeli kereta adalah sukar dan menjadi suatu perkara yang tidak pernah didengar kerana hanya mereka yang memiliki slip gaji seperti penjawat awam sahaja yang layak mendapatkan pinjaman sedemikian.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

“Dahulu, saya sering berasa bimbang akan keselamatan penduduk kampung saya terutama sekali anak-anak kecil apabila mereka ke sungai untuk mengambil air atau mandi. Tetapi kini dengan adanya bekalan air ke kampung (di bawah program bekalan air RBI), kualiti hidup kami sudah bertambah baik. Saya juga tidak lagi kluatir akan keselamatan penduduk kampung kerana bekalan air ini diterima di rumah dan airnya juga bersih.”

- Ketua Kampung, Tok Batin Alam Supah, Kg. Songkok, Ulu Selangor



Bekalan air

Di bawah komitmen bekalan air tahun 2011, bekalan air bersih dan terawat disediakan kepada 73,227 buah isi rumah lagi pada akhir tahun tersebut. Jadual berikut menunjukkan sampel beberapa projek bekalan air tahun 2011:

Bil.	Nama Projek	Lokasi	Keberhasilan
1	Program Bekalan Air Luar bandar (BALB), projek retikulasi di wilayah Sibul, Lanag dan Kanowit.	Sibu, Sarawak	1,062 isi rumah atau lebih kurang 5,000 orang penduduk kampung meraih manfaat daripada projek ini. Sebelum ini, kebanyakan masyarakat Iban mendapatkan bekalan air daripada air hujan yang ditadah dan sistem telaga selain mandi di sungai-sungai. Kini mereka dapat menikmati air bersih yang dibekalkan terus ke rumah. Selain menambah baik kualiti kehidupan penduduk kampung, projek ini bakal mencetuskan pembangunan di kawasan sekitar seperti pembangunan subpusat komersial atau pembangunan kawasan perumahan yang akan meningkatkan lagi taraf kehidupan penduduk kampung tersebut.
2	Projek BALB Bukit Katil	Bukit Katil, Melaka	1,943 isi rumah atau lebih kurang 9,000 orang penduduk kampung meraih manfaat daripada projek sambungan paip baharu. Pada keseluruhannya, tekanan air telah meningkat dan gangguan bekalan air dapat dikurangkan. Mutu air juga semakin baik dengan sambungan paip kepadatan tinggi baharu jenis polietilena (HDPE) yang memastikan kebersihan air dikekalkan pada paras optimum.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Salai tahai tidak pernah semaju ini

Berikutan projek bekalan air bersih luar bandar, penduduk di Kampung Awat-Awat di mukim Sundar kini menikmati air yang bersih dan terawat terus ke rumah masing-masing. Selain sekian banyak manfaat dan keselesaan yang diperoleh daripada bekalan air yang terawat dan berterusan ke rumah mereka sendiri, perubahan tersebut juga telah membawa manfaat dari segi ekonomi kepada penduduk kampung.

Bekalan air tersebut membolehkan penduduk Kampung Awat-Awat meningkatkan kualiti produk salai tahai mereka. Salai tahai ialah sejenis makanan tempatan yang dibuat daripada ikan. Harganya lebih kurang RM12 sekilogram dan meningkat sedikit pada musim hujan. Lebih 95% penduduk kampung ini terlibat dalam pembuatan salai tahai atau penangkapan ikan yang membekalkan bahan utama bagi penghasilan salai tahai.

Daerah Kampung Awat-Awat yang lebih besar terdiri daripada empat perkampungan kecil - Kampung Awat-Awat, Kampung Bangsal, Kampung Ujong dan Kampung Masjid. Kesemua kampung ini kini menikmati sistem jalan raya yang baik yang membolehkan akses yang lebih baik untuk penghantaran produk penduduk ke pasar-pasar yang terletak lebih jauh.

Kesimpulannya, usaha RBI yang berterusan ini telah membawa manfaat yang begitu besar kepada penduduk Lawas dan akan menyediakan asas yang kukuh kepada gelombang kedua peluang dan kemungkinan. Ini termasuk pemanfaatan potensi pelancongan yang cukup besar yang wujud di kawasan ini serta banyak lagi.



Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

“Keadaan hidup sudah bertambah baik dengan adanya sistem solar hibrid. Sebelum ini, penduduk kampung bergantung pada generator diesel persendirian yang sentiasa memerlukan penyenggaraan dan bekalan bahan api, sehingga kos boleh menjadi mahal. Kini, bekalan elektrik adalah tekal dan kadarnya jauh lebih murah dengan menggunakan meter persendirian. Pada hari ini, ramai penduduk yang sudah mempunyai televisyen, peti sejuk dan mesin basuh sendiri.”

- Kulaling Lakibol, penduduk Kampung Tanjung Batu Laut/Kampung



Bekalan Elektrik

Di bawah komitmen pembekalan elektrik tahun 2011, KKLW berjaya menyediakan bekalan elektrik 24 jam kepada 27,004 isi rumah tambahan pada 31 Disember 2011. Sebahagian daripada beberapa projek pembekalan elektrik ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Bil.	Nama Projek	Lokasi	Keberhasilan
1	VT/VR ke Rh Matu Ak Dingun, Rh Atan, Rh Banyan, SK Sungai Pakan, Rh Barau, Rh Kalong, Rh Liman, Rh Jilap dan Rh Matut Jln Pakan Entabai, Jalan Pakan	Julau, Sarawak	261 buah isi rumah meraih manfaat daripada sambungan talian grid dan bekalan elektrik 24 jam. Sebelum ini, penduduk kampung bergantung pada set generator (genset) yang hanya dapat bertahan selama tiga hingga empat jam sehari untuk keperluan tenaga elektrik asas seperti menyalakan lampu, mendengar radio dan menonton TV.
2	Projek Hibrid Solar Tanjung Batu Darat dan Tanjung Batu Laut	Sandakan, Sabah	142 isi rumah meraih manfaat daripada projek ini. Majoriti ialah penduduk Suluk yang bekerja sebagai nelayan, pekerja ladang dan penjawat awam luar bandar. Projek hibrid solar menyediakan bekalan elektrik 24 jam berbanding dengan genset yang hanya dapat bertahan selama tiga hingga empat jam sehari.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar



Masa depan yang lebih cerah

Dengan adanya projek hibrid solar baharu, penduduk Kampung Tanjung Batu Darat dan Kampung Tanjung Batu Laut kini dapat menikmati bekalan elektrik 24 jam. Sebelum ini, penduduk kampung hanya bergantung pada generator diesel untuk mendapatkan bekalan elektrik bagi menjana TV, radio, lampu dan sebagainya. Kuasa elektrik itu pula hanya terhad di antara enam sehingga lapan jam sehari sahaja. Kini dengan adanya sistem hibrid solar tersebut, penduduk di kedua-dua buah kampung ini sudah dapat menikmati bekalan elektrik selama 24 jam sepanjang hari tanpa perlu lagi mengalami gangguan bekalan.

Sistem solar hibrid ini terdiri daripada ladang solar, kemudahan simpanan bateri dan generator tenaga diesel. Pada waktu siang, tenaga yang diperoleh daripada panel solar digunakan untuk membekalkan kuasa elektrik ke kampung. Pada sebelah malam, generator diesel tersebut akan mengambil alih tugas menyampaikan bekalan tenaga elektrik. Pada hari ini, barangan elektrik seperti peti sejuk dan mesin basuh sudah mula didapati di rumah-rumah penduduk kedua-dua kampung ini sedangkan sebelum ini, sesiapa pun tidak mahu membelinya kerana masalah pembekalan tenaga elektrik.

Keadaan ekonomi penduduk juga sudah semakin baik diukur dari perspektif ekonomi. Selama ini, penduduk Kampung Tanjung Batu Laut hanya bergantung pada aktiviti akuakultur dan yang berkaitan dengan perikanan sebagai sumber pendapatan tunggal mereka. Pada ketika itu, hasil tangkapan hanya dapat disimpan di dalam kotak ais dan setiap hari ais terpaksa dibeli dari Sandakan. Keadaan menjadi semakin mencabar apabila tiba musim tengkujuh, kerana mereka mahu menyimpan bekalan ikan untuk kegunaan sendiri. Dengan kewujudan bekalan elektrik 24 jam, kapasiti penyimpanan penduduk kampung telah bertambah. Penduduk kampung sudah dapat menyimpan hasil tangkapan mereka di dalam peti ais yang lebih tahan lama dan terjamin kebersihannya.

Bekalan elektrik 24 jam ini juga telah membolehkan penduduk kampung meninjau pengembangan barisan pengeluaran dengan menggabungkan pelbagai produk hiliran pada masa depan (misalnya, ikan boleh dijadikan kerepek atau bahan perencah). Sebelum ini, penduduk kampung terpaksa membayar purata RM187.50 untuk bekalan elektrik selama lapan jam sehari, kini mereka hanya membayar purata RM100 sebulan untuk kegunaan elektrik sekeluarga. Kemudahan moden seperti ini pastinya menjadikan penduduk kampung hidup lebih senang serta selesa dan mereka tentu sekali mahukan masa depan yang lebih cerah.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Pembinaan rumah

Di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) RBI, 14,365 unit rumah telah disiapkan pada Oktober 2011, dan dengan demikian mencatatkan lebih pencapaian sebanyak 157%. Pencapaian ini membawa maksud bahawa terdapat 5,219 benefisiari tambahan yang menerima rumah baharu atau yang dibaik pulih. Jadual yang berikut menunjukkan sebahagian daripada beberapa projek pembinaan rumah pada tahun 2011:

Bil.	Nama Projek	Lokasi	Keberhasilan
1	PBR Mengkabong	Tuaran, Sabah	620 buah rumah baharu telah dibina untuk masyarakat nelayan penempatan semula yang menyediakan persekitaran baharu yang lebih berdaya huni (<i>liveable</i>) berbanding dengan persekitaran perkampungan terapung mereka yang terdahulu.
2	PBR Pulau Seduku	Sri Aman, Sarawak	Projek melibatkan 126 buah rumah baharu yang dibina untuk membantu membasmi kemiskinan dalam kalangan peserta melalui aktiviti ekonomi sampingan dalam bentuk perladangan kelapa sawit dan akuakultur. Projek akuakultur melibatkan penternakan ikan air tawar di dalam sangkar ikan yang dibiayai kerajaan di sepanjang Sungai Batang Lupar yang berhampiran.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Bantuan perumahan mempertingkatkan kehidupan

Penduduk Kg Orang Asli Sg Rual, Kelantan dahulunya hidup dalam rumah beratap rumbia sehinggalah mereka menerima rumah baharu di bawah inisiatif PBR. Ketua kampung, En. Rashid Bernas melahirkan rasa syukur beliau, "Sekarang kami lebih bahagia kerana rumah baharu ini dibekalkan dengan kemudahan asas yang diperlukan. Kami mengucapkan terima kasih yang sedalam-dalamnya kepada pihak kerajaan kerana menghulurkan bantuan ini."

Di bawah program PBR, setiap rumah baharu ini berkeluasan 600 kaki persegi, dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air. Setiap satunya juga dihubungkan dengan bekalan elektrik dan air bersih. Kemudahan asas ini membawa kesan yang positif terhadap kualiti kehidupan keluarga yang sebelum ini hidup dalam keadaan yang daif.

Sebelum



Selepas



KEBERHASILAN

Kesan pemangkin inisiatif RBI

Setakat ini, inisiatif RBI sudah jauh melangkah dalam menyampaikan manfaat transformasi kepada jutaan rakyat Malaysia. Penyediaan jalan raya, air dan elektrik telah membawa kesan pemangkin terhadap pertumbuhan industri desa, perladangan, pengangkutan dan penjagaan kesihatan. Dari perspektif pendidikan, pembinaan jalan baharu atau penaiktarafan jalan telah memudahkan lagi akses sekali gus meningkatkan bilangan anak-anak luar bandar yang dapat ke sekolah dan juga mengurangkan kadar keciciran sekolah. Bekalan elektrik yang berterusan juga bermakna anak-anak di luar bandar sudah dapat menelaah pelajaran pada waktu malam. Jalan raya baharu dan yang dinaik taraf juga telah membuka banyak peluang bagi pembangunan ekonomi yang lebih meluas selain menandakan bermulanya era pembinaan infrastruktur telekomunikasi seperti talian telefon dan hubungan telefon mudah alih.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar



Jika anda mengambil kira kesan perubahan yang cukup besar terhadap penduduk dan masyarakat perkampungan luar bandar, anda tidak akan sekali-kali dapat memperlekeh atau memperkecil kepentingan NKRA RBI. Dengan adanya kemudahan asas tersebut, gelombang kedua pembangunan (iaitu sekolah, talian telefon, Internet dan perkhidmatan talian mudah alih selain pengangkutan barangan dan perkhidmatan yang menggalakkan aktiviti ekonomi) akan dapat dilaksanakan. Keadaan ini seterusnya akan mencipta potensi ekonomi dan pendidikan yang lebih besar, peningkatan kualiti hidup yang semakin baik, pembasmian kemiskinan selain pelbagai bentuk kemajuan sosial yang lain.

Selain itu, pelaburan infrastruktur tersebut dianggarkan akan mewujudkan kesan pengganda sehingga 1.5 kali KDNK. Hal ini jelas apabila melihat kesan langsung daripada pelbagai projek infrastruktur terhadap kehidupan masyarakat luar bandar di seluruh Malaysia.

Jalan baharu yang membuka lebih banyak peluang

Ketiadaan infrastruktur jalan raya yang baik ditambah dengan keadaan berbukit-bukau di Limbang, Sarawak menyukarkan akses ke kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, kepayahan yang dialami oleh masyarakat setempat telah berakhir apabila jalan raya sepanjang 10 km yang menghubungkan kawasan pedalaman dengan pekan terdekat siap dibina. Jalan raya baharu ini bukan sahaja memudahkan akses, tetapi penduduk kampung juga gembira dengan pewujudan peluang baharu dan penambahbaikan pada kualiti kehidupan berikutan pembinaan jalan tersebut. Malah, sudah banyak manfaat yang dinikmati oleh penduduk Limbang.

“Jalan raya baharu ini memudahkan kami untuk bergerak kerana masa perjalanan dari Meritam dan Telahak telah dapat disingkatkan. Kalau dahulu, kampung-kampung yang bersempadan dengan sungai tidak dapat dihubungi tetapi kini jalan raya itu telah memudahkan kami,” ujar seorang penduduk, Sufian Mahat. “Setelah adanya jalan raya ini, wujud banyak peluang baharu. Pendidikan, aktiviti perniagaan barangan tradisional selain pelaksanaan program kerajaan yang lain seperti Rumah Mesra Rakyat dan Program Bantuan Rumah Tempatan telah dapat kami nikmati” tambah beliau.

Sentimen yang serupa turut disuarakan oleh pembuat parang tradisional di Limbang. Sebelum ini, mereka terpaksa menghabiskan separuh hari untuk merentasi hutan, mencari kayu yang sesuai untuk membuat hulu parang. Berulang-alik dengan menaiki motosikal, tukang-tukang ini terpaksa melalui jalan kayu balak dan mendaki tiga buah bukit untuk sampai ke destinasi masing-masing. Sekarang, dengan adanya jalan baharu tersebut, mencari rezeki tidak sepayah dahulu lagi.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Semangat 1Malaysia

Mendukung dengan sepenuh keikhlasan semangat 1Malaysia, NKRA RBI telah berjaya mengubah kehidupan masyarakat luar bandar Malaysia menjadi lebih baik tanpa mengira apa jua bangsa atau agama. Pelbagai inisiatif RBI yang dilancarkan telah memberikan kesan yang positif kepada pelbagai kumpulan etnik di seluruh negara. Di Sabah dan Sarawak sahaja, lebih 27 dan 30 kumpulan etnik masing-masing telah meraih manfaat.

Berikut ialah beberapa contoh kesan transformasi hasil daripada inisiatif RBI:

- Bekalan air bersih yang disalurkan kepada masyarakat Brunei dan Kadayan di Lawas, Sarawak membolehkan mereka meningkatkan kapasiti penghasilan dan kualiti aktiviti industri desa ikan tahai tradisional mereka.
 - Dahulu, kaum Iban di Betong dan di beberapa bahagian di Sarawak menggunakan jalan tanah merah untuk mengangkut hasil perladangan (lada hitam, buah-buahan, sayur-sayuran dan ikan). Mandi di sungai juga merupakan rutin harian. Akan tetapi pada hari ini, mereka mengangkut barangan ke pasar menggunakan jalan berturap dan mandi dengan selesa di rumah sendiri menggunakan bekalan air bersih. Jalan berturap juga telah meningkatkan kesalinghubungan penduduk ke kilang kelapa sawit lantas mendorong mereka untuk mula menanam kelapa sawit.
 - Ramai masyarakat Iban, Bidayuh, Kayan dan Kenyah yang sebelum ini menadah air hujan dan menimba air dari perigi, malahan juga mandi di sungai-sungai, kini dapat menikmati bekalan air bersih yang disalurkan terus ke rumah masing-masing.
 - Penduduk Kampung Batu Laut, Kinabatangan, Sabah dan 12 buah rumah panjang di Saeh, Sarawak tidak lagi bergelap pada waktu malam berikutan bekalan elektrik 24 jam yang disalurkan ke perkampungan tersebut sejak awal tahun 2011.
 - Kaum Kelabit di Bario, Sarawak sebelum ini menggunakan jalan yang berlopak. Dengan terbinanya jalan konkrit baharu yang menghubungkan perkampungan mereka, mereka kini dapat menggunakan jentera di sawah padi dan mengangkut hasil tanaman dengan lebih mudah. Jika dahulu mereka berjalan kaki atau meredah jalan tanah merah, kini mereka dapat memandu atau menaiki basikal di jalan konkrit yang berturap.
 - Kaum Bajau Laut Kampung Atas Air, Semporna di Sabah meraih manfaat daripada rumah baharu yang dibina selepas tragedi kebakaran yang memusnahkan lebih 20 buah rumah kampung. Kini mereka mendiami rumah yang mempunyai bilik-bilik yang lebih besar, dapur, bilik air dan tandas selain menikmati bekalan air yang bersih.
-

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Lawas – bagaimana jalan raya telah mengubah kehidupan

Lawas ialah sebuah pekan kecil yang indah berlatarbelakangkan banjaran Gunung Crocker. Jika menaiki pesawat, anda akan mengambil masa 45 minit dari Miri. Lawas terletak di antara Brunei dengan Sabah, di koridor timur laut Sarawak. Disebabkan lokasi alamnya, Lawas sebelum ini terputus hubungan dengan jaringan jalan raya Sarawak yang lain. Keadaan itu menjadi semakin sukar disebabkan banyak faktor geografi dan logistik yang membuatkan pembinaan jalan raya di kawasan tersebut suatu tugas berat yang amat mencabar. Ditambah pula dengan cabaran kejuruteraan untuk membina dan menyenggara jalan raya di bumi yang berceranggah, terutamanya ketika cuaca buruk dan banjir.

Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak pernah sekali-kali menghalang kerajaan untuk membawa pembangunan kepada masyarakat di Lawas. Melalui cara luar biasa dan pendekatan baharu, jalan raya gred A menghubungkan pekan yang indah ini dengan jaringan jalan raya utama telah dibina. Jalan baharu ini membentuk sebahagian daripada inisiatif RBI untuk membina 14 batang jalan raya di kawasan tersebut.

Hari ini, Lawas ialah sebuah pekan yang menerima nafas baharu dengan kehidupan penduduknya yang kian bertambah baik. Peluang ekonomi baharu semakin cerah dan berdaya maju bagi masyarakat Lawas dan perkampungan nelayan serta ladang berhampiran. sebagai contohnya, perkampungan nelayan Pantai Punang di utara timur laut Sarawak dan salah sebuah kawasan pinggir pantai di kawasan ini kini sudah dihubungkan dengan Lawas melalui jalan berturap sejauh 12 km. Perjalanan yang dahulunya mengambil masa 1 jam kini dapat dipendekkan kepada 15 minit sahaja.



Penduduk Kampung Pemukat, iaitu sebuah lagi perkampungan nelayan, turut menikmati faedah daripada pembinaan jalan baharu ini. Ketua kampung, En. Abd Kadir menceritakan bagaimana jalan raya tersebut telah mengubah hidup mereka. “Dulu, apabila kami membuka pintu belakang, kami melihat ladang kelapa sawit yang terbentang luas tetapi hari ini kami melihat jalan raya. Sekarang, kereta pun sudah boleh diletakkan di belakang rumah.”

Setakat ini, 39 buah keluarga telah memilih untuk menempatkan semula rumah mereka berdekatan dengan jalan raya baharu ini dan mereka tidak lagi tinggal di tebing sungai.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar



CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

Dalam melaksanakan inisiatif RBI 2011, KKLW menghadapi beberapa cabaran. Penjajaran semula projek, perubahan dalam skop kerja dan berbagai-bagai isu pembinaan ada kalanya melewati penyampaian projek. Walau bagaimanapun, kebanyakan halangan ini telah berjaya ditangani sepanjang tahun tersebut. Apabila perlu, PEMANDU membantu dengan mempercepat proses pembuatan keputusan dengan memastikan agensi tadbir urus tempatan membuat keputusan dengan segera dan membetulkan isu tapak tepat pada masanya untuk memenuhi KPI mereka.

Antara beberapa cabaran yang ditangani pada tahun 2011 termasuk:

- **Kekurangan bahan mentah**

Di bawah peraturan Kementerian Kewangan, paip HDPE untuk kerja-kerja retikulasi air hanya boleh dibeli daripada pembekal yang berdaftar. Disebabkan peningkatan projek yang mendadak daripada NKRA, pembekal berdaftar tidak dapat memenuhi permintaan para kontraktor. Untuk menyelesaikan masalah ini, KKLW mendapatkan kelulusan daripada mesyuarat DTF yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri untuk membolehkan kontraktor membeli paip HDPE buat sementara waktu daripada pembekal yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

- **Pengambilalihan tanah**

Sebelum pembinaan bermula, pengambilalihan tanah perlu diselesaikan untuk membolehkan kontraktor memasuki tapak kerja. Pejabat tanah negeri akan memberikan penilaian saksama terhadap tanah dan kementerian akan membayar tuan tanah berdasarkan cadangan pejabat tanah. Terdapat beberapa projek di Sarawak yang melibatkan sebilangan kecil tuan tanah yang tidak bersetuju dengan penilaian tersebut dan enggan menerima pampasan daripada kementerian. Untuk mengatasi halangan ini, Ahli Parlimen tempatan telah dipanggil untuk menjadi pengantara perundingan antara tuan tanah dengan pejabat tanah bagi mencapai penyelesaian bersama.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

- **Koordinasi antara kerajaan**

Salah satu tatacara pengendalian pihak berkuasa tempatan ialah kontraktor yang bekerja di bahu jalan untuk pelebaran jalan dan pemasangan paip air dikehendaki membayar deposit sebanyak 5% daripada jumlah kos kontrak kepada pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu sebelum kerja boleh dimulakan. Garis panduan ini bertujuan memastikan kontraktor merapikan semula kawasan kerja selepas projek siap. Walau bagaimanapun, peraturan ini menyebabkan aliran tunai sesetengah kontraktor terjejas teruk kerana 5% daripada jumlah kos projek ialah jumlah yang besar daripada sesuatu dana pusingan projek. Dengan membayar deposit ini, kontraktor kelas E/F mengalami kekurangan dana pusingan untuk melaksanakan projek mereka.

Bagi mengatasi masalah ini, kementerian telah meminta pengecualian daripada pihak berkuasa tempatan. Bagi memastikan kawasan kerja pulih seperti asal, kementerian hanya akan menjelaskan bayaran akhir kepada kontraktor selepas mendapat persetujuan daripada pihak berkuasa tempatan.

- **Proses tender dan tempoh kelulusan yang panjang**

Berdasarkan kelaziman, proses dan kelulusan tender oleh Kementerian Kewangan boleh mengambil masa sehingga 150 hari. Hasilnya, banyak projek yang berkaitan dengan RBI pada peringkat awalnya mengalami kelewatan. Namun, kerumitan proses ini telah berjaya diatasi berikutan intervensi mesyuarat DTF yang menyaksikan proses dan kelulusan projek berkaitan dengan RBI dipantau dan dijejak dengan pantas. Natijahnya, projek-projek kembali berjalan seperti biasa dan penyampaian produk serta perkhidmatan dilancarkan mengikut jadual.

IKTIBAR YANG DIPELAJARI

Integrasi inisiatif RBI

Semasa pelaksanaan penyediaan jalan raya, air dan elektrik pada tahun 2011, kementerian berhadapan dengan beberapa pertembungan antara projek jalan raya dengan air atau elektrik di beberapa buah lokasi. Aturan kerja pembinaan yang sebetulnya ialah kerja-kerja infrastruktur seharusnya dimulakan dengan menyiapkan kerja jalan raya sebelum memulakan sebarang kerja utiliti. Hal ini disebabkan spesifikasi reka bentuk yang memerlukan paip air dan tiang elektrik dipasang di bahu jalan raya. Berikutan aturan kerja sedemikian, beberapa projek bekalan elektrik telah sengaja dilewatkan untuk membolehkan kerja jalan raya disiapkan dahulu.

Oleh sebab bekalan elektrik dan air dilaksanakan oleh agensi yang berbeza-beza, KKLW perlu menyelaraskan inisiatif bebas ini. Justeru, semua agensi pelaksana pada peringkat negeri telah diberikan perincian projek bagi kesemua projek untuk mengenal pasti sebarang konflik yang dihadapi oleh projek tersebut. Setelah konflik dikenal pasti, KKLW kemudiannya akan mengkaji semula jadual projek utiliti selaras dengan pembinaan jalan raya. Bagi menangani perkara ini dengan isu penyelarasan lain, KKLW akan melaksanakan Rancangan Transformasi Luar bandar pada tahun 2012.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

PERSEPSI ORANG RAMAI

Sifat mangkin dan nyata projek NKRA RBI ini bermakna kesannya dapat dirasai serta-merta oleh ramai ahli masyarakat luar bandar yang terlibat. Dalam kebanyakan hal, persepsi orang ramai adalah amat positif. Meskipun masih belum ada tinjauan rasmi dijalankan berkaitan dengan inisiatif RBI, namun berdasarkan maklum balas positif yang diterima daripada ketua-ketua kampung, benefisiari dan keluarga mereka, jelas sekali ramai yang gembira dengan manfaat transformasi yang terhasil daripada NKRA RBI.

Satu fakta yang tidak kurang pentingnya ialah rakyat bukan sahaja berpuas hati dengan penyampaian perkhidmatan, malah juga berpuas hati terhadap mutu perkhidmatan tersebut, iaitu ketekalan dan keandalan bekalan air dan elektrik selain kualiti rumah dan jalan raya yang dibina.

Walau bagaimanapun, dari perspektif makro, lebih banyak aktiviti pembinaan persepsi diperlukan. Meskipun impak inisiatif RBI sejauh ini adalah ketara dan meninggalkan kesan yang besar, namun persepsi orang ramai kelihatan agak hambar dan sepi. Banyak penjelasan yang mungkin timbul termasuk kenyataan bahawa oleh sebab inisiatif RBI lebih disasarkan di kawasan semula jadi (maksudnya inisiatif tersebut disasarkan kepada masyarakat atau kawasan luar bandar tertentu), manfaat dan impak projek-projek ini tidak akan jelas kelihatan dan disedari oleh rakyat Malaysia yang tinggal di luar kawasan ini.

Melangkah ke hadapan, terdapat keperluan yang lebih mendesak untuk berinteraksi dengan media dan ahli-ahli Parlimen kawasan tertentu untuk menggalakkan kesedaran yang lebih tinggi berkaitan dengan projek-projek RBI di kawasan parlimen masing-masing. Penglibatan media dan juga ahli politik tempatan akan membantu merapatkan jurang persepsi dan pada masa yang sama memastikan bahawa usaha NKRA RBI yang murni ini mendapat perhatian dan disedari oleh jumlah khalayak dan rakyat yang lebih besar.

MELANGKAH MENUJU 2012

Melangkah menuju 2012, Pasukan NKRA RBI telah beriltizam untuk memenuhi sasaran NKPI yang berikut:

NKPI	KPI	Bajet (RM Juta)
Jalan raya	1,349 km	1,810.6
Rumah	14,564 buah rumah	302.9
Elektrik	39,442 buah rumah	1,073.9
Air	201,192 buah rumah	2,089.9

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Inisiatif baharu untuk tahun 2012

Apabila ditinjau kembali, tahun 2011 merupakan tahun NKRA RBI dilimpahi keberhasilan cemerlang yang dicapai di bawah setiap satu daripada empat NKPI. Walau bagaimanapun, lebih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan pada tahun 2012. Pasukan NKRA RBI mesti kekal proaktif dan menggandakan usaha mereka untuk merealisasikan semua matlamat. Untuk meningkatkan lagi penyampaian pembangunan luar bandar, beberapa inisiatif baharu untuk tahun 2012 telah dikenalpasti.

Penglibatan pihak tentera dalam pembinaan rumah (penjimatan kos sebanyak 30%)

Pendekatan inovatif KKLW dengan mendapatkan usaha sama Kementerian Pertahanan (MINDEF) akan meningkatkan usaha penyediaan rumah di samping memperoleh beberapa kelebihan lain. Penjimatan kos sebanyak 30% merupakan satu rahmat yang besar dan membolehkan lebih banyak rumah dibina pada kos yang lebih rendah. Usaha sama ini akan mencakupi bahan mentah, kos peralatan dan pengangkutan. Malah, pendekatan ini sudah pun berjaya dilaksanakan di kawasan tertentu pada tahun 2011 dan akan diperluas ke tapak projek tambahan pada tahun 2012.



Program Transformasi Luar bandar Baharu

Semasa Ucapan Bajet 2012, Perdana Menteri telah menggariskan beberapa inisiatif sebagai sebahagian daripada usaha transformasi berterusan di kawasan luar bandar. Program Transformasi Luar bandar atau RTP akan mentransformasikan kawasan luar bandar untuk menarik pelaburan swasta, mewujudkan pekerjaan dan aktiviti ekonomi, selain memberi generasi muda peluang untuk pulang ke kampung dan bekerja di kawasan luar bandar.

Program ini akan berkuat kuasa pada tahun 2012 dan akan menyepadukan semua inisiatif berasaskan kawasan luar bandar untuk mencipta pembangunan kawasan luar bandar yang lebih holistik di negara ini.

Pembinaan infrastruktur asas luar bandar ini adalah salah satu daripada beberapa komponen dalam pendekatan komprehensif untuk membangunkan kawasan luar bandar. Terdapat beberapa inisiatif dalam GTP dan ETP yang telah memberikan tumpuan khusus pada kawasan luar bandar. Misalnya, di bawah NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (CCI) terdapat satu EPP tentang Capaian Lanjut untuk meningkatkan capaian perkhidmatan rangkaian mudah alih dan jalur lebar ke kawasan luar bandar. Satu lagi contoh utama ialah NKEA Pertanian yang telah mengenal pasti lapan EPP.

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Sebagaimana yang diumumkan dalam Bajet Negara 2012, inisiatif baharu sedang diperkenalkan untuk merangsang pembangunan ekonomi dan memupuk masyarakat luar bandar. Berikut merupakan dua contoh:

- Penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) untuk menyepadukan perkhidmatan termasuk mengumpul, memproses dan mengedarkan produk pertanian; perbankan dan insurans, perkhidmatan penasihat perniagaan; latihan dan kemahiran; selain penyediaan klinik dan ruang niaga.

RTC juga akan menyelaraskan pelbagai program yang dimulakan oleh agensi yang berkaitan. RTC pertama akan dibuka di Gopeng dan dirasmikan oleh Perdana Menteri pada suku pertama tahun 2012.

- Pelaksanaan Program Lonjakan Mega Luar Bandar yang meliputi kawasan seluas 6,500 hektar di 11 Projek Agropolitan di seluruh negara untuk mengusahakan komoditi, tanaman kontan di samping ternakan ikan dalam sangkar.

Pembangunan Perkampungan Abad Ke-21



Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar bandar

Bertemakan perkampungan masa depan, Rangka Kerja Perkampungan Abad Ke-21 ialah satu konsep yang dibangunkan untuk mentransformasikan sifat semula jadi kawasan luar bandar di Malaysia. Dengan menyediakan peluang ekonomi yang mampan dan bersesuaian serta pada masa yang sama menyediakan kedua-dua infrastruktur asas dan sosial, perkampungan Abad ke-21 akan dibangunkan semula menjadi lokasi yang moden dan progresif serta menawarkan kualiti hidup yang menarik untuk penghuninya.

Dengan cara ini, kampung-kampung tersebut diharapkan akan ditransformasikan menjadi pusat aktiviti; yang dapat meningkatkan kualiti kehidupan; sebagai alternatif yang menarik kepada generasi muda yang memilih untuk tinggal atau kembali ke kampung mereka dan mencari pekerjaan dalam bidang pertanian. Pertambahan bilangan muda-mudi Malaysia yang kembali untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian akan memberikan manfaat kepada industri ini selain membantu menangani masalah penghijrahan (*migration*) dari luar bandar ke bandar.

Kesemua usaha yang ditangani dengan pendekatan holistik ini akan berpacuan pembangunan ekonomi. Beberapa sektor, seperti pelancongan, pertanian dan kelapa sawit/getah sememangnya mempunyai akar umbi masing-masing di kawasan luar bandar. Sudah tiba masanya untuk potensi aktiviti ini diterokai. Projek perintis di beberapa petempatan masyarakat luar bandar akan dimulakan untuk menerajui usaha ini.

Meskipun kita telah mengorak kemajuan yang besar sebagai sebuah negara dalam konteks pembangunan luar bandar dan meningkatkan kehidupan jutaan rakyat Malaysia, namun hakikatnya masih banyak usaha yang perlu kita lakukan. Inspirasi yang diperoleh menerusi pencapaian sejauh ini dan didorong pula oleh matlamat masa hadapan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan rakan agensi pelaksanaannya akan terus berusaha untuk merealisasikan wawasan Malaysia sebagai sebuah negara untuk semua rakyat Malaysia, baik yang tinggal di bandar mahupun di luar bandar, untuk bersama-sama menikmati hasil kemajuan negara kita yang tercinta ini.



Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar



Bersama
Menambah baik kehidupan
bandar

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar



Dato Seri Kong Cho Ha

Menteri Pengangkutan

“Meskipun tahun 2011 terbukti merupakan tahun yang penuh dengan usaha gigih dan sarat dengan rintangan, namun kami tetap meneruskan usaha membanggakan yang telah dimulakan sebelum ini dengan mengorak kemajuan yang besar dalam mempertingkatkan sistem pengangkutan awam di Lembah Klang. Walaupun terus menempuh pelbagai rintangan sepanjang perjalanan ini, kami nekad untuk bergerak ke hadapan dan mengenal pasti jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi rakyat. Impian kami adalah untuk melihat pengguna di bandar menjadikan sistem pengangkutan awam negara sebagai kaedah pengangkutan pilihan utama mereka.”



Mempercepat langkah menuju sistem pengangkutan awam bandar bertaraf dunia

Ketika Malaysia berhadapan dengan ekonomi global dan memulakan transformasi ke arah negara ekonomi berpendapatan tinggi, kita perlu mewujudkan sistem pengangkutan awam bandar bertaraf dunia yang andal, selesa selain menawarkan harga berpatutan selari dengan hasrat tersebut. NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (UPT) diperkenalkan pada tahun 2010 untuk menangani masalah-masalah pengangkutan yang lazim pada waktu itu dan pada masa yang sama membolehkan keseluruhan infrastruktur menyokong kemajuan negara.

Pada tahun 2010, NKRA UPT berusaha untuk menangani isu-isu pengangkutan yang lazim dihadapi oleh penduduk bandar di Lembah Klang. Masalah-masalah tersebut termasuklah kesesakan teruk pada waktu puncak, masalah keandalan perkhidmatan dengan pembatalan dan/atau kelewatan yang kerap serta akses yang tidak memuaskan kepada perkhidmatan atau rangkaian pengangkutan awam.

Pada tahun 2010, pasukan NKRA UPT telah menetapkan sasaran yang tinggi untuk mempertingkatkan nisbah mod (*modal share*) pengangkutan awam di Lembah Klang kepada 15% pada tahun 2010 dan 25% pada akhir tahun 2012 pada waktu puncak pagi. Hal yang demikian telah mencetuskan usaha ke arah mengubah infrastruktur bas, kereta api, rangkaian dan integrasi di Lembah Klang. Transformasi ini juga dilaksanakan dengan harapan untuk memenuhi permintaan pada

masa hadapan penduduk bandar yang dijangka mencecah 10 juta orang pada tahun 2020. Inisiatif tahun 2010 ini memerlukan perubahan transformasi dan kerjasama yang belum pernah dilakukan sebelum ini antara agensi kerajaan selain usaha sama yang kukuh antara sektor awam dengan swasta. Hasil daripada inisiatif yang berskala besar, strategik dan seragam pada tahun 2010, NKRA UPT telah meraih keputusan yang membanggakan pada tahunnya yang pertama.

Pencapaian pada tahun 2010 termasuklah pembinaan dan penyempurnaan ITT BTS (Terminal Bersepadu Selatan); pengenalan lima laluan Bus Expressway Transit (BET) dengan matlamat utama mengurangkan masa perjalanan bas dengan menggunakan jalan raya yang belum dimanfaatkan sepenuhnya; pembaikpulihan sebanyak 634 perhentian bas di kawasan Sepang, Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Selayang, Ampang Jaya dan Kajang; dan pengenalan sejumlah 22 set tren empat gerabak baharu di LRT Kelana Jaya yang berjaya menampung lebih 2.43 juta penumpang sepanjang tempoh 12 bulan pada tahun 2010.

Pada tahun 2011, pasukan ini mengekalkan momentum kukuh yang diperoleh daripada pencapaian tahun 2010 dengan membawa inisiatif UPT ke tahap yang lebih tinggi. Kami menetapkan sasaran yang tinggi bagi mencapai 21% nisbah mod pengangkutan awam pada akhir tahun 2011 dan memperkenalkan inisiatif-inisiatif baharu untuk mencapai sasaran ini. Tahun 2011 juga menyaksikan pengenalan NKPI baharu, iaitu Indeks Keselamatan Jalan Raya yang bertujuan menyemai budaya mengutamakan keselamatan jalan raya di Malaysia.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar



Pasukan NKRA menghadapi pelbagai rintangan dalam mencapai sasarannya, namun mereka terus bekerja keras menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan untuk meningkatkan jumlah pengguna pengangkutan awam di sekitar Lembah Klang. Hasilnya, kejayaan yang berikut berjaya diraih:

KEJAYAAN BESAR

- Pengenalan sejumlah 470 bas RapidKL yang meningkatkan kekerapan bas di sekitar Lembah Klang. Sehingga 31 Disember 2011, lebih 4.04 juta orang penumpang menggunakan perkhidmatan bas RapidKL berbanding dengan tahun yang sebelumnya
- Pelancaran 35 tren empat gerabak untuk sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Kelana Jaya yang berupaya menggandakan kapasiti penumpang harian kepada 258,156 pada tahun 2011 daripada 254,745 penumpang pada tahun 2010. Pada tahun 2011, lebih 10.4 juta penumpang telah menggunakan LRT sepanjang tempoh 12 bulan
- Peningkatan bilangan penumpang rel LRT Kelana Jaya sebanyak 18%
- Sehingga Mac 2011, Terminal Bersepadu Selatan (dikenali juga sebagai Integrated Transport Terminal Bandar Tasik Selatan atau ITT BTS) telah beroperasi sepenuhnya. ITT BTS ini berjaya membantu mengurangkan kesesakan bandar raya Kuala Lumpur dengan mengalihkan 500 bas ekspres dari arah selatan tanah air memasuki pusat bandar (CBD)
- Transformasi terminal Pudu Sentral (asalnya dikenali sebagai Terminal Puduraya) yang begitu dinanti-nantikan telah berjaya disempurnakan. Setelah melalui proses pengubahsuaian utama yang pertama kalinya semenjak dibuka kepada orang ramai pada tahun 1976, Pudu Sentral yang berwajah baharu kini dibuka semula bagi orang ramai pada bulan April 2011 dengan menawarkan kemudahan moden bertaraf dunia
- Pengenalan tiga lagi laluan Bus Expressway Transit (BET) untuk memendekkan masa perjalanan bas di tiga laluan utama
- Buat pertama kali dalam sejarah negara, penumpang bas dapat menikmati pengalaman menggunakan tiket perjalanan yang lancar menerusi *New Bus Ticketing System (NBTS)* baharu merentas semua bas RapidKL yang diperkenalkan oleh Syarikat Prasarana Nasional Berhad (Prasarana)
- Kini penumpang LRT juga dapat menikmati perjalanan yang lancar hasil pelaksanaan Kutipan Tambang Automatik (AFC) melalui Sistem Tiket Bersepadu RapidKL di LRT aliran Kelana Jaya dan Ampang. Sistem AFC yang baharu ini membolehkan penggunaan satu tiket bagi perjalanan ke semua destinasi LRT RapidKL berkuat kuasa mulai 28 November 2011

Kejayaan ini amat bermakna kerana ia dicapai berlatarbelakangkan peningkatan dalam perjalanan orang perseorangan dan pemilihan kereta persendirian, yang telah menyumbang kepada penurunan kadar dalam nisbah mod penggunaan pengangkutan awam.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Namun di sebalik penurunan nisbah mod ini, kemajuan yang ketara berjaya dilaksanakan dalam menambah baik kualiti keseluruhan pengangkutan awam bandar. NKRA UPT kekal berada pada landasannya yang tepat dalam menyediakan sistem pengangkutan awam yang mampu dinikmati, bersepadu dan selesa di samping menangani masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang.

TINJAUAN KESELURUHAN

Keperluan mendesak dalam menyediakan sistem yang berkesan dan cekap


Ketika bandar-bandar di negara ini mengalami tekanan hebat akibat kadar pertumbuhan penduduk yang pesat, terdapat keperluan mendesak untuk menyediakan sistem pengangkutan awam bandar yang berkesan dan cekap.

Sewaktu pelancaran makmal NKRA UPT pada bulan Oktober 2009, YAB Perdana Menteri telah menetapkan keutamaan negara untuk mencapai 25% nisbah mod pengangkutan awam di Lembah Klang pada tahun 2012 pada waktu puncak antara jam 7 hingga 9 pagi. Nisbah mod (*modal share*) merupakan peratusan trip yang dibuat mengikut jenis mod pengangkutan tertentu dan dalam hal ini, nisbah peratusan antara trip menggunakan pengangkutan awam dan kenderaan persendirian. Keputusan untuk meningkatkan nisbah mod pengangkutan awam di Lembah Klang telah diambil setelah peratusnya merosot dari setinggi 35% pada akhir tahun 80-an hingga kepada serendah 10% ke 20% pada tahun 2008. Meskipun tumpuan awal diberikan kepada Lembah Klang, namun terdapat juga perancangan untuk mengguna pakai dan melaksanakan secara berperingkat inisiatif yang telah membuahkan hasil di bandar-bandar utama di negara ini seperti Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuantan, Kota Kinabalu dan Kuching.

Objektif utama adalah untuk mempertingkatkan nisbah mod (*modal share*) dari 10-12% (2008) ke 25% (2012)

Anggaran nisbah mod (*modal share*) pengangkutan awam waktu puncak pagi

Peratusan berbanding dengan bilangan penumpang kenderaan persendirian



Keandalan dan Masa Perjalanan



Keselesaan dan Kemudahan



Ketercapaian dan Kesalinghubungan



Ketersediaan dan Keupayaan

Usaha mencapai sasaran akan memerlukan langkah-langkah utama permintaan dan penawaran daripada pelbagai kaedah pengangkutan awam

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar



Sundram, 70

Pesara, bekas kerani di Tenaga Nasional; dari Pahang, namun beliau telah menetap di KL selama 40 tahun

“Saya telah menggunakan komuter sejak tahun 1994 lagi. Semenjak bersara, saya sering menaikinya untuk bertemu rakan-rakan dan juga bersiar-siar. Perkhidmatannya memuaskan – kini tempat duduknya lebih selesa dan luas, manakala penambahbaikan seperti Koc Wanita dan koc-koc baharu menjadikan sistem ini lebih baik untuk semua. Saya ada mendengar berita bahawa pihak KTM akan menyediakan tren-tren baharu pada tahun depan dan saya tidak sabar menantikannya. Stesen juga telah dinaik taraf dan kini ia lebih bersih. Saya baru bercakap dengan seseorang di kaunter, dan beliau sangat mesra. Perkhidmatan pada hari ini jauh lebih baik.”

“Saya memang berpuas hati kerana terdapat peningkatan setiap tahun. Sebelum ini, KTM ada kalanya mengecewakan tapi kini ia bertambah baik dengan tren yang tiba setiap 30 minit. Bagaimanapun, saya berpendapat faktor masa masih boleh ditambah baik dan pada pandangan saya, mereka perlu menyediakan kemudahan tandas di dalam stesen.”

Dalam mencapai objektif utama 25% nisbah mod pada waktu puncak harian pada tahun 2012, enam wahana utama untuk meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan awam telah dikenal pasti.

Wahana utama bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam

FASA TUMPUAN

Hari ini hingga akhir 2010

2011 hingga 2012

Selepas 2013

1

Meningkatkan kapasiti sistem sedia ada yang telah mencapai hadnya

- Kekerapan LRT Kelana Jaya daripada 3 kepada 2 minit
- Meningkatkan perkhidmatan bas sedia ada di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi dan sesak
- Laluan khas bas: BET, BRT dan lorong bas
- Pengembangan kapasiti sistem komuter dan monorel
- Aliran rel baharu

2

Merangsang permintaan bagi menarik minat rakyat menggunakan pengangkutan awam

- Penguatkuasaan piawai perkhidmatan
- Integrasi stesen (contohnya hubungan pejalan kaki KL Sentral – Monorel) dan *park-and-ride*
- Liputan bas pengantara bagi kawasan yang tidak mempunyai liputan pengangkutan awam
- Bilangan, kualiti dan liputan perhentian bas
- Integrasi Tiket Pintar merentas semua pengendali

3

Kenderaan berat tidak dibenarkan memasuki kawasan pusat bandar (CBD)

- Penguatkuasaan undang-undang sedia ada bagi menyekat kenderaan berat dan menyediakan lorong bas
- Terminal pengangkutan: Pemulihan ITT Gombak, terminal antara mod dan hab bandar raya bagi hubungan bas-kereta api

4

Penyusunan semula kawal selia (*regulatory*)

- Mempercepat pembentukan dan operasi SPAD untuk memacu penyusunan semula industri

5

Pengurusan permintaan melalui faktor ‘tolakan’

6

MRT

- Mencapai pertambahan yang besar dalam kapasiti
- Meningkatkan kesalinghubungan pengangkutan awam di Greater KL/Lembah Klang

Selepas tahun 2012, tugas mempertingkatkan lagi pengangkutan awam bandar akan berada di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau Land Public Transport Commission (SPAD) yang telah ditubuhkan pada tahun 2010.



Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Langkah ke hadapan terbaik yang dapat dilihat untuk menangani masalah yang terdapat dalam sistem adalah dengan mempertingkatkan dan menambah baik keseluruhan infrastruktur pengangkutan awam bandar menerusi pelan induk yang komprehensif. Langkah yang separuh jalan tidak akan mencukupi dan pandangan yang lebih menyeluruh perlu diterapkan. Untuk mencapai sasaran yang tinggi bagi tempoh tiga tahun (2010-2012) ini, perubahan transformasi dan juga inisiatif berskala besar yang belum pernah dilakukan sebelum ini selain bersifat strategik serta bersepadu perlu dilaksanakan. Di samping itu juga, usaha ini akan melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta, yang perlu mewujudkan kerjasama yang belum pernah dilaksanakan seumpamanya sebelum ini. Justeru, NKRA UPT telah diwujudkan bagi menerajui usaha-usaha ini.

Meskipun keberhasilan tahun 2010 berupaya menghasilkan kesan perubahan yang amat diperlukan, namun perjalanan ini masih jauh, berliku dan belum lagi berakhir. Dengan sasaran 25% nisbah mod yang masih belum tercapai, NKRA UPT menetapkan matlamat yang jauh lebih mencabar pada tahun 2011 dalam mengejar impian Malaysia untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam bandar bersepadu yang bukan sahaja bertaraf dunia malah juga cekap dan mampu dinikmati pada harga yang berpatutan.

MATLAMAT NKRA UPT

Menuju NKRA UPT tahun 2011

Untuk meneruskan pencapaian keberhasilan yang besar, pantas dan yang pertama seumpamanya dalam NKRA UPT 2011, empat bidang tumpuan utama telah dikenal pasti dalam menerajui keseluruhan usaha NKRA:

Bidang Tumpuan Utama	Matlamat
Keandalan dan Masa Perjalanan	Meningkatkan tahap keandalan perkhidmatan dengan menitikberatkan ketepatan masa selain mengurangkan dengan ketara tempoh perjalanan dari pintu ke pintu, termasuk masa yang diambil ketika berada di dalam dan di luar kenderaan pada waktu puncak pagi
Keselesaian dan Kemudahan	Memperbaiki pengalaman perjalanan pengguna dari awal hingga akhir (<i>end-to-end</i>) semasa menggunakan pengangkutan awam, iaitu dari detik pengguna melangkah keluar dari rumah hinggalah sewaktu ia tiba ke destinasi yang dituju
Ketercapaian dan Kesalinghubungan	Memastikan rakyat dapat menikmati akses yang mudah kepada pengangkutan awam
Ketersediaan dan Keupayaan	Menyediakan kapasiti pengangkutan awam yang mencukupi untuk menampung penumpang sedia ada dan baharu

Matlamat tersebut adalah bagi memastikan bahawa keseluruhan kriteria ini dicapai sepenuhnya untuk membolehkan penggunaan pengangkutan awam bandar menjadi lebih menarik, cekap dan berakar umbi dalam kalangan masyarakat. Hanya setelah itu barulah pihak kerajaan berupaya melaksanakan strategi 'tolakan' jangka panjang untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam (contohnya penetapan harga perjalanan (*road pricing*)).

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

NKPI Tahun 2011

NKPI nisbah mod (*modal share*) awam keseluruhan bagi tahun 2011

Setelah berjaya mencapai sebanyak 17% nisbah mod pengangkutan awam pada tahun 2010, NKRA UPT menetapkan sasaran lebih tinggi sebanyak 21% nisbah mod bagi tahun 2011, yang dapat diterjemahkan kepada bilangan penumpang keseluruhan pada waktu puncak pagi seramai 346,184 orang.

Nisbah mod (<i>modal share</i>) Awam					
Bidang Tumpuan	NKPI	Sistem	2009 (Garis Dasar)	2010	Sasaran 2011
Penggunaan Pengangkutan Awam	Nisbah mod (<i>modal share</i>)	Keseluruhan	10%	17%	21%
	Bilangan penumpang keseluruhan pengangkutan awam	Keseluruhan	226,184	236,412	346,184

Bagi mencapai sasaran sebanyak 21% nisbah mod pengangkutan awam bagi tahun 2011, NKPI yang berikut telah diwujudkan:

NKPI	Pencapaian 2010	Sasaran 2011
Nisbah purata berwajaran bagi masa perjalanan pengangkutan awam berbanding dengan masa perjalanan pengangkutan persendirian	1.86:1	1.7:1
Peratusan penduduk dalam lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam	66%	70%
Tinjauan kepuasan pelanggan	48%	50%
Faktor muatan bas waktu puncak	44%	56%
Faktor muatan Komuter KTM	130%	125%
Faktor muatan RapidKL aliran Kelana Jaya	80%	80%
Bilangan penumpang pengangkutan awam waktu puncak pagi	236,412	346,184
Nisbah mod (<i>modal share</i>) pengangkutan awam	17%	21%
Indeks Keselamatan Jalan Raya (kemalangan maut jalan raya setiap 10,000 kenderaan berdaftar)	3.32	3.12

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Lew Siew Ling, 48

Kerani dari Alor Setar; berkunjung ke KL untuk bercuti sambil berbelanja

“Ini kali pertama saya menaiki komuter untuk ke Mid Valley. Saya baru saja mengambil keputusan untuk menaiki komuter ini. Saya dapati ia agak mudah, saya cuma perlu bertanya di kaunter dan mereka sangat membantu.”




Dengan pengecualian kepada NKPI Indeks Keselamatan Jalan Raya yang baharu, NKPI tahun 2011 yang selebihnya merupakan susulan kepada NKPI tahun 2010. Indeks Keselamatan Jalan Raya telah dirangkumkan pada tahun 2011 selaras dengan usaha kerajaan mengurangkan kemalangan maut di jalan raya dan memupuk budaya mengutamakan keselamatan jalan raya di Malaysia. Indeks ini akan berada di bawah bidang kuasa Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan.

PESERTA UTAMA

Kementerian Pengangkutan terus menerajui NKRA UPT dengan disokong oleh agensi pelaksanaannya manakala Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (DMO) dan PEMANDU dipertanggungjawabkan untuk memantau pelan pelaksanaan. Laporan kemajuan kemudiannya dibentangkan dalam mesyuarat pelbagai peringkat, iaitu mesyuarat mingguan di DMO/ PEMANDU, dan mesyuarat peringkat Pasukan Petugas Pelaksanaan (DTF) setiap empat hingga enam minggu yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Semua pihak berkepentingan utama diwajibkan menghadiri mesyuarat DTF ini bagi membincangkan dan menyelesaikan isu-isu berbangkit. Pihak berkepentingan utama yang relevan termasuk Pasukan Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Sekiranya perkongsian dengan sektor swasta bakal menguntungkan sesuatu projek (contohnya mengurangkan perbelanjaan kerajaan seperti di ITT Gombak), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri akan mengetuai rundingan dan memuktamadkan perjanjian. Apabila perjanjian telah dimeterai, pemilikannya tertakluk di bawah bidang kuasa kementerian atau agensi kerajaan yang terlibat. Ini bagi memastikan komitmen kontrak tersebut dapat dipenuhi.



Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar



Nor Hafizah, 28

Eksekutif akaun

“Saya menaiki komuter hanya sebulan sekali, biasanya dari KL Sentral ke Bandar Selatan atau Pelabuhan Klang. Koc Wanita merupakan peningkatan yang baik kerana ada kalanya tren sangat padat. Keadaan stesen memuaskan namun bagi saya, KTM perlu menambah bilangan tren dan meningkatkan kekerapannya memandangkan kelewatan sering berlaku.”

INISIATIF

Dalam mencapai NKPI bagi tahun 2011, Kementerian Pengangkutan telah memperkenalkan 11 inisiatif yang dibahagikan kepada empat kategori utama sebagaimana tahun sebelumnya. Setiap kategori yang terdiri daripada Bas, Rel, Integrasi dan Rangkaian mempunyai jangkaan keberhasilan yang tersendiri.

11 inisiatif merentasi empat kategori utama			
Bas	Rel	Integrasi	Rangkaian
 - Melaksanakan sistem bas khusus di laluan yang tepat - Mempertingkatkan kualiti dan liputan perhentian bas - Menambah baik perkhidmatan sedia ada dan mempertingkatkan liputan	 - Mempertingkatkan kapasiti Komuter KTM - Mempertingkatkan kapasiti sistem Monorel - Mempertingkatkan kapasiti dan liputan sistem LRT RapidKL	 - Mewujudkan terminal pengangkutan dan hab bandar - Melancarkan Tiket Pintar Bersepadu tanpa tunai - Memperbaiki integrasi antara mod di stesen-stesen utama	 - Menguatkan penguatkuasaan terhadap semua kenderaan - Melaksanakan pengurusan prestasi bagi semua pengendali pengangkutan awam

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Berdasarkan inisiatif ini, pelbagai keberhasilan sasaran telah dikenalpasti bagi NKRA UPT:

Sasaran Keberhasilan NKRA UPT Tahun 2011	
Kategori	Jangkaan Keberhasilan Tahun 2011
Bas	- 470 buah bas baharu - 3 buah koridor baharu Bus Expressway Transit (BET) - Penyempurnaan Kajian Kebolehlaksanaan (<i>Feasibility Study</i>) bagi Bus Rapid Transit (BRT) dan lorong bas - Membaikpulih 606 hentian bas dan pembinaan 306 hentian bas baharu
Rel	- 35 set tren baharu empat gerabak untuk LRT aliran Kelana Jaya - Penyerahan 6 set enam gerabak Komuter KTM manakala 4 set dijadualkan beroperasi pada akhir tahun 2011
Integrasi	- Pembaikpulihan Terminal Puduraya baharu - Semua bas RapidKL menerima pakai sistem tanpa tunai - Tambahan 6,905 ruang letak kenderaan baharu untuk kemudahan '<i>Park and Ride</i>' di stesen rel pada akhir tahun 2012 - Integrasi stesen LRT dan Monorel di stesen Masjid Jamek, Titiwangsa, Hang Tuah dan KL Sentral - Satu tiket bagi semua destinasi LRT menerusi Sistem Bersepadu Kutipan Tambang Automatik (AFC) RapidKL di LRT aliran Kelana Jaya dan Ampang
Rangkaian	- Sistem Pemantauan Prestasi Bas Henti-henti - Penyusunan semula rangkaian bas

Inisiatif, kategori dan keberhasilan utama ini dihasilkan setelah mengambil kira pelan tindakan menyeluruh 3 tahun NKRA UPT.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Mempertingkatkan kualiti perhentian bas

Dianggarkan terdapat sejumlah 4,000 buah perhentian bas di Lembah Klang dengan 40% daripadanya tidak berbumbung dan tidak mempunyai papan tanda. Pada tahun 2011, NKRA UPT menjalin kerjasama erat dengan Pejabat Pembangunan Negeri Selangor (SDO) dan tujuh Pihak Berkuasa Tempatan sekitar Lembah Klang (iaitu Sepang, Kajang, Subang Jaya, Ampang Jaya, Selayang, Klang dan Shah Alam) untuk menaik taraf 468 buah perhentian bas. Kerja penaiktarafan ini mengambil masa secara purata selama tiga bulan untuk disempurnakan.

Melancarkan tiga lagi laluan BET

Inisiatif pelaksanaan Bus Expressway Transit (BET) berfungsi mengurangkan masa perjalanan bas awam dengan memanfaatkan lebuh raya yang tidak digunakan sepenuhnya di Lembah Klang. Lima laluan BET awal yang diperkenalkan pada tahun 2010 berjaya mengurangkan masa perjalanan sehingga 55%. Berdasarkan pencapaian ini, keputusan telah diambil untuk mewujudkan tiga lagi laluan BET tambahan dan satu laluan percubaan melibatkan kawasan-kawasan yang berikut:

- BET 6 – Bukit Beruntung – Pasar Seni
- BET 7 – Sri Nilam, Ampang – KLCC
- BET 8 – Semenyih Sentral – Pasar Seni

Pemilihan laluan BET ini adalah berlandaskan syor yang diterima daripada pengusaha-pengusaha bas yang berkaitan. Setelah dipertimbangkan dengan teliti oleh PEMANDU dan pihak kementerian, laluan tersebut telah diluluskan dengan matlamat untuk memulakan perkhidmatan pada tahun 2011.

Laluan BET bakal menyediakan kelebihan berikut:

- Mengurangkan secara purata 30-40 minit masa perjalanan
- Jumlah lalu lintas yang berkurangan di laluan terpilih
- Penurunan kadar kesesakan lalu lintas di pusat bandar (CDB) dengan penggunaan laluan alternatif

Meningkatkan kapasiti rel

Dengan keseluruhan 35 set tren empat gerabak beroperasi sepenuhnya pada tahun 2011, terdapat penambahan sebanyak lebih 10.4 juta penumpang menggunakan LRT Kelana Jaya berbanding pada tahun 2010. Ini boleh diterjemahkan dengan jumlah penumpang seramai 44,170 pada waktu puncak. Penambahan gerabak baru di dalam operasi LRT Kelana Jaya telah meningkatkan bilangan penumpang dengan ketara seterusnya mengurangkan masa menunggu antara tren kepada serendah 2.07 minit pada waktu puncak berbanding dengan 2.79 minit pada ketika ini.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Afina, 21

Pelajar universiti

"Saya telah menggunakan komuter selama 10 tahun. Sewaktu tinggal di KL dahulu, saya kerap menaiki tren ke Shah Alam tetapi kini saya cuma menggunakannya sebulan sekali sahaja, biasanya untuk menziarahi kakak saya. Pada saya, tidak ada banyak perubahan yang berlaku. Tren masih lagi tidak menepati masa, dan pada waktu puncak, keadaan sangat mengecewakan – saya biasanya tidak dapat menaiki tren pertama yang tiba."

"Bagaimanapun, Koc Wanita merupakan idea yang baik dan ia menjadikan keadaan cukup selesa sekarang. Sebelum ini, koc terlalu sesak dengan penumpang lelaki dan wanita. Keadaan pastinya lebih baik jika KTM menambah bilangan tren dan meningkatkan kekerapannya."



Bagi Komuter KTM yang mempunyai seramai 32,000 penumpang pada waktu puncak pagi, pelan telah dirangka untuk memperkenalkan penggunaan perkhidmatan enam set komuter enam gerabak yang diperolehi daripada Zhuzhou Electric Locomotive Company (ZELC), China. Set komuter enam gerabak yang pertama dijangka akan mula beroperasi pada Mac 2012. Setiap komuter enam gerabak akan mempunyai kapasiti seramai 1,100 orang penumpang.

Pada ketika ini, sistem ini juga mempunyai masalahnya yang tersendiri. Ia kini dikendalikan pada faktor muatan sebanyak 1.4 daripada purata muatan pada waktu puncak. Ini sebenarnya bermakna sebuah Tren Elektrik Pelbagai Guna (EMU) yang direka untuk memuatkan 400 orang penumpang pada masa ini mungkin sarat menampung sehingga 600 orang penumpang. Perkhidmatan ini juga dikenali dengan masalah kelewatan dan pembatalan yang menyebabkan orang ramai menganggap bahawa ia tidak andal. Pelancaran set tren enam gerabak yang baharu ini akan menyelesaikan secara berkesan sebahagian besar daripada masalah ini, jika pun tidak kesemuanya. Sebagai contoh, kekerapan EMU dijangka dapat ditambah baik kepada 7.5 minit daripada 15 minit pada waktu puncak dan 15 minit daripada setengah jam di luar waktu puncak.

Pembaikpulihan Pudu Sentral yang berusia 35 tahun (dahulu dikenali sebagai Terminal Puduraya)

Terminal Puduraya yang dibina pada tahun 1976 merupakan salah satu daripada hab pengangkutan awam yang terbesar di Lembah Klang. Namun rentetan pertumbuhan mendadak penduduk bandar menyebabkan Terminal Puduraya bergelut menangani peningkatan permintaan daripada pengguna. Keadaan ini diburukkan lagi oleh pengurusan dan penyelenggaraan yang lemah selain faktor kekurangan dana dan kesesakan. Kini setelah 35 tahun berlalu, pengubahsuaian merupakan sesuatu yang amat diperlukan oleh Terminal Puduraya.

Pada tahun 2009, pihak kerajaan mempertanggungjawabkan UDA Holdings Bhd untuk mengubah suai dan membaik pulih bangunan sedia ada untuk menjadikannya sebuah hab pengangkutan yang moden dengan reka bentuk yang lebih menarik. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada bulan Ogos 2009 dengan projek yang bernilai RM52.7 juta. Hasil yang diharapkan merupakan sebuah hab pengangkutan baharu dan moden yang mampu menarik kembali minat masyarakat untuk memilih pengangkutan awam.


Peruntukan kemudahan *Park and Ride* berhampiran dengan stesen rel

Ketersediaan ruang letak kenderaan yang mencukupi amat perlu untuk menarik minat rakyat terutamanya penumpang rel terhadap pengangkutan awam. Keputusan telah diambil untuk menyediakan sejumlah 6,905 ruang letak kenderaan di 15 stesen-stesen rel yang strategik. Ini melibatkan stesen KTM Serdang, KTM Kajang dan KTM Bangi selain stesen-stesen di LRT aliran Kelana Jaya. Kerja-kerja pembinaan ruang letak kenderaan ini telah bermula dan menunjukkan kemajuan yang berterusan sepanjang tahun 2011. Manfaat sepenuhnya daripada inisiatif ini akan dapat dinikmati pada tahun 2012.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Pengalaman perjalanan yang lancar

Bagi pengguna aliran transit pelbagai kaedah (*multi-modal*), pembelian tiket mungkin boleh menjadi sebuah urusan yang rumit. Sebahagian besar bas di Lembah Klang masih lagi menyediakan perkhidmatan tambang tunai dan ini menyebabkan pertukaran dari tren ke bas mengambil masa apabila pembelian tiket dilakukan secara tunai. Kini, sehingga 25% daripada masa perjalanan seorang penumpang bas biasa dihabiskan dengan beratur dan menunggu. Dalam menyediakan kemudahan yang lebih selesa dan memberikan suatu pengalaman perjalanan yang lancar kepada pengguna, RapidKL telah melancarkan satu sistem baharu tiket tanpa tunai yang dikenali sebagai Sistem Tiket Bas Baharu (NBTS).



- Tiket tanpa tunai mempunyai potensi menjimatkan separuh tempoh menaiki pengangkutan awam
- Tiket tanpa tunai mempunyai potensi penjimatan sehingga RM125 juta dalam jumlah hasil tahunan

- Pelaksanaan



Tiket
Perjalanan
Lancar

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Usha Rani, 55

Guru tadika

“Saya pernah tinggal di Sri Serdang, dan ketika itu saya menaiki tren setiap hari. Saya telah menggunakan komuter ini sejak bertahun-tahun.”

“Saya berpendapat pihak KTM masih boleh meningkatkan kekerapan tren, namun keadaan koc adalah baik dan selesa, terutamanya Koc Wanita. Keadaan stesen juga memuaskan dan tentunya ia bertambah baik dalam beberapa tahun ini. Mereka cuma perlu mengurangkan masa menunggu tren, mungkin tren perlu tiba setiap 15 minit.”



Melalui sistem ini, pelanggan hanya perlu menggunakan satu kad transit untuk pembayaran tambang. Kad ini beroperasi menerusi platform Touch ‘n Go. Oleh itu, ia boleh digunakan apabila menaiki bas RapidKL, LRT aliran Kelana Jaya dan Komuter KTM kerana semua perkhidmatan ini telah menggunakan platform Touch ‘n Go.

Kad transit yang dilengkapi dengan Sistem Kedudukan Global (GPS) ini juga membolehkan caj tambang yang tepat berdasarkan stesen awal dan destinasi akhir penumpang. Kini, penumpang tidak perlu lagi menyelongkar beg bagi mencari jumlah wang yang tepat untuk membayar tambang. Masa beratur untuk membeli tiket bas juga dijangka akan berkurang dengan ketara.

Sejak 28 November 2011, pengguna LRT hanya perlu menggunakan satu kad di kedua-dua LRT aliran Ampang dan Kelana Jaya tanpa perlu membeli dua kad berasingan bagi pertukaran antara kedua-dua aliran perkhidmatan tersebut. Sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) yang baharu menyediakan hanya satu tiket untuk kedua-dua aliran LRT bagi memudahkan perjalanan apabila melibatkan pertukaran stesen antara aliran yang berbeza. Sistem tambang bersepadu ini akan diperluas masing-masingnya kepada perkhidmatan Monorel pada suku pertama tahun 2012 dan sistem tiket bas RapidKL pada pertengahan tahun 2012.

KTMB juga sedang menaik taraf sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) yang dijadualkan siap pada pertengahan tahun 2012, manakala rel RapidKL pula telah memulakan pelaksanaan sistem baharu AFC LRT yang menyepadukan LRT aliran Kelana Jaya dan Ampang. Pada masa akan datang (selepas tahun 2013), semua aliran rel di Lembah Klang berkemungkinan akan disepadukan antara satu sama lain agar pengguna dapat menikmati pengalaman perjalanan yang lancar.

Para penumpang ERL yang menggunakan perkhidmatan rel ekspres atau transit juga kini boleh menikmati cara yang lebih pantas dan mudah membayar tambang melalui sistem Touch ‘n Go. Sistem ini telah mula digunakan sejak 8 Ogos 2011, manakala penggunaan Touch ‘n Go bagi ERL Transit pula bermula pada 15 Disember 2011.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar



Salim bin Manan, 61

Pesara, dahulunya bekerja sendiri

“Saya menggunakan tren sekali-sekala dalam sebulan. Saya tinggal di Pelabuhan Klang dan stesen terletak lebih kurang 6km sahaja dari rumah saya. Biasanya apabila saya menaiki tren dari Pelabuhan Klang, ia masih kosong dan terdapat banyak lagi tempat duduk. Tapi sebaik sahaja tren tiba di KL, ia menjadi sesak dan sukar mendapat tempat duduk. Namun saya lega kerana dapat menukar tren dengan mudah apabila perlu mengubah aliran perjalanan memandangkan platform terletak di aras yang sama.”

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Pada tahun 2011, NKRA UPT berjaya mencapai keberhasilan yang berikut:

Keberhasilan NKPI keseluruhan bagi NKRA UPT tahun 2011

Bil.	NKPI	Sasaran 2011	Pencapaian 2011	Lampu Isyarat
1	Nisbah mod (<i>modal share</i>) pengangkutan awam	21%	16.42%	
2	¹ Peratusan penduduk dalam lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam	70%	67%	
3	Tinjauan kepuasan pelanggan	50%	53%	
4	Faktor muatan bas waktu puncak	56%	96%	
5	Faktor muatan Komuter KTM	125%	105%	
6	Faktor muatan RapidKL aliran Kelana Jaya	80%	80%	
7	² Bilangan penumpang pengangkutan awam waktu puncak pagi	346,184	321,487	
8	Nisbah purata berlawanan bagi masa perjalanan pengangkutan awam berbanding dengan masa perjalanan pengangkutan persendirian	1.7:1	1.49:1	
9	Indeks keselamatan jalan raya (kemalangan maut jalan raya setiap 10,000 kenderaan berdaftar)	3.12	3.21	

¹ Keputusan berdasarkan EMME 2 TRANSPORT MODELLING oleh Urusbudi (Jururunding tinjauan yang dilantik oleh PEMANDU)

² Keputusan berdasarkan pulangan bulanan daripada pengendali pengangkutan awam

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

KEBERHASILAN

NKRA UPT telah mencapai kejayaan yang hebat pada tahun kedua pelaksanaannya. Keberhasilan utama termasuklah peningkatan penumpang pengangkutan awam. Sehingga Disember 2011, terdapat lebih 85,000 penumpang yang berulang-alik menggunakan pengangkutan awam berdasarkan amalan harian ketika waktu puncak pagi. Ini merupakan kenaikan 36% berbanding dengan tahun 2010. Nisbah antara orang ramai masa perjalanan sendirian dengan masa perjalanan swasta juga telah menunjukkan peningkatan sehingga mencecah 1.49 : 1 daripada sasaran 1.70 : 1. Yang berikut merupakan inti pati keberhasilan khusus yang dicapai pada tahun 2011:

Keberhasilan NKRA UPT bagi tahun 2011 (Lembah Klang)

Kategori	Jangkaan Keberhasilan 2011	Catatan
Bas	- 470 buah bas baharu - 3 buah koridor baharu Bas Expressway Transit (BET) - Pembaikpulihan 606 buah perhentian bas - 306 buah perhentian bas baharu - Kajian Kebolehlaksanaan (<i>Feasibility Study</i>) bagi Bas Rapid Transit (BRT) dan lorong bas	- Semua 470 buah bas baharu telah diserahkan pada tahun 2011 iaitu 400 buah bas 44 tempat duduk dan 70 buah bas midi - Tiga laluan BET baharu berjaya dilancarkan pada tahun 2011 iaitu BET 6: (Bukit Beruntung – Pasar Seni), BET 7: (Sri Nilam – KLCC) dan BET 8: (Semenyih Sentral – Pasar Seni). Sebagai tambahan, laluan baharu BET 9: (Bandar Tasik Puteri – Pasar Seni) sedang dalam tempoh percubaan dan akan dilancarkan secara rasmi pada bulan Januari 2012 - Hanya 468 buah perhentian bas dikenal pasti oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2011. Pembaikpulihan 468 buah perhentian bas ini telah disempurnakan pada akhir tahun 2011 - Peringkat perancangan dan reka bentuk masih sedang dilaksanakan - Kajian Kebolehlaksanaan (<i>Feasibility Study</i>) bagi Bas Rapid Transit (BRT) telah disempurnakan pada 15 September 2011. Tiga koridor diberikan keutamaan bagi pelaksanaan BRT

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Keberhasilan NKRA UPT bagi tahun 2011 (Lembah Klang) (Sambungan)

Kategori	Jangkaan Keberhasilan 2011	Catatan
Rel	- 35 set tren baharu empat gerabak untuk LRT aliran Kelana Jaya - Serahan 6 set enam gerabak Komuter KTM dari Zhuzhou, China	- 35 set tren empat gerabak telah diserahkan dan kini beroperasi sepenuhnya pada waktu puncak pagi di LRT aliran Kelana Jaya - Kesemua 6 set telah diserahkan pada akhir tahun 2011 untuk diuji dan ditugaskan sebelum digunakan secara komersil. Empat set tren enam gerabak yang pertama akan mula beroperasi pada 8 Mac 2012
Integrasi	- ITT BTS beroperasi sepenuhnya - Pembaikpulihan Terminal Puduraya baharu (dinamai semula sebagai Pudu Sentral) - Semua bas RapidKL menerima pakai sistem tiket tanpa tunai - Sistem Tiket Pintar	- ITT BTS mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Mac 2011 dan berjaya membantu mengurangkan kesesakan di pusat bandar (CBD) setiap hari dengan mengalihkan laluan 500 buah bas ekspres ke arah selatan - Pembaikpulihan Terminal Puduraya (kini dikenali sebagai Pudu Sentral) telah disiapkan pada 16 April 2011 - Sistem Tiket Bas Baharu (NBTS) telah dilancarkan pada 27 Februari 2011 - Sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) RapidKL melalui Sistem Tiket Bersepadu (ITS) mula dibuka untuk kegunaan awam pada 28 November 2011 di LRT aliran Kelana Jaya dan Ampang - Semua stesen ERL kini dilengkapi dengan alat pengimbas Touch 'n Go - Penumpang Komuter KTM kini boleh membeli atau menambah nilai kad Touch 'n Go di 38 buah stesen komuter sekitar Lembah Klang

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Tong Poo San, 27

Pegawai kanan tempahan dalam industri hospitaliti, bertugas di Melaka

“Saya pernah menggunakan terminal ini beberapa kali sebelum ini. Hari ini, saya dalam perjalanan balik ke kampung halaman di Ipoh; saya balik beberapa kali dalam setahun. Saya dapati terminal ini serta kemudahannya lebih baik daripada Pudu yang dahulu – ia lebih bersih, persekitarannya terasa selamat dan terdapat papan tanda yang jelas. Saya tidak fikir ada apa-apa lagi yang perlu diperbaiki.”

**Keberhasilan NKRA UPT bagi tahun 2011 (Lembah Klang) (Sambungan)**

Kategori	Jangkaan Keberhasilan 2011	Catatan
Integrasi	- Tambahan 6,905 ruang letak kenderaan untuk kemudahan Park-and- Ride di semua stesen rel pada akhir tahun 2012 - Stesen integrasi LRT dan Monorel di stesen Masjid Jamek, Titiwangsa, Hang Tuah dan KL Sentral	- Kerja-kerja pembinaan 6,905 ruang letak kenderaan untuk kemudahan Park and Ride kini sedang berjalan dan akan bersedia untuk digunakan di stesen rel pada tahun 2012 - Stesen bersepadu Masjid Jamek dan Titiwangsa kini bersedia untuk kegunaan orang ramai
Rangkaian	- Penyusunan semula rangkaian bas - Sistem Pemantauan Prestasi Bas Henti-henti	- Sehingga Disember 2011, penyempurnaan Pelan Transformasi Bas (<i>Bus Transformation Plan</i>) masih tertangguh - <i>Bus Fleet Tracking System</i> oleh Prasarana telah siap 91% pada Disember 2011. Pemasangan sistem maklumat penumpang di beberapa kawasan masih tertangguh
Indeks Keselamatan Jalan raya	- Mengurangkan Indeks Keselamatan Jalan Raya dari 3.32 pada tahun 2010 kepada 3.12 pada tahun 2011	- 3.21 kemalangan maut jalan raya bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar

Pembaikpulihan dan pembinaan perhentian bas baharu

Semenjak pelaksanaan NKRA UPT, sejumlah 1,102 perhentian bas yang terletak di tujuh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Sepang, Kajang, Subang Jaya, Ampang Jaya, Selayang, Klang dan Shah Alam telah dinaik taraf. Pada tahun 2011, kami berjaya mencapai sasaran dalam menaik taraf 468 buah perhentian bas manakala 306 buah lagi perhentian bas baharu sedang dalam peringkat perancangan dan reka bentuk. Oleh sebab perhentian bas merupakan salah satu daripada titik pertemuan awal para penumpang bas, keadaan persekitarannya amat penting bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Sebagai langkah tambahan, perhentian bas yang dibaik pulih juga disediakan dengan maklumat bas dan jadual untuk keselesaan penumpang. Lanjutan daripada kejayaan usaha menaik taraf ini, dapatan kaji selidik menunjukkan kini lebih ramai rakyat menggunakan perkhidmatan bas.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar



Hasanah, 30

Executive in a private firm

“Ini kali pertama saya tiba di Terminal Bersepadu Selatan – biasanya saya menaiki bas dari Pudu untuk balik ke kampung halaman di Mersing. Bagi saya, terminal ini sangat memuaskan – terdapat kemudahan yang sangat banyak, persekitarannya bersih dan mudah sahaja untuk sampai ke sini. Tambahan pula kini terdapat kedai yang boleh disinggahi sementara menunggu. Perkhidmatan kaunter juga memudahkan pembelian tiket, malahan penjual tiket haram juga tidak ada. Secara keseluruhan, terminal ini lebih lapang dan selesa.”

Penambahbaikan ketara melalui set tren empat gerabak

Dengan kejayaan penambahan 13 lagi set tren empat gerabak di LRT aliran Kelana Jaya, jumlah keseluruhan tren sebanyak 35 set kini tersedia dalam perkhidmatan. Hasilnya, terdapat tambahan 10.4 juta penumpang menggunakan LRT, iaitu peningkatan sebanyak 18% berbanding dengan tahun 2010. Dengan bilangan set gerabak sedia ada yang lebih banyak, kini masa menunggu tren juga dapat ditambah baik menjadi 2.07 minit daripada 2.79 minit sebelumnya. Pada bulan Januari 2011 sahaja, jumlah penumpang yang menggunakan tren semasa waktu puncak telah meningkat secara mendadak kepada 47,714 orang penumpang. Ini merupakan peningkatan sebanyak 48% dalam jumlah penumpang harian pada waktu puncak pada bulan yang sama berbanding dengan tahun 2010.

Tahap keselesaan dan kemudahan penumpang juga bertambah baik kerana pengguna tidak perlu lagi tergesa-gesa mengejar masa atau berhimpit sesama mereka untuk berebut tempat duduk disebabkan terdapat jaminan bahawa tren yang berikutnya akan tiba dalam waktu terdekat. Mengambil kira hal tersebut sejak bertahun-tahun, LRT aliran Kelana Jaya merupakan aliran yang paling sesak, justeru penambahbaikan yang berturut-turut pada tahun 2010 dan 2011 benar-benar menjelmakan rasa optimis untuk masa hadapan. Ia memberikan penunjuk yang jelas bahawa sekiranya perubahan dilakukan, warga Malaysia akan memilih untuk menggunakan pengangkutan awam.

Kejayaan laluan Bus Expressway Transit (BET) baharu dan sambutan menggalakkan

Jadual 1: Ringkasan Penjimatan Masa Bus Expressway Transit (BET)

BET	LALUAN	Masa untuk ke destinasi akhir dengan laluan biasa	Masa untuk ke destinasi akhir dengan BET	Penjimatan Masa
BET 1:	Kota Damansara - Pasar Seni	120 min	75 min	45 min
BET 2:	Sg. Long - Pasar Seni	85 min	50 min	35 min
BET 3:	Subang Mewah - Pasar Seni	75 min	60 min	15 min
BET 4:	Taman Sri Muda - Pasar Seni	90 min	75 min	15 min
BET 5:	Rawang - Pasar Seni	120 min	100 min	20 min
BET 6 (Baharu):	Bukit Beruntung - Pasar Seni	150 min	80 min	70 min
BET 7 (Baharu):	Sri Nilam, Ampang – KLCC	70 min	30 min	40 min
BET 8 (Baharu):	Semenyih Sentral – Pasar Seni	120 min	50 min	70 min


Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Laluan Bus Expressway Transit (BET) yang baharu telah berjaya mengurangkan masa perjalanan penumpang. Oleh sebab perjalanan bas menuju terus ke destinasi dan hanya terdapat beberapa perhentian, penumpang dapat menjimatkan banyak masa perjalanan.

Sebagai contoh, penumpang dalam perjalanan melalui laluan BET 8 dari Semenyih Sentral ke Pasar Tani akan dapat memendekkan masa perjalanannya daripada dua jam kepada 50 minit sahaja. Sebelum ini, para penumpang yang menuju ke Semenyih juga terpaksa menukar bas di pertengahan jalan sewaktu dalam perjalanan. Inisiatif pelaksanaan BET ini telah berjaya melenyapkan kesulitan sedemikian. Secara keseluruhan, kini terdapat lapan laluan BET yang beroperasi di sekitar Lembah Klang. Selain itu, penggunaan laluan khas tol pelbagai kelas juga telah memendekkan masa perjalanan penumpang sebanyak 5 -10 minit - suatu penjimatan masa yang kecil tetapi amat berharga oleh sebab setiap minit adalah amat bermakna apabila orang ramai pergi ke tempat kerja atau ke sekolah. Sistem ini masih berada pada peringkat awal tetapi maklum balas yang diterima setakat ini adalah positif.

Masyarakat juga telah melahirkan sokongan mereka kepada laluan BET baharu melalui peningkatan jumlah penumpang yang sangat memberangsangkan semenjak laluan baharu ini bermula. Secara keseluruhan, lebih 547,669 penumpang telah meraih manfaat daripada perkhidmatan BET.

Secara keseluruhan, BET 1 hingga BET 8 membawa 547,669 penumpang pada tahun 2011



BET 5 dilancarkan pada bulan Oktober 2010, manakala BET 6 dilancarkan pada bulan Jun 2011
BET 7 & BET 8 dilancarkan pada 18 Julai 2011

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar



Norliza, 29

Jururawat dari Sabah

“Ini merupakan pengalaman kedua saya di Terminal Bersepadu Selatan– saya akan menaiki bas ke Segamat. Saya dapati di sini jauh lebih selesa – keadaan lalu lintas di Pudu sangat teruk, sebaliknya di sini segala-galanya lebih teratur dan ini sesuatu yang baik lebih-lebih lagi apabila membuat perjalanan bersama dengan anak-anak – malah ruang menyalin lampin bayi juga disediakan! Terdapat juga peti penyimpanan barang dan banyak tempat untuk menjamu selera selain kaunter yang begitu banyak untuk membeli tiket dengan mudah.”

ITT Bandar Tasik Selatan beroperasi sepenuhnya

Meskipun Terminal Bersepadu Selatan atau ITT BTS telah siap dibina pada tahun 2010 namun ia hanya mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Mac 2011. Pelbagai masalah pengendalian menjadi punca kelewatan tersebut.

ITT BTS yang menelan belanja RM570 juta ini dilengkapi dengan kemudahan terkini dan berupaya menampung 55 platform bas, 150 ruang menunggu teksi, 1,000 ruang letak kenderaan dan 1,800 tempat duduk untuk orang ramai di dalam dewan menunggu berhawa dingin. Ia juga terletak berhampiran dengan lapangan terbang mini. Terminal pengangkutan bersepadu ini memiliki banyak lagi ciri mesra pengguna termasuk sistem tiket berkomputer di samping kemudahan seperti restoran dan gerai jualan. Jadual elektronik yang memaparkan masa ketibaan dan pelepasan bas juga membolehkan sesiapa yang dalam perjalanan mendapat maklumat yang dikemas kini secara masa nyata (*real-time*) selain mengetahui sebarang perubahan dalam jadual perjalanan.

Pembinaan ITT BTS telah mencapai sasaran kerajaan dalam mengurangkan kesesakan di pusat bandar (CBD). Semenjak memulakan operasi pada bulan Mac 2011, ia telah berjaya mengalihkan lebih 500 laluan bas ekspres sehari dari pusat bandar dan ini menyediakan keselesaan yang amat diperlukan oleh aliran lalu lintas. Tambahan pula, memandangkan ia merupakan hab pengangkutan bersepadu yang melibatkan tren serta bas henti-henti, bas ekspres dan bas bandar selain ERL yang bertumpu di satu lokasi, ia amat mudah untuk diakses oleh penumpang.

ITT BTS juga dihubungkan melalui pelbagai lebuh raya seperti Lebuh Raya Seremban dan Sungai Besi selain Jalan Lingkar Tengah 2 atau Middle Ring Road 2 (MRR2). ITT BTS ini merupakan salah satu daripada tiga ITT yang dirancang pembinaannya oleh kerajaan. ITT Gombak direncanakan untuk menjadi hab pengangkutan bersepadu bagi bas ekspres yang menghala ke timur manakala ITT Sungai Buloh pula akan menampung bas yang menuju ke utara.

Pembaikpulihan Pudu Sentral

Pudu Sentral merupakan terminal yang telah diberi nafas baharu selepas pembaikpulihan besar-besaran ke atas struktur bangunan yang telah berusia 35 tahun itu. Kini ia bercirikan kemudahan moden dan berasaskan pengendalian aliran trafik bersistematik. Ia menawarkan lebih keselesaan kepada pengguna, malah suasana persekitaran yang dahulunya hingar-bingar kini telah digantikan dengan pengalaman perjalanan yang selesa dan bebas daripada kerumitan.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Pudu Sentral telah dirasmikan pembukaannya pada 16 April 2011. Ciri-cirinya merangkumi tiga ruang menunggu baharu, eskalator, sebuah surau dan kemudahan yang mesra OKU. Ia juga dilengkapi dengan mesin ATM, terminal penumpang berhawa dingin, restoran, papan tanda serta jadual elektronik, dan yang paling utama ialah faktor kebersihan. Lima puluh buah kaunter tiket di tingkat teratas terminal memastikan penumpang dapat menikmati keselesaan yang lebih baik apabila membeli tiket.

Meskipun pembukaan ITT BTS telah mengurangkan beban kepadatan Pudu Sentral, namun ia masih memainkan peranan penting sebagai hab pengangkutan awam yang utama. Ia tetap berfungsi sebagai penghubung laluan tertentu yang penting kepada orang ramai. Para penumpang telah menyuarakan sokongan mereka terhadap Pudu Sentral yang berwajah baharu, dan yang lebih penting lagi, mereka kini kembali menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam yang ditawarkannya.



Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Bermulanya perjalanan yang lancar

Pengenalan Sistem Tiket Bas Baharu RapidKL pada 27 Februari 2011 telah mengurangkan secara mendadak masa beratur penumpang kepada separuh. Penumpang juga tidak perlu lagi mencari jumlah tukaran yang tepat untuk membayar tambang. Mereka boleh meneruskan perjalanan dengan lebih selesa di samping menjimatkan masa beratur dan menunggu. Semua stesen ERL kini dilengkapi dengan mesin pengimbas Touch 'n Go lantas membolehkan penumpang menikmati cara yang lebih pantas dan mudah untuk membayar tambang masing-masing.

Bermula 28 November 2011, pengguna LRT hanya perlu menggunakan satu kad di kedua-dua LRT aliran Ampang dan Kelana Jaya tanpa perlu membeli dua kad berasingan bagi pertukaran antara kedua-dua aliran perkhidmatan tersebut. Sistem baharu Kutipan Tambang Automatik (AFC) menyediakan hanya satu tiket untuk kedua-dua aliran LRT bagi memudahkan perjalanan yang melibatkan pertukaran stesen. Sistem tambang bersepadu ini akan diperluas kepada perkhidmatan monorel pada suku pertama tahun 2012 dan sistem tiket bas RapidKL pada pertengahan tahun 2012.

Inisiatif ini pastinya akan membantu penumpang mengurangkan masa menunggu dan menaiki pengangkutan awam. Penumpang tidak akan lagi berhadapan dengan kesulitan apabila menukar aliran perjalanan tanpa perlu membuat sentuhan untuk keluar daripada perjalanan, malah mereka tidak perlu lagi beratur bagi mendapatkan dua atau tiga set tiket. Kini, dengan hanya satu tiket, penumpang boleh meneruskan perjalanan yang lancar dengan pantas dan mudah.

Pengemaskinian masa nyata (*real-time*) untuk penumpang

Penggunaan *Fleet Tracking System* oleh Prasarana dan Sistem Maklumat Penumpang (PIS) telah membolehkan pengurusan dan pemantauan yang lebih baik terhadap perjalanan bas RapidKL.

Dengan menyampaikan maklumat secara masa nyata yang mudah berkaitan dengan ketibaan dan pelepasan bas kepada penumpang, jangkaan pelanggan dapat dikendalikan dengan lebih berkesan. Sebanyak 59 lokasi yang mempunyai jumlah lalu lintas penumpang yang tinggi telah dikenal pasti sebagai kawasan pemasangan PIS. Keseluruhan kerja pemasangan ini dijadualkan siap pada pertengahan tahun 2012.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

Kelewatan dan cabaran birokrasi

Sebagaimana NKRA yang lain, inisiatif UPT juga memerlukan penglibatan pelbagai agensi yang masing-masing mempunyai cara kerja dan dasar yang tersendiri. Meskipun kerjasama erat dan hubungan kerja telah dijalin sepanjang tempoh dua tahun ini, namun lumrah bekerjasama dengan pelbagai pihak dari semasa ke semasa akan menimbulkan masalah penyelarasan dan kelewatan proses kelulusan.

Agensi utama juga mempunyai kecenderungan untuk dihalang oleh amalan birokrasi. Kekurangan unit pusat untuk mengawas pengurusan program sepenuhnya melibatkan projek yang rumit akan memburukkan lagi keadaan. Ini boleh dianggap sebagai salah satu daripada sebab utama yang menyebabkan pelaksanaan inisiatif UPT ada kalanya tidak diselaraskan dengan berkesan sebagaimana yang sepatutnya. Dalam keadaan yang lain, agensi terlibat mungkin perlu memberikan keutamaan kepada komitmen yang lain dan ini menyebabkan kesukaran dalam menumpukan sumber-sumber mereka terhadap usaha pelaksanaan NKRA UPT.

Kerumitan pembangunan ITT Gombak

Terdapat dua isu yang memberikan kesan kepada garis masa penyempurnaan projek ITT Gombak. Pertama, laporan lalu lintas yang dilakukan pada tahun 2010 telah mengesyorkan bahawa lebuh raya MRR2 yang terletak bersebelahan dengan ITT Gombak mungkin perlu diperluas. Dijangkakan bahawa sebarang kerja pelebaran ke atas arteri utama Lembah Klang ini mungkin akan menjejaskan perkembangan ITT Gombak.

Kedua, ITT Gombak telah dikenal pasti terletak di Tanah Rizab Melayu. Dengan mengambil kira syarat-syarat pengendalian projek pada masa akan datang, terdapat kemungkinan bahawa pewartaan hak milik tanah tersebut perlu dimansuhkan. Walau bagaimanapun, tindakan sebegini akan mewajarkan penyerahan sebidang tanah alternatif sebagai pertukaran tanah. Keseluruhan proses ini, terutamanya dalam mendapatkan tanah alternatif, mungkin akan berhadapan dengan cabaran.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Kekurangan tren Komuter KTM

Sasaran untuk mengurangkan masa menunggu tren KTM kepada tidak lebih 20 minit pada waktu puncak (sekitar 7.00 pagi hingga 9.00 pagi) tidak dapat dicapai pada tahun 2011. Bagi mencapai kadar kekerapan tren yang dihasratkan, Komuter KTM memerlukan 32 set tren namun setakat ini, perkhidmatan rel hanya beroperasi menggunakan 21 hingga 24 Tren Elektrik Pelbagai Guna (EMU). Hasilnya, masa menunggu tren pada waktu puncak meningkat daripada 45 minit kepada 1 jam. Bagaimanapun, masih ada sinar di hujung terowong dalam pelaksanaan usaha ini.

KTMB telah menerima enam set tren enam gerabak daripada ZELC (sehingga 31 Disember 2011). Empat set tren enam gerabak yang pertama dijangka akan memasuki servis operasi KTM Komuter pada 8 Mac 2012. Pada mulanya, perancangan telah dibuat untuk memasukkan set pertama tren enam gerabak pada penghujung Disember 2011. Namun perancangan tersebut tidak berjaya disebabkan ujian percubaan yang intensif dan pensijilan yang rumit. Sebagai contoh, program ujian dan penugasan bagi perlindungan keretapi automatik (ATP) sahaja akan mengambil masa dua bulan untuk disiapkan dan disahkan.

Terdapat juga beberapa masalah lain seperti gangguan bekalan elektrik dan kegagalan isyarat sewaktu sesi ujian dan penugasan kereta api enam gerabak dilakukan. Isu-isu ini telah menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan program ini. Walau bagaimanapun, masalah tersebut telah berjaya diselesaikan pada awal Disember 2011 oleh KTMB dan ZELC. Kedua-dua pihak sedang berusaha sedaya upaya menggantikan masa yang terbuang dengan mempercepat proses ujian dan pengesahan tersebut.

SPAD selaku badan yang mengawal selia proses ini juga telah melahirkan keprihatinan terhadap kereta api enam gerabak (terutamanya T1) yang perlu melepasi semua ujian serta mematuhi segala syarat di bawah Akta Keretapi 1992/ Akta SPAD 2010. Sehubungan dengan itu, pengendalian tren enam gerabak dijangka hanya boleh diluluskan pada pertengahan tahun 2012.

Kelewatan Pelan Transformasi Bas

Pelan Transformasi Bas dirangka bagi memastikan pengagihan laluan bas yang lebih adil. Ia juga berfungsi memastikan bahawa pengusaha bas komited dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, SPAD masih belum lagi memuktamadkan Pelan Transformasi Bas ini. Pada peringkat ini, dokumen tersebut masih berada dalam bentuk draf.

Satu isu berasingan yang menjejaskan perkhidmatan bas ialah kekurangan pemandu bas berkecukupan dalam pasaran. Ini menyebabkan kurangnya penggunaan aset oleh syarikat bas kerana fleet bas yang sepenuhnya tidak dapat ditugaskan ke jalan raya. Kekurangan minat untuk menjadi pemandu bas disebabkan oleh struktur gaji sedia ada difahami merupakan faktor terbesar berbanding dengan sebarang faktor lain. Perkara ini sedang dikaji dan dibincangkan bersama-sama dengan pengendali bas untuk menghasilkan penyelesaian yang berkesan.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Lim Chai Ing, 18

Pelajar kolej

“Saya sedang bercuti semester, jadi saya akan balik ke Johor – biasanya saya balik ke Johor pada setiap semester. Ini hanya merupakan kali yang kedua saya ke sini – saya baru setahun belajar di kolej jadi saya selalu mengambil bas dari sini. Saya dapati cara ini agak mudah dan urusan membeli tiket juga senang.”



Kekurangan dalam nisbah mod (*modal share*)

Meskipun dengan usaha dan inisiatif NKRA UPT yang bersungguh-sungguh, namun nisbah mod penggunaan pengangkutan awam telah berkurangan kepada 16.42% pada tahun 2011. Namun begitu, berlaku peningkatan dalam jumlah mutlak nisbah mod (*modal share*) iaitu dari 236,412 jumlah penumpang pada tahun 2010 kepada 321,487 pada tahun 2011. Kenyataan statistik ini bagaimanapun tidak menjejaskan pelbagai keberhasilan yang diraih pada tahun 2011. Seperti yang telah dijelaskan, bilangan penumpang pengangkutan awam telah meningkat, masa menunggu serta masa perjalanan berjaya dipendekkan dengan ketara dan tahap penyelesaian serta kemudahan penumpang semakin bertambah baik.

Peningkatan sekali ganda dalam perjalanan orang perseorangan dan pemilikan kereta persendirian merupakan faktor utama di sebalik kejatuhan dalam nisbah mod pengangkutan awam ini. Senario ini bagaimanapun berada di luar bidang kuasa semasa NKRA UPT, justeru ia perlu ditangani secara berasingan. Peningkatan dalam bilangan kenderaan baharu yang berdaftar kini menampilkan suatu cabaran langsung kepada usaha meningkatkan bilangan penumpang pengangkutan awam di Lembah Klang.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sejumlah 1,450 kenderaan baharu didaftarkan setiap bulan pada tahun 2011. Ini bersamaan dengan lebih 17,500 kereta baharu di jalan raya di Lembah Klang pada tahun ini. Di samping itu, data kenderaan berdaftar (kenderaan aktif) bagi tahun 2011 menunjukkan bahawa secara purata, setiap bulan terdapat penambahan sebanyak lebih 25,000 ‘kenderaan aktif’ yang dipandu di Lembah Klang berbanding dengan tahun sebelumnya. Lembah Klang telah menyaksikan pertumbuhan sebanyak 5.75% kenderaan persendirian di jalan raya pada tahun 2011 berbanding dengan tahun 2010. Peraturan ini dapat diterjemahkan kepada sebanyak 5,618,746 kenderaan persendirian di Lembah Klang sahaja (berbanding dengan 5,313,216 jumlah kenderaan persendirian berdaftar pada tahun 2010).

Kemudahan mendapatkan pembiayaan pembelian kereta merupakan salah satu sebab di sebalik peningkatan pemilikan kenderaan persendirian. Kemudahan pinjaman dengan bayaran pendahuluan sifar, kadar faedah yang rendah, tempoh pembayaran balik yang panjang (sehingga sembilan tahun) dan kriteria yang kurang ketat untuk mendapatkan kelulusan pinjaman menyebabkan sesiapa sahaja boleh mendapatkan pembiayaan sewa beli. Sebagai contoh, graduan yang baru menamatkan pengajian boleh mendapatkan kelulusan pinjaman kereta secara mudah dengan hanya menyediakan slip gaji untuk dua bulan. Hasilnya, mereka yang memperoleh pendapatan RM2,000 hingga RM4,000 sebulan kini memilih untuk memiliki kereta persendirian melalui sewa beli kereta – satu perubahan berbanding dengan trend pada tahun 2010. Keputusan ini berdasarkan kaji selidik bebas yang dilakukan oleh perunding lalu lintas yang dilantik.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Berikut merupakan faktor-faktor lain yang menggalakkan penggunaan kenderaan persendirian berbanding dengan pengangkutan awam:

- Harga petrol yang agak murah telah menggalakkan perjalanan kenderaan persendirian. Subsidi diperuntukkan oleh kerajaan telah menyebabkan rakyat menunjukkan minat yang kurang untuk menggunakan pengangkutan awam.
- Motosikal masih kekal sebagai kaedah pengangkutan yang paling berkesan dan paling murah.
- Jarak dan KM jalan raya telah meningkat dengan ketara. Subsidi yang diperuntukkan kepada industri automotif tempatan hanya menjadi faktor yang kedua penting dalam peningkatan bekalan kereta.
- Pada masa ini, tiada dasar yang jelas untuk mengehadkan bilangan kenderaan di jalan raya atau di kawasan bandar.

Menangani bebanan kesesakan lalu lintas

Kesesakan lalu lintas yang merupakan rutin harian di Lembah Klang masih menjadi isu utama yang memeningkan penduduknya. Masalah ini menjadi lebih rumit pada waktu puncak pagi dan petang iaitu dari jam 7 pagi hingga 9 pagi dan dari 5 petang hingga 7 petang. Pengguna jalan raya telah lali menempuh pengalaman saban hari berhadapan dengan aliran lalu lintas yang tersekat-sekat atau terhenti bagi tempoh yang lama. Puncanya hanyalah kerana terdapat jumlah kenderaan persendirian yang banyak (dan kian bertambah) di jalan raya ketika waktu puncak.

Rakyat telah menyimpulkan bahawa mereka tidak mempunyai pilihan selain terpaksa memiliki kenderaan sendiri lantaran faktor ketidakandalan serta kurangnya keselesaan dalam perkhidmatan pengangkutan awam bandar. Dengan lanjutan pembangunan bertaraf dunia seperti Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD) yang dirancang untuk pusat gempa (epicentre) bandar, sebuah bandar raya bertaraf dunia perlu dilengkapi dengan sistem pengangkutan awam bandar yang kontemporari untuk menyokong prasarana serta gaya hidupnya.

Walaupun isu kesesakan lalu lintas ini telah ditangani sehingga ke tahap tertentu pada tahun 2010, namun ia tetap menjadi cabaran pada tahun 2011. Meskipun beberapa pendekatan seperti menghalang kenderaan berat daripada menggunakan jalan utama pada waktu-waktu tertentu, mengalihkan laluan sekurang-kurangnya 500 bas ekspres dari pusat bandar setiap hari (laluan diubah ke ITT BTS), dan kejayaan meningkatkan nisbah mod (*modal share*) penggunaan pengangkutan awam kepada 17% (kenaikan 5% daripada garis dasar 2009) telah berjaya meringankan masalah lalu lintas, namun kesesakan tetap berlaku. Oleh itu, inisiatif NKRA UPT perlu diteruskan dalam menangani isu kesesakan lalu lintas pada tahun 2012.



Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

IKTIBAR YANG DIPELAJARI

Bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya kelewatan dalam pelaksanaan inisiatif UPT, langkah terbaik adalah dengan mengenal pasti petanda awal dan mengambil jalan penyelesaian segera. Atas dasar itu, PEMANDU dan pasukan DMO akan menyediakan perancangan yang menyeluruh bagi memastikan semua pihak terbabit dapat bekerjasama dengan lebih cekap dan mampu menguruskan soal birokrasi dalaman dengan lebih berkesan.


Daripada hanya bergantung kepada sumber kedua dalam menentusahkan kemajuan projek, pasukan ini mendapati bahawa adalah lebih berkesan untuk turun sendiri ke lapangan bagi mendapatkan pengesahan. Pemeriksaan mengejut terhadap projek berkaitan NKRA membolehkan pasukan NKRA UPT menilai perkembangan dan kualiti projek dengan lebih berkesan. Aktiviti sebegini juga membolehkan pasukan ini memiliki maklumat yang lebih tepat berkaitan dengan status projek di samping memastikan segala masalah dapat diatasi pada peringkat awal dan projek dapat berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.

Sepanjang tahun ini, jelas bahawa kerjasama, komunikasi dan penyelarasan merupakan faktor yang sangat penting dalam menangani pelbagai masalah yang dihadapi. Kerja berpasukan serta usaha sama yang utuh sentiasa diperlukan bagi memastikan semua agensi bekerja sama dengan erat, terutamanya apabila wujud keperluan untuk mendapatkan sokongan tambahan dalam memenuhi tarikh akhir. Peranan yang dimainkan oleh PEMANDU serta DMO dalam memudahkan sesi penyelesaian masalah di samping menguruskan dengan lebih baik pihak berkepentingan dan soal birokrasi dalaman pastinya telah membantu menyuntik kesedaran untuk bertindak lebih pantas dalam kalangan semua pihak yang terlibat seterusnya menjana keberhasilan yang lebih bermakna.

Jalan ke hadapan tidak lain adalah dengan memanfaatkan selanjutnya kerjasama antara MoT, SPAD dan PEMANDU pada setiap tahap bekerja. Kemungkinan penglibatan pegawai kanan pengangkutan diperlukan dalam proses ini dan kerjasama perlu diperluas untuk mencakupi bidang sesi penyelesaian masalah yang membolehkan batu penghalang ditangani dengan berkesan.

Walaupun NKRA UPT sesungguhnya telah mencipta keberhasilan yang besar dan pantas, nisbah mod (*modal share*) pengangkutan awam kekal merupakan suatu cabaran. Meskipun NKRA UPT menumpukan kepada usaha menambah baik perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan yang sedia ada, namun sebarang strategi yang diguna pakai perlu mengambil kira isu pengurangan penggunaan kenderaan persendirian dan menangani minat warga Malaysia terhadap memandu lebih daripada menggunakan pengangkutan awam.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar



Kasturi, 31 and Kumaren, 25

Kasturi bertugas sebagai setiausaha di Puchong;

Kumaren ialah pelajar Perniagaan Antarabangsa di sebuah universiti, Shah Alam

“Kami sedang menghantar datuk dan nenek kami balik ke Kluang. Sebelum ini mereka sering menaiki bas dari Pudu namun keadaan di sana sangat tidak selesa – setiap masa ia dipenuhi kenderaan dan sering sesak. Akan tetapi, sangat mudah bagi kami untuk sampai ke sini, maklumat juga lebih jelas dan urusan membeli tiket menjadi lebih senang. Keseluruhannya, terminal ini sangat memuaskan dan bersistematik dengan tempat letak kereta yang mencukupi serta akses yang amat mudah.”

PERSEPSI ORANG RAMAI

Menerusi sebuah tinjauan yang dilakukan oleh perunding PEMANDU, iaitu Urusbudi Transplan Sdn Bhd, didapati bahawa tahap kepuasan pengguna pengangkutan awam berkembang kepada 53% pada tahun 2011 berbanding dengan hanya 50% pada tahun 2010. Tinjauan tersebut telah dilaksanakan terhadap 20,000 responden sebagai sampel (iaitu 10,000 pada waktu puncak pagi dan 10,000 lagi di luar waktu puncak).

PERKARA	2010	2011
Jumlah responden yang berpuas hati dengan perkhidmatan bas	38%	46%
Jumlah responden yang berpuas hati dengan perkhidmatan LRT	63%	66%
Jumlah responden yang berpuas hati dengan perkhidmatan KTM	28%	48%

Walaupun tahap kepuasan pengguna kini telah menunjukkan peningkatan, namun ia perlu ditambah baik lagi. Satu faktor yang perlu diambil kira ialah bahawa keputusan kepuasan pengguna merupakan komposit kepada pelbagai tinjauan berbeza terhadap kaedah pengangkutan awam secara individu, iaitu rel, bas, rangkaian dan integrasi. Oleh hal yang demikian, markah yang amat positif dalam sesetengah tinjauan mungkin dilemahkan oleh keputusan yang kurang positif dalam tinjauan yang lain. Contoh yang baik ialah markah yang mengukur perkhidmatan PutraLine Kelana Jaya yang menyaksikan responden memberikan komen yang menggalakkan berbanding dengan pengguna Komuter KTM, yang kurang berasa teruja dengan pengalaman mereka.

Walau bagaimanapun, keputusan tinjauan telah memperkukuh lagi bidang-bidang yang memerlukan NKRA UPT menghasilkan prestasi yang baik dan bidang-bidang yang mewajarkan penambahbaikan yang seterusnya. Keputusan tinjauan ini telah diambil kira dalam merumuskan strategi dan usaha pelaksanaan NKRA UPT bagi tahun 2012.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

MELANGKAH MENUJU 2012

Dalam melangkah ke hadapan, NKRA UPT sebagaimana yang digariskan dalam pelan induk akan menumpukan bidang-bidang yang berikut pada tahun 2012:

Fokus kami pada tahun 2012

Bas



- Penilaian Kesan Trafik bagi Bus Rapid Transit
- Pengenalan Lorong Bas (*Bus Lanes*) bagi koridor utama
- Penyempurnaan sejumlah 9 Hentian Akhir Bandar

Integrasi



- Bermulanya pelaksanaan Projek ITT Gombak
- Penambahbaikan sejumlah 24 buah stesen LRT dan 10 buah stesen Komuter KTM
- Penyediaan sejumlah 6,900 tambahan ruang *park and ride*

Rel



- Pertambahan 38 set tren enam gerabak dalam perkhidmatan Komuter KTM
- Pengurangan masa ketibaan antara Komuter KTM (*headway*) pada waktu puncak pagi kepada ~10 minit

Rangkaian



- Perasionalan rangkaian bas dengan 13 pengendali
- Penyempurnaan Sistem Hab Pengurusan Prestasi (*Performance Management Hub System*)

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Matlamat berasas luas ini akan disokong oleh NKPI yang berikut:

KPI	Cadangan Sasaran 2012
Nisbah purata berwajaran bagi masa perjalanan pengangkutan awam berbanding dengan masa perjalanan pengangkutan persendirian	1.6:1
Peratusan penduduk dalam lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam	72%
Tinjauan kepuasan pelanggan	55%
Faktor muatan bas waktu puncak	70%
Faktor muatan Komuter KTM	100%
Faktor muatan RapidKL aliran Kelana Jaya	80%
Bilangan penumpang pengangkutan awam waktu puncak pagi	600,000
Nisbah mod (<i>modal share</i>) pengangkutan awam	25%
Indeks Keselamatan Jalan Raya (kemalangan maut jalan raya setiap 10,000 kenderaan berdaftar)	3.01

Pasukan NKRA UPT beriltizam untuk mencapai sasaran setinggi 25% nisbah mod pada tahun 2012. Walaupun sedar bahawa hampir mustahil untuk mencapai angka yang sedemikian, namun sasaran tetap diteruskan. Pasukan NKRA kekal berdiri teguh dalam melaksanakan empat bidang utama yang tertumpu kepada penambahbaikan terhadap tahap keandalan dan masa perjalanan, keselesaan dan kemudahan, ketercapaian dan kesalinghubungan di samping ketersediaan dan keupayaan.

Soalan berkaitan yang perlu ditanya ialah apakah yang diperlukan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan bas dan tren? Menarik untuk dinyatakan bahawa pada masa ini, bas tidak mempunyai penumpang yang penuh ketika waktu puncak. Hal ini dengan jelas menunjukkan isu sikap dan persepsi dalam kalangan pengguna Malaysia berkaitan dengan keselesaan, keandalan dan sebagainya. Untuk mencapai matlamat ini, dua buah bengkel dan pelbagai pelan “three-foot” telah dianjurkan dengan hasilnya dimuktamadkan.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Tahun 2011 lebih merupakan tempoh peralihan bagi NKRA UPT kerana kebanyakan inisiatif dan sebahagian besar infrastruktur yang menyokongnya masih berada pada tahap penyediaan. Apabila keseluruhan perkhidmatan ini mula beroperasi kelak, manfaat terkumpul akan dapat dinikmati dan kesan sepenuhnya terhadap nisbah mod akan terserlah.

Terdapat banyak sebab untuk bersikap optimis meskipun projek infrastruktur pengangkutan awam bandar masih berada dalam tempoh permulaan. Selain projek di bawah seliaan NKRA UPT, beberapa projek lain sudah mula dilaksanakan. Ini termasuklah usaha penggandaan kapasiti monorel, penambahan LRT aliran Kelana Jaya dan Ampang untuk mencakupi kawasan baharu pada tahun 2013 selain ketersediaan aliran MRT pertama negara pada Disember 2016. Aliran MRT ini akan bermula di Sungai Buloh di bahagian utara dan bersambung ke Kajang di bahagian selatan meliputi jarak sejauh 51km. Terdapat 31 stesen yang dirancang pembinaannya di sepanjang laluan tersebut dan tujuh daripadanya merupakan stesen bawah tanah.

Dalam tempoh yang terdekat, isu bas penyambung bagi stesen LRT juga akan dikaji. Pengenalan tren enam gerabak bagi Komuter KTM akan memberikan rangsangan yang diperlukan terhadap perkhidmatan dan menyelesaikan keluhan banyak penumpang. Tren enam gerabak KTM yang baharu akan mempunyai banyak kemudahan sokongan yang pelbagai seperti kutipan tambang automatik, kamera CCTV dan kemudahan OKU, sementara pemberian isyarat juga akan dinaik taraf. Empat tren yang seumpamanya akan ditugaskan terlebih dahulu untuk memberikan khidmat kepada laluan Batu Caves - Pelabuhan Klang, dengan sembilan lagi yang akan berfungsi kemudiannya pada tahun 2012. Sejumlah 38 set akan menyertai perkhidmatan pada tahun 2012.

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah mengesyorkan agar perkhidmatan rel bandar diperluas sebagai projek pembangunan rel bandar di bawah Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat. Sebahagian daripada penambahbaikan yang dicadangkan termasuk perluasan khidmat KL Monorel dari stesen Tun Sambanthan ke Taman Gembira di Jalan Klang Lama, dengan hasrat untuk menambah baik ketercapaian kepada kawasan-kawasan seperti Bangsar dan Mid Valley. Terdapat juga pertimbangan terhadap perkhidmatan LRT yang ketiga untuk menghubungkan Klang dan Shah Alam dengan aliran Kelana Jaya yang sedia ada.

Syor-syor baharu ini bersama-sama dengan perkhidmatan sedia ada akan menambah baik hubungan antara pelbagai khidmat rel yang membolehkan perjalanan yang lancar. SPAD juga sedang melaksanakan usaha berkaitan dengan Pelan Pengangkutan Awam Induk Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang, yang bakal merangkumi pelan-pelan bagi teksi, bas, rel bandar, penggunaan tanah, pertukaran/terminal, dan pengurusan permintaan perjalanan.

Bagi merealisasikan hasrat NKRA UPT, kerjasama daripada segenap lapisan masyarakat amatlah penting. Rakyat perlu mengubah rangka minda masing-masing dan memilih pengangkutan awam berbanding dengan sebarang bentuk pengangkutan lain. Meskipun kerajaan berupaya mengambil semua tindakan yang perlu dalam menyediakan sistem pengangkutan awam yang paling menarik, namun rakyat juga harus memainkan peranan yang sama dengan meninggalkan kenderaan mereka di rumah atau di kawasan parkir yang disediakan dan seterusnya menggunakan rangkaian bas mahupun rel. Inilah kaedah perjalanan yang diamalkan oleh masyarakat yang tinggal di bandar-bandar maju di seluruh pelosok dunia. Sekiranya rakyat Malaysia memilih untuk menjejaki amalan ini, pengangkutan awam bandar di Lembah Klang tentu sekali mempunyai masa hadapan yang amat cerah.

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

Melengkapi usaha NKRA

Peningkatan penyampaian perkhidmatan awam kekal menjadi teras utama GTP dan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) yang melengkapi tujuh NKRA sebagai sebahagian daripada usaha GTP yang menyeluruh dan bersepadu. NKRA berbeza dengan MKRA kerana NKRA menangani keperluan kritikal rakyat yang merupakan tanggungjawab secara kolektif Jemaah Menteri, sementara MKRA pula memberikan fokus terhadap fungsi utama yang berada di bawah bidang kuasa setiap kementerian. Bidang tugas ini tertumpu pada usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Setiap MKRA seterusnya mempunyai penunjuk prestasi utama, yang dikenali sebagai Penunjuk Prestasi Utama Kementerian (MKPI). MKPI merupakan pencapaian utama yang menjadi tanggungjawab setiap menteri dalam sesuatu tahun yang tertentu. Contoh bagi MKPI ini antara lain termasuklah mengurangkan kejadian kes denggi dan mengurangkan bilangan penduduk yang terjejas akibat banjir menerusi pelbagai inisiatif.

MKRA turut dibangunkan untuk meliputi bidang yang tidak ditangani di bawah NKRA yang sedia ada. Dengan cara yang demikian, NKRA dan MKRA bergerak selari dalam memastikan kejayaan dan keberkesanan GTP secara keseluruhan.

Memperkuh akauntabiliti kementerian

Apabila MKRA diperkenalkan, ia merupakan suatu peristiwa penting dalam sejarah bagi kerajaan dan negara. Buat julung-julung kalinya jemaah menteri memberikan komitmen untuk menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat berdasarkan kepada satu himpunan sasaran. Setiap menteri bertanggungjawab terhadap pembentukan MKRA masing-masing dan penyampaian MKPI di bawah bidang tugas masing-masing.



Para menteri turut tertakluk kepada penilaian sebanyak dua kali setahun oleh Perdana Menteri yang berdasarkan 'scorecard' masing-masing. Scorecard setiap menteri mengandungi semua KPI bagi tahun yang berada di bawah penilaian.

Semasa penilaian dilaksanakan, Perdana Menteri juga akan mengetengahkan bidang untuk penambahbaikan atau mencadangkan fokus baharu yang perlu ditangani sebelum sesi penilaian seterusnya. Pengwujudan scorecard menteri dan pelaksanaan sesi penilaian Perdana Menteri-Menteri merupakan usaha penting dan berterusan oleh kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan dan kualiti perkhidmatan kerajaan. Pendekatan sedemikian tidak pernah dilaksanakan sebelum ini dalam sejarah Malaysia.



Inisiatif MKRA merupakan pendekatan baharu untuk mewujudkan komitmen, pemilikan (*ownership*) dan akauntabiliti kementerian selain memacu prestasi yang berkesan. Yang lebih penting, pendekatan ini memastikan hasil dan pencapaian yang ketara diperolehi untuk rakyat, dan pada masa yang sama menyampaikan mesej bahawa penyampaian perkhidmatan awam yang lebih baik harus bermula dan akan dirintis oleh barisan pemimpin tertinggi negara.

Perjalanan MKRA dan MKPI setakat ini

Seperti tahun 2010, MKRA dan MKPI dirangka menggunakan pendekatan yang berstruktur dengan mengambil kira terlebih dahulu visi dan misi setiap kementerian.

Pendekatan Yang Berstruktur telah digunakan untuk Membangunkan KPI Menteri



Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

Menggunakan pendekatan ini sebagai asas, MKPI telah dibangunkan, diikuti oleh pelan pelaksanaan terperinci yang menggariskan pelan tindakan utama, inisiatif dan sasaran ke arah merealisasikan pelbagai MKRA. Satu format yang seragam diguna pakai di semua kementerian untuk pembentukan MKPI. Format ini terdiri daripada komponen-komponen utama yang berikut:

- Bidang Keberhasilan Utama yang dibangunkan berdasarkan visi dan misi kementerian;
- MKPI yang berorientasikan keberhasilan dan yang bertumpu kepada keperluan rakyat;
- Sasaran KPI yang bersifat berani, dengan sasaran yang tinggi dan direalisasi secara pantas; dan
- Mengenal pasti kesalingbergantungan antara kementerian dan titik sentuhan iaitu bagaimana setiap MKPI membawa kesan yang positif kepada negara dan rakyat.

Contoh daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan – Y.B. Dato' Seri Chor Chee Heung

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) / Rasional	KPI				Inisiatif / Sokongan untuk merealisasikan MKPI	Titik Sentuhan
	KPI Dikenal Pasti	Sasaran 2010	2011 Sebenar	Sasaran 2011		
Mengurangkan bilangan projek perumahan swasta berlesen yang terbengkalai Rasional Untuk melindungi kepentingan pembeli rumah dan industri perumahan secara umum	Pemulihan projek perumahan swasta berlesen yang terbengkalai atas usaha pemajunya atau pihak yang baru	35 projek perumahan	36 projek perumahan (8,030 rumah/4,240 pembeli)	30 projek perumahan (8,430 rumah/6,737 pembeli)	Memulakan rundingan antara pemaju dan pembeli untuk memulihkan projek perumahan swasta berlesen yang terbengkalai Peruntukan daripada Kementerian Kewangan/ Unit Perancang Ekonomi	Rakyat akan meraih manfaat daripada projek perumahan yang dipulihkan

KRA dihasilkan berdasarkan kenyataan visi / misi kementerian

KPI mencerminkan keberhasilan dan menangani keperluan rakyat

Sasaran KPI adalah Berani. Sasaran yang Diperluas dan Pantas

Kesalingbergantungan dan titik sentuhan dikenal pasti

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

“Sesi Penilaian Perdana Menteri-Menteri adalah amat penting kerana ia berfungsi sebagai platform untuk menilai sejauh mana kemajuan yang telah dicapai oleh setiap menteri. Setiap menteri pastinya mempunyai ketidaksempurnaannya yang tersendiri, namun secara keseluruhannya, kami dimaklumi bahawa kami sedang berada pada landasan yang tepat dan sedang mengorak kemajuan dengan pantas dalam tempoh dua tahun yang lepas.”

- Dato' Seri Peter Chin Fah Kui, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Setiap menteri adalah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan kejayaan inisiatif MKRA. Pegawai KPI yang khusus telah dilantik untuk memantau dan mengawasi kemajuan MKPI. Mereka bertanggungjawab untuk mengemaskinikan laporan mengenai pembangunan dan isu-isu MKPI kepada menteri dan PEMANDU.

Berikut ialah perjalanan MKRA pada tahun 2011:



Penambahbaikan pendekatan MKRA pada tahun 2011

Pengalaman yang diperoleh pada tahun 2010 dimanfaatkan dengan melakukan beberapa perubahan terhadap inisiatif MKRA pada tahun 2011. Meskipun semangat inisiatif tetap sama, iaitu untuk memberikan fokus terhadap bidang tugas utama dalam setiap kementerian, namun pendekatan telah diperhalus dan dimurnikan lagi.

Pada tahun 2011, terdapat usaha yang nyata untuk memastikan lebih banyak KPI berorientasikan keberhasilan dan bukannya yang berpacuan kepada proses demi kepentingan MKRA. Demikian juga, setiap menteri mempunyai komponen MKRA dalam scorecard mereka pada tahun 2011, tidak seperti tahun sebelumnya, di mana Menteri yang tidak menerajui NKRA sahaja yang mempunyai MKPI dalam scorecard mereka.

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

“Perdana Menteri mahukan semua menteri supaya sentiasa peka dengan program transformasi dan bergerak lebih progresif dengan pelaksanaan projek-projek. Beliau mahukan kami (menteri) pergi ke akar umbi untuk bertemu dengan masyarakat dan memaklumkan program yang sedang dilaksanakan, apa yang kami lakukan dan juga matlamat kami. Bagi kementerian saya, kami perlu mengadakan dialog yang kerap bersama-sama dengan NGO kerana kami bekerja erat dengan mereka dalam mendapatkan maklum balas, termasuk perkara kebimbangan utama seperti pengurangan banjir dan isu-isu lain. Sesi penilaian merupakan seksi yang produktif dan amat memberikan kesedaran, dalam sesi inilah KPI semua kementerian dinilai.”

- Dato Sri Douglas Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2011, kesemua 29 menteri mempunyai MKPI dalam scorecard masing-masing. Selaras dengan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada Oktober 2010, KPI Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) juga digabungkan ke dalam Scorecard Menteri.

Susulan Penilaian Perdana Menteri-Menteri pada bulan Januari, Scorecard Menteri 2011 telah dimuktamadkan. Scorecard ini mengandungi komen atau bidang fokus baharu seperti yang diarahkan oleh Perdana Menteri. “Away Day” Jemaah Menteri turut diadakan untuk memberikan peluang kepada menteri lain untuk memberi maklum balas berkaitan dengan MKPI yang telah ditetapkan bagi tahun 2011.

Pada Mei tahun 2011, KPI tambahan lanjutan daripada pelaksanaan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) telah dimasukkan dalam scorecard menteri. Berikutan itu, sistem pemarkahan dan wajaran untuk menilai prestasi menteri telah dikaji semula.

Pencapaian MKRA 2011

Pencapaian MKRA pada tahun 2011 tidak wajar dibuat perbandingan dengan 2010 kerana pada tahun 2010, scorecard menteri hanya merangkumi komponen NKRA and MKRA KPIs sahaja, manakala bagi tahun 2011, pencapaian keseluruhan setiap menteri merupakan agregat pencapaian komponen NKRA, NKEA, SRI dan MKRA. Dari segi pencapaian, 294 (91%) daripada 324 MKPIs yang ditetapkan pada 2011 telah mencapai sasarannya, Pencapaian yang menurun sedikit adalah disebabkan sasaran KPI yang ditetapkan adalah lebih tinggi (*more stretched*) dan lebih berorientasikan keberhasilan serta pencapaian itu merupakan pencapaian agregat bagi NKRA, NKEA, SRI dan MKRA.

KISAH KEJAYAAN MKRA

Antara banyak kejayaan MKRA, kami ingin berkongsi kejayaan hasil daripada Kementerian Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Kementerian Kesihatan pada tahun 2011 yang kesemuanya telah memberikan impak yang positif terhadap kehidupan rakyat.

Kejayaan MKRA #1 – Kementerian Kerja Raya

Pada tahun 2011, Kementerian Kerja Raya mengambil tanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pemulihan di kawasan yang dikenali sebagai ‘*blackspot*’ dengan matlamat untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

Istilah ‘*blackspot*’ merujuk pada lokasi jalan raya persekutuan dan lebuhraya yang pernah mencatatkan sekurang-kurangnya tiga kemalangan yang sama atau lima jenis kemalangan yang berlainan sepanjang tiga tahun lalu dalam radius 50 meter yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan. Kesan inisiatif ini hanya dapat dinilai pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, laporan berikut menunjukkan hasil inisiatif yang sama sejak tahun 2009.

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

Statistik kemalangan jalan raya di Malaysia menunjukkan tren peningkatan dari tahun 2006 hingga 2010 tetapi dengan pengurangan bilangan kecederaan dan kematian, hasil penambahbaikan keselamatan yang dilakukan terhadap kualiti dan keadaan jalan raya. Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya, telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk menangani kemalangan dan lokasi laluan berbahaya di jalan raya. Pemulihan '*blackspot*' kemalangan jalan raya bertujuan meningkatkan keselamatan dengan mengurangkan kadar kematian dan kecederaan serius akibat kemalangan jalan raya.


Kerja-kerja pemulihan yang dijalankan oleh Kementerian Kerja Raya meliputi:

- Penurapan semula jalan raya untuk meningkatkan sifat rintangan kelincir;
- Pemasangan rel adang, tiang fleksibel, stad jalan raya, tanda *Chevron LED* dan jalur derum;
- Pelebaran simpang jalan dan bahu jalan;
- Pemasangan lampu jalan di simpang;
- Pembinaan median; dan
- Pembinaan lorong pecutan dan perlambatan.

Pemulihan kawasan '*blackspot*' kemalangan jalan raya telah membawa kepada keberhasilan yang nyata:

- 10 daripada 183 '*blackspot*' di Jalan Raya Persekutuan yang dipulihkan pada tahun 2009, menghasilkan kadar penurunan kemalangan sebanyak 90.91%;
- 37 daripada 93 lokasi '*blackspot*' di Jalan Raya Persekutuan yang dipulihkan pada tahun 2010, menghasilkan penurunan 100% kemalangan daripada 395 kemalangan kepada 0 kemalangan; dan
- 10 '*blackspot*' di sepanjang Jalan Raya Tol yang dipulihkan pada tahun 2010, menghasilkan penurunan sebanyak 81.04% kemalangan daripada 211 kemalangan kepada 40 (**rajah 1**).

Rajah 1: Statistik Kemalangan Sebelum dan Selepas Pemulihan *Blackspot* Kemalangan Jalan Raya



Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

F0001, Seksyen 270, Jalan Seremban - Tampin, Daerah Tampin, Negeri Sembilan.

Sebelum



Masalah

- Tiada lorong simpan di selekoh kanan
- Papan tanda tidak mencukupi
- Akses yang tidak sah
- Jarak penglihatan yang tidak mencukupi
- Pemasangan rel adang yang salah

Selepas



Aktiviti Pemulihan

- Pemasangan stad jalan
- Pemasangan dan pembaikan rel adang
- Pembinaan bar melintang kuning
- Penandaan jalan
- Penambahan bilangan papan tanda
- Pelebaran jalan
- Pembinaan median
- Pemasangan tiang lampu
- Pembinaan 1 lorong tambahan

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

Laluan F0008, Seksyen 197, Jalan Gua Musang – Kuala Lipis, Daerah Gua Musang, Kelantan Darul Naim.

Sebelum



Masalah

- Selekoh substandard
- Amber light tidak berfungsi
- Jarak penglihatan terganggu disebabkan pokok
- Pelakar Chevron tidak memadai dan rosak
- Tiada papan tanda menandakan selekoh dan persimpangan

Selepas



Aktiviti Pemulihan

- Pemasangan penghalang konkrit
- Pembaikan dan penambahan lampu ambar
- Penebangan pokok
- Pembaikan super-e dan penurapan semula
- Pelebaran bahu jalan
- Penandaan jalan, pelorekan (kelincir) berwarna (merah) dan bar melintang
- Pemasangan solar chevron dan stad jalan
- Pemasangan tiang lampu di persimpangan
- Pemasangan papan tanda amaran

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011



Kisah Kejayaan MKRA #2 – Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)

Usaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk mengurangkan Indeks Purata Tempoh Gangguan Sistem (*System Average Interruption Duration Index, SAIDI*) telah menunjukkan kemajuan yang ketara.

Dalam menetapkan sasaran tahun 2011, kementerian memberikan fokus terhadap enam negeri di Semenanjung Malaysia berbanding dengan tahun 2010 yang memberikan perhatian kepada Semenanjung secara keseluruhan. Ini membolehkan kementerian menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pengguna di Perak, Kedah, Johor, Pulau Pinang, Kelantan dan Selangor – negeri-negeri yang telah dikenal pasti paling kerap mengalami gangguan perkhidmatan elektrik.

Sasaran dan pencapaian sebenar kementerian (pada 31 Disember, 2011) adalah seperti yang berikut:

	Negeri	Sasaran (minit/ pengguna setahun)	Pencapaian sebenar (minit/ pengguna setahun)
1.	Perak	160	119.74
2.	Kedah	110	87.18
3.	Johor	99	78.03
4.	Pulau Pinang	99	76.56
5.	Kelantan	75	72.78
6.	Selangor	74	61.34

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

Bagi tahun kewangan 2010/2011, Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan kira-kira RM1.5 bilion untuk membangun dan mempertingkatkan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia. TNB juga memperkukuh dan mempertingkatkan sistem pembahagian dan penghantaran untuk mengurangkan kadar gangguan. Hasil usaha ini, sebanyak lebih 7.56 juta pelanggan TNB di Semenanjung dapat menikmati perkhidmatan yang berkualiti lebih tinggi (dari segi bekalan elektrik) pada tahun 2011.

KeTTHA juga mempunyai MKPI untuk mengurangkan SAIDI di Sabah pada tahun 2011. Pembekalan elektrik tanpa gangguan kepada pengguna luar bandar Sabah merupakan suatu cabaran disebabkan rangkaian jalan raya negeri tersebut yang daif di kawasan pedalaman. Berikut merupakan keberhasilan yang telah dicapai:

Tahun	SAIDI Sabah (minit/pengguna/setahun)			
	2009	2010	*2011 (pada 31 Disember, 2011)	
Sasaran	-	700	Sabah :	700
			Sektor 1 :	400
			Sektor 2 :	700
			Sektor 3 :	700
Pencapaian sebenar	2,867	687	Sabah :	494.64
			Sektor 1 :	307.66
			Sektor 2 :	652.28
			Sektor 3 :	990.8

Catatan: Sasaran ditetapkan bagi Sektor 1, 2 dan 3. Setiap sektor dikategorikan mengikut kadar pembangunan dan kepadatan penduduk

Pada tahun tersebut juga, Kerajaan Persekutuan telah memberi peruntukan kepada lembaga elektrik negeri, Sabah Electricity Sdn Bhd (SESb), untuk melaksanakan projek bagi mengurangkan SAIDI di Sabah. Projek ini meliputi:

- Talian kedua dari Pencawang Pembahagian Utama (PPU) Kota Marudu ke PPU Pitas;
- Talian kedua dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Keningau ke PPU Tambunan;
- Talian kedua dari PMU Keningau ke PPU Nabawan;
- Talian kedua ke PPU Beluran;
- Talian kedua dari PMU Beaufort ke PPU Kayul; dan
- Pemulihan PPU TshunNgen

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

Kisah Kejayaan MKRA #3 – Kementerian Kesihatan

Pada tahun 2010, sebanyak 46,171 kes denggi telah dilaporkan, iaitu peningkatan sebanyak 11% berbanding dengan 41,486 kes yang dilaporkan pada tahun 2009. Kematian yang dilaporkan akibat demam denggi juga meningkat dengan margin yang lebih tinggi iaitu sebanyak 52%, daripada 88 kematian pada tahun 2009 kepada 134 kematian pada tahun 2010.

Berdasarkan statistik ini, Kementerian Kesihatan melaksanakan langkah proaktif untuk menyekat penyebaran denggi. Kementerian telah meningkatkan COMBI atau projek Communication for Behavioural Impact (Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku) untuk menggalakkan penglibatan orang ramai dalam menghapuskan kawasan pembiakan nyamuk Aedes.

Sehingga Oktober 2011, sebanyak 2,178 projek COMBI telah dilaksanakan dan 208 daripadanya dilaksanakan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Jumlah ini merupakan peningkatan 207% berbanding dengan tahun 2010 yang merekodkan pelaksanaan 1,052 projek COMBI.



Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011



Selain itu, Kementerian Kesihatan juga memasang 30 papan iklan di ‘hotspot’ denggi di Selangor dan Kuala Lumpur untuk mendidik orang ramai mengenai bahaya denggi di kawasan kediaman mereka. Selebriti terkenal, Aznil Nawawi turut dilantik sebagai ikon kempen Jom Ganyang Aedes bagi meningkatkan kesedaran terhadap aktiviti gotong-royong.

Hasil usaha bersepadu Kementerian Kesihatan, agensi kerajaan dan orang ramai, sehingga 20 November 2011, penurunan kes denggi telah dilaporkan di seluruh negara. Sejumlah 17,450 kes telah dilaporkan, berbanding dengan 42,914 kes dalam tempoh yang sama pada tahun 2010. Ini menunjukkan penurunan kes denggi yang ketara sebanyak 59%.

Tren ini turut dicerminkan dengan penurunan bilangan kematian akibat denggi. Dari Januari hingga 20 November 2011, sebanyak 28 kematian dilaporkan, berbanding dengan 125 kematian dalam tempoh yang sama pada tahun 2010 – iaitu penurunan yang hebat sebanyak 78%. Inisiatif yang diambil Kementerian Kesihatan telah mencetuskan hasil positif lain, seperti penurunan 81% bilangan ‘hotspot’ denggi yang diisytiharkan pada tahun 2011, iaitu 107 ‘hotspot’ pada tahun 2011 berbanding dengan 572 ‘hotspot’ pada tahun 2010.

Satu lagi MKPI Kementerian Kesihatan adalah untuk memastikan mereka yang mendapatkan rawatan pesakit luar menerima ubat mereka dalam masa 30 minit. Kementerian Kesihatan berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan farmasi berikutan peningkatan bilangan pesakit yang mengunjungi hospital dan klinik kerajaan.

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

Kementerian melancarkan beberapa inisiatif untuk memastikan kejayaan MKPI ini termasuk pelaksanaan Sistem Temu Janji untuk mendapatkan ubat, Farmasi Pandu Lalu dan perkhidmatan Pos 1Malaysia. Inisiatif ini bukan sahaja memudahkan pesakit mengambil dos ubat berulang malah dapat mengurangkan jumlah pesakit yang mengambil ubat di kaunter dan dengan itu masa menunggu di kaunter farmasi akan dapat dikurangkan.



Sehingga Oktober 2011, semua hospital dan 357 klinik di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan menawarkan sekurang-kurangnya satu perkhidmatan di bawah Sistem Temu Janji. Sistem temu janji terutamanya melalui perkhidmatan Telefon/SMS & Kutip, mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pesakit.

Inisiatif Farmasi Pandu Lalu telah diperkenalkan di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Tuanku Fauziah di Kangar, Perlis. Bermula dengan dua buah hospital ini, perkhidmatan ini diperluas ke sembilan kemudahan perubatan lain di bawah Kementerian Kesihatan.

Seperti kaunter Pandu Lalu lain, pelanggan hanya perlu memandu ke kaunter khas untuk mendapatkan ubat ulangan mereka, berdasarkan preskripsi masing-masing, yang telah dibungkus

untuk diambil. Oleh sebab pesakit mendapat manfaat daripada kemudahan Farmasi Pandu Lalu, Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan kemudahan ini apabila merancang dan mereka bentuk kemudahan perubatan pada masa akan datang.

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2011

Penubuhan perkhidmatan Pos 1Malaysia juga salah satu inisiatif kementerian agar pesakit tidak perlu membuat lawatan ulangan ke kemudahan perubatan untuk mendapatkan dos ubat mereka lagi.

Dengan bayaran serendah RM5, ubat boleh dihantar ke mana-mana destinasi di seluruh negara, sementara penghantaran dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya dikenakan bayaran RM8. Sehingga kini, 39 farmasi kerajaan, terutamanya farmasi di hospital negeri, sudah menawarkan perkhidmatan ini. Sehingga Oktober 2011, 96.5% daripada hampir 27,272,002 preskripsi diserahkan dalam masa 30 minit.

Menetapkan penanda aras yang lebih tinggi

Inisiatif MKRA terus menjadi pemangkin dalam mencetuskan perubahan dalaman dan struktur terhadap birokrasi kerajaan dengan hasil berteraskan rakyat. Matlamat berteraskan hasil menjadi fokus utama bagi setiap tindakan Kerajaan pada hari ini. Ia turut memainkan peranan penting dalam mengorak kaedah pentadbiran baharu – pembangunan pentadbiran berteraskan perkhidmatan dan berorientasikan pencapaian yang memberikan fokus terhadap penyediaan perkhidmatan kepada rakyat selari dengan aspirasi 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Dengan mengekalkan semangat perubahan transformasi berterusan ini, MKPI 2012 telah ditetapkan dengan sasaran yang tinggi dan berteraskan hasil untuk mendorong kementerian dan agensi berusaha dengan lebih keras dan gigih. Penekanan terhadap pencapaian akan terus menjadi ciri utama pada tahun 2012 dalam penetapan MKPI yang sewajarnya.

Usaha MKRA sendiri telah berjaya meraih pencapaian yang cemerlang. Selari dengan pelaksanaan pelbagai NKRA, NKEA dan SRI, inisiatif MKRA memainkan peranan yang penting dalam membolehkan GTP mencapai potensi sepenuhnya.

Dengan mengambil kira pelbagai manfaat tidak langsung seperti transformasi penyampaian perkhidmatan awam, kehidupan rakyat yang berjaya diubah, inisiatif MKRA mampu berdiri megah dan menyerlah sebagai jentera transformasi yang benar-benar menjana manfaat yang hebat kepada kerajaan, rakyat dan juga negara.



Penilaian Prestasi Antarabangsa (IPR)

GTP Tahun 2011 – penilaian secara bebas dan pengesahan secara objektif

Meskipun kami di Malaysia melihat GTP sebagai program transformasi yang sangat berjaya yang telah mengotakan janjinya untuk menghasilkan perubahan besar, namun tidak memadai untuk menilai kejayaan GTP berdasarkan perspektif domestik atau perspektif dalam negeri sahaja. Justeru, wajarlah kami membenarkan GTP dinilai rapi oleh pihak ketiga antarabangsa yang berkecuali dan tidak mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan GTP. Hanya setelah GTP melepasi pemeriksaan teliti badan yang berkenaan dan menerima undi percaya mereka, barulah kami benar-benar boleh menyatakan bahawa GTP telah membuktikan kejayaannya sendiri.

Untuk tujuan itu, kerajaan sekali lagi mendapatkan pandangan Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa (IPR) untuk memberikan sebuah perspektif *outside-in* (dari luar ke dalam) tentang pencapaian GTP 2011. Jawatankuasa IPR diberi peranan yang kukuh dan analitikal: untuk menilai dan menaksir serta memberikan pendapat dan kritikan terhadap GTP 2011 secara menyeluruh, tanpa rasa takut atau pilih kasih. Dengan cara ini, kerajaan berharap untuk memperoleh laporan yang lebih jelas mengenai keberkesanan program tersebut, dan pada masa yang sama mendapatkan pandangan berharga tentang bagaimana hendak menyemarakkan penambahbaikan yang berterusan bagi tahun 2012 dan tahun-tahun seterusnya. Kami tidak mempunyai salah tanggapan terhadap pencapaian kami setakat ini. Kami sedar, walaupun GTP telah melaksanakan kebanyakan janjinya, namun masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan. Pandangan panel pakar antarabangsa ini akan membolehkan kami menentukan kedudukan sebenar kami dan sejauh mana lagi perjalanan yang perlu kami teruskan.

Memfaatkan pandangan *outside-in* (dari luar ke dalam) oleh pakar

Halaman seterusnya memberikan gambaran kelayakan ahli-ahli jawatankuasa IPR, yang sebahagiannya telah membarisi Jawatankuasa tahun 2010 manakala sebahagian lagi ialah ahli-ahli baharu. Jawatankuasa IPR tahun 2011 dibarisi oleh pakar luar negara terkemuka, yang kebanyakannya diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai pakar peneraju dalam bidang masing-masing yang telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di organisasi antarabangsa dan kerajaan. Sebahagian mereka juga pernah terlibat dalam program transformasi yang hampir sama di tempat lain yang melayakkan mereka untuk membincangkan merit GTP Malaysia.

Kami juga membentangkan di sini tinjauan keseluruhan berkaitan dengan proses penilaian, fakta-fakta penting yang dibentangkan oleh Jawatankuasa IPR kepada Kabinet serta maklum balas dan cadangan yang diberikan oleh mereka secara individu untuk memperkukuh usaha GTP.

Ahli Jawatankuasa IPR

Dengan pengalaman selama bertahun-tahun dan kepakaran mereka yang mendalam, individu-individu yang amat disegani yang berikut telah dijemput untuk menilai kedua-dua program GTP dan ETP. Mereka telah menghabiskan beberapa hari dalam sesi Jawatankuasa IPR serta sesi “Cabinet Away Day” di Putrajaya pada Februari 2012.

Penilaian Prestasi Antarabangsa



Mr. Michael J. Hershman

Pengasas bersama Transparency International;
Presiden Kumpulan Fairfax

Michael Hershman ialah pakar yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa bagi hal-hal berkaitan dengan ketelusan, kebertanggungjawaban, tadbir urus, litigasi dan keselamatan. Kumpulan Fairfax, yang diasaskan beliau pada tahun 1983, telah diminta oleh kerajaan, syarikat, firma guaman, dan institusi kewangan antarabangsa untuk membantu dalam hal-hal berkaitan dengan kepimpinan pegawai kanan dan/atau entiti yang bekerjasama dalam perniagaan.

Pada tahun 1993, Mr. Hershman, bersama-sama dengan Peter Eigen, telah mengasaskan Transparency International, sebuah gabungan bebas yang terbesar dan tidak berasaskan keuntungan, yang menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti dalam perniagaan serta kerajaan.

Sejak 28 tahun yang lalu, Mr. Hershman, melalui Kumpulan Fairfax telah dijemput berkali-kali untuk memberikan respons kepada isu ketelusan oleh kerajaan, syarikat awam dan swasta, firma guaman dan juga individu.

Mr. Hershman memulakan kerjayanya di bahagian risikan ketenteraan Amerika di Eropah dengan mengkhusus dalam serangan pengganas. Selepas meninggalkan bidang ketenteraan, beliau telah berkhidmat dengan Pejabat Guaman Negeri, New York dan Pejabat Datuk Bandar, New York, menyiasat salah laku kerajaan serta penipuan kewangan. Hershman juga merupakan pegawai penyiasat kanan dalam “*Senate Watergate Committee*” selain menjadi ketua penyiasat dalam gabungan suruhanjaya Presiden dan Kongres yang mengkaji undang-undang negeri dan persekutuan tentang pengintipan dengar melalui telefon dan pengawasan elektronik. Beliau juga telah bertugas sebagai Ketua Penyiasat dalam Suruhanjaya Pilihan Raya Persekutuan, bertanggungjawab untuk urusan audit dan siasatan terhadap calon-calon dan jawatankuasa kempen mereka.

Sejak 12 tahun yang lalu, Hershman menganggotai Kumpulan Pakar dalam Bidang Rasuah Antarabangsa Interpol (*Interpol's International Group of Expert on Corruption*) dan kini berkhidmat sebagai Naib Pengerusi badan tersebut. Pada tahun 2008, 2009 dan 2010, beliau dimasukkan dalam senarai Institut Ethisphere sebagai 100 orang paling berpengaruh dalam etika perniagaan di seluruh dunia. Beliau juga menganggotai Suruhanjaya Seminar Pencegahan Rasuah Antarabangsa (*International Anti-Corruption Conference Committee*) dan menjadi penasihat bebas bagi pematuhan kepada lembaga pengarah Siemens AG.

Hershman telah menyampaikan beratus-ratus ucapan di seluruh dunia tentang isu-isu berkaitan dengan ketelusan dan kebertanggungjawaban. Beliau telah memberikan ulasan dan ulasan beliau itu telah diterbitkan dengan meluas dalam pelbagai media antarabangsa. Selama lima tahun, beliau menjadi hos bersama dalam rancangan “*Public Radio Law Show*”.

Penilaian Prestasi Antarabangsa



Mr. Stephen Sedgwick

Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam Australia

Mr. Sedgwick mempunyai kerjaya yang panjang dan cemerlang dalam sektor awam. Beliau pernah berkhidmat dalam pelbagai jabatan sejak tahun 1972. Beliau ialah Setiausaha Bahagian Kewangan, Guna Tenaga dan Pendidikan Komanwel (*Commonwealth Departments of Finance, Employment and Education*) antara tahun 1992 dan 2002, dan menganggotai Lembaga Pengarah Bank Pembangunan Asia selama lima tahun sehingga tahun 2007. Beliau telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam Australia pada Disember 2009 setelah bertugas sebagai Profesor dan Pengarah Ekonomi Gunaan dan Penyelidikan Sosial di Universiti Melbourne.

Mr. Sedgwick meraih ijazah dengan kepujian dalam bidang Ekonomi dari Universiti Sydney dan memegang ijazah Sarjana dari Universiti London (LSE).

Kini beliau merupakan ahli lembaga pengarah Yayasan Sir Roland Wilson, ahli Majlis Penasihat *ANU Crawford School of Economics and Government*, ahli Lembaga Penasihat untuk *Australian National Institute for Public Policy*, ahli Lembaga Pengarah *Commonwealth Association for Public Administration and Management*, ahli Kumpulan Penasihat untuk *Australian Human Right Commission Male Champions of Change Research Project*, serta ahli *ACT Government's Learning Capital Council*.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

**Dr. Ravi Balakrishnan**

Wakil Tetap, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Dr. Balakrishnan kini ialah Wakil Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang berpangkalan di Singapura. Beliau memulakan kerjayanya di Bank of England dan Bank of Spain, sebelum menyertai IMF pada tahun 2001. Sejak itu, beliau telah berkhidmat di beberapa buah negara termasuk Bolivia dan Amerika Syarikat, serta *World Economic Outlook* sebelum memegang jawatan sekarang. Sebagai Wakil Tetap, beliau terlibat secara aktif dalam kegiatan IMF di Malaysia dan Singapura, dalam aliran modal ke rantau ini, dan juga dalam pertumbuhan inklusif.

Secara umumnya, Dr. Balakrishnan menumpukan dasar dan kajian beliau pada pekerja dan kedinamikan pekerjaan, kedinamikan inflasi, kedinamikan kadar tukaran dan aliran modal, serta pasaran modal dan sistem kewangan. Hasil kajian beliau telah diterbitkan dalam beberapa jurnal profesional.

Dr. Balakrishnan memiliki M.Sc dan PhD dalam bidang ekonomi dari London School of Economics (LSE) selain BA Honours dari Churchill College, Universiti Cambridge.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

**Dr. Yukon Huang**

Penasihat Kanan, Program Carnegie Asia, mantan Pengarah Bank Dunia untuk China

Dr. Yukon Huang ialah Ahli Bersekutu Kanan (Senior Advisor) di Carnegie Endowment di Washington DC dan mantan Pengarah Bank Dunia untuk China.

Sebelum ditugasi oleh Bank Dunia ke China, beliau merupakan Pengarah Bank Dunia untuk Rusia dan bekas Soviet Union, dan sebelum itu, beliau ialah Ketua Ahli Ekonomi (*Lead Economist*) untuk Asia. Beliau pernah memegang beberapa jawatan di US Treasury dan profesor di pelbagai universiti di Amerika Syarikat dan negara lain.

Dr. Huang kini merupakan penasihat Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, serta penasihat kepada pelbagai kerajaan dan syarikat. Beliau juga ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negara kepada Perdana Menteri Malaysia.

Buah fikiran Dr. Huang tentang isu-isu pembangunan telah diterbitkan dengan meluas dalam jurnal-jurnal profesional dan media popular. Beliau juga merupakan penyumbang bertaraf "A-List" kepada *Financial Times* dan penulisan beliau kerap ditemui di saluran-saluran seperti *Wall Street Journal* dan *Bloomberg*.

Beliau mempunyai PhD dalam bidang ekonomi dari Universiti Princeton dan juga BA dari Yale.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

**Mr. HK Yong**

Penasihat (Perkongsian Awam-Swasta),
Sekretariat Komanwel, London

Sebagai penasihat Perkongsian Awam-Swasta (Public-Private Partnership, PPP) kepada Sekretariat Komanwel, Yong memberikan khidmat nasihat dan sokongan pembinaan keupayaan kepada 54 buah negara anggota Komanwel.

Mr. Yong memiliki pengalaman lebih 30 tahun dalam menasihati sektor awam dan swasta dalam Perkongsian Awam-Swasta (PPP), penswastaan, pembiayaan projek, dan perancangan strategik.

Beliau memiliki B. Eng (Hons) dalam Kejuruteraan Sivil dan Struktur (UK), MBA (UK), Diploma dalam Perbendaharaan Korporat (UK) dan Diploma Lulusan Ijazah dalam Pengajian Islam dari ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Yong ialah seorang Akauntan Berkanun (England and Wales) di Deloitte, Haskins and Sells, UK. Dalam aspek penerbitan, Yong telah menghasilkan banyak penulisan mengenai isu-isu PPP dan beliau merupakan editor buku '*Public-Private Partnerships Policy and Practice – a Reference Guide*'.

Pandangan yang dinyatakan di sini merupakan pandangan peribadi beliau.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

**Dr. Homi Kharas**

Felo Kanan dan Timbalan Pengarah di Brookings Institution, Washington D.C. bagi Program Ekonomi dan Pembangunan Global

Dr. Kharas ialah mantan Ketua Ahli Ekonomi Bank Dunia untuk Asia Timur dan Rantau Pasifik selain Pengarah bagi Pengurangan Kemiskinan dan Pengurusan Ekonomi, Kewangan, dan Pembangunan Sektor Swasta. Beliau bertanggungjawab dalam memberikan nasihat berkaitan dengan struktur dan dasar ekonomi, isu-isu fiskal, hutang, perdagangan, tadbir urus dan pasaran kewangan.

Dr. Kharas berkhidmat sebagai Felo Tidak Tetap (*Non-Resident Fellow*) di *OECD Development Centre* dan menganggotai Majlis Penasihat Ekonomi Negara kepada Perdana Menteri Malaysia. Beliau juga pernah menganggotai Kumpulan Kerja dalam Suruhanjaya Pertumbuhan dan Pembangunan (*Commission on Growth and Development*), yang dipengerusikan oleh Profesor A. Michael Spence.

Sebelum ini, antara tahun 1990 dan 1991, Dr. Kharas ialah Rakan Kongsi Kanan di Jeff Sachs and Associates, yang berperanan menasihati kerajaan-kerajaan Eropah Timur dan Soviet Union berkaitan dengan peralihan kuasa.

Dr. Kharas mempunyai PhD dalam bidang ekonomi dari Universiti Harvard. Kajian beliau tertumpu kepada trend global dan kelas pertengahan, pertumbuhan dan pembangunan Asia Timur serta bantuan antarabangsa kepada negara-negara termiskin.

Penilaian Prestasi Antarabangsa



Sir Michael Barber

Ketua Penasihat Pendidikan, Pearson PLC, UK;
Bekas Ketua Penasihat bagi Pentadbiran Perdana
Menteri Britain, Tony Blair

Sir Michael Barber merupakan pakar yang terkemuka dalam bidang sistem pendidikan dan pembaharuan pendidikan. Lebih dua dekad yang lalu, penyelidikan dan kerja penasihatannya beliau menumpukan pada penambahbaikan sekolah, standard dan prestasi; pembaharuan menyeluruh sistem; pelaksanaan yang berkesan; akses, kejayaan dan pembiayaan dalam pendidikan tinggi; serta akses dan kualiti sekolah di negara-negara sedang membangun.

Baru-baru ini Barber menyertai Pearson sebagai Ketua Penasihat Pendidikan, menerajui program penyelidikan sedunia Pearson berkaitan dengan dasar dan keberkesanan pendidikan, memberikan nasihat dan menyokong produk dan perkhidmatan yang berasaskan dapatan penyelidikan, selain memainkan peranan yang khusus dalam strategi pendidikan Pearson di sektor yang paling daif di dunia, terutamanya di ekonomi negara-negara yang sedang pesat membangun.

Sebelum Pearson, beliau merupakan Rakan Kongsi di McKinsey & Company dan juga Ketua amalan pendidikan global McKinsey. Beliau telah menghasilkan secara bersama dua buah laporan pendidikan McKinsey: *How the world's most improved school systems keep getting better* (2010) dan *How the world's best performing schools come out on top* (2007). Beliau juga merupakan Felo Pelawat Terkemuka di Sekolah Pendidikan Siswazah Harvard dan menyandang gelaran doktor kehormat dari University of Exeter.

Sebelum ini beliau pernah berkhidmat dengan kerajaan UK sebagai Ketua Unit Penyampaian Perdana Menteri (dari tahun 2001 - 2005) dan sebagai Ketua Penasihat kepada Setiausaha Pendidikan Negara mengenai Standard Sekolah (dari tahun 1997 - 2001). Sebelum menyertai kerajaan, beliau menyandang jawatan profesor di Institut Pendidikan di University of London. Beliau merupakan penulis beberapa buah buku termasuklah *Instruction to Deliver*; *The Learning Game: Arguments for an Education Revolution* dan *How to do the Impossible: a Guide for Politicians with a Passion for Education*.

Sir Barber tidak dapat menghadiri diri ke sesi Jawatankuasa IPR di Putrajaya. Beliau diberi taklimat dan disediakan dengan bahan-bahan yang terperinci mengenai GTP untuk membolehkan beliau memberikan pandangan.

Penilaian Prestasi Antarabangsa



H.E. Seung Jun Kwak

Pengerusi Majlis Presiden untuk Masa Hadapan
dan Visi Republik Korea

Tuan Yang Terutama Seung-Jun Kwak ialah Pengerusi Majlis Presiden untuk Visi dan Masa Hadapan – *Presidential Council for Future and Vision (PCFV)* – yang ditubuhkan pada April 2008 sebagai badan penasihat kepada Presiden Lee Myung-bak. Di sebalik sejarahnya yang singkat, Majlis tersebut telah berjaya meletakkan dirinya sebagai organisasi kebangsaan yang penting dalam pembentukan strategi untuk masa hadapan.

Sebelum bertugas di PCFV, Kwak telah berkhidmat sebagai Jawatankuasa Peralihan Presiden ke-17, dan kemudiannya sebagai Setiausaha Kanan kepada Presiden untuk Perancangan Hal-ehwal Negara (*State Affairs Planning*). Beliau juga merupakan Profesor Ekonomi di Kolej Sains Politik dan Ekonomi Universiti Korea (1995 - kini).

Tuan Yang Terutama Kwak mempunyai ijazah dalam bidang Ekonomi dari Universiti Korea serta M.D. dan Ph.D dalam bidang Ekonomi dari Universiti Vanderbilt, Amerika Syarikat.

Tuan Yang Terutama Kwak juga tidak dapat menghadiri diri ke sesi Jawatankuasa IPR di Putrajaya. Beliau diberi taklimat dan disediakan dengan bahan-bahan yang terperinci mengenai GTP dan ETP untuk membolehkan beliau memberikan pandangan.

Penilaian Prestasi Antarabangsa



Peranan Jawatankuasa IPR dan proses IPR

Peranan Jawatankuasa IPR adalah untuk menilai secara objektif pencapaian GTP pada tahun 2011, menonjolkan aspek positif GTP dan berkongsi buah fikiran tentang penambahbaikan serta amalan terbaik dari negara lain, jika ada.

Dari 7 hingga 8 Februari 2012, Jawatankuasa IPR telah menilai usaha-usaha GTP dan ETP selama dua hari. Sepanjang dua hari tersebut, Jawatankuasa telah diberi pembentangan lengkap setiap NKRA dan NKEA (termasuk kerja yang dilakukan dalam makmal) dan keberhasilan yang diperoleh hingga hari ini. Jawatankuasa juga telah diberi pembentangan, bahan, data dan bukti yang menyokong keputusan tersebut. Seperti pada tahun 2010, Pengarah setiap NKRA dan NKEA juga hadir untuk menyampaikan pembentangan lengkap NKRA dan NKEA masing-masing selain menjawab soalan oleh Jawatankuasa IPR secara terbuka dan telus.

Setiap ahli Jawatankuasa mempunyai banyak peluang untuk bertanya soalan dan memberikan kritikan terhadap semua aspek GTP dan ETP. Mereka juga diberi masa untuk membuat perbincangan sesama mereka dan menyediakan maklum balas yang kemudiannya dikongsi bersama-sama dengan Perdana Menteri, Kabinet dan Sekretariat PEMANDU. Demi kepentingan pendedahan umum, dapatan-dapatan berkaitan dengan GTP diterbitkan dalam Laporan Tahunan ini. Bersama-sama laporan audit, atau lebih tepat lagi, prosedur yang dipersetujui – (*agreed upon procedures, AUP*) – yang telah disediakan oleh PricewaterhouseCoopers (PwC), data GTP telah diverifikasi dan disahkan.

Pandangan Jawatankuasa IPR

Berkaitan dengan GTP 2011, Jawatankuasa IPR telah mengetengahkan pendekatan GTP yang mengagumkan, yang menterjemahkan visi ke dalam bentuk tindakan.

Jawatankuasa IPR menyatakan fakta-fakta penting berikut yang menunjangi kejayaan GTP:

- Kepemimpinan dan akauntabiliti bertahap tinggi, seperti yang ditunjukkan oleh Penunjuk Prestasi Utama Kementerian (MKPI);
- Pendekatan inklusif yang mengambil kira pandangan umum, NGO dan komuniti perniagaan;
- Tujuan yang jelas dalam matlamat serta pencapaian yang boleh diukur, termasuklah penunjuk prestasi utama;
- Penggabungan cadangan IPR tahun lalu ke dalam pelan tindakan tahun 2011;
- Kepantasan yang mengagumkan dalam pelaksanaan dan penyampaian;
- Kesungguhan dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam proses pelaporan melalui penentusahan bebas oleh PwC.

Penilaian Prestasi Antarabangsa



Maklum balas khusus mengenai inisiatif NKRA

Jawatankuasa IPR juga memberikan pandangan selanjutnya berkaitan dengan setiap NKRA:

NKRA Mengurangkan Jenayah	Kadar jenayah nyata telah berkurang dengan ketara dan terus berkurang. Malaysia telah menerima pengiktirafan antarabangsa atas usaha murninya (sebagai contoh, Indeks Keselamatan Global Tahun 2011 (<i>Global Peace Index</i>) dan Projek Keadilan Dunia 2011 (<i>World Justice Project</i>)).
NKRA Membanteras Rasuah	Meskipun rasuah sukar untuk dibanteras dan diukur, infrastruktur yang lebih kukuh telah diwujudkan bagi menunjukkan keseriusan dan komitmen kerajaan. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan mahkamah rasuah menunjukkan bahawa Malaysia sedang mengorak kemajuan yang besar dan inovasi dalam membanteras rasuah. Rasuah kecil sedang ditangani tetapi penekanan lebih diperlukan untuk rasuah besar. Malaysia kini diperhatikan oleh masyarakat antarabangsa dan fokus yang lebih terhadap rasuah besar ini akan membolehkan Malaysia memperbaiki skor persepsinya dalam indeks antarabangsa. Jawatankuasa mengiktiraf dan memuji Malaysia atas pelaksanaan keseluruhan Pakatan Integriti dalam projek MRT. Ini ialah satu langkah positif untuk memulakan ketelusan dan kebertanggungjawaban. Jawatankuasa berharap agar langkah tersebut juga diperluas dalam projek kerajaan dan GLC yang lain. Dari sudut rasuah besar, kerajaan seharusnya melaksanakan pendekatan pengurusan risiko yang kukuh. Ini termasuk pengenalpastian sektor yang mempunyai risiko tinggi berlakunya rasuah seperti tenaga, pertahanan, telekomunikasi, kelemahan-kelemahan yang berkaitan; dan menginstitusikan sistem sekatan dan imbalan (<i>checks and balances</i>) yang mantap. Selain itu, sokongan juga perlu diberikan terhadap kebebasan akhbar/maklumat dan usaha untuk mewujudkan pembaharuan yang seterusnya terhadap pembiayaan politik.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

Jawatankuasa IPR juga memberikan pandangan selanjutnya berkaitan dengan setiap NKRA: (sambungan)

NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar	Peningkatan dalam enrolmen kelas prasekolah dan fokus terhadap kualiti guru dan sekolah menunjukkan bahawa Malaysia telah menetapkan sasaran yang betul untuk mempertingkatkan sistem pendidikannya. Jawatankuasa turut memuji pangkalan data LINUS yang komprehensif. Melangkah ke hadapan, meningkatkan standard pendidikan Malaysia setaraf dengan penandaarasan antarabangsa seperti PISA, TIMMS – perlulah menjadi salah satu sasaran utama sama ada dalam GTP atau ETP. Ini merupakan bidang yang memerlukan penajajaran dalam kedua-dua GTP dan ETP. Pendekatan yang lebih berani perlu diambil dalam latihan dan pembangunan guru, membantu melahirkan tenaga pengajar yang lebih berkaliber bagi sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia.
NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	Usaha-usaha patut dipuji sebagaimana yang dijelaskan oleh pelbagai intervensi yang telah dilaksanakan, meskipun ia akan mengambil masa sebelum impak sepenuhnya dapat dirasakan oleh rakyat.
NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar	Skala penambahbaikan yang disasarkan kepada golongan miskin adalah amat mengagumkan.
NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar	Meskipun terdapat penurunan dalam nisbah mod pengangkutan awam, namun masih terdapat peningkatan yang wajar diberikan pujian. Melangkah ke hadapan, kerajaan perlu mempertimbangkan impak subsidi bahan bakar terhadap keengganan pengguna untuk bertukar daripada menggunakan kenderaan persendirian kepada menggunakan pengangkutan awam. Terutamanya, adakah kadar subsidi sekarang menjadi penghalang kepada kemajuan dalam meningkatkan nisbah mod pengangkutan awam?

Penilaian Prestasi Antarabangsa

Jawatankuasa IPR juga memberikan pandangan selanjutnya berkaitan dengan setiap NKRA: (sambungan)

NKRA Menangani Kos Sara Hidup

Isu persepsi (berkaitan dengan NKRA Kos Sara Hidup) mesti diuruskan dengan berkesan. Secara khususnya, program kelayakan (*entitlement programme*) adalah sukar dihentikan sekiranya ia sudah dimulakan. Tambahan lagi, ketekalan langkah-langkah tersebut berbanding dengan kemampanan fiskal dan liputan keseluruhan fiskal perlu diberikan pertimbangan penting.

Secara umumnya, walaupun penting untuk menjana keberhasilan dalam isu-isu utama yang penting, Jawatankuasa tidak pasti sama ada ini patut menjadi satu NKRA. Matlamat utama GTP adalah untuk mentransformasikan kerajaan, bukannya meringankan tekanan kos sara hidup bagi tempoh jangka pendek. Meskipun tidak dapat dinafikan bahawa menangani isu ini adalah penting, namun tiada asas yang jelas untuk langkah tersebut diletakkan di bawah skop GTP.

Akhir sekali, sebahagian langkah yang dicadangkan (rebat petrol dan pengurangan import dan duti eksais pengangkutan) bukan sahaja memburukkan lagi kedudukan fiskal malah akan mengurangkan insentif terhadap penggunaan pengangkutan awam.

Penilaian Prestasi Antarabangsa



Bidang-bidang yang dicadangkan untuk penambahbaikan

Cadangan peringkat atasan

Meneruskan usaha murni

- Proses GTP perlu terus menentang kecenderungan untuk meletakkan sasaran mudah, sebaliknya ia perlu menetapkan matlamat yang lebih mencabar dan bercita-cita tinggi. Sasaran tersebut harus disokong oleh komunikasi yang jelas, data yang boleh ditentusahkan dan penandaarasan global, sekali gus mempertingkatkan kewibawaan program ini di mata rakyat.

Mengimbangi penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang

- Amat mustahak bagi GTP untuk mewujudkan imbalan yang jelas antara keinginan memperoleh impak yang segera tetapi hanya untuk jangka pendek, dengan matlamat jangka panjang transformasi. Sebagai contoh, dalam konteks membanteras rasuah, penting bagi inisiatif yang dilaksanakan supaya menjangkau lebih dari sekadar menangani rasuah kecil kepada menangani rasuah besar. Mempertingkatkan bidang ini dalam jangka panjang akan memberikan kesan besar terhadap ranking Malaysia dalam indeks persepsi rasuah antarabangsa.

Demikian juga, daripada hanya sekadar mengambil langkah-langkah untuk menangani tekanan kos sara hidup jangka pendek (yang kelihatannya merupakan fokus NKRA Kos Sara Hidup), fokus harus diberikan untuk menjadikan pertumbuhan lebih inklusif dengan mempertingkatkan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) dan menambah baik rangkaian bekalan.

Kemampanan dan Keinstitusian (Sustainability and institutionalisation)

- Perubahan yang dibawa oleh GTP (sama ada usaha untuk menangani birokrasi pentadbiran ataupun perubahan budaya organisasi) penting untuk berakar umbi dalam perkhidmatan awam. Penjawat awam juga perlu meyakini, menyokong dan menjiwai perubahan tersebut bagi memastikan GTP adalah mampan dan menjadi sebahagian daripada kehidupan harian rakyat. GTP juga perlu mempunyai integrasi yang lebih jelas dalam rangka kerja bajet yang sedia ada.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

Integrasi yang lebih baik antara GTP dengan ETP

- Meskipun kedua-dua program masih lagi baru (i.e. program ETP baru sahaja menamatkan tahun pertamanya), ini merupakan peluang keemasan untuk mempertimbangkan bagaimana kedua-dua program ini boleh disepadukan dengan lebih baik. Terdapat keperluan untuk menyatukan aspirasi ETP dan GTP supaya satu rancangan jangka panjang yang mampan dapat diwujudkan.
- Dalam banyak keadaan, objektif kedua-dua program adalah saling melengkapi antara satu sama lain. Cabarannya adalah untuk mengenal pasti dengan lebih baik penajaran tersebut, menghapuskan batu penghalang kepada integrasi berkenaan, dan menggalakkan perkongsian ilmu atau “*knowledge-sharing*”, yang akan membolehkan kemajuan silang fungsi (*cross-functional*) antara matlamat GTP dengan matlamat ETP.

Penjajaran harga dan insentif lain dengan matlamat dasar (contohnya pengangkutan awam bandar)

- Jawatankuasa menekankan keperluan terhadap wujudnya kesepadanan antara penetapan harga dengan dasar matlamat. Sebagai contoh, pengurangan cukai jalan dan subsidi petrol mungkin akan menghalang usaha untuk meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan awam di bawah NKRA UPT. Jawatankuasa mencadangkan agar pertimbangan lanjut diberikan terhadap kesalinghubungan antara NKRA dengan usaha-usaha kerajaan yang lain.

Menguruskan Persepsi

- Jawatankuasa bersetuju bahawa pengurusan persepsi adalah penting demi memastikan kejayaan dan kemampanan GTP.
 - Lebih penting lagi, dalam menguruskan persepsi, kerajaan perlu mengumpulkan maklum balas dan mengambil tindakan yang memuaskan dan tepat pada masanya terhadap input tersebut. Dengan berterusan mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak dan merasai denyut nadi rakyat, kerajaan akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menangani isu persepsi tersebut.
-

Penilaian Prestasi Antarabangsa

Secara progresifnya, tatkala GTP menandakan permulaan perubahan, ia juga membantu menaikkan nama dan imej Malaysia pada peringkat antarabangsa. Proses transformasi telah berjaya meraih tarikan dan perhatian banyak negara.

- Mr. Michael Hershman

GTP perlu mengekalkan fokusnya kepada keberhasilan dan bukannya proses, menghapuskan halangan dan memastikan budaya program tersebut tertanam kukuh dalam perkhidmatan awam. Ini merupakan salah satu kunci utama dalam memastikan kemampunan proses transformasi. Hanya setelah itu pengalaman sebenar rakyat yang berurusan dengan kerajaan akan turut berubah. Pada akhirnya, pengalaman sebenar rakyatlah yang akan mempunyai impak yang lebih besar dalam mengubah persepsi.

- Mr. Stephen Sedgwick

Pendapat peribadi ahli Jawatankuasa IPR

Mr. Michael Hershman

Setelah menilai GTP pada tahunnya yang pertama, saya berbesar hati diberi peluang sekali lagi untuk berkongsi pandangan dengan kerajaan Malaysia. GTP sesungguhnya merupakan sebuah pendekatan yang mengagumkan untuk mentransformasikan kerajaan. GTP telah berjaya menterjemahkan visi dalam bentuk tindakan. Kerap kali, banyak program perubahan menghadapi kesukaran untuk bergerak daripada aspirasi kepada tindakan dan keberhasilan yang sebenar. GTP sebaliknya membuktikan bahawa perkara ini dapat dilakukan.

Dengan melibatkan kepimpinan dan akauntabiliti tahap tinggi (MKPI), memastikan matlamat dan sasaran bertumpukan rakyat, serta fokus yang tidak berbelah bahagi, GTP telah membawa perubahan yang sebenar kepada negara. Secara progresifnya, tatkala GTP menandakan permulaan perubahan, ia juga membantu menaikkan nama dan imej Malaysia pada peringkat antarabangsa. Proses transformasi telah berjaya meraih tarikan dan perhatian banyak negara.

Mr. Stephen Sedgwick

Saya memuji anda kerana bertindak balas secara positif terhadap beberapa cadangan yang kami usulkan pada tahun lalu.

Salah satu kekuatan GTP ialah pendekatannya dalam menangani isu-isu yang telah dikenal pasti oleh rakyat, serta membangunkan agenda pembaharuan yang berkaitan dengan keperluan tersebut. Memang benar pada masa-masa tertentu, sebahagian perubahan yang dibawa oleh GTP mungkin tidak memberikan manfaatnya secara langsung kepada setiap individu. Kerajaan sentiasa perlu memilih antara memenuhi kepentingan tertentu sesebuah kumpulan atau memenuhi kepentingan sebuah negara. Kunci untuk mengatasinya adalah menyampaikan kepada rakyat tentang visi yang lebih besar dan mengemukakan kepada mereka tentang bagaimana perubahan yang dicadangkan akan memberikan perbezaan sebenar melalui penunjuk prestasi; membuktikan bahawa kumpulan yang berbeza tetap diberi layanan yang adil, dan menunjukkan bahawa pada akhirnya, negaralah sebenarnya yang akan menjadi bertambah baik.

GTP perlu mengekalkan fokusnya kepada keberhasilan dan bukannya proses, menghapuskan halangan dan memastikan budaya program tersebut tertanam kukuh dalam perkhidmatan awam. Ini merupakan salah satu kunci utama dalam memastikan kemampunan proses transformasi. Hanya setelah itu pengalaman sebenar rakyat yang berurusan dengan kerajaan akan turut berubah. Pada akhirnya, pengalaman sebenar rakyatlah yang akan mempunyai impak yang lebih besar dalam mengubah persepsi.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

Sememangnya GTP telah menghasilkan banyak kejayaan, tetapi sebagaimana kelaziman, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Tambahan pula, transformasi tidak berlaku dengan sekelip mata – cabaran yang menunggu adalah untuk mengekalkan usaha tersebut pada tahun-tahun yang akan datang.

- Dr. Ravi Balakrishnan

Cabaran kini ialah kerajaan perlu mempertimbangkan kemampanan jangka panjang berbanding dengan implikasi politik. Kerajaan perlu bersedia untuk menangani isu-isu dasar yang sukar demi kebaikan negara. Penglibatan masyarakat awam dalam setiap peringkat perbincangan adalah penting. Kepentingan masyarakat awam perlu diutamakan dalam semua program, terutamanya dalam GTP dan ETP.

- Dr. Yukon Huang

Dr. Ravi Balakrishnan

GTP terus meraih tarikan dan telah mengorak kemajuan yang besar dalam dua tahun pertama pelaksanaannya. Setelah menganggotai jawatankuasa tahun lalu, saya mengalu-alukan audit yang dilaksanakan oleh PwC dan berasa kagum dengan tahap perundingan dengan orang ramai.

Walau bagaimanapun, kunci sebenar kepada transformasi ialah mengekalkan usaha GTP untuk tempoh jangka panjang dan memahatnya dengan teguh dalam perkhidmatan awam. Melangkah ke hadapan, penjajaran yang lebih baik antara matlamat GTP dengan ETP akan memberikan pulangan melalui kewujudan dasar dalaman yang lebih tekal. Sebagai contoh, tahap subsidi bahan bakar (ETP) jelas mempunyai impak terhadap usaha untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam (GTP). Tambahan lagi, kebanyakan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) di bawah ETP pada hakikatnya adalah mengenai usaha mentransformasikan kerajaan, justeru ia harus dijadikan tekal dengan matlamat yang didasarkan di bawah GTP.

Selain itu, penting untuk memastikan bahawa semua langkah yang diambil adalah konsisten dengan bajet jangka sederhana. Untuk mencapai matlamat ini, GTP perlulah diintegrasikan sepenuhnya ke dalam rangka kerja bajet.

Dr. Yukon Huang

Saya amat terkesan melihat bahawa melalui NKRA pendidikan, sekolah luar bandar juga berupaya mencapai kecemerlangan dan menjadi bertambah baik, apabila bantuan yang sesuai diberikan kepada mereka. Di bawah inisiatif LIH, kerajaan telah bertindak cemerlang dalam menyokong pelbagai program sosioekonomi. Ini bukanlah tugas yang mudah dan usaha tersebut sememangnya layak diberikan pujian.

Cabaran kini ialah bagaimana kerajaan akan mengekalkan momentum kecemerlangan GTP? Dengan Fasa 2 yang bakal tiba, adakah program-program baharu bakal diwujudkan, atau GTP akan hanya meneruskan inisiatif yang sedia ada?

Sementara itu, kerajaan perlu mempertimbangkan kemampanan jangka panjang berbanding dengan implikasi politik. Kerajaan perlu bersedia untuk menangani isu-isu dasar yang sukar demi kebaikan negara. Penglibatan masyarakat awam dalam setiap peringkat perbincangan adalah penting. Kepentingan masyarakat awam perlu diutamakan dalam semua program, terutamanya dalam GTP dan ETP.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

Sepanjang perkhidmatan saya dengan negara Komanwel, saya belum pernah melihat sesuatu seperti GTP. Ia memanfaatkan kekuatan kerajaan dan sektor swasta untuk menjana keberhasilan kepada rakyat.

- Mr. HK Yong

Berdasarkan pencapaian GTP dan ETP, jelas bahawa Malaysia sedang meneroka haluannya yang tersendiri untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Malaysia banyak melaksanakan usaha yang tepat dan juga melaksanakan usaha dengan cara yang tepat.

- Dr. Homi Kharas

Mr. HK Yong

Sepanjang perkhidmatan saya dengan negara-negara Komanwel, saya belum pernah melihat sesuatu seperti GTP. Ia merupakan pendekatan yang unik dan radikal yang dipacu oleh keberhasilan yang benar-benar berkesan dan kini meraih daya tarikan. GTP memanfaatkan kekuatan kerajaan dan sektor swasta untuk menjana keberhasilan kepada rakyat.

Saya kagum dengan pendekatan yang menggalakkan untuk memperoleh pencapaian yang lebih dengan penggunaan sumber yang kurang. Kaedah pandangan makro 30,000 kaki ke pandangan pelaksanaan tiga kaki berserta pemantauan yang rapi dan sistem penilaian memang hebat. Ini mengelakkan inisiatif dilakukan tanpa mengambil kira gambaran keseluruhan. Pendekatan ini membolehkan maklum balas dan semakan yang bersesuaian dilakukan terhadap pelan pelaksanaan tersebut. Transformasi memerlukan masa. GTP masih lagi kerja yang sedang berlangsung atau “*work-in-progress*”, namun batu asas penting dalam usaha murni tersebut telah pun diwujudkan demi masa hadapan. Momentum perlu dikekalkan, dan disiplin serta komitmen yang berterusan diperlukan untuk meneruskan perjalanan tersebut. Kerajaan perlulah berani dalam menangani isu-isu penting ekonomi bersifat politik yang boleh memberikan impak kepada kejayaan program GTP. Saya berharap untuk melihat kejayaan yang lebih besar pada tahun 2012 apabila inisiatif penting GTP mendapat lebih daya tarikan.

Dr. Homi Kharas

GTP telah memperlihatkan masa depan yang cerah dan potensi untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Malaysia memerlukan transformasi sedemikian untuk mengelakkan negara daripada terperangkap dalam kumpulan negara berpendapatan sederhana. Jika Malaysia menjadi negara dengan status berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Malaysia perlu mempunyai ekonomi yang lebih berdaya saing, inovatif dan dinamik (berdasarkan ETP) dan kerajaan Malaysia perlu lebih pantas, efisien dan menyediakan nilai yang lebih untuk wang (*more value for money*) (berdasarkan GTP). Pada masa ini, GTP dan ETP diperkenalkan dan diuruskan sebagai dua program yang berasingan. Ini tidaklah menghairankan memandangkan kedua-duanya mempunyai sejarah permulaan yang berbeza. Akan tetapi, disebabkan kedua-duanya saling berinteraksi dalam cara yang penting, sebarang ketidakselarasan antara kedua-duanya akan memberikan kesan kepada pencapaian sasaran.

Malaysia perlu mewujudkan kesalinghubungan yang lebih besar antara GTP dengan ETP dengan membincangkan secara jelas urutan program. Sebagai contoh, meningkatkan nisbah mod pengangkutan awam (di bawah GTP) tidak mungkin boleh dilaksanakan dengan pantas tanpa pengurangan subsidi petroleum (di bawah ETP). Hal yang demikian juga terpakai kepada bidang pendidikan. Jurang yang wujud kini hanyalah jurang buatan dan menjadi isu yang menghalang kepada kemajuan persekolahan peringkat menengah (sebahagian daripada GTP) seterusnya memberi kesan kepada dasar pendidikan tinggi (sebahagian daripada ETP).

Berdasarkan pencapaian GTP dan ETP, jelas bahawa Malaysia sedang meneroka haluannya yang tersendiri untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan negara maju. Banyak negara terperangkap dalam perangkap pendapatan sederhana apabila mereka tidak menyesuaikan diri dengan dunia yang semakin berubah. Program transformasi Malaysia yang mengagumkan membuktikan keazaman Malaysia untuk mengambil langkah yang berbeza. Di bawah GTP dan ETP, Malaysia banyak melaksanakan usaha yang tepat dan juga melaksanakan usaha dengan cara yang tepat.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

Saya menyeru agar setiap NKRA pada masa ini supaya menggunakan makmal bukan sekadar untuk menghasilkan satu senarai inisiatif, meskipun ia baik, sebaliknya menghasilkan strategi pembaharuan keseluruhan, berdasarkan amalan terbaik global. Makmal juga perlu memberikan cadangan yang bagus untuk membangunkan lagi kepemimpinan, pengurusan, dan dorongan yang berkesan dalam setiap sistem NKRA.

- Sir Michael Barber

Sir Michael Barber

Sekali lagi, GTP telah lebih daripada mengatasi pencapaiannya sendiri dan menghasilkan siri keberhasilan yang mengagumkan untuk Malaysia. Secara peribadi, saya belum pernah mendengar kerajaan lain di dunia yang telah mengguna pakai pendekatan tersebut serta menghasilkan keberhasilan besar yang pantas merentas keberhasilan pelbagai sektor awam.

Tidak syak lagi bahawa kejayaan yang diperoleh adalah hasil fokus yang berterusan, tenaga dan dorongan daripada peringkat tertinggi kerajaan, bermula dari Kabinet, perkhidmatan awam dan cabang-cabang sektor awam yang lain. Ini termasuklah usaha dan komitmen kebanyakan penjawat awam Malaysia.

Kami telah menyaksikan keberhasilan yang mengagumkan dalam kesemua NKRA. Pada pendapat saya, pencapaian yang paling hebat ialah pengurangan yang mendadak dalam jenayah dan pencapaian yang diraih dalam menyediakan infrastruktur asas luar bandar kepada jutaan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, usaha murni yang dilaksanakan melalui NKRA lain juga tidak ketinggalan layak menerima pujian.

Berkaitan dengan jenayah, penurunan besar dalam kadar jenayah selama dua tahun berturut-turut jelas telah mengubah persepsi rakyat dan juga realiti yang sebenar. Perubahan ini amat penting. Jumlah rakyat yang sedemikian besar yang telah menerima kesan positif inisiatif infrastruktur asas luar bandar sepanjang dua tahun ini setelah bertahun-tahun melalui kehidupan dengan kekurangan kemudahan asas, pastinya amat dialu-alukan oleh penduduk tempatan. Sesuatu yang menggembirakan juga untuk menyaksikan kemajuan dalam usaha membanteras rasuah, namun Malaysia masih perlu mengubah persepsi global terhadapnya. Hal ini memerlukan anjakan besar dalam penilaian yang diberikan oleh Transparency International.

Dalam aspek pendidikan, kemajuan yang diraih juga mengagumkan, tetapi terdapat keperluan terhadap wujudnya anjakan daripada pelbagai inisiatif, yang setiap satunya penting, kepada strategi yang menyeluruh. Saya gembira dengan adanya penekanan tinggi kepada integriti data yang merupakan elemen penting untuk melangkah ke hadapan. Berbicara dari sudut pandangan yang lebih umum, saya mengalu-alukan bahagian “pengajaran yang dipelajari” dalam setiap NKRA dan merasakan ada pandangan yang boleh diguna pakai di sini untuk Fasa 2 GTP. Saya berpendapat peralihan ke Fasa 2 adalah sesuai dan tepat pada masanya. Adalah tepat untuk menyelidiki dengan lebih dalam setiap bidang dan bukan hanya mengembangkan asas yang sedia ada, sebaliknya perlu mempercepat kemajuan bidang tersebut. Penggunaan makmal, yang telah dilaksanakan secara berkesan oleh PEMANDU, wajarlah diteruskan.

Saya menyeru agar setiap NKRA pada masa ini supaya menggunakan makmal bukan sekadar untuk menghasilkan satu senarai inisiatif, meskipun ia baik, sebaliknya menghasilkan strategi pembaharuan keseluruhan, berdasarkan amalan terbaik global yang akan membolehkan penyelarasan (yang nyata diperlukan oleh kedua-dua pengangkutan dan infrastruktur asas luar bandar serta pendidikan). Di samping itu, makmal juga perlu memberikan cadangan yang bagus untuk membangunkan lagi kepemimpinan, pengurusan, dan dorongan yang berkesan dalam setiap sistem NKRA.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

Walaupun dilaksanakan dalam tempoh yang pendek, keberhasilan GTP dan NKRA adalah amat ketara.

- H.E. Seung Jun Kwak

H.E. Seung Jun Kwak

Walaupun dilaksanakan dalam tempoh yang pendek, keberhasilan GTP dan NKRA adalah amat ketara. Secara khususnya, saya berpendapat bahawa pencapaian dalam NKRA Jenayah dan NKRA Pendidikan adalah cemerlang.

Penurunan sehingga dua angka dalam kadar jenayah indeks dan jenayah jalanan serta penambahbaikan kelas prasekolah, masing-masingnya hanyalah merupakan sebahagian daripada sorotan utama usaha NKRA yang patut dipuji. Amat bermakna untuk menyaksikan program untuk mengurangkan jenayah dilaksanakan secara berkesan, bersama-sama dengan pengenalan sistem penilaian dan maklum balas berkaitan dengan usaha pengurangan jenayah.

Pengenalan sistem maklumat prasekolah kebangsaan dan sistem data kebangsaan berasaskan laman sesawang adalah menakjubkan kerana kesemua ini akan menjadi asas penting dalam membangunkan dasar pendidikan baharu bermula hari ini dan seterusnya. Sesungguhnya usaha Malaysia yang berterusan dalam membuat pelaburan yang berani dalam pendidikan meskipun pertumbuhan ekonomi global yang perlahan adalah sesuatu yang mengesankan. Hal yang demikian ketara dilihat jelas dalam pengembangan kelas prasekolah, yang telah menyediakan pendidikan awal kepada rakyat. Penilaian prestasi akan membolehkan pendidikan khusus (*customized education*) disediakan menerusi saringan terhadap sekolah dan pelajar berprestasi rendah.

Pencegahan rasuah bukanlah satu tugas yang mudah kerana ia berkait rapat dengan perubahan dalam struktur sosial dan budaya. Walau bagaimanapun, kemajuan jelas telah dicapai dalam kerjasama awam-swasta, kolaborasi antara agensi kerajaan dan garis panduan pemberian ganjaran.

Sementara itu, Malaysia kini menyediakan peluang pekerjaan menerusi latihan vokasional kepada golongan miskin. Pendekatan pengajaran sebegini yang mengajar mereka “menangkap ikan” berbanding dengan hanya “menerima ikan” sesungguhnya merupakan cara terbaik untuk melangkah ke hadapan kerana ia merupakan langkah yang mampan dan membina sifat berdikari dalam tempoh jangka panjang.

Berhubung dengan inisiatif infrastruktur asas luar bandar, untuk pembangunan yang lebih seimbang di semua kawasan, pembinaan jalan raya perlu diberikan keutamaan sebelum penyediaan bekalan tenaga elektrik dan pembinaan perumahan. Bagi pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang cekap, penyelarasan dan kerjasama yang lebih baik antara agensi yang menguruskan bekalan tenaga elektrik dan air serta pembinaan perumahan adalah penting. Bagi menjadikan pengangkutan awam bandar sebagai pilihan rakyat, kerajaan perlu terus memperluas kemudahan bas dan kereta api di Bandar Raya Kuala Lumpur dan menarik minat mereka yang menunggang motosikal untuk menaiki bas dan kereta api.

Penilaian Prestasi Antarabangsa

Akhir sekali, peningkatan kos sara hidup sememangnya menjadi isu global dan Malaysia jelas sedang mengambil langkah-langkah untuk menangani isu tersebut. Antara bantuan makanan, perumahan, pengangkutan dan kemudahan awam, bantuan keperluan perumahan perlu diperluas termasuk menyediakan lebih banyak bekalan perumahan. Bantuan kewangan kepada isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000 hanya berguna untuk jangka pendek, namun ia tidak boleh dijadikan penyelesaian fundamental untuk jangka panjang.

Melangkah ke hadapan, saya mencadangkan agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipisahkan dari Pejabat Perdana Menteri supaya ia menjadi badan yang lebih bebas.

GTP mempunyai jangka waktu selama 10 tahun, sememangnya terdapat kebarangkalian bahawa rakyat tidak merasai dengan jelas kemajuan sebenar yang telah dicapai. Oleh itu, usaha berterusan amat diperlukan untuk menarik minat rakyat sepanjang tempoh tersebut melalui pelbagai saluran dan kaedah.



Seminar Big Fast Results



Mentransformasikan negara menerusi Keberhasilan Besar yang Pantas

Malaysia mengambil langkah yang belum pernah dilakukan sebelum ini untuk berkongsi metodologi transformasi Malaysia kepada khalayak antarabangsa yang terdiri daripada 50 perwakilan dari 14 buah negara pada Seminar *Big Fast Results* (BFR) 2011 yang diadakan pada 21-24 November 2011 di hotel The Westin Kuala Lumpur.

Perwakilan antarabangsa dari negara-negara maju dan membangun ini telah memberikan pujian terhadap metodologi transformasi Malaysia. Perwakilan yang hadir mengakui bahawa Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilaksanakan oleh Malaysia bukan sahaja berada di landasan yang betul malah kini menjana keberhasilan besar yang pantas.

Metodologi yang berkesan

Seminar BFR bukan sahaja berkisar sekitar pembentangan semata-mata sebaliknya perwakilan diberi peluang untuk mengulas pembentangan dan bertanya tentang daya maju metodologi yang dibentangkan selain memperoleh pengalaman praktikal secara langsung dalam menerima pakai metodologi tersebut melalui sesi berkumpulan.

Seminar Keberhasilan Besar yang Pantas



“Kami biasanya bermesyuarat tetapi mesyuarat-mesyuarat tersebut tidak cukup untuk mewujudkan Keberhasilan Besar yang Pantas. Sesi makmal ini akan saya syorkan apabila kembali ke negara saya, malah, yang lebih penting lagi, melibatkan orang yang TEPAT merupakan kunci kepada kejayaan makmal. Itulah yang dapat saya pelajari daripada pembentangan metodologi makmal hari ini.”

- Ms Natinee Songkumarn, Pejabat Pembangunan Sektor Awam Thailand

“Saya amat kagum dengan isi kandungan dan hasil Program Transformasi Malaysia ini. Begitu juga dengan komitmen yang telah ditunjukkan, terutamanya, oleh Perdana Menteri, kerana bagi melaksanakan program transformasi ini, sokongan pihak berkuasa politik tertinggi amatlah diperlukan. Dengan pengaturan yang unggul ini, nampaknya Malaysia bakal mencapai cita-cita untuk menjadi negara dunia pertama,” demikian jawapan Dr. Shamsuddeen Usman OFR, YB Menteri dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perancangan Kebangsaan, Nigeria ketika beliau diminta untuk memberikan pandangan berkaitan dengan seminar.

Memperincikan pelan yang besar

Peringkat awal Seminar BFR membincangkan usaha Malaysia memberikan keutamaan kepada cabaran sosial dan ekonomi yang telah dikenal pasti menerusi pelbagai kaji selidik awam dan media dengan tumpuan diberikan terhadap isu-isu yang memberikan kesan kepada majoriti penduduk.

Seperti yang ditekankan oleh Dato’ Sri Idris Jala ketika seminar berlangsung, proses transformasi harus bermula dengan usaha memberikan keutamaan terhadap keperluan rakyat dan juga memberikan tumpuan terhadap bidang-bidang utama, lantaran sumber-sumber adalah terhad. Jika anda mencuba untuk mengubah semua perkara secara sekali gus, usaha anda akan berakhir dalam keadaan yang tidak sempurna. Setiap bidang keutamaan kemudiannya mesti ditangani oleh pakar-pakar untuk mendapatkan penyelesaian yang seterusnya dijadikan templat pelaksanaan yang lengkap dengan metodologi kerja yang terperinci untuk memastikan pelaksanaan yang pantas dan mencapai keputusan yang dihasratkan.

Sesi makmal yang berkesan

Sesi makmal metodologi menerima sambutan hebat perwakilan ketika sesi Seminar BFR. Perwakilan dari negara-negara seperti Thailand, Indonesia, Nigeria, Botswana, Afrika Selatan dan Tanzania kesemuanya bersetuju bahawa metodologi makmal yang diamalkan oleh PEMANDU bakal menjadi penyelesaian yang tuntas dan mereka akan berusaha melaksanakannya kelak di negara masing-masing. Makmal-makmal ini merupakan sumber tempat bagi pelan terperinci tiga kaki dibangunkan dengan utuh.

Pelan Tiga Kaki

Pelan Tiga Kaki menjurus kepada item-item tindakan di bawah satu pelan. Setiap program diperhalus untuk menjawab isu-isu berkaitan dengan apakah proses yang terlibat untuk merealisasikan program, siapakah agensi pelaksana, bilakah tarikh akhir, di manakah kesan pelaksanaan dapat dilihat dan bagaimanakah untuk mendapatkan dana. Dokumentasi terperinci sedemikian akan memastikan semua pihak yang terlibat bertanggungjawab terhadap tindakan mereka dan juga kegagalan mereka untuk bertindak.

Perwakilan kemudiannya diberi peluang untuk mengaplikasikan “alat” yang dibincangkan pada hari tersebut dalam konteks negara mereka sendiri. Isu-isu yang diutamakan oleh setiap negara telah digunakan sebagai subjek untuk persekitaran makmal percubaan (*mock lab*). Di makmal percubaan ini, perwakilan dikehendaki mencipta penyelesaian yang inovatif, berbincang mengenai kemampanan dan pelaksanaan penyelesaian tersebut, serta mewujudkan satu pelan tiga kaki sebagai inisiatif pilihan.

Seminar Keberhasilan Besar yang Pantas

“Perwakilan menyanjung hakikat bahawa kita telah bertindak berani dalam membuat sasaran, pantas dalam membuat pelaksanaan, makmal kita, hari terbuka kita dan juga keberanian kita menerbitkan pelan hala tuju GTP dan ETP dan seterusnya laporan tahunan bagi memastikan kebertanggungjawaban dan akauntabiliti kita. Seminar dua hari ini menjadi pengalaman pembelajaran dua hala yang membuka peluang buat kita memahami apa yang dilaksanakan oleh rakan delegasi kita di negara mereka.

Kami berbesar hati dan berasa gembira bahawa perwakilan telah memperoleh kekuatan, semangat dan inspirasi menerusi pelbagai pengajaran yang boleh dipelajari untuk kembali menyahtu cabaran di negara masing-masing.”

- Dato' Sri Idris Jala



Penerimaan (*buy in*) dan akauntabiliti

Pelaksanaan sahaja tidak mampu mengukur kejayaan. Penunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI) merupakan konsep baharu yang diperkenalkan dalam Kerajaan Malaysia untuk memastikan bahawa menteri-menteri adalah berorientasikan keberhasilan. Proses ini bermula dengan pengumuman NKPI dan diikuti seterusnya dengan pengenalan bidang berimpak tinggi bagi setiap menteri untuk mengukur prestasi mereka.

Perwakilan juga telah diberi beberapa prinsip panduan tentang bagaimana mengenal pasti KPI yang betul. KPI perlu berasaskan keberhasilan dan mampu memberikan impak yang tinggi, yakni Keberhasilan Besar yang Pantas, disokong oleh elemen yang tepat pada masanya dan relevan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Metodologi ini juga berfungsi sebagai amalan terbaik yang memberikan penekanan terhadap KPI, sasaran dan keberhasilan sambil pada masa yang sama memastikan perbelanjaan bajet yang berhemat.

Berkomunikasi dengan orang ramai

Satu lagi komponen penting dalam mencapai Keberhasilan Besar yang Pantas yang dikongsi bersama-sama dengan perwakilan antarabangsa ialah aspek penglibatan dan komunikasi. Ini bukan sahaja melibatkan rakyat, tetapi juga menteri-menteri, ahli Parlimen dan media. Lantaran sifat semula jadi transformasi itu sendiri, maklumat perlu disebarkan dengan cara yang betul dan tepat pada masanya pada pelbagai tahap kemajuan. Beberapa saluran komunikasi dibangunkan termasuklah penerbitan Pelan Hala Tuju, Bengkel Jemaah Menteri, Hari Terbuka, Laporan Tahunan dan juga pengaksesan saluran media sosial dan media arus perdana dengan pantas untuk mendapatkan liputan media.


Sasaran luar biasa

“Transformasi sebenarnya membawa maksud anda menetapkan suatu tugas yang amat besar sehingga ia mengambil banyak masa dan tenaga anda. Sasaran luar biasa ala Olimpik ialah apa yang kami laksanakan untuk menjana Keberhasilan Besar yang Pantas. KPI yang telah ditetapkan terhadap GTP dan ETP merupakan tunggak kepada usaha keseluruhan transformasi ini. Setiap cadangan dan projek akan disalurkan untuk menyumbang kepada KPI. Alat pengukuran menetapkan bahawa setiap penjawat awam yang terlibat adalah bertanggungjawab terhadap projek masing-masing dan setiap idea yang disumbangkan dicabar sehingga ke tahap ia tidak lagi dapat dipertikaikan untuk memastikan aktiviti yang dilaksanakan tidak mempunyai sebarang kelemahan,” demikian penekanan yang dilontarkan oleh Dato' Sri Idris Jala.

Inisiatif terpuji

Dalam sesi terakhir Seminar BFR, sebahagian besar perwakilan telah memahami bahawa pemacu utama untuk memulakan Program Transformasi ialah komitmen yang tidak berbelah bahagi oleh kepimpinan tertinggi diikuti dengan penerimaan dan sokongan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang terlibat dan seterusnya pembuatan sasaran yang besar dan berdaya maju.

Tweet-tweet di Twitterjaya



GTP Roadmap

@gtp_roadmap

The Government Transformation Programme (GTP) Roadmap defines and details the 7 NKRA's that will accelerate Malaysia's social infrastructure development.

Malaysia · <http://www.pemandu.gov.my/gtp/>



Affendi

@Affendi4

[Follow](#)

Good to know that normal rakyat is appreciating @najibrazak national transformation RT @rosejohari Maksud NKRA = National Key Result Areas

2:15 AM - 24 Feb 12 via Reputome. Embed this Tweet



Christopher Tock

@spinzer

[Follow](#)

Here to make a report. Can c NKRA initiatives being done here. The police forces will now hv better quality of life...4sq.com/tbnwey



Elizabeth Lee

@elee618

[Follow](#)

National Transformation Summit - NKRA: Bringing Quality Education. Do join us now. twitpic.com/8kyzsa

3:31PM - 17 Feb 12 via Twitpic . Embed this Tweet.



Muhd fadzly

@KiryuYakuza

[Follow](#)

Ronda NKRA bersama JPAM dan RELA. RT "@hafiz_18: @KiryuYakuza haha. Ops ape derr ? Ke jaga kawasan je ?"

7:25 PM - 22 Feb 12 via Twitter for BlackBerry® . Embed this Tweet



Hishammuddin Hussein

@HishammuddinH20

[Follow](#)

Results good - working on omnipresence now "@juanajaafar: @H20 How's your Crime NKRA coming along?"

10:41 PM - 22 Feb 12 via Twitter for iPad . Embed this Tweet



Hishammuddin Hussein

@HishammuddinH20

[Follow](#)

"@tankengliang: Success of @PDRMsia evident #1Malaysia RT: Street #crime decreased significantly by 39.7% compared with 35% in 2010

11:10 PM - 23 Feb 12 via Twitter for iPad . Embed this Tweet

**Haikal Shafie**

@HaikalShafie

Follow

Congratz! RT Well done #1Malaysia RT: NKRA report showing the overall #crime index for last year has dropped by 11.1% @HishammuddinH2O #fb

4:40 PM – 23 Feb 12 via web . Embed this Tweet

**VAdm Kamarul**

@mykamarul

Follow

Good job @PDRMsia “@gtp_roadmap: latest NKRA report showing the overall #crime index for last year has dropped by 11.1% @HishammuddinH2O

8:28 PM – 23 Feb 12 via Twitter for iPad. Embed this Tweet

**Noorul Ainur**

@NoorulAinur

Follow

@IdrisJala RT @NKRA_KPWKM: Shingga 30 Nov 2011, 1,000 org usahawan wanita lagi Berjaya dilatih dan dibangunkan dengan kerjasama AIM

7:13 PM – 22 Dec 11 via UberSocial for Blackberry . Embed this Tweet.

**Scope Group**

@scopeconsult

Follow

Hishammuddin: NKRA report shows 11.1% drop in crime index for 2011 bit.ly/wCDTe2 via @staronline (Malaysia)

9:48 PM – 17 Feb 12 via web . Embed this Tweet

**Tan Keng Liang**

@tankengliang

Follow

Well done #1Malaysia RT: NKRA report showing the overall #crime index for last year has dropped by 11.1% @HishammuddinH2O

4:35 PM – 23 Feb 12 via web . Embed this Tweet

**Yip Cheong**

@yip_cheong

Follow

SK TTDI 1 is a High Performing School under the #Education NKRA initiative of the @gtp_roadmap. Keep the excellence going! @ttDiTV

3:16 PM – 13 Feb 12 via UberSocial for BlackBerry . Embed this Tweet

**TizzyCosmic**

@Tizzy_Cosmic

Follow

Kegiatan tidak bermoral itu terbongkar selepas diserbu Urusetia NKRA Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor,... fb.me/1l8oENoYS

11:32 PM – 22 Feb 12 via Facebook . Embed this Tweet

**Muhd Zahiruddin**

@zaridabwa

Follow

Kemain sekolah ni. Nmpk je kecil tapi pernah dpt anugerah pengetua cemerlang dgn Anugerah NKRA okeh... Hebat kot

11:04 PM – 20 Feb 12 via UberSocial for BlackBerry . Embed this Tweet

Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011

Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA

Demi mendukung ketelusan dan akauntabiliti, kami mengemukakan ikhtisar terperinci prestasi dan bajet perbelanjaan NKRA. Ikhtisar ini memberikan gambaran keseluruhan yang pantas kepada pembaca mengenai magnitud GTP dan pencapaiannya, serta jumlah dana awam yang diperuntukkan kepada program ini. Kerajaan terus menzahirkan maklumat ini kepada orang ramai bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan yang lebih jelas. Dengan usaha yang sedemikian, semua dana awam yang diperuntukkan kepada GTP dapat dipastikan digunakan dengan betul dan setiap sen duit pembayar cukai diberikan penjelasan yang sewajarnya.

Satu daripada keunikan GTP ialah penekanannya terhadap keberkesanan kos dan bukannya perbelanjaan. Pendekatan terdahulu yang diguna pakai oleh sektor kerajaan, iaitu melihat penggunaan kesemua bajet sebagai pengukur kejayaan sudah tidak lagi digunakan. Sebaliknya kini, GTP memberikan keutamaan terhadap penjimatan bajet yang munasabah, asalkan tindakan tersebut tidak menjadi penghalang yang bakal merencatkan pencapaian NKPI yang telah disasarkan.

Dalam hal ini, program NKRA tahun 2011 telah meraih kejayaan dengan setiap NKRA menunjukkan tahap penjimatan perbelanjaan yang pelbagai. Pada tahun 2011, sejumlah RM9.229 bilion telah diperuntukkan bagi inisiatif GTP. Daripada jumlah ini, hanya RM8.529 bilion telah dibelanjakan, lantas menghasilkan penjimatan sebanyak RM700 juta atau 7.58% bagi tahun dalam kajian. Jadual berikut memberikan ringkasan keputusan yang dicapai berbanding dengan tahun 2010:

Tahun	2010 (Billion)	2011 (Billion)
Jumlah Bajet yang Diperuntukkan	RM5.443	RM9.229
Bajet yang Digunakan	RM4.311	RM8.529
Penjimatan	RM1.132 (20%)	RM0.700 (7.58%)

Mengukur Pencapaian GTP

Tiga kaedah pemarkahan yang berlainan telah digunakan untuk menilai pencapaian NKPI dan NKRA. Setiap satu kaedah mempunyai tahap keketatan yang berbeza (peraturan tambahan) yang menghasilkan tiga penanda aras pengujian yang berlainan.

Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011

Rasional pendekatan ini adalah untuk memastikan keputusan yang dicapai benar-benar mantap. Kaedah pemarkahan diterangkan di bawah:

Jadual 1: Kaedah Pemarkahan GTP

Kaedah Pemarkahan	Huraian
Kaedah Satu	Pemarkahan ditentukan dengan perbandingan yang mudah berbanding dengan sasaran tahun 2011 yang telah ditetapkan. Pemarkahan komposit NKRA keseluruhan ialah purata bagi semua markah
Kaedah Dua	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2011 yang telah ditetapkan dengan peraturan tambahan: • Jika pemarkahan kurang daripada 100%, skor #2 akan diambil sebagai peratusan sebenar • Jika pemarkahan sama atau melebihi 100%, skor #2 akan diambil sebagai 100% Pemarkahan komposit NKRA keseluruhan ialah purata semua markah
Kaedah Tiga	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar berbanding dengan sasaran tahun 2011 yang telah ditetapkan dengan peraturan tambahan: • Jika pemarkahan adalah sama atau kurang daripada 50%, skor #3 akan ditunjukkan sebagai 0 • Jika pemarkahan melebihi 50% dan kurang daripada 99%, skor #3 akan ditunjukkan sebagai 0.5 • Jika pemarkahan sama atau melebihi 100%, skor #3 akan ditunjukkan sebagai 1

Pencapaian mengikut NKRA

Pencapaian setiap NKRA bersama-sama dengan NKPI masing-masing ditunjukkan dalam halaman yang berikutnya. Untuk laporan kali ini, NKRA Menangani Kos Sara Hidup terkecuali daripada dimasukkan. NKRA ini baru sahaja dilancarkan pada Julai 2011 dan kebanyakan inisiatif di bawah NKRA ini hanya dimulakan pada akhir tahun. Justeru, hasil dan keputusan dijangka dicapai sepenuhnya pada tahun 2012.

Bagi memudahkan para pembaca, sistem kod warna digunakan untuk menunjukkan kadar kejayaan NKPI. Peratusan yang dicatat memberikan penunjuk dan pengenalan yang tepat mengenai tahap pencapaian.

Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011

Kaedah 1 & 2		Kaedah 3		
Pencapaian%	Lampu Isyarat	Pencapaian%	Skor	Lampu Isyarat
90% dan lebih	Hijau 	100% dan lebih	1	(Y) Ya
50% hingga 99%	Kuning 	51% hingga 99%	0.5	(P) Sebahagian
49% dan kurang	Merah 	50% dan kurang	0	(N) Tidak

* Perbezaan antara Kaedah 1 dengan Kaedah 2 ialah sekiranya pencapaian Kaedah 2 > 100%, ia akan ditetapkan pada 100%.

* Membulatkan pencapaian dengan 0.1%-0.4% ke nilai integer yang lebih rendah; membulatkan pencapaian dengan 0.5%-0.9% ke nilai integer yang lebih tinggi.

Prestasi Keseluruhan NKRA 2011

No.	NKPI	Sasaran 2011	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3		Bajet 2011 (RM juta)	2011 Perbelanjaan sebenar (RM juta)	% Perbelanjaan
			Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2 (maks 100%)	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)	Lampu Isyarat 3			
1	Jenayah	100%	130%		99%		80%	P	473	349	74%
2	Rasuah	100%	133%		95%		75%	P	7	4	49%
3	Pendidikan	100%	187%		99%		92%	P	375	265	71%
4	Isi Rumah Berpendapatan Rendah	100%	103%		98%		75%	P	506	497	98%
5	Infrastruktur Asas Luar Bandar	100%	123%		100%		100%	Y	6,480	6,086	94%
6	Pengangkutan Awam Bandar	100%	109%		96%		78%	P	1,387	1,328	96%
Jumlah Markah Komposit			131%		98%		83%	P	9,229	8,529	92%

Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011

Kaedah 1 & 2		Kaedah 3		
Pencapaian%	Lampu Isyarat	Pencapaian%	Skor	Lampu Isyarat
90% dan lebih	Hijau 	100% dan lebih	1	(Y) Ya
50% hingga 99%	Kuning 	51% hingga 99%	0.5	(P) Sebahagian
49% dan kurang	Merah 	50% dan kurang	0	(N) Tidak

* Perbezaan antara Kaedah 1 dengan Kaedah 2 ialah sekiranya pencapaian Kaedah 2 > 100%, ia akan ditetapkan pada 100%.

* Membulatkan pencapaian dengan 0.1%-0.4% ke nilai integer yang lebih rendah; membulatkan pencapaian dengan 0.5%-0.9% ke nilai integer yang lebih tinggi.

NKRA : Mengurangkan Jenayah

				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3					
No.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar (Dis 2011)	Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)		Lampu Isyarat 3	Bajet 2011 (RM juta)	2011 Perbelanjaan sebenar (Dis 2011; RM juta)	% Perbelanjaan
1	Pengurangan Jenayah Indeks yang dilaporkan	5%	11.1%	222%		100%		222%	1.0	Y	473.3	348.9	73.7%
2	Pengurangan Jenayah Jalanan yang dilaporkan	40%	39.7%	99%		99%		99%	0.5	P			
3	Pengurangan perasaan takut menjadi mangsa	50%	52.9%	95%		95%		95%	0.5	P			
4	Kes tangkapan yang dibicarakan	20%	23.4%	117%		100%		117%	1.0	Y			
5	Peningkatan persepsi awam terhadap prestasi polis	60%	70.5%	118%		100%		118%	1.0	Y			
Jumlah Markah Komposit				130%		99%			80%	P			

Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011

Kaedah 1 & 2		Kaedah 3		
Pencapaian%	Lampu Isyarat	Pencapaian%	Skor	Lampu Isyarat
90% dan lebih	Hijau 	100% dan lebih	1	(Y) Ya
50% hingga 99%	Kuning 	51% hingga 99%	0.5	(P) Sebahagian
49% dan kurang	Merah 	50% dan kurang	0	(N) Tidak

* Perbezaan antara Kaedah 1 dengan Kaedah 2 ialah sekiranya pencapaian Kaedah 2 > 100%, ia akan ditetapkan pada 100%.

* Membulatkan pencapaian dengan 0.1%-0.4% ke nilai integer yang lebih rendah; membulatkan pencapaian dengan 0.5%-0.9% ke nilai integer yang lebih tinggi.

NKRA : Membanteras Rasuah

				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3					
No.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar (Dis 2011)	Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)		Lampu Isyarat 3	Bajet 2011 (RM juta)	2011 Perbelanjaan sebenar (Dis 2011; RM juta)	% Perbelanjaan
1	Bilangan Kementerian mencatat skor lebih 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan	19	18	95%		95%		95%	0.5	P	7.3	3.6	49.0%
2	Bilangan kes didakwa	20%	23.4%	117%		100%		117%	1.0	Y			
3	70% syarikat mengumumkan EPP Progress Update menandatangani CIP	70%	64.0%	91%		91%		91%	0.5	P			
4	Bilangan pesalah yang dijatuhi hukuman dalam pangkalan data	100	496	496%		100%		496%	1.0	Y			
5	Bilangan saman dikeluarkan berbanding jumlah jam operasi	12	12.41	103%		100%		103%	1.0	Y			
6	Bilangan saman diselesaikan berbanding saman dikeluarkan oleh JPJ	60%	49%	82%		82%		82%	0.5	P			
7	Indeks Persepsi Rasuah TI	4.9	4.3	88%		88%		88%	0.5	P			
8	Tinjauan Global Corruption Barometer	50%	49%	98%		98%		98%	0.5	P			
9	Peratusan percibaraan yang diselesaikan dalam tempoh setahun	70%	58.73%	84%		84%		84%	0.5	P			
10	Peratusan (%) perolehan kerajaan dengan Integrity Pact	80%	77%	96%		96%		96%	0.5	P			
11	Tinjauan persepsi TNS mengenai sejauh mana agensi penguatkuasaan dilihat sebagai terlibat dengan rasuah	3.5	2.9	140%		100%		140%	1.0	Y			
12	Mengeluarkan prosedur yang jelas bagi pelaksanaan Akta Pemberi Maklumat yang berkesan	100%	100%	100%		100%		100%	1.0	Y			
13	Memulakan proses pelaporan bilangan sebenar kes Pemberi Maklumat	100%	100%	100%		100%		100%	1.0	Y			
14	Peratusan penyelesaian aktiviti unit pematuhan	60%	99%	165%		100%		165%	1.0	Y			
Jumlah Markah Komposit				133%		95%			75%	P			

Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011

Kaedah 1 & 2		Kaedah 3		
Pencapaian%	Lampu Isyarat	Pencapaian%	Skor	Lampu Isyarat
90% dan lebih	Hijau 	100% dan lebih	1	(Y) Ya
50% hingga 99%	Kuning 	51% hingga 99%	0.5	(P) Sebahagian
49% dan kurang	Merah 	50% dan kurang	0	(N) Tidak

* Perbezaan antara Kaedah 1 dengan Kaedah 2 ialah sekiranya pencapaian Kaedah 2 > 100%, ia akan ditetapkan pada 100%.

* Membulatkan pencapaian dengan 0.1%-0.4% ke nilai integer yang lebih rendah; membulatkan pencapaian dengan 0.5%-0.9% ke nilai integer yang lebih tinggi.

NKRA : Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3					
No.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar (Dis 2011)	Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)		Lampu Isyarat 3	Bajet 2011 (RM juta)	2011 Perbelanjaan sebenar (Dis 2011; RM juta)	% Perbelanjaan
1	Kadar Numerasi LINUS (Kohort 1)	95%	97.5%	103%		100%		103%	1.0	Y	375.0	265.2	70.7%
2	Kadar Literasi LINUS (Kohort 1)	95%	99%	104%		100%		104%	1.0	Y			
3	Kadar Numerasi LINUS (Kohort 2)	90%	91%	101%		100%		101%	1.0	Y			
4	Kadar Literasi LINUS (Kohort 2)	90%	95%	106%		100%		106%	1.0	Y			
5	Sekolah Berprestasi Tinggi	50	52	104%		100%		104%	1.0	Y			
6	Kadar enrolmen prasekolah	80%	77%	97%		97%		97%	0.5	P			
7	Tawaran Baharu - Guru besar sekolah rendah yang melepasi sasaran	3%	5%	168%		100%		168%	1.0	Y			
8	Tawaran Baharu - Pengetua sekolah menengah yang melepasi sasaran	2%	4%	209%		100%		209%	1.0	Y			
9	Tawaran Baharu -Guru besar sekolah rendah yang tidak mencapai sasaran	8%	1.17%	684%		100%		684%	1.0	Y			
10	Tawaran Baharu -Pengetua sekolah menengah yang tidak mencapai sasaran	10%	10.89%	92%		92%		92%	0.5	P			
11	Program Penambahbaikan Sekolah - Mengurangkan Band 6 & 7	20%	40.3%	201%		100%		201%	1.0	Y			
12	Program Penambahbaikan Sekolah - Menambah Band 1 & 2	8%	21.86%	273%		100%		273%	1.0	Y			
Jumlah Markah Komposit				187%		99%			92%	P			

Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011

Kaedah 1 & 2		Kaedah 3		
Pencapaian%	Lampu Isyarat	Pencapaian%	Skor	Lampu Isyarat
90% dan lebih	Hijau 	100% dan lebih	1	(Y) Ya
50% hingga 99%	Kuning 	51% hingga 99%	0.5	(P) Sebahagian
49% dan kurang	Merah 	50% dan kurang	0	(N) Tidak

* Perbezaan antara Kaedah 1 dengan Kaedah 2 ialah sekiranya pencapaian Kaedah 2 > 100%, ia akan ditetapkan pada 100%.

* Membulatkan pencapaian dengan 0.1%-0.4% ke nilai integer yang lebih rendah; membulatkan pencapaian dengan 0.5%-0.9% ke nilai integer yang lebih tinggi.

NKRA : Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3			Bajet 2011 (RM juta)	2011 Pembayaran sebenar (Dis 2011; RM juta)	% Perbelanjaan
No.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar (Dis 2011)	Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)		Lampu Isyarat 3			
1	Untuk mengesahkan dan mendaftarkan semua pendaftaran terbuka eKasih - Kes tertunggak	100%	96%	96%		96%		96%	0.5	P	506.1	497.4	98.3%
2	Untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin	4,965	4,865	98%		98%		98%	0.5	p			
3	Untuk melatih dan membangunkan usahawan wanita	100%	110%	110%		100%		110%	1.0	Y			
4	Untuk memastikan isi rumah miskin yang berdaftar dengan eKasih menyertai inisiatif 1AZAM	57,793	63,147	109%		100%		109%	1.0	Y			
Jumlah Markah Komposit				103%		98%			75%	P			

Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011

Kaedah 1 & 2		Kaedah 3		
Pencapaian%	Lampu Isyarat	Pencapaian%	Skor	Lampu Isyarat
90% dan lebih	Hijau 	100% dan lebih	1	(Y) Ya
50% hingga 99%	Kuning 	51% hingga 99%	0.5	(P) Sebahagian
49% dan kurang	Merah 	50% dan kurang	0	(N) Tidak

* Perbezaan antara Kaedah 1 dengan Kaedah 2 ialah sekiranya pencapaian Kaedah 2 > 100%, ia akan ditetapkan pada 100%.

* Membulatkan pencapaian dengan 0.1%-0.4% ke nilai integer yang lebih rendah; membulatkan pencapaian dengan 0.5%-0.9% ke nilai integer yang lebih tinggi.

NKRA : Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar

				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3					
No.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar (Dis 2011)	Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)		Lampu Isyarat 3	Bajet 2011 (RM juta)	2011 Perbelanjaan sebenar (Dis 2011; RM juta)	% Perbelanjaan
1	Menyediakan Jalan Raya (km)	905.12	1,013	112%		100%		112%	1.0	Y	6,480.4	6,085.7	93.9%
2	Menyediakan Bekalan Air (bilangan isi rumah)	58,087	73,227	126%		100%		126%	1.0	Y			
3	Menyediakan Bekalan Elektrik (bilangan isi rumah)	26,882	27,004	100%		100%		100%	1.0	Y			
4	Menyediakan Perumahan (bilangan rumah)	9,146	14,365	157%		100%		157%	1.0	Y			
Jumlah Markah Komposit				124%		100%			100%	Y			

Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2011

Kaedah 1 & 2		Kaedah 3		
Pencapaian%	Lampu Isyarat	Pencapaian%	Skor	Lampu Isyarat
90% dan lebih	Hijau 	100% dan lebih	1	(Y) Ya
50% hingga 99%	Kuning 	51% hingga 99%	0.5	(P) Sebahagian
49% dan kurang	Merah 	50% dan kurang	0	(N) Tidak

* Perbezaan antara Kaedah 1 dengan Kaedah 2 ialah sekiranya pencapaian Kaedah 2 > 100%, ia akan ditetapkan pada 100%.

* Membulatkan pencapaian dengan 0.1%-0.4% ke nilai integer yang lebih rendah; membulatkan pencapaian dengan 0.5%-0.9% ke nilai integer yang lebih tinggi.

NKRA : Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3					
No.	NKPI	Sasaran 2011	Sebenar (Dis 2011)	Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)		Lampu Isyarat 3	Bajet 2011 (RM juta)	2011 Perbelanjaan sebenar (Dis 2011; RM juta)	% Perbelanjaan
1	Bahagian kaedah pengangkutan awam	21%	16%	78%		78%		78%	0.5	P	1,386.5	1,328.4	95.8%
2	Peraturan penduduk dalam lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam	70%	67%	96%		96%		96%	0.5	P			
3	Tinjauan kepuasan pelanggan	50%	53%	106%		100%		106%	1.0	Y			
4	Faktor muatan bas waktu puncak	56%	96%	171%		100%		171%	1.0	Y			
5	Faktor muatan KTM Komuter	125%	105%	119%		100%		119%	1.0	Y			
6	Faktor muatan Rapid KL aliran Kelana Jaya	80%	80%	100%		100%		100%	1.0	Y			
7	Bilangan penumpang pengangkutan awam waktu puncak pagi	346,184	321,487	93%		93%		93%	0.5	P			
8	Nisbah purata berwajaran bagi masa perjalanan pengangkutan awam berbanding masa perjalanan persendirian	1.70 : 1	1.49:1	114%		100%		114%	1.0	Y			
9	Keselamatan Jalan Raya (Kematian setiap 10,000 kenderaan)	3.12	3.21	97%		97%		97%	0.5	P			
Jumlah Markah Komposit				108%		96%			78%	P			

Melangkah Menuju 2012

24 bulan yang terakhir

GTP terus merealisasikan kemustahilan, menetapkan sasaran yang besar dan menambah baik proses. GTP juga terus menetapkan parameter baharu bagi kemungkinan, mencabar idea yang konvensional, membingungkan para pengkritika dan membaharui harapan semua rakyat Malaysia. Yang lebih penting, ia membuktikan bahawa apabila kerajaan benar-benar nekad untuk membantu rakyat, tidak ada apa pun yang boleh menjadi mustahil.

Hal yang demikian dibuktikan oleh keputusan yang telah dicapai pada tahun 2010 dan 2011. Bagi kedua-dua tahun tersebut, Program GTP sesungguhnya telah mencatatkan pencapaian yang melebihi dan mengatasi sasaran 100% yang ditetapkan, iaitu lebih 36% bagi tahun 2011 dan 21% bagi tahun 2010. Butiran pemarkahan penuh GTP dan NKRA yang berkaitan masing-masing terdapat di Bahagian Prestasi NKRA dan Perbelanjaan Bajet.

Keputusan ini telah diaudit dan disahkan secara bebas, sekali gus membuktikan betapa berkesannya GTP sebagai pelopor kemajuan dan perubahan kepada negara. Dua tahun terakhir yang dilalui benar-benar merupakan suatu tempoh peningkatan, idea baharu, inovasi, dorongan, kecekalan, pengorbanan dan yang paling penting, kejayaan dan juga bukti pencapaian.

Dengan markah komposit melebihi 100% bagi setiap NKRA dan penjimatan kira-kira RM700 juta dicapai, kerajaan membuktikan bahawa ia mampu mengotakan janji dan serius dalam mengubah jentera pentadbiran menjadi lebih mantap dan efisien. Dengan membolehkan perkongsian pengetahuan dan kerjasama merentas kementerian, dan dalam kebanyakan situasi menghapuskan silo dan birokrasi secara menyeluruh, GTP telah membantu mencorakkan semula rangka minda kakitangan kerajaan dan mencetuskan budaya perkhidmatan awam yang berasaskan keberhasilan dan perkhidmatan.


Yang lebih penting lagi, dengan menjana perubahan bersifat transformasi dan yang sebenar kepada rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat, GTP menunjukkan bahawa ia berada dalam kedudukan yang kukuh sebagai pemangkin untuk memacu Malaysia menghampiri cita-citanya menjadi sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi. Jutaan rakyat Malaysia yang merupakan sasaran matlamat telah dapat merasai manfaat ketara GTP dalam kehidupan mereka. Menerusi penyampaian “pengalaman yang hidup”, program GTP ketara berjaya meyakinkan golongan tegar yang ragu dan sangsi bahawa usaha transformasi yang nyata pada hakikatnya telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih utuh menerusi Bidang Keberhasilan Utama Negara.

Sehingga hari ini, banyak pihak yang menyatakan pandangan bahawa GTP merupakan sebuah program transformasi yang paling komprehensif yang pernah dilaksanakan oleh mana-mana negara. Dengan melibatkan pihak yang berkepentingan di makmal dan hari terbuka sejak dari awal lagi disamping mendapatkan sokongan mereka terhadap inisiatif, hinggalah kepada memberikan pelaporan semua tentang bagaimana inisiatif ini dapat disampaikan, GTP merupakan satu-satunya program transformasi yang benar-benar wujud untuk mencapai apa yang telah ditetapkan untuk dilaksanakan dalam cara yang konsisten.

Melangkah Menuju 2012

“Penting bahawa orang ramai sedar tentang apa yang sedang dilaksanakan di bawah NKRA dan ini perlu dilakukan menerusi interaksi dengan mereka dalam forum. Kementerian saya sedang merancang untuk mengadakan Hari Pelanggan dan juga Hari Terbuka di kementerian saya. Kami akan mengadakan mesyuarat dengan organisasi bukan kerajaan supaya orang ramai sedar tentang inisiatif yang telah dan sedang diwujudkan dan juga apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk mereka.”

- Dato Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan





Melangkah Menuju 2012

Melangkah ke tahun 2012

Sedang GTP melangkah ke tahun 2012, kerajaan akan terus menerapkan kaedah Keberhasilan yang Besar dan Pantas. Penting juga untuk diberikan perhatian bahawa tahun 2012 menandakan berakhirnya Fasa 1 GTP. Sepanjang peringkat perjalanan kita ini, GTP akan terus menyediakan asas yang kukuh untuk perubahan di samping menyampaikan keberhasilan yang besar kepada rakyat dengan pantas. Hakikat bahawa kerajaan sentiasa menetapkan sasaran yang lebih tinggi bagi mencapai kejayaan dan sedang bersiap sedia untuk memperhebat lagi usaha dalam menyampaikan perubahan serta keberhasilan yang dihasratkan, jelas menunjukkan keikhlasan dan komitmen kerajaan untuk mencapai transformasi yang sebenar dan mempersiapkan negara untuk menempuh Fasa 2.

Tahun 2012 menjanjikan harapan kejayaan yang cerah kerana pelbagai usaha yang telah dilaksanakan dalam tempoh dua tahun pertama GTP akan mencapai potensi yang sepenuhnya pada tahun ini. Sebagai contoh, di bawah NKRA Pengangkutan Awam Bandar, tatkala kebanyakan inisiatif telah menghasilkan keputusan yang memberangsangkan, impak keseluruhan usaha berkaitan dengan bahagian kaedah pengangkutan awam dijangka dapat disaksikan pada tahun 2012. Keberhasilan ini dan juga yang seumpamanya, menampilkan premis yang menarik bagi GTP dan NKRA untuk terus mengorak langkah ke hadapan.

Bersiap sedia untuk Fasa 2

Walaupun Fasa 1 akan berakhir pada tahun 2012, kerajaan telah pun bersedia untuk menghadapi Fasa 2. Di bawah Fasa 2, GTP ditetapkan untuk membawa perubahan yang jauh lebih meluas. Aspek penting kehidupan harian (yang ditakrifkan di sini sebagai NKRA dan MKRA) seharusnya telah meningkat dengan ketara. Struktur ekonomi juga seharusnya berkembang, sejajar dengan Model Baru Ekonomi, menjadi sektor yang bernilai tambah lebih tinggi sementara produktiviti kerajaan pula sewajarnya sudah dipertingkatkan dengan lebih baik lagi menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Pasti sekali iktibar dan pengajaran daripada Fasa 1, terutamanya aspek-aspek GTP yang telah terbukti paling berkesan akan terus ketara menonjol dalam Fasa 2. Strategi menggunakan pendekatan yang terperinci dan makro, iaitu perspektif 30,000 kaki dan pelaksanaan tiga kaki merupakan suatu contoh. Pengesanan dan pemantauan NKPI yang berterusan pula merupakan suatu lagi contoh, demikian juga perkaitan ganjaran dengan KPI. Amalan-amalan ini akan menjadi antara amalan terbaik yang akan dibawa bersama ke dalam Fasa 2.

Seandainya kita berhasrat merealisasikan Fasa 2 dalam bentuk yang sama, GTP harus terus berkembang. Idea yang segar dan sasaran yang baharu mesti difikirkan. Selaras dengan maksud ini, kerajaan sudah pun merancang untuk mengadakan siri makmal pada tahun 2012 bagi menentukan hala tuju NKRA Fasa 2. Ini adalah untuk memastikan bahawa NKRA dan Petunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI) adalah sejajar dengan kehendak dan keperluan rakyat yang sentiasa berubah-ubah. Hal yang demikian juga akan menyediakan peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk berkongsi pandangan dalam usaha kita mencipta haluan yang baharu lagi berani untuk negara ini. Tatkala kita menetapkan matlamat kita terhadap aras pencapaian penting yang seterusnya, kita tidak sekali-kali boleh berasa selesa dan tenggelam dalam kejayaan silam. Sebaliknya, kita perlu melangkah lebih jauh, lebih pantas dan lebih mantap.


Melangkah Menuju 2012

Sebagaimana kelaziman, di sebalik kejayaan yang dicapai, transformasi kerap kali berhadapan dengan beberapa tentangan. Masih ada golongan yang lebih sukakan kerajaan kembali kepada cara asal penyampaian perkhidmatan awam. Tetapi hal ini tidak sekali-kali akan berlaku dalam konteks kita melangkah ke hadapan. GTP telah pun mencipta sebuah landskap baharu buat semua dan kita perlu mengekalkan momentum transformasi seandainya kita ingin mengecap kejayaan.

Jalan ke Hadapan

Pencapaian dua tahun yang lalu telah mengilhamkan rasa optimis dan keyakinan dalam diri kita tatkala kita melangkah ke hadapan. Tahun 2012 bakal menyaksikan GTP terus membawakan perubahan transformasi kepada kerajaan dan yang paling utama, rakyat Malaysia.

GTP telah mengorak banyak kemajuan yang ketara sejak ia dilancarkan oleh Perdana Menteri pada tahun 2009. Kerajaan telah jelas membuktikan bahawa GTP, NKRA dan NKPI bukanlah akronim atau ucapan di bibir semata-mata. Sebaliknya, istilah-istilah itu merupakan langkah-langkah jelas yang direka bentuk untuk memastikan bahawa kerajaan terus bekerja untuk berkhidmat dengan lebih baik kepada rakyat. Dalam skala yang lebih besar, GTP sedang menempatkan dirinya sebagai tujahan strategik penting yang akan membantu Malaysia bergerak pantas menuju cita-cita menjadi sebuah negara maju dengan masyarakat yang terdidik dan ekonomi yang berpendapatan tinggi. Sama seperti inisiatif nasional lain yang berusaha untuk meneruskan Rancangan Malaysia ke-10, GTP merupakan tunggak strategik penting dalam pelan induk keseluruhan kerajaan.



Keperluan bekerjasama

Melangkah ke hadapan, terdapat keperluan yang mendesak untuk mempertimbangkan pendekatan terbaik yang perlu diambil berkaitan dengan fasa transformasi negara yang seterusnya. Transformasi merupakan suatu perkara yang sememangnya tidak pernah mudah. Orang ramai perlu terus berganding bahu dengan kerajaan untuk mengiringi penambahbaikan yang diperlukan oleh negara ini memandangkan nasib dan masa hadapan rakyat dan negara adalah saling berkait. Namun, jika kerajaan dan rakyat bersatu padu berusaha untuk kebaikan Malaysia, maka tiada apa yang dapat menghalang kita mencapai apa jua impian yang kita hasratkan bersama.

Rakan-rakan kita di serata dunia sudah pun meninjau untuk mempelajari pengalaman Malaysia. Dalam seminar *Big Results Fast (BFR)* 2011 yang diadakan baru-baru ini, lebih 50 perwakilan dari 14 buah negara datang untuk mempelajari kaedah transformasi Malaysia. Perwakilan antarabangsa dari negara yang maju dan membangun memuji Malaysia, mengiktiraf keberkesanan GTP dan ETP dalam menghasilkan keberhasilan yang pantas.

Masa depan yang cerah, potensi yang besar

Masa depan adalah cerah dan penuh dengan potensi buat Malaysia. Masanya telah tiba bagi rakyat Malaysia untuk berdiri dengan bangga dan menyerlahkan lagi potensi ini. GTP telah membuktikan bahawa kita boleh mencapai hampir apa sahaja yang kita hasratkan meskipun kita mencipta haluan kita sendiri. Daripada menjejaki orang lain, kita mampu mencapai matlamat kita dengan cara Malaysia sendiri. Sebagai sebuah negara 1Malaysia yang bersatu padu, kita perlu memanfaatkan kepercayaan dan keyakinan bersama untuk menjayakan potensi kita dan menjadikan Wawasan 2020 sebuah realiti. Sebagai rakyat, kita bertanggungjawab memberikan sumbangan masing-masing dalam memastikan negara terus mencipta pencapaian dan kejayaan yang besar.

Tahun yang akan datang ini amat dinanti-nantikan oleh kerajaan dengan penuh keyakinan dan sehubungan dengan itu, kita menyeru sekalian rakyat Malaysia untuk bersama-sama berganding bahu memacu perubahan transformasi negara kita yang amat penting ini.

Peristiwa Penting GTP 2011

JANUARI

1 Jan 2011

Pelancaran Insurans 1AZAM yang memberikan manfaat kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah



24 & 26 Jan 2011
Penilaian Akhir Tahun 2010 Perdana Menteri-Menteri bagi semua Menteri Kabinet

FEBRUARI

11 Feb 2011

924 guru besar sekolah rendah menerima anugerah Tawaran Baru

17 Feb 2011

23 buah sekolah diumumkan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)



27 Feb 2011

Pengenalan sistem tiket bas baharu RapidKL

MAC

1 Mac 2011

Pembukaan Terminal Bersepadu Selatan

7 Mac 2011

Pelancaran Kempen Membanteras Rasuah



31 Mac 2011

Pelancaran Ikrar Integriti Korporat



OGOS

15 & 16 Ogos 2011

Penilaian Separuh Penggal Perdana Menteri - Menteri bagi semua Menteri Kabinet



17 Ogos 2011

Sejumlah 20,324 buah rumah Program Bantuan Rumah (PBR) telah siap dibina

SEPTEMBER

13 Sep 2011

Pelancaran Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan PDRM di Selangor



13 Sep 2011

92 guru besar sekolah menengah menerima anugerah Tawaran Baru

27 Sep 2011

Pemasangan Touch & Go di Stesen Express Rail Link (ERL)

OKTOBER

3 Okt 2011

Penyempurnaan pembinaan jalan raya baharu di Kota Samarahan, Sarawak cetus harapan kepada penduduk luar bandar

17 Okt 2011

Pelancaran Program Bandar Selamat (SCP) TTDI



Peristiwa Penting GTP 2011

APRIL

9 Apr 2011
Pelancaran Prasekolah SeDidik untuk menggalakkan pendidikan awal kanak-kanak

16 Apr 2011
Pembukaan Stesen Pudu Sentral baharu yang dibaik pulih



30 Apr 2011
Integrasi Aliran Stesen Masjid Jamek disempurnakan

MEI

25 Mei 2011
Pengumuman sembilan lagi Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)



JUN

1 Jun 2011
Garis panduan ganjaran dan pengiktirafan diluluskan untuk memberikan ganjaran kepada kakitangan awam yang melaporkan kes rasuah



NOVEMBER

14 Nov 2011
5,000 buah rumah penduduk kampung Pulau Sebatik menerima bekalan tenaga elektrik

28 Nov 2011
Sistem tiket bersepadu bagi Kutipan Tambang Automatik (AFC) RapidKL mula dilaksanakan di aliran LRT Kelana Jaya dan Ampang

DISEMBER

4 Dis 2011
22 projek retikulasi air siap dinaik taraf di Melaka

14 Dis 2011
Pelaksanaan Program Bandar Selamat (SCP) oleh 151 majlis perbandaran di seluruh Malaysia



31 Dis 2011
Hentian Akhir Bandar (HAB) di Dayabumi siap dibina

31 Dis 2011
Lebih 63,000 isi rumah miskin menyertai program 1AZAM



31 Dis 2011
100% verifikasi eKasih selesai

Glosari

Akronim Nama Penuh

A

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AUP	Prosedur yang Dipersetujui
AADK	Agensi Anti-Dadah Kebangsaan
AGC	Jabatan Peguam Negara
1AZAM	Akhiri Zaman Miskin
AFC	Kutipan Tambang Automatik
ATP	Perlindungan Tren Automatik
ASEAN	Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara

B

BET	Bus Expressway Transit
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia
BB1M	Bantuan Buku 1Malaysia
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
BLT	Jadual Liga Balai (Balai League Table)
BPI	Indeks Pembayar Rasuah
BFR	Keberhasilan Besar yang Pantas (Big Fast Results)
BPH	Bahagian Pengurusan Hartanah

C

CSRM	Mesin Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan
CSR	Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan
CIP	Ikrar Integriti Korporat
COL	Kos Sara Hidup
CPI	Indeks Harga Pengguna
CCTV	Kamera Litar Tertutup

CPO	Ketua Polis Negeri
CCSC	Pusat Perkhidmatan Pulih dan Prihatin
CPI	Indeks Persepsi Rasuah
CSI	Pelaburan Sosial Korporat
CPC	Sijil Perakuan Siap Kerja
CF	Sijil Layak Menduduki
CCI	Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur
CBD	Pusat Bandar
COMBI	Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku

D

DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kuala Lumpur City Hall)
DTF	Pasukan Petugas Pelaksanaan (Delivery Task Force)
DIG	Timbalan Ketua Polis Negara
DMO	Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (Delivery Management Office)
DoS	Jabatan Statistik

E

ETP	Program Transformasi Ekonomi
EIU	Economist Intelligence Unit
EPU	Unit Perancang Ekonomi
EPP	Projek Permulaan (Entry Point Project)
ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak

F

FMCG	Barangan pengguna laris (Fast-Moving Consumer Goods)
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority)
FDI	Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment)

G

GTP	Program Transformasi Kerajaan
GPI	Indeks Keamanan Global
GNI	Pendapatan Negara Kasar (Gross National Income)
GCR	Laporan Daya Saing Global (Global Competitiveness Report)
GIS	Sistem Maklumat Geografi (Geographical information system)
GCB	Barometer Rasuah Global (Global Corruption Barometer)

Glosari

H

HPS	Sekolah Berprestasi Tinggi
HDR 2011	Laporan Pembangunan Manusia 2011
HDPE	Polietilena Berketumpatan Tinggi (High-density polyethylene)
HAB	Hentian Akhir Bandar

I

IPR	Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa (International Performance Review)
IRB	Lembaga Hasil Dalam Negeri (Inland Revenue Board)
IO	Pegawai Penyiasat
IGP	Ketua Polis Negara
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (Implementation Coordination Unit)
ITT BTS	Terminal Bersepadu Selatan - Bandar Tasik Selatan (TBS - BTS)
IIM	Institut Integriti Malaysia

J

JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (Malaysian Civil Defence Department)
JPAM	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (Public Service Department of Malaysia)
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti School Inspectorate of Malaysia
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

K

KSN	Ketua Setiausaha Negara
KR1M	Kedai Rakyat 1Malaysia
KAR1SMA	Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KWPKB	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
KBS	Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KeTTHA	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KEJORA	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah

L

LINUS	Saringan Literasi dan Numerasi (Literacy and Numeracy Screening)
LIH	Isi Rumah Berpendapatan Rendah
LPG	Gas Petroleum Cecair
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
LRT	Transit Aliran Ringan (Light Rapid Transit)

M

MKRA	Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (Ministerial Key Result Area)
MACC	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM
MKPI	Penunjuk Prestasi Utama Kementerian
MoF	Kementerian Kewangan
MDTCC	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
MoA	Kementerian Pertanian
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MoH	Kementerian Kesihatan
MOT	Kementerian Pengangkutan
MPIC	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
MOHA	Kementerian Dalam Negeri
MOICC	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
MCAD	Peranti Akses Berkomputer Mudah Alih
MRT	Transit Aliran Massa
MRR2	Lebuhraya Lingkaran Tengah 2
MCPF	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM)
MAMPU	Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MACA	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (Malaysian Anti-Corruption Academy)
MRCB	Malaysian Resources Corporation Berhad

N

NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Area)
NEM	Model Baru Ekonomi (New Economic Model)
NKPI	Penunjuk Prestasi Utama Negara (National Key Performance Indicator)
NPCS	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (National Pre-school Curriculum Standard)

Glosari

NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (National Union of the Teaching Profession)
NBTS	Sistem Tiket Bas Baharu
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NPE	New Pantai Expressway

O

OCPDs	Ketua Polis Daerah (Officer-in-Charge of Police District)
-------	---

P

PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan
PwC	PricewaterhouseCoopers Malaysia
PPP	Pariti Kuasa Beli (Purchasing Power Parity)
PR1MA	Projek Rumah 1Malaysia
PIAM	Persatuan Insurans Am Malaysia
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PVR	Sukarelawan Polis
PGA	Pasukan Gerak Am
PUSPEN	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik
PISA	Program Penilaian Pelajar Antarabangsa
PPP	Kerjasama Awam Swasta
PSM	Mesyuarat Penyelesaian Masalah

R

RELA	Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
RTD	Jabatan Pengangkutan Jalan
RBI	Infrastruktur Asas Luar Bandar (Rural Basic Infrastructure)
RTC	Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre)
RoS	Pendaftar Pertubuhan Malaysia
JKJR	Jabatan Keselamatan Jalan Raya
RTM	Radio Televisyen Malaysia
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah

S

SCP	Program Bandar Selamat (Safe City Programme)
SMPK	Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan
SEAS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (School Examination Analysis System)
SPNB	Syarikat Perumahan Negara Berhad
SRS	Skim Rondaan Sukarela

SCMS	Sistem Pemantauan Bandar Selamat (Safe City Monitoring System)
SME	Perusahaan Kecil dan Sederhana
SMPK	Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan
SIP	Program Pembangunan Prestasi Sekolah (School Improvement Programme)
SIT	Alat Penambahbaikan Sekolah (School Improvement Toolkit)
UPEN Sabah	Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah
SPU Sarawak	Jabatan Perancang Negeri Sarawak (Sarawak State Planning Unit)
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Land Public Transport Commission, LPTC)
SAIDI	Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (System Average Interruption Duration Index)
SPRINT	Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd

T

10MP	Rancangan Malaysia Kesepuluh
TUKAR	Transformasi untuk Kedai Runcit
TI	Transparency International
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TI-M	Transparency International Malaysia

U

UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation Development Programme)
UPT	Pengangkutan Awam Bandar
UKAS	Unit Kerjasama Awam-Swasta

V

VPS	Skim Rondaan Sukarela (Voluntary Patrol Scheme)
VTREC	Majlis Pengurangan Pencurian Kenderaan Malaysia (Vehicle Theft Reduction Council of Malaysia)

W

WJP	Projek Keadilan Dunia (World Justice Project)
WEF	Forum Ekonomi Dunia
WCP	Kepolisian Bertaraf Dunia

Penghargaan

Kejayaan GTP pada tahun kedua pelaksanaannya berjaya direalisasikan menerusi usaha bersama, sokongan dan komitmen pelbagai entiti awam dan swasta dan juga individu.

Dalam mengiktiraf usaha mereka, Kerajaan Malaysia ingin merakamkan penghargaan yang setulusnya kepada pelbagai agensi yang telah mengambil bahagian dan juga orang perseorangan, yang menerusi keupayaan dan kepakaran mereka yang khusus, telah menyumbang kepada momentum hebat yang diraih pada tahun 2011.

Meskipun boleh dikatakan mustahil untuk menyediakan satu senarai yang menyeluruh bagi setiap entiti yang telah mengambil bahagian, namun kerajaan berhasrat untuk menzahirkan nama-nama sebahagian besar agensi, organisasi dan entiti lain yang telah memainkan peranan yang penting dalam pelbagai NKRA, MKRA dan inisiatif GTP secara keseluruhan.

NKRA MENANGANI KOS SARA HIDUP

Kementerian Dalam Negeri
 Kementerian Kesihatan
 Kementerian Kewangan
 Kementerian Pelajaran
 Kementerian Pengajian Tinggi
 Kementerian Pengangkutan
 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
 Kementerian Pertanian
 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
 Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

NKRA MENGURANGKAN JENAYAH

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
 Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri
 Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)
 Jabatan Peguam Negara
 Jabatan Penjara Malaysia
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi (JPNIN), Jabatan Perdana Menteri
 Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)
 Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
 Kementerian Dalam Negeri (KDN)
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB)
 Pejabat Ketua Hakim, Mahkamah Persekutuan Malaysia
 Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia
 Polis Diraja Malaysia (PDRM)
 Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
 Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)

NKRA MEMBANTERAS RASUAH

Agensi Berita Nasional Malaysia (Bernama)
 Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
 Astro Awani
 Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri
 Bank Negara Malaysia
 Bernama TV
 Bursa Malaysia Berhad
 Institut Integriti Malaysia (IIM)
 Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
 Jabatan Audit Negara
 Jabatan Imigresen Malaysia
 Jabatan Kastam Diraja Malaysia
 Jabatan Kerajaan Tempatan
 Jabatan Kerja Raya
 Jabatan Peguam Negara
 Jabatan Penerangan Malaysia
 Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)
 Jabatan Perkhidmatan Awam
 Kementerian Dalam Negeri
 Kementerian Kerja Raya
 Kementerian Kewangan
 Kementerian Luar Negeri
 Kementerian Pelancongan
 Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan
 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 Majlis Keselamatan Negara
 Media Prima
 Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia
 Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS)
 Polis Diraja Malaysia (PDRM)
 Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP)
 Radio Television Malaysia (RTM)
 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Penghargaan

NKRA MEMBANTERAS RASUAH (sambungan)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
 Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia
 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
 Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 Transparency International, Malaysia
 Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS)
 Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
 Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri

NKRA MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi (JPNIN)
 Kementerian Kesihatan
 Majlis Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE)
 Pejabat Pelajaran Daerah
 Pejabat Pelajaran Negeri
 Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri Kementerian Pelajaran

NKRA MEMPERTINGKATKAN TARAF HIDUP ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
 Kementerian Kesihatan
 Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah
 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
 Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sabah
 Kementerian Sumber Manusia
 Pejabat Pembangunan Negeri Sabah
 Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak
 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
 PETRONAS
 Pos Malaysia
 Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)
 Talian Nur 15999
 Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
 Unit Perancang Negeri Sarawak

NKRA MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR

FELCRA Berhad
 Jabatan Air Negeri, Sabah
 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
 Jabatan Kerja Raya, Malaysia
 Jabatan Kerja Raya, Sabah
 Jabatan Kerja Raya, Sarawak

NKRA MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR (sambungan)

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah
 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak
 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
 Kementerian Kemudahan Awam, Sarawak
 Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah
 Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sarawak
 Kerajaan Negeri Sabah
 Kerajaan Negeri Sarawak
 Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
 Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
 Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
 Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
 Majlis Amanah Rakyat
 Pejabat Timbalan Ketua Menteri, Sarawak
 Perbadanan Labuan
 Perbendaharaan Malaysia
 Pihak Berkuasa Air Negeri, Sarawak
 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
 Sabah Electricity Sdn Bhd
 SESCO Berhad
 Tenaga Nasional Berhad
 Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Perancang Ekonomi Negeri, Sabah

NKRA MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri
 Besraya (M) Sdn Bhd (BESRAYA)
 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
 Dewan Bandaraya Shah Alam (MBSA)
 Express Rail Link Sdn Bhd
 Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
 Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR)
 Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)
 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Selangor
 Jabatan Perangkutan Malaysia (DOS)
 Kementerian Wilayah Persekutuan Kesejahteraan Bandar (KWPKB)
 Kementerian Kerja Raya (KKR)
 Kementerian Kewangan (MOF)
 Kementerian Pengangkutan (MOT)
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
 Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)
 Kesas Sdn. Bhd. (KESAS)
 Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn Bhd (DUKE)
 Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
 Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd (LITRANS)
 Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
 Majlis Perbandaran Kajang (MPK)
 Majlis Perbandaran Kelang (MPKJ)
 Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
 Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)

Penghargaan

NKRA MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR (sambungan)

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
 Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)
 New Pantai Expressway (NPE)
 Perbadanan Aset Keretapi (MPK)
 PLUS Expressway Berhad (PLUS)
 Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (AKLEH & GCE)
 Sistem Lingkaran - Lebuhraya Kajang Sdn Bhd (SILK Highway) Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd (SPRINT)
 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
 Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)
 Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
 Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Perancang ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Selangor

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA KEMENTERIAN (MKRA)

Jabatan Perdana Menteri
 Kementerian Belia dan Sukan
 Kementerian Dalam Negeri
 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
 Kementerian Kerja Raya
 Kementerian Kesihatan
 Kementerian Kewangan
 Kementerian Luar Negeri
 Kementerian Pelajaran
 Kementerian Pelancongan
 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
 Kementerian Pengajian Tinggi
 Kementerian Pengangkutan
 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
 Kementerian Pertahanan
 Kementerian Pertanian dan Asas Tani
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 Kementerian Perusahaan Perlindungan dan Komoditi
 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
 Kementerian Sumber Manusia
 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Terima kasih yang setulusnya juga ditujukan kepada Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd dan organisasi/individu lain atas ihsan penggunaan gambar-gambar mereka.

© Hak cipta Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke sebarang bentuk atau alat sekalipun, sama ada secara elektronik, gambar serta rakaman, salinan foto atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu empunya hakcipta.

Penafian: Setiap langkah yang perlu telah diambil semasa penyediaan dokumen ini. Namun, PEMANDU tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kesilapan. Semua maklumat dan spesifikasi bersifat semasa ketika penyediaan dan tertakluk kepada perubahan bila mana perlu.

**UNIT PENGURUSAN PRESTASI
DAN PELAKSANAAN (PEMANDU)**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok Timur,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502, Putrajaya

Tel : +603 8872 7240
Fax : +603 8889 4428